



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2008



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 NEGERI SARAWAK

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
TAHUN 2008**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTI SARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I : AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	3
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak <i>Pengurusan Tuggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak</i>	3
Kementerian Kemudahan Awam Negeri Sarawak <i>Pengurusan Kualiti Air Minum</i>	32
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak <i>Service Level Agreement SIFBAS</i>	58
Jabatan Hutan Sarawak <i>Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar</i>	68
Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak <i>Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)</i>	92
Jabatan Pertanian Negeri Sarawak <i>Program Pembangunan Industri Buah-Buahan</i>	118
Jabatan Tanah Dan Survei Negeri Sarawak <i>Pengurusan Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya</i>	138
Yayasan Sarawak <i>Pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer</i>	158
BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	185
<i>Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.</i>	185
BAHAGIAN III : PERKARA AM	
Pendahuluan	211
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara	211

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agenzi	219
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	219
PENUTUP	223



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2008 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di sembilan buah Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak, Kementerian Kemudahan Awam, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Yayasan Sarawak dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. Program/Aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Tuggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak, Pengurusan Kualiti Air Minum, *Service Level Agreement*, Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya kepada Alam Sekitar, Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA), Program Pembangunan Industri Buah-buahan, Pengurusan Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya, Sistem Pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer Yayasan Sarawak dan Pengurusan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan; spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi; tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti yang dilaksanakan oleh lapan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak pada tahun 2008 menunjukkan beberapa kelemahan seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya bagi tahun 2007 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan usaha penambahbaikan bagi meningkatkan akauntabiliti dan integriti di sektor awam.
5. Pada pandangan saya, pencapaian pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat menambah baik komunikasi dan koordinasi (*communication and coordination*) serta menghayati dan mengamalkan lima perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** seperti berikut:
 - a) **DUE DILIGENCE** – Setiap penjawat awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional untuk mewujudkan sistem penyampaian awam yang cemerlang.
 - b) **ACHIEVEMENT** - Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, menggunakan kaedah *Key Performance Indicators* (KPI), tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
 - c) **MONITORING** - Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
 - d) **ATTITUDE** - Setiap penjawat awam perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
 - e) **INTEREST** - Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi/Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Julai 2009



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak - *Pengurusan Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak*

Tunggakan hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak bagi tahun 2006 hingga 2008 menunjukkan trend yang meningkat. Pada tahun 2006, jumlah tunggakan telah meningkat daripada RM71.82 juta menjadi RM74.23 juta pada tahun 2007 dan terus meningkat menjadi RM78.95 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2008, tunggakan hasil cukai taksiran merupakan 92.9% daripada jumlah keseluruhan tunggakan hasil. Ini pasti menjelaskan keberkesanan prestasi PBT bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Jumlah tunggakan hasil yang dikutip balik bagi tempoh tiga tahun tersebut ialah RM43.88 juta atau purata kutipan 14.8% sehingga 22% sahaja berbanding baki tunggakan. Pada tahun 2006 hingga 2008, PBT mengalami defisit berjumlah RM141.39 juta dan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk menampung kos operasi.

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan tunggakan hasil PBT belum mencapai tahap yang memuaskan. PBT lewat atau tidak mengambil tindakan terhadap pemegang yang mempunyai tunggakan sehingga ada yang berlarutan sehingga tempoh 43 tahun. PBT juga tidak mengambil tindakan menghapus kira hutang lapuk dengan sewajarnya serta tidak membuat pengesahan supaya maklumat pemegang boleh dikemas kini. Selain itu, maklumat yang diselenggara di pangkalan data tidak tepat, tidak lengkap serta tidak kemas kini. *Post Implementation Review* juga tidak pernah dilakukan sejak sistem *Smart 2000* digunakan pada tahun 2004. Kawalan Am serta Aplikasi perlu dimantapkan lagi. Kawal selia di peringkat Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam terhadap PBT dalam urusan tunggakan hasil juga perlu dipertingkatkan.

2. Kementerian Kemudahan Awam - *Pengurusan Kualiti Air Minum*

Pembekalan air di Negeri Sarawak diuruskan oleh Agensi Bekalan Air, syarikat milik penuh Kerajaan dan Jabatan Kerja Raya. Kawal selia dijalankan oleh Kementerian Kemudahan Awam dan pemantauan kualiti air dijalankan oleh Agensi Bekalan Air, Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk menjaga sumber air, Kerajaan Negeri Sarawak telah mewartakan sebanyak 29 kawasan sebagai kawasan tадahan, manakala 73 kawasan lagi belum diwartakan. Kawasan yang tidak diwartakan terdedah kepada penceroboh dan menyukarkan keberkesanan penguatkuasaan. Sumber air adalah dari air sungai yang mana tiga daripada sungai berkenaan telah dikelaskan sebagai separuh tercemar iaitu Sungai Rajang, Sungai Mukah dan Sungai Baram. Agensi Bekalan Air telah membelanjakan sejumlah RM151.83 juta dari tahun 2006 hingga 2008 untuk merawat air yang dibekalkan kepada pengguna. Secara keseluruhannya, pengurusan kualiti air minum di

Negeri Sarawak oleh Agensi Pembekalan Air adalah memuaskan tetapi kurang memuaskan bagi stesen loji JKR. Peralatan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk menguji kualiti air dan perjawatan yang mencukupi terutama jawatan Pegawai Sains/Ahli Kimia perlu diwujudkan di beberapa Agensi Bekalan Air. Kaktangan terlatih dan berkelayakan hendaklah disediakan di stesen loji air JKR, peralatan di stesen pensampelan hendaklah mengikut piawaian yang ditetapkan manakala piawaian untuk penyerahan paip dari pemaju ke Agensi Bekalan Air perlu diseragamkan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah menjalankan ujian dan secara berkala mengambil sampel air mengikut protokol yang ditetapkan agar ujian untuk memastikan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna adalah mengikut piawaian yang ditetapkan dan selamat untuk diminum.

3. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak - Service Level Agreement (SIFBAS)

State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System (SIFBAS) merupakan satu aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sejak tahun 2001. SIFBAS dibangunkan bagi mewujudkan satu sistem perakaunan berkomputer yang menyediakan sistem kewangan, belanjawan dan perakaunan yang bersepadu di Agensi Kerajaan Negeri. Ianya mengandungi empat komponen utama yang terdiri daripada kewangan, belanjawan, perakaunan dan aplikasi luaran dan dirancang untuk dibangunkan dalam tahun 2001 hingga 2010 melalui enam fasa. Pihak Kerajaan Negeri Sarawak melalui Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) telah menandatangani perjanjian *Service Level Agreement* (SLA) yang pertama dengan pihak SAINS bagi *Application Hosting Service* untuk SIFBAS pada awal bulan Januari 2004 untuk tempoh tiga tahun berjumlah RM1.35 juta setahun dan diperbaharui dan ditandatangani pada awal Januari 2008 untuk tempoh tiga tahun mulai awal Januari 2007 hingga akhir Disember 2009 berjumlah RM1.21 juta setahun.

Secara keseluruhannya didapati bahawa pengurusan SLA adalah kurang memuaskan. Dokumen Perjanjian SLA SIFBAS untuk tahun 2007 telah lewat ditandatangani selama setahun sehingga bayaran perkhidmatan yang diberikan dalam tahun 2007 telah dibuat pada awal Januari 2008 secara sekali gus kepada SAINS berjumlah RM1.26 juta. Selain itu, pangkalan data pengguna dan sistem dibangunkan tidak berupaya menghasilkan Laporan Akses Pengguna secara berkala yang boleh diserahkan oleh setiap Pusat Tanggungjawab sebelum tuntutan dibuat. Tiada mekanisme khusus untuk memantau *Response Time* mengakibatkan tiada bayaran ganti rugi boleh dituntut oleh Kerajaan. Capaian Akses Sistem tidak dikawal dan pengguna tidak dilatih secara berterusan dan menghadapi masalah.

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan SLA SIFBAS, adalah disyorkan supaya pembaharuan perjanjian SLA dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan kontrak, pangkalan data pengguna perlu dibangunkan supaya dapat menghasilkan Laporan Akses Pengguna secara berkala serta mempunyai mekanisme yang khusus untuk memantau pemulihan dan pembaikan yang melebihi *Response Time* supaya bayaran ganti rugi boleh dituntut oleh Kerajaan.

4. Jabatan Hutan Sarawak - Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

Sarawak mempunyai keluasan 12.44 juta hektar di mana seluas 9.78 juta hektar atau 78.62% adalah kawasan hutan iaitu Hutan Simpanan Kekal (HSK) seluas 4.60 juta hektar (36.98%), Hutan Lindungan Sepenuhnya (HLS) seluas 0.88 juta hektar (7.07%), Hutan Tanah Negeri seluas 4.30 juta hektar (34.57%) dan lain-lain kegunaan tanah seluas 2.66 juta hektar (21.38%). Matlamat pengurusan hutan mampan adalah bagi memastikan pengeluaran hasil hutan terus berkekalan (*Sustainable Forest Management - SFM*) tanpa menjelaskan kepentingan alam sekitar. Fungsi hutan adalah untuk menjamin keseimbangan iklim, kelembapan tanah, habitat semula jadi flora dan fauna, alam sekitar serta sumber hasil kepada negara serta membekalkan oksigen.

Pengauditan yang dijalankan mendapati pemantauan dan penguatkuasaan oleh Perbadanan Perhutanan Sarawak tidak berkesan dan berlakunya pelanggaran syarat pelesenan seperti pencerobohan kawasan ketinggian melebihi 35° dan zon penampang sungai dan ini menyumbang kepada hakisan tanah dan tebingan sungai dan akibatnya kualiti air sungai merosot. Selain itu, kawasan HSK seluas 0.96 juta hektar yang dimansuhkan belum digantikan, kawasan HLS seluas 0.45 juta hektar belum diwartakan manakala ketiadaan peruntukan khusus dalam Ordinan Perhutanan Negeri 1954 bagi mewajibkan Laporan EIA disediakan oleh pelesen dan Catuan Tebangan Tahunan seluas 170,000 hektar tidak dipatuhi.

5. Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak - Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)

Pada tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Program ini adalah bagi memastikan semua kanak-kanak Islam di negara ini yang berumur antara enam hingga 12 tahun dapat membaca Al-Quran dengan baik dan betul serta mempelajari dan mengamalkan perkara asas yang fardu kepada orang Islam. Bagi tahun 2006 hingga 2008, JAIS telah menerima sejumlah RM36.38 juta peruntukan daripada JAKIM Pusat bagi membayar elaun penyelia dan guru serta membayai program atau aktiviti yang dilulus oleh JAKIM. Bagaimanapun, pelaksanaan program KAFA di Sarawak tidak menyeluruh kerana tidak melibatkan murid Tahun Satu dan Tahun Enam dan juga tidak diwajibkan ke atas semua murid Islam. Setakat tahun 2008, hanya sebanyak 440 atau 34.9% daripada 1,262 sekolah kebangsaan di Sarawak telah mendaftar untuk kelas KAFA dengan bilangan Penyelia seramai 12 orang, guru KAFA seramai 2,059 dan 50,189 murid. Penyelia juga tidak dapat membuat seliaan terhadap semua guru memandangkan nisbah Penyelia berbanding guru KAFA tidak seimbang dan juga elaun perjalanan yang terhad. Bagaimanapun, bangunan dan kemudahan asas bagi melaksanakan aktiviti KAFA adalah memuaskan kerana menggunakan bangunan dan kemudahan asas sekolah yang terlibat. Secara keseluruhannya pelaksanaan program KAFA di Sarawak adalah tidak memuaskan dengan mengambil kira peruntukan kewangan,

bilangan penyelia dan guru KAFA serta kuota kelas yang terhad berbanding dengan keluasan negeri Sarawak.

6. Jabatan Pertanian Sarawak - *Program Pembangunan Industri Buah-buahan*

Program Pembangunan Industri Buah-buahan (program) diperkenalkan dalam RMKe-3 (1976 - 1980) oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan tropika segar serta menyokong kegiatan pemprosesan buah-buahan dan nilai tambah bagi memenuhi permintaan dari pasaran tempatan dan luar negeri selain meningkatkan pendapatan petani antara RM14,000 hingga RM20,000 setahun daripada sehektar tanaman. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya, Program Pembangunan Industri Buah-buahan tidak mencapai objektif yang dirancang.

Program ini dibahagikan kepada lapan komponen utama. Bagaimanapun hanya tiga komponen yang berjaya dilaksanakan iaitu Tanaman Berkelompok, Pengusaha Kebun Buah-buahan dan Pemulihan Dusun Buah. Untuk komponen Pusat Pengumpulan Buah hanya satu pusat dibangunkan berbanding dengan empat yang dirancang. Skim Pengeluaran Nenas pula dibekukan pada tahun 2008. Khidmat Sokongan Industri Buah-buahan dari segi kursus teknikal berkaitan dengan buah-buahan tidak diadakan, manakala kumpulan sasaran dan kaedah pelaksanaan aktiviti Plot Demonstrasi tidak ditetapkan. Komponen Mini Estet dan Pusat Penggredan Dan Pembungkusan belum dilaksanakan lagi. Tiada rekod menunjukkan Jabatan ada menjalankan kajian kesesuaian tanah untuk komponen yang dilaksanakan.

Statistik pendapatan petani tidak dapat ditentukan kerana Jabatan tidak mengumpul data untuk pengukuran pencapaian sasaran program. Baki peruntukan Sistem Perolehan Input Pertanian (SPIP) sejumlah RM2.70 juta untuk perolehan input bagi tahun 2006 hingga 2008 masih belum dibelanjakan. Sehubungan itu, kelewatan pengagihan input pertanian telah menyebabkan petani tidak dapat membaja dan meracun mengikut jadual yang ditetapkan. Seterusnya tiada norma kerja yang standard dikeluarkan oleh Ibu Pejabat kepada pegawai untuk menguruskan bilangan petani bagi setiap seorang pegawai.

7. Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTS) - *Pengurusan Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya*

Sarawak mempunyai 12.44 juta hektar tanah di mana 2.48 juta hektar adalah Tanah Zon Campuran (*Mixed Zone Land*), 0.92 juta hektar Tanah Kawasan Bumiputera (*Native Area Land*) dan 9.04 juta hektar adalah Tanah Kawasan Pedalaman (*Interior Area Land*). Mengikut Bab 4 Kanun Tanah Sarawak 1958 (KTS), Kerajaan Negeri melalui JTS boleh mengambil balik tanah milik orang perseorangan atau syarikat bagi maksud awam dan kepentingan pembangunan ekonomi seperti perlombongan, perumahan, pertanian, perniagaan dan perusahaan dengan harga berpatutan atau harga pasaran. Objektif JTS ialah mentadbir tanah supaya dapat digunakan secara cekap dan berkesan menurut undang-undang dan peraturan yang sedia ada serta mengurus pengambilan balik tanah.

Bagi melaksanakan kehendak KTS 1958, dua kaedah digunakan iaitu JTS membeli terus daripada pemilik tanah dan melalui proses pengambilan balik tanah. Pengambilan balik tanah melibatkan sejumlah kos yang perlu dibayar iaitu berupa bayaran pampasan, kos survei dan caj perkhidmatan.

Pengauditan yang telah dijalankan mendapati kurangnya penguatkuasaan menyebabkan 32 pertapakan dibangunkan tidak mengikut syarat pemberian hak milik yang melibatkan denda dianggarkan sejumlah RM2.02 juta, tapak penempatan semula penduduk untuk Projek Air Empangan Bengoh didapati tidak sesuai manakala lapan projek yang mendapat kelulusan terus dari Majlis Perancangan Negeri tidak dilaksanakan dengan segera. Selain itu, tempoh masa Notis Niat pengambilan balik tanah tidak ditetapkan melibatkan 76 notis dengan keluasan 123,544 hektar dan 13,287 lot tanah, premium tanah belum dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan melibatkan 63 kes sejumlah RM65.54 juta dan 88.4% daripada tunggakan adalah untuk projek Lapangan Terbang Mulu sejumlah RM57.95 juta, serta cukai tanah belum dijelaskan sehingga akhir Disember tahun 2008 sejumlah RM13.54 juta.

8. Yayasan Sarawak - Pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer

Objektif utama Yayasan Sarawak ditubuhkan adalah bagi memajukan bidang pelajaran dan sosial. Yayasan Sarawak berperanan meningkatkan peluang pelajaran kepada penduduk Negeri Sarawak di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Luar Negara dengan memberi bantuan kewangan seperti pinjaman dan biasiswa pinjaman. Selaras dengan Klausula 3(a) *The Sarawak Foundation (Amendment) Ordinance, 1992*. Pinjaman Pelajaran diuruskan oleh Tabung Yayasan Sarawak mengikut Klausula 4, Ordinan Yayasan Sarawak, 1971.

Pengauditan terhadap pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer Yayasan Sarawak mendapati pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Penemuan Audit mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman semakin meningkat menjadi RM31.07 juta pada akhir tahun 2008. Mekanisme pemantauan terhadap bayaran balik pinjaman adalah kurang berkesan dan ini memberi kesan terhadap dana Yayasan. Kadar dan tempoh bayaran balik pinjaman tidak mempunyai asas yang konsisten bagi skim pinjaman dan peringkat pengajian yang sama. Pelan pemberian insentif bayaran balik pinjaman juga tidak dilaksanakan sepenuhnya dan sebanyak 54 akaun peminjam sejumlah RM47,977 mempunyai baki negatif. Juga didapati kesahihan dan integriti data boleh dipertikaikan kerana kawalan aplikasi kurang memuaskan. Antara lainnya sejumlah RM69.27 juta pinjaman yang diluluskan bagi tahun 1973 hingga 2008 tidak diproses dalam sistem, tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM29.80 juta yang melebihi 120 hari tidak dibuat analisis pengumuran (*ageing analysis*) dan wujud perbezaan sejumlah RM247,599 antara rekod sistem dengan Lejar Am. Syarat perjanjian pinjaman juga tidak dipatuhi sepenuhnya.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. *Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.*

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 1992. Aktiviti utama Syarikat ini ialah pembangunan harta tanah, pengurusan projek dan pembiaya pinjaman. Setakat 31 Disember 2007, modal saham berbayar Syarikat ialah sebanyak 25,000,002 saham bernilai RM1 setiap satu yang dimiliki sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak melalui Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan. Bagi tahun kewangan 2007, Syarikat memperolehi hasil sejumlah RM5.84 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM7.76 juta dan mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.92 juta.

Syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM7.04 juta bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 2005 hingga 2007 disebabkan perbelanjaan terkumpul berjumlah RM52.55 juta yang melebihi pendapatan terkumpul berjumlah RM45.51 juta. Adalah didapati Syarikat tidak pernah membayar dividen kepada pihak Kerajaan Negeri selaku pemegang keseluruhan saham syarikat bagi tahun kewangan 1992 hingga 2007 walaupun Syarikat pernah mencatatkan keuntungan selepas cukai pada tahun 1992 hingga 1998. Syarikat juga telah membuat bayaran bonus tahunan bagi tahun 2005 dan 2006 kepada kakitangannya walaupun syarikat mengalami kerugian bagi tempoh tersebut. Bayaran tersebut pula telah dibuat tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

Syarikat tidak ada menyediakan rancangan strategik korporat dan merangka strategi pelaksanaan serta mewujudkan indeks petunjuk prestasi bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan bagi tempoh sebelum tahun 2008. Syarikat juga tidak menyediakan *Standard Operating Policies and Procedures* yang lengkap dan menyeluruh sebagai rujukan kakitangan dalam melaksanakan aktiviti syarikat. Adalah didapati Syarikat ada menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan pada tahun 1994 tetapi tidak aktif semenjak itu sebagai mekanisme untuk *check and balance* terhadap pengurusan syarikat, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat serta bagi menentukan sama ada sumber kewangan syarikat diuruskan dengan cekap dan berkesan. Analisis Audit terhadap nisbah kecekapan aliran tunai Syarikat menunjukkan Syarikat tidak berupaya melunaskan hutang jangka pendek. Di samping itu, sehingga akhir tahun 2007, Syarikat menanggung hutang terkumpul berjumlah RM8.26 juta daripada tujuh subsidiari dan terpaksa membuat peruntukan hutang rugu disebabkan subsidiari tidak berupaya membayar hutang tersebut. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan Syarikat adalah kurang memuaskan.



BAHAGIAN I

AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I **AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ianya telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, pada tahun 2008 sebanyak lapan kajian telah dijalankan terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri. Kajian tersebut meliputi Pengurusan Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan, Pengurusan Kualiti Air Minum, *Service Level Agreement*, Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Kelas Al-Quran Fardu Ain, Program Pembangunan Industri Buah-Buahan, Pengurusan Pengambilan Balik Tanah dan Pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi berkenaan dan hanya isu yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN AWAM SARAWAK

2. PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SARAWAK

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, Sarawak, 1996 (Ordinan) memberi kuasa dan tanggungjawab kepada 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Badan Berkanun Negeri iaitu Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) untuk mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasa undang-undang di bawah pentadbiran masing-masing. PBT juga berperanan memberi perkhidmatan seperti menyedia dan menyenggara infrastruktur dan kemudahan awam, mengeluar lesen perniagaan dan meluluskan pembinaan serta pengubahsuaian bangunan.

2.1.2 Seksyen 39, Ordinan yang sama memberi kuasa kepada PBT untuk memungut hasil bagi membiayai pelaksanaan aktivitinya. Hasil tersebut boleh diperolehi melalui cukai taksiran, levi, sewa, yuran pelesenan, caj, faedah pelaburan dan apa-apa pembayaran atau keuntungan daripada perkhidmatan atau bekalan yang diberikan oleh PBT. Di Sarawak, geran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menyumbang sejumlah RM165.44 juta atau 16.1% daripada RM1,028.02 juta jumlah keseluruhan hasil PBT bagi tahun 2008. Semua wang terimaan merupakan dana PBT dan diurus selaras dengan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 (PKPBT, 1997). Selain itu, Ordinan juga memberi kuasa kepada PBT untuk mengenakan denda, surc妖 and faedah terhadap mana-

mana pembayaran yang lewat serta menetapkan tatacara mengurus tunggakan terhadap hasil. Manakala had tempoh kutipan balik tunggakan hasil adalah tertakluk kepada *Limitation Ordinance, Sarawak (1959)*.

2.1.3 Bagi tahun 2006 hingga 2008, hasil yang dikutip oleh 25 PBT dan BDA tanpa mengambil kira geran daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta terimaan bukan hasil adalah berjumlah RM862.58 juta. Perbelanjaan operasi bagi tempoh yang sama berjumlah RM1,003.97 juta iaitu menunjukkan defisit sejumlah RM141.39 juta atau 16.4% berbanding hasil yang dikutip. Kutipan hasil cukai taksiran merupakan komponen hasil yang tertinggi, iaitu RM555.28 juta atau 64.4% berbanding jumlah hasil yang dikutip bagi tahun 2006 hingga 2008. Jumlah tunggakan hasil cukai taksiran berbanding jumlah tunggakan hasil keseluruhan PBT adalah 93.9% pada tahun 2006, 93.4% pada tahun 2007 dan 92.9% pada tahun 2008. Jumlah baki tunggakan hasil keseluruhan menunjukkan satu trend yang kurang sihat iaitu berlaku peningkatan dari setahun ke setahun. Baki tunggakan RM71.82 juta pada tahun 2006 telah meningkat menjadi RM74.23 juta pada tahun 2007 dan RM78.95 juta pada tahun 2008. Oleh yang demikian, perancangan strategik serta pemantauan adalah perlu bagi memastikan tunggakan hasil dipungut balik dengan berkesan. Ini boleh membantu dalam meningkatkan dana PBT untuk membiayai kos operasi dan juga bagi tujuan pelaburan. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan PBT di Sarawak belum kukuh dan masih lagi memerlukan bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman daripada Kerajaan atau menggunakan rizab untuk membiayai perbelanjaan masing-masing.

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pencapaian pengurusan tunggakan hasil dan menentukan sama ada wujud perancangan serta kawal selia yang cekap di peringkat Jabatan Ketua Menteri (JKM), Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) dan PBT dalam pengurusan tunggakan hasil cukai taksiran.

2.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan tunggakan hasil cukai taksiran di semua PBT bagi tahun 2006 hingga 2008. Enam PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Bandaraya Miri (MB Miri), Majlis Perbandaran Sibu (MP Sibu), Majlis Daerah Samarahan (MD Samarahan) dan Majlis Daerah Sri Aman (MD Sri Aman) telah dilawati.

2.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Analisis Audit dengan menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* dilakukan terhadap data hasil cukai taksiran serta tunggakan di enam PBT yang dilawati bagi menilai prestasi pengurusan tunggakan hasil. Temu bual dengan penjawat awam terlibat dan orang awam serta lawatan ke tapak juga telah dijalankan untuk memahami masalah yang dihadapi serta menilai tindakan yang telah diambil. Penilaian terhadap penyenggaraan sistem, integriti data dan maklumat serta semakan terhadap rekod, laporan,

fail/dokumen serta minit mesyuarat berkaitan dilakukan untuk menilai keberkesanan prosedur pengurusan. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 25 PBT untuk menilai kawalan terhadap sistem pengkomputeran. Pengesahan terhadap tindakan penguatkuasaan dan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh pihak JKM dan KASKA terhadap pengurusan tunggakan hasil juga dibuat.

2.5 PENEMUAN AUDIT

2.5.1 Pengurusan Terhadap Tunggakan Hasil

Semakan serta analisis Audit terhadap pengurusan tunggakan hasil mendapati perkara seperti berikut:


a) Sasaran Kutipan Hasil Secara Keseluruhan

Pengurusan tunggakan hasil melibatkan perancangan awal lagi iaitu mengenal pasti jenis hasil yang akan dikutip, sasaran jumlah yang akan dikutip, tatacara pengutipan serta pengakaunan, tindakan yang akan diambil untuk menggalakkan pembayaran oleh pelanggan dan tindakan bagi mengutip tunggakan hasil serta tindakan hapus kira tunggakan hasil yang lapuk.

Semakan Audit mendapati jumlah kutipan hasil bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah RM862.58 juta iaitu kurang 2.1% berbanding RM880.78 juta yang dianggarkan bagi tempoh yang sama. Sebanyak 12 PBT telah mencapai prestasi kutipan melebihi anggaran dan 13 PBT dan BDA tidak mencapai anggaran yang disasarkan. Selaras dengan Peraturan 39 (2) PKPBT, 1997 pihak PBT didapati ada menyediakan Nota Kepada Akaun untuk menjelaskan kegagalan mencapai sasaran 95% hasil yang dikutip.

Secara keseluruhannya, jumlah baki tunggakan hasil bagi 26 PBT pada tahun 2006 ialah 26.4%, 26.1% pada tahun 2007 dan 25.8% pada tahun 2008 berbanding hasil yang dikutip pada tahun berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 2.1**.

Carta 2.1
Anggaran Dan Kutipan Hasil Serta Tunggakan Hasil
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan PBT/BDA Serta Penyata Kewangan Tahunan PBT/BDA

b) Tunggakan Hasil Secara Keseluruhan

Pada akhir tahun 2008, tunggakan hasil berjumlah RM78.95 juta adalah terdiri daripada cukai taksiran sejumlah RM73.33 juta, letak kereta sejumlah RM3.17 juta, lesen niaga sejumlah RM1.84 juta dan hasil lain sejumlah RM0.61 juta.

Pemeriksaan Audit terhadap tunggakan hasil di 25 PBT dan BDA mendapati baki tunggakan hasil adalah antara RM0.06 juta hingga RM17.47 juta. Jumlah tunggakan hasil pada tahun 2006 adalah RM71.82 juta dan telah meningkat menjadi RM74.23 juta, iaitu peningkatan sebanyak 3.4% pada tahun 2007 dan terus meningkat sebanyak 6.4% menjadi RM78.95 juta pada 2008. Pada amnya, didapati bahawa pihak PBT telah mengambil tindakan yang lebih giat dalam mengutip balik hasil mulai tahun 2007 iaitu selepas teguran Jabatan Audit Negara semasa *Exit Conference* Penyata Kewangan tahun berkenaan. Kesannya jumlah kutipan tunggakan hasil cukai taksiran telah meningkat sebanyak 50.4% iaitu dari RM10.60 juta pada tahun 2006 menjadi RM15.94 juta pada tahun 2007 dan sebanyak 8.8% iaitu RM17.34 juta pada tahun 2008 berbanding tahun 2007.

Analisis Audit mendapati jumlah tunggakan hasil keseluruhan pada akhir tahun 2008 adalah tinggi iaitu berjumlah RM78.95 juta. Tunggakan hasil ini, jika dikutip boleh membantu membiayai sebahagian dari perbelanjaan operasi PBT ataupun dilaburkan dalam simpanan tetap untuk mendapat faedah/dividen yang boleh menambah hasil kepada PBT. Berdasarkan pelaburan simpanan tetap pada kadar purata 3.7% setahun, anggaran hasil sejumlah RM3 juta dari faedah/dividen boleh diperolehi daripada jumlah tunggakan hasil RM78.95 juta itu. Ini disebabkan tunggakan hasil cukai taksiran serta denda bagi 25 PBT dan BDA telah meningkat dengan bertambahnya 8,354 pegangan baru dengan anggaran nilai cukai taksiran berjumlah RM44.66 juta pada tahun 2007 dan 8,612 pegangan dengan tambahan nilai anggaran RM41.16 juta pada tahun 2008. Butiran lanjut tunggakan hasil adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Baki Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	PBT	Baki Tunggakan Hasil Seperti Di Penyata Kewangan				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Naik/(Turun) (%)	2008 (RM Juta)	Naik/(Turun) (%)
1.	DBKU	18.03	17.84	(1.1)	17.47	(2.1)
2.	MBKS	10.34	9.85	(4.7)	10.72	8.8
3.	MB Miri	8.25	8.82	6.9	9.64	9.3
4.	MP Padawan	7.49	8.17	9.1	9.20	12.6
5.	MP Sibu	4.92	5.25	6.7	4.47	(14.9)
6.	MD Sarikei	1.02	1.07	4.9	4.28	300.0
7.	BDA *	5.51	5.04	(8.5)	4.06	(19.4)
8.	MD Samarahan	2.03	2.26	11.3	2.40	6.7
9.	MD Sri Aman	2.04	2.26	10.8	2.35	4.0
10.	MD Limbang	1.43	1.70	18.9	2.01	18.2
11.	MD Luar Bandar Sibu	1.26	1.52	20.6	2.00	31.6
12.	MD Kapit	0.94	1.06	12.8	1.43	34.9
13.	MD Betong	0.88	0.76	(13.6)	1.10	44.7
14.	MD Serian	0.86	1.07	24.4	1.06	(0.9)
15.	MD Dalat Mukah	1.13	1.24	9.7	1.01	(18.5)
16.	MD Matu Dan Daro	1.30	1.63	25.4	0.97	(40.5)
17.	MD Simunjan	0.71	0.76	7.0	0.91	19.7
18.	MD Lawas	0.72	0.68	(5.6)	0.72	5.9
19.	MD Bau	0.55	0.57	3.6	0.60	5.3
20.	MD Maradong Dan Julau	0.46	0.50	8.7	0.58	16.0
21.	MD Subis	0.38	0.52	36.8	0.43	(17.3)
22.	MD Saratok	0.52	0.42	(19.2)	0.42	-
23.	MD Kanowit	0.31	0.34	9.7	0.41	20.6
24.	MD Marudi	0.43	0.54	25.6	0.37	(31.5)
25.	MD Lundu	0.24	0.23	(4.2)	0.28	21.7
26.	MD Lubok Antu	0.07	0.13	85.7	0.06	(53.8)
Jumlah		71.82	74.23	3.4	78.95	6.4

Sumber: Penyata Kewangan Tahunan,PBT

* Penyata Kewangan Tahunan BDA

Semakan Audit juga mendapati jumlah tunggakan hasil yang dinyatakan tidak mengambil kira denda yang dikenakan terhadap tunggakan. Jumlah denda yang sepatutnya dikutip tidak ditunjuk di mana-mana penyata dan hanya diambil kira apabila penghutang menjelaskan tunggakan. Selain itu, DBKU yang mengamalkan perakaunan akrual menunjukkan sejumlah RM6.76 juta kompaun Letak Kereta dalam Nota Kepada Akaun di Penyata Kewangan Tahun 2008.

Pihak Audit berpendapat bahawa tunggakan hasil sebenar PBT terkurang dinyatakan memandangkan denda juga merupakan hasil yang perlu dikutip dan sepatutnya ditunjukkan di Penyata Tunggakan Hasil, iaitu dalam Nota Kepada Akaun.

c) Analisis Audit Terhadap Tunggakan Hasil Cukai Taksiran


Analisis Audit terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati ianya merupakan komponen hasil tertinggi iaitu 93.9% pada tahun 2006, 93.4% pada tahun 2007 dan 92.9% pada tahun 2008 berbanding jumlah tunggakan hasil keseluruhan PBT pada tahun berkenaan.

i) Prestasi Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

Pada akhir tahun 2008, secara keseluruhannya PBT masing-masing mempunyai baki tunggakan hasil cukai taksiran antara 10.5% hingga 416.7% berbanding dengan

hasil cukai taksiran yang dikutip pada tahun tersebut. Analisis Audit mendapati baki tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2007 meningkat sebanyak 2.8% berbanding tahun 2006 dan sebanyak 5.7% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Adalah didapati peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2007 hingga 2008 adalah disebabkan tunggakan yang belum dikutip balik dan terdapat sebanyak 16,966 pegangan baru pada tempoh dua tahun tersebut. Semakan Audit menunjukkan tiada perubahan pada kadar cukai taksiran bagi tahun 2006 hingga 2008. Butiran prestasi tunggakan hasil cukai taksiran berbanding jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Carta 2.2**.

Carta 2.2
Baki Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Berbanding Kutipan Hasil
Cukai Taksiran Keseluruhan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahunan PBT/BDA dan Penyata Kewangan Tahunan PBT/BDA

Analisis Audit seterusnya terhadap hasil cukai taksiran di enam PBT yang dilawati mendapati sehingga akhir tahun 2008 bilangan pegangan yang mempunyai tunggakan hasil cukai taksiran adalah 51,364 dengan baki sejumlah RM43.73 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Pegangan Cukai Taksiran Yang Mempunyai Tunggakan
Setakat 31 Disember 2008

Bil.	PBT	Bil. Pegangan	Amaun (RM Juta)
1.	DBKU	13,120	16.85
2.	MBKS	8,033	9.32
3.	MB Miri	10,812	8.85
4.	MP Sibu	3,981	4.26
5.	MD Samarahan	8,346	2.29
6.	MD Sri Aman	7,072	2.16
Jumlah		51,364	43.73

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

ii) Tempoh Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

Analisis Audit di enam PBT terhadap tunggakan hasil mendapati sehingga akhir tahun 2008, terdapat tunggakan hasil cukai taksiran yang tidak dijelaskan sejak tahun 1966, iaitu selama 43 tahun. Pihak PBT sepatutnya mengambil tindakan

menghapus kira tunggakan hasil yang tidak boleh dikutip lagi sejajar dengan *Limitation Ordinance Sarawak (1959)*. Selain itu, didapati DBKU mempunyai bilangan pegangan dan amaun tunggakan tertinggi iaitu 267 pegangan dengan jumlah tunggakan RM3.71 juta yang melibatkan tempoh sehingga 20 tahun. Majlis Daerah Sri Aman mencatat tempoh tunggakan paling lama iaitu 43 tahun. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Tempoh Tunggakan Cukai Taksiran Melebihi 20 Tahun

Bil.	PBT	Tunggakan Cukai Taksiran				
		Tahun	Tempoh	Pegangan Bil	Amaun (RM)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	DBKU	20	1989-2008	267	3,712,114	Tindakan susulan seperti mengeluarkan surat notis, kaveat dan menghantar surat susulan
2.	MBKS	30	1979-2008	1	2,164	<i>Order Of Arrest</i> – pemilik belum dapat ditemui
3.	MB Miri	39	1970-2008	2	2,146	Tindakan susulan seperti mengeluarkan surat notis, kaveat dan menghantar surat susulan
4.	MP Sibu	36	1973-2008	3	12,014	Mengeluarkan surat peringatan
5.	MD Samarahan	24	1985-2008	95	47,123	Mengeluarkan surat peringatan
6.	MD Sri Aman	43	1966-2008	32	32,394	Mengeluarkan surat peringatan

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

iii) Analisis Terhadap Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

Analisis Audit telah dijalankan terhadap tunggakan hasil cukai taksiran di enam PBT yang dilawati iaitu:

- Pegangan individu yang berjumlah RM10,000 dan ke atas bagi empat PBT (Bandaraya dan Perbandaran) dan RM5,000 dan ke atas bagi dua Majlis Daerah; dan
- Pegangan Syarikat Dagangan/Agensi yang mempunyai tunggakan RM100,000 dan ke atas bagi empat PBT (Bandaraya dan Perbandaran) dan RM50,000 dan ke atas bagi dua Majlis Daerah.

Hasil analisis Audit mendapati DBKU mempunyai bilangan pegangan tertinggi bagi pegangan individu melebihi RM10,000 dan juga bagi pegangan oleh Syarikat Dagangan/Agensi yang berhutang melebihi RM100,000. Butiran lanjut terhadap penemuan Audit adalah seperti di **Jadual 2.4** dan **Jadual 2.5**.

Jadual 2.4
Individu Yang Berhutang Cukai Taksiran Setakat 31 Disember 2008

Bil.	PBT Berbaki Melebihi RM10,000	Bil. Pegangan	Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM Juta)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	DBKU	99	1989-2007	2.24	Tindakan susulan seperti mengeluarkan surat notis, kaveat dan menghantar surat susulan
2.	MBKS	34	1976-2008	0.24	Tindakan susulan seperti mengeluarkan surat notis, kaveat, menghantar surat susulan kepada Jabatan Insolvensi dan mengambil tindakan mahkamah
3.	MB Miri	37	1986-2008	0.50	Mengeluarkan surat peringatan dan tindakan mahkamah
4.	MP Sibu	35	1978-2008	0.37	Mengeluarkan surat peringatan
Bil.	PBT Berbaki Kurang RM5,000	Bil. Pegangan	Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	MD Samarahan	18	1998-2008	32,060	Mengeluarkan surat peringatan dan tindakan susulan
2.	MD Sri Aman	28	1988-2008	113,759	Mengeluarkan surat peringatan dan tindakan susulan

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

Jadual 2.5
Syarikat/Agenzi Yang Berhutang Cukai Taksiran Setakat 31 Disember 2008

Bil.	PBT Berbaki Melebihi RM10,000	Bil. Pegangan	Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM Juta)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	DBKU	17	1989-2007	6.84	Tindakan mahkamah dan kutipan balik
2.	MBKS	5	2001-2008	2.00	Tindakan mahkamah
3.	MB Miri	4	2000-2008	1.18	Mengeluarkan surat peringatan dan kaveat
4.	MP Sibu	1	1998-2008	0.16	Kaveat
Bil.	PBT Berbaki Kurang RM5,000	Bil. Pegangan	Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	MD Samarahan	1	2006-2008	86,209	Mengeluarkan surat peringatan dan tindakan susulan
2.	MD Sri Aman	0	-	0	-

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

Analisis Audit seterusnya mendapati jumlah tunggakan hasil cukai taksiran tertinggi bagi lima pegangan individu dan lima pegangan Syarikat Dagangan/Agenzi bagi enam PBT yang dilawati adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Jadual 2.7**.

Jadual 2.6
Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Lima Pegangan Individu Tertinggi
Pada Akhir Tahun 2008

Bil.	PBT	Rekod Individu	Bil. Pegangan	Tempoh Terlibat (Tahun)	Amaun (RM)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	DBKU	1	5	1998-2007	106,311	Baki RM106,083 dan saman juga dikeluarkan
		2	3	1989-2007	81,685	
		3	4	1989-2007	81,171	
		4	3	1989-2007	74,481	Saman dikeluarkan
		5	4	1989-2007	70,021	
2.	MBKS	1	2	2005-2008	27,443	Pegangan sudah dilelong dan menunggu agihan amaun lelongan
		2	1	1989-2008	23,086	Surat peringatan dikeluarkan pada bulan Mac 2009
		3	2	2007-2008	21,993	Satu pegangan sudah dikaveat dan akan diambil tindakan mahkamah dan satu lagi sudah dikeluarkan surat peringatan
		4	3	2003-2008	19,965	Satu pegangan telah dikeluarkan saman, satu lagi sudah dikeluar surat tuntutan dan satu pegangan dalam proses lelongan
		5	3	1976-1989	19,950	Surat susulan kepada Jabatan Insolvensi pada bulan Mac 2009
3.	MB Miri	1	2	2002-2008	165,476	
		2	1	1998-2008	46,835	
		3	1	2003-2008	28,490	Kaveat dan tindakan mahkamah
		4	1	2000-2008	27,557	
		5	2	2002-2008	23,974	
4.	MP Sibu	1	1	1998-2008	47,295	
		2	2	1995-2008	42,465	
		3	1	1999-2008	26,999	Mengeluarkan surat peringatan
		4	1	2003-2008	21,125	
		5	3	1988-2008	16,945	
5.	MD Samarahan	1	5	1998-2008	11,224	
		2	6	2005-2008	8,569	Tiada rekod tindakan pernah diambil Majlis akan mengeluarkan surat peringatan
		3	1	2003-2008	7,023	
		4	6	2003-2008	5,244	
		5	2	2002-2008	4,557	
6.	MD Sri Aman	1	5	2003-2008	15,405	Kes pindah milik dan tindakan belum diambil untuk mengemas kini maklumat
		2	1	1997-2008	11,776	Melibatkan kes kematian dan tindakan belum diambil mengemas kini maklumat
		3	5	1998-2008	10,079	
		4	1	2003-2008	7,911	Tiada maklumat tindakan yang telah diambil
		5	1	2004-2008	7,498	

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

Jadual 2.7
**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Lima Pegangan
Syarikat Dagangan/Agenzi Tertinggi Pada Akhir Tahun 2008**

Bil.	PBT	Rekod Syarikat/ Agenzi	Bil. Pegangan	Tempoh Terlibat (Tahun)	Amaun (RM)	Tindakan Setakat 31 Mac 2009
1.	DBKU	1	29	1989-2007	1,792,266	Tindakan mahkamah
		2	1	2004-2007	862,110	Pembayaran ada dibuat dan baki RM108,810
		3	1	1990-2002	710,313	Pembayaran ada dibuat dan baki RM27,381
		4	1	1990-2007	604,773	Baki telah diselesaikan
		5	9	1999-2007	527,074	Pembayaran ada dibuat dan baki RM468,727
2.	MBKS	1	30	2001-2008	1,234,055	Tindakan mahkamah
		2	7	2001-2008	374,590	Dikendali oleh pihak guaman
		3	1	2004-2008	137,223	Membuat bayaran secara ansuran
		4	144	2005-2008	129,044	Berstatus <i>winding up</i> , telah membuat susulan di Jabatan Insolvensi
		5	27	2004-2008	125,253	Pegangan telah dijual kepada pembeli. Tindakan kaveat
3.	MB Miri	1	21	2000-2008	625,380	Menunggu nasihat Peguam Besar Negeri
		2	1	2008	332,097	Permohonan rebet oleh pemegang baru
		3	24	2005-2008	119,183	Kaveat dan pembayaran secara ansuran
		4	19	2007-2008	107,819	Proses kaveat
		5	1	1997-2008	75,433	Rundingan penyelesaian
4.	MP Sibu	1	13	1998-2008	155,946	Dikaveat
		2	1	1998-2008	80,801	Surat peringatan akan dikeluarkan
		3	9	2008	37,584	
		4	1	2000-2008	29,572	
		5	3	2007-2008	22,541	
5.	MD Samarahan	1	405	2006-2008	86,209	Nama pemaju telah ditukar kepada nama pembeli mulai bulan Mac 2009 dan dalam proses mengemas kini data
		2	7	2001-2008	46,927	Berhenti beroperasi pada tahun 2001. Tiada pembayaran dibuat walaupun dilulus potongan 50% pada tahun 2006. Notis peringatan dibuat pada bulan April 2009
		3	5	2008	34,564	Menghantar surat peringatan
		4	93	2008	27,953	Nama pemaju telah ditukar kepada nama pembeli mulai bulan Mac 2009 dan dalam proses mengemas kini data
		5	6	1994-2008	24,434	Untuk dihapus kira selepas mengesah status kilang (telah dirobohkan)
6.	MD Sri Aman	1	52	2005-2008	33,620	Kes pindah milik dan tindakan belum diambil mengemas kini maklumat
		2	2	2002-2008	26,611	Dikaveat
		3	6	2005-2008	26,099	
		4	2	1988-2008	24,525	
		5	1	1988-2008	17,280	Dikaveat

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

Pemeriksaan Audit terhadap enam rekod pegangan individu dan enam pegangan Syarikat/Agensi mendapati bahawa tindakan yang telah diambil oleh DBKU, MBKS, Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Perbandaran Sibu ialah mengeluarkan surat peringatan/notis, mengkaveat pegangan dan mengambil tindakan mahkamah. Jumlah kos yang ditanggung oleh empat PBT untuk proses kaveat dan mengambil tindakan mahkamah bagi tahun 2006 sehingga 2008 adalah RM1.08 juta iaitu DBKU sejumlah RM0.74 juta, MBKS sejumlah RM0.21 juta dan Majlis Bandaraya Miri sejumlah RM0.13 juta. Majlis Perbandaran Sibu pula telah membayar sejumlah RM6,690 untuk kos kaveat. Manakala Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Sri Aman tidak mengambil tindakan untuk mengutip balik cukai taksiran daripada penghutang. Butir lanjut terhadap tindakan yang telah diambil oleh enam PBT adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

Tindakan Terhadap Pegangan Individu Dan Syarikat Yang Berbaki Tunggakan Tertinggi

Bil.	PBT	Penghutang (Individu/Syarikat)	Tindakan Yang Telah Diambil Setakat Disember 2008				
			Bil. Pegangan	Tarikh Tindakan: Pertama/Terakhir	(1)	(2)	(3)
1.	DBKU	Individu	5	22.12.1989/18.02.2008	108	1	1
		Syarikat	29	22.12.1989/13.02.2007	536	1	1
2.	MBKS	Individu	2	14.12.2004/29.03.2007	4	2	2
		Syarikat	30	01.02.2002/01.12.2004	83	1	1
3.	MB Miri	Individu	2	01.08.2003/10.11.2008	8	2	1
		Syarikat	21	04.09.2001/17.12.2008	10	1	1
4.	MP Sibu	Individu	1	17.08.1999/01.12.2008	5	1	0
		Syarikat	13	12.11.1998/02.12.2008	135	1	0
5.	MD Samarahan	Individu	5	Tiada tindakan	0	0	0
		Syarikat	405	Tiada tindakan	0	0	0
6.	MD Sri Aman	Individu	5	Tiada tindakan	0	0	0
		Syarikat	52	Tiada tindakan	0	0	0

Sumber: Fail Pemegang, PBT

Nota: Tindakan yang telah diambil:

- (1) Surat Peringatan/Surat Tuntutan/Notis Terakhir
- (2) Kaveat
- (3) Tindakan Guaman/Mahkamah

Pemeriksaan Audit seterusnya dibuat terhadap rekod empat penghutang yang telah diambil tindakan kaveat dan pendakwaan mahkamah dan mendapati perkara seperti berikut:

- **Penghutang I (Syarikat)** - DBKU telah mengambil tindakan kaveat terhadap pegangan pada bulan Oktober 1993. Pada bulan November 1998, DBKU telah mengambil tindakan mahkamah untuk menuntut pembayaran balik tunggakan cukai taksiran sejumlah RM2.28 juta dan amaun surcaj RM0.63 juta daripada penghutang. Pada bulan Disember 1999, penghutang telah memfailkan supaya tuntutan dibuat bersama pemilik sub-lot yang lain. Pada bulan Januari 2007, Mahkamah telah memutuskan penghutang menjelaskan tunggakan sejumlah RM321,348 iaitu tunggakan cukai taksiran bagi tempoh separuh kedua tahun 1992 sehingga tempoh separuh pertama tahun 1998. Manakala sejumlah RM194,389 tunggakan cukai taksiran dan surcaj sejumlah RM97,355 bagi tempoh separuh kedua tahun 1989 sehingga separuh pertama tahun 1992 tidak dapat dituntut berdasarkan tempoh hutang telah melepassi had tempoh enam tahun seperti yang ditetapkan di bawah

Limitation Ordinance, Sarawak (1959). Pada bulan Februari 2007, DBKU telah membuat rayuan di mahkamah yang tunggakan boleh dituntut sehingga had 12 tahun. Penghutang telah menjelaskan amaun sejumlah RM321,348 pada bulan Mei 2007.

- **Penghutang II (Individu)** - Tindakan mengkaveat pegangan telah dibuat pada bulan Julai 1991 dan Mahkamah juga telah mengeluarkan perintah pada bulan November 1997 untuk penghutang membuat pembayaran. Pada tahun 1999, MBKS telah melantik Messrs. Chan & Chan Advocates untuk mengambil tindakan melelong pegangan berkenaan. Tindakan melelong dibatalkan kerana penghutang telah bersetuju membuat pembayaran sebanyak 11 ansuran dengan pembayaran pertama sejumlah RM8,355. Pembayaran ansuran seterusnya adalah di antara RM600 sehingga RM800. Bagaimanapun, penghutang telah berhenti membuat pembayaran ansuran pada bulan Oktober 2004. MBKS telah mengeluarkan surat amaran pada bulan September 2005 dan penghutang telah menjelaskan pembayaran sejumlah RM500 pada bulan November 2005 dan RM500 pada bulan Januari 2006. MBKS telah menghantar surat tuntutan kepada pemegang tersebut pada bulan Mac 2009.
- **Penghutang III (Syarikat)** - Tindakan mengkaveat pegangan telah dibuat pada bulan November 2005 dan MBKS melantik SI & Associates untuk mengendalikan tindakan mahkamah terhadap Syarikat. Pada bulan Jun 2008, Syarikat telah menuntut pembelaan sewaktu sebutan pertama kes di Mahkamah. Syarikat selanjutnya telah menuntut *Joint Trial* untuk tunggakan semua pegangannya pada bulan Januari 2009. Mahkamah selanjutnya menetapkan sebutan kes pada bulan Jun 2009.
- **Penghutang IV (Syarikat)** - Tindakan mengkaveat telah dibuat pada bulan November 2001. Pada bulan Oktober 2007, Majlis Bandaraya Miri telah melantik Messrs Ariffin, Lai & Kan untuk mengendalikan kutipan balik tunggakan bagi pihaknya. Bagaimanapun, Syarikat belum membuat sebarang pembayaran dan Majlis telah memulakan tindakan mahkamah pada awal tahun 2008. Pegangan Syarikat tersebut didapati telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri pada bulan September 2004 kerana Syarikat gagal menjelaskan bayaran premium dan sewa tanah sejumlah RM52.38 juta. Pada bulan Disember 2008, Majlis telah memohon nasihat Peguam Besar Negeri untuk tindakan seterusnya. Sehingga akhir tahun 2008, Syarikat tersebut mempunyai tunggakan hasil cukai taksiran serta denda berjumlah RM984,591.

Bangunan kepunyaan empat pemegang adalah seperti di **Foto 2.1** hingga **Foto 2.4**.

Foto 2.1
Pegangan Syarikat Dagangan Yang Mempunyai Baki Tertinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan DBKU
Tarikh: 20 Februari 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan MBKS
Tarikh: 20 Februari 2009

Foto 2.3
Pegangan Penghutang Individu Yang Mempunyai Baki Tertinggi



Sumber: MD Samarahan
Lokasi: Kawasan MD Samarahan
Tarikh: 11 Disember 2008

Foto 2.4
Pegangan Syarikat Dagangan Yang Mempunyai Baki Tertinggi



Sumber: MD Samarahan
Lokasi: Kawasan MD Samarahan
Tarikh: 10 Disember 2008

d) Program Dan Pelan Tindakan Mengutip Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

Seksyen 73 sehingga 83, Ordinan menetapkan tatacara mengurus tunggakan hasil cukai taksiran. Manakala Seksyen 62 (3), Ordinan dan *Kuching Municipal Ordinance, Sarawak* (1959), menghendaki notis dikeluarkan kepada penghutang yang telah melewati tarikh warta. Seksyen 83, Ordinan memperuntukkan tunggakan hasil boleh dikutip balik sebagai hutang melalui pendakwaan di mahkamah. Program dan pelan tindakan untuk mengutip tunggakan hasil cukai taksiran oleh PBT melibatkan pengeluaran sehingga tiga surat peringatan, mengadakan program perbincangan dengan penghutang mengenai cara dan tempoh bayaran balik, mengadakan kaunter bergerak atau pegawai turun padang, melantik agen pemungut untuk membuat kutipan, mengeluarkan surat tuntutan serta notis terakhir, mengkaveat dan mengambil tindakan mahkamah.

Pihak Audit mendapati walaupun ada peningkatan kutipan tunggakan hasil, prestasi mengutip balik tunggakan hasil oleh 25 PBT dan BDA pada keseluruhannya kurang memuaskan memandangkan hanya sejumlah RM10.60 juta telah dikutip berbanding baki tunggakan hasil cukai taksiran RM71.82 juta pada tahun 2006, RM15.94 juta kutipan dibuat berbanding baki tunggakan RM74.23 juta pada tahun 2007 dan RM17.34 juta dikutip berbanding baki tunggakan RM78.95 juta pada tahun 2008. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Kutipan Balik Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	PBT	Kutipan Balik Hasil			
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	DBKU	2.81	4.55	4.06	11.42
2.	MBKS	2.89	3.02	2.71	8.62
3.	MP Padawan	1.49	2.08	2.02	5.59
4.	MB Miri	0.40	1.00	2.12	3.52
5.	BDA	0.32	0.86	1.05	2.23
6.	MP Sibu	0.12	0.57	0.84	1.53
7.	MD Lundu	0.05	0.73	0.73	1.51
8.	MD Samarahan	0.23	0.37	0.44	1.04
9.	MD Sarikei	0.37	0.30	0.28	0.95
10.	MD Limbang	0.24	0.3	0.33	0.87
11.	MD Matu Dan Daro	0.29	0.27	0.26	0.82
12.	MD Luar Bandar Sibu	0.14	0.24	0.28	0.66
13.	MD Serian	0.18	0.24	0.24	0.66
14.	MD Sri Aman	0.19	0.22	0.19	0.60
15.	MD Dalat Mukah	0.13	0.21	0.23	0.57
16.	MD Kapit	0.18	0.14	0.23	0.55
17.	MD Saratok	0.06	0.24	0.12	0.42
18.	MD Kanowit	0.01	0.01	0.37	0.39
19.	MD Subis	0.01	0.18	0.18	0.37
20.	MD Marudi	0.07	0.05	0.18	0.30
21.	MD Lawas	0.08	0.12	0.08	0.28
22.	MD Bau	0.11	0.10	0.06	0.27
23.	MD Maradong Dan Julau	0.11	0.03	0.09	0.23
24.	MD Lubok Antu	0.02	0.01	0.15	0.18
25.	MD Betong	0.05	0.05	0.08	0.18
26.	MD Simunjan	0.05	0.05	0.02	0.12
Jumlah		10.60	15.94	17.34	43.88

Sumber: Rekod Kewangan, PBT Sarawak Dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)

Pemeriksaan Audit mendapati bahawa pada tahun 2006, MBKS telah mewujudkan *Recovery Unit* yang dianggotai tiga kakitangannya untuk mengendalikan pengurusan tunggakan hasil. Sejakar dengan kajian yang dijalankan, PBT yang lain terus mengambil tindakan menubuhkan unit atau jawatankuasa khas untuk menangani pengurusan tunggakan hasil. Pihak Audit juga mendapati DBKU, MBKS, Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Perbandaran Sibu telah membuat perbincangan dan rundingan bersama pemegang yang berhutang dan memberi kemudahan membuat bayaran secara ansuran. Bagaimanapun, hanya DBKU yang menyelenggara rekod lengkap terhadap perbincangan tersebut. DBKU, MBKS dan Majlis Bandaraya Miri juga telah melantik agen pemungut seperti bank untuk membuat pungutan bagi pihak masing-masing. Selain itu, DBKU telah mengadakan kaunter bergerak pada tahun 2005 hingga 2007 tetapi perkhidmatan ini telah diberhentikan kerana tidak *cost-effective*. Butiran lanjut

terhadap tindakan yang telah diambil oleh enam PBT tersebut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Tindakan Sebagai Usaha Mengutip Tunggakan Hasil
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	PBT	Bilangan Kes					
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
1.	DBKU	34,263	8,604	798	8	3,874	4,855
2.	MBKS	22,729	Rekod	0	9	1,496	11,338
3.	MB Miri	23,925	Tidak	29	4	1,141	146
4.	MP Sibu	168,575	Lengkap	0	0	444	204
5.	MD Samarahan	1,515	0	37	0	0	0
6.	MD Sri Aman	101	0	11	0	99	0

Sumber: Rekod/Fail Pemegang, PBT

Nota: (1) Surat Peringatan
(2) Perbincangan Bersama Pelanggan
(3) Kaunter Bergerak/Turun Padang

(4) Bilangan Agen Pemungut Dilantik
(5) Kaveat
(6) Tindakan Mahkamah/Surat Tuntutan

Hasil temu bual Audit dengan pemegang cukai taksiran di MD Samarahan mendapati antara sebab mereka tidak menjelaskan bayaran serta tunggakan kerana tidak menerima bil. Selain itu, amaun yang perlu dijelaskan terlalu kecil berbanding kos pengangkutan untuk membuat bayaran dan tidak berupaya menjelaskan amaun tunggakan kerana beban kewangan terutamanya pemegang kawasan pedalaman. Semakan Audit seterusnya mendapati pegangan di kawasan pedalaman dikenakan kadar cukai taksiran tahunan antara RM2.14 hingga RM11.10 walaupun tidak menikmati perkhidmatan dan kemudahan yang sewajarnya. Contoh empat rumah panjang yang terletak lebih kurang 100 meter dari jalan utama di mana jalan menuju ke rumah panjang tidak diturap dengan tar, tiada lampu jalan dan tiada perkhidmatan pungutan sampah adalah seperti di **Foto 2.5** hingga **Foto 2.8**.

Foto 2.5
Rumah Panjang Yang Tidak Menikmati Kemudahan Sewajarnya



Sumber: MD Sri Aman

Lokasi: Bahagian Sri Aman

Tarikh: 2 Januari 2009

Foto 2.7
Rumah Panjang Yang Tidak Menikmati Kemudahan Sewajarnya



Sumber: MD Sri Aman
Lokasi: Bahagian Sri Aman
Tarikh: 2 Januari 2009



Pada pendapat Audit usaha PBT mengutip balik tunggakan masih perlu dipergiatkan dengan melibatkan Ahli Majlis (*councillors*) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat. Selain itu, PBT juga disarankan mengkaji keperluan mengenakan cukai taksiran untuk pegangan di pedalaman di mana perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh PBT kepada kawasan tersebut adalah minima manakala kos untuk mengutip cukai dan tunggakan hasil lebih tinggi.

2.5.2 Pengurusan Yang Kurang Cekap Untuk Kutipan Tunggakan Hasil

Pemeriksaan Audit mendapati faktor yang menyebabkan pelaksanaan pengurusan tunggakan hasil kurang berkesan adalah seperti berikut:

a) Ketidakpatuhan Terhadap Undang-Undang/Peraturan/Arahan/Pekeliling

Pengurusan tunggakan hasil hendaklah selaras dengan undang-undang, peraturan, perintah dan arahan yang telah ditetapkan. Bidang kuasa PBT adalah berlandaskan kepada Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 Peraturan (Pencukaian) Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 (PKPBT 1997).

Kaedah pengurusan tunggakan hasil disebut di Peraturan 81, PKPBT 1997. Bendahari Majlis dikehendaki menyedia satu penyata analisis akaun penghutang pada 31 Disember dan pada mana-mana tarikh seperti diminta oleh Menteri. Satu salinan penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dan Menteri bersama dengan Penyata Akaun Tahunan. Penyata tersebut hendaklah menunjukkan usia tunggakan dan di mana bersesuaian menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengutip amaun tertunggak. Selain itu, catatan mengenai sejauh mana hutang tidak boleh dikutip balik hendaklah dibuat.

Selaras dengan Peraturan 304, PKPBT 1997 Bendahari hendaklah membuat laporan yang disokong dengan butiran penghutang, transaksi dan pegawai bertanggungjawab,

tindakan yang telah diambil untuk tujuan memohon hapus kira hutang lapuk daripada KASKA. Peraturan 305, PKPBT 1997 juga menyatakan Pengurus Majlis boleh meluluskan hapus kira terhadap hutang yang jumlah agregatnya tidak melebihi RM250 bagi satu-satu tahun manakala amaun melebihi had ini hanya boleh diluluskan oleh Menteri. Peraturan 83, Ordinan PBT 1996 pula memperuntukkan tunggakan hasil boleh dikutip balik sebagai hutang melalui pendakwaan di mahkamah. Adalah didapati peruntukan Ordinan dan PKPBT, 1997 tersebut di atas mencukupi untuk PBT melaksanakan pengurusan tunggakan hasil dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang. Bagaimanapun, ketidakpatuhan terhadap peraturan berlaku di mana tindakan yang sepatutnya diambil seperti mengeluarkan notis mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengambil tindakan hapus kira hutang lapuk tidak dilaksanakan. Ini berlaku disebabkan kurang penyeliaan dan pemantauan di peringkat PBT dan juga JKM serta KASKA.

b) Organisasi Dan Perjawatan Di PBT

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi yang dijalankan adalah teratur, berterusan dan berkesan. Struktur organisasi yang sistematik akan membantu melicinkan pengurusan aktiviti yang dirancang dan meningkatkan prestasi pengurusan kewangan. Secara amnya, fungsi struktur pengurusan ini adalah untuk memberi kemudahan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang bermutu kepada orang awam.

Semakan Audit mendapati struktur organisasi PBT terutamanya di Majlis Daerah, menetapkan beban tugas yang berat di Bahagian/Seksyen Percukaian Dan Kadaran berbanding sumber tenaga yang sedia ada. Pemeriksaan Audit juga mendapati Bahagian/Seksyen Percukaian/Penilaian Dan Kadaran di 12 PBT mempunyai kekosongan jawatan antara 7.9% sehingga 34.9% atau secara keseluruhannya 16.2% berbanding jawatan yang diluluskan seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Kekosongan Perjawatan Di Bahagian/Seksyen Percukaian/Penilaian
Dan Kadaran Seperti Pada Akhir Tahun 2008

Bil.	PBT	Bilangan Jawatan Yang Diluluskan	Bilangan Jawatan Yang Kosong	Kekosongan Jawatan Berbanding Perjawatan Yang Diluluskan (%)
1.	MBKS	43	15	34.9
2.	MD Serian	6	2	33.3
3.	MD Lundu	3	1	33.3
4.	MD Kapit	3	1	33.3
5.	BDA	13	4	30.8
6.	MP Sibu	28	8	28.6
7.	MD Saratok	4	1	25.0
8.	MD Marudi	4	1	25.0
9.	MD Kanowit	4	1	25.0
10.	MB Miri	27	4	14.8
11.	DBKU	21	2	9.5
12.	MP Padawan	38	3	7.9
Jumlah		194	43	16.2

Sumber: Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan PBT Sarawak, Carta Organisasi Dan Rekod Perjawatan PBT

Kekosongan ini telah memberi kesan terhadap prestasi pengurusan tunggakan hasil terutamanya di Majlis Daerah. Bahagian/Seksyen Percukaian/Penilaian Dan Kadaran di Majlis Daerah di mana berlakunya tunggakan hasil yang tertinggi memikul beban tugas yang berat antaranya menjalankan kerja ukur dan pemeriksaan harta tanah, membuat penilaian, menyedia nama jalan serta memperuntukkan nombor kediaman, menyelenggara rekod harta tanah, memproses bil cukai taksiran, menyiasat dan memeriksa bangunan. Selain itu, didapati struktur organisasi dan jawatan yang diwujudkan di antara PBT tidak seragam iaitu 21 PBT tidak mempunyai jawatan Pelukis Pelan dan 18 Majlis Daerah tidak mempunyai jawatan Penghantar Notis. Bahagian/Seksyen Percukaian/Penilaian Dan Kadaran di Majlis Daerah juga tidak mempunyai jawatan pemandu manakala 13 Majlis Daerah hanya diketuai oleh Pembantu Penilaian Gred W22. Temu bual Audit dengan penjawat awam yang terlibat mendapati mereka menghadapi masalah kemahiran mengendalikan kerja serta kepelbagaiannya tugas harian yang memerlukan pengetahuan teknikal dan juga beban kerja kerana kekurangan penjawat awam.

Pada tahun 2006, semua PBT ada menyedia dan mengemukakan kertas kerja penstruktur semula PBT dan keperluan tambahan penjawat awam serta jawatan bersesuaian selaras dengan beban kerja dan keperluan semasa kepada KASKA. Bagaimanapun, tiada maklum balas diperolehi daripada KASKA sehingga sekarang kerana masih dalam pertimbangan JKM.

c) Prosedur Kerja Pengurusan Tunggakan Hasil Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

Manual Prosedur Kerja perlu disedia dengan lengkap, jelas dan boleh dilaksanakan. Prosedur kerja juga perlu mengandungi Carta Aliran Kerja yang menghuraikan secara ringkas proses serta norma yang perlu diikuti oleh penjawat awam dalam mengendali pengurusan tunggakan hasil serta tindakan susulan yang perlu diambil. Prosedur kerja ini hendaklah dimaklumkan kepada semua pegawai yang terlibat. Manual tersebut juga perlu menunjukkan hubung kait di antara pelbagai unit/seksyen.

Selaras dengan kehendak Ordinan, tindakan mengeluarkan notis peringatan dibuat selepas 14 hari tarikh akhir pembayaran dan selepas tempoh 15 hari dari tarikh notis dikeluarkan, tindakan selanjutnya hendaklah diambil. Ini bererti dalam tempoh lebih kurang satu bulan, proses tindakan susulan menghantar notis/waran hendaklah diambil.

Semua PBT dan KASKA telah mendapat sijil MS ISO 9001:2000 atau mempunyai program peningkatan kualiti kerja. Pemeriksaan Audit yang dijalankan di enam PBT yang dilawati mendapati PBT tersebut menggunakan Manual Kualiti dan Prosedur Kerja masing-masing dalam pengurusan tunggakan hasil. Manual yang digunakan didapati lengkap dan menggariskan prosedur kerja/garis panduan dengan jelas seperti menetapkan pegawai yang bertanggungjawab dan norma yang perlu diikuti.

Semakan Audit mendapati, tindakan yang telah diambil oleh penjawat awam PBT tidak selaras dengan prosedur dan norma yang ditetapkan dalam Manual dan kehendak Ordinan. Pihak Audit mendapati PBT tidak mengambil tindakan atau lewat mengeluarkan

notis peringatan kepada pemegang apabila tamat tempoh dua minggu daripada tarikh akhir pembayaran. Selain itu, tindakan susulan juga tidak dibuat dengan segera selepas 15 hari notis dikeluarkan. Tindakan selanjutnya iaitu mengeluarkan surat waran/amaran, mengambil tindakan mengkaveat pegangan dan tindakan undang-undang tidak atau lewat dibuat. PBT juga tidak mengambil tindakan menghapus kira tunggakan walaupun sudah dikategorikan sebagai hutang lapuk.

d) Pelaporan Serta Analisis Terhadap Kedudukan Dan Prestasi Kutipan Tunggakan Tidak Disedia Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini

Pelaporan serta analisis terhadap prestasi tunggakan perlu dibuat supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Maklumat hendaklah betul, lengkap dan kemas kini.

Pihak Audit mendapati bahawa hanya DBKU menyedia analisis usia tunggakan dan laporan berkala terhadap tunggakan hasil. PBT yang lain hanya menyedia analisis usia tunggakan walaupun sistem boleh menjanakan laporan berkala. Oleh yang demikian, Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh PBT berkenaan kepada pihak Audit hanya menunjukkan usia tunggakan bagi tempoh tiga tahun tetapi tidak menyatakan tindakan yang telah diambil dan kedudukan tunggakan terkini seperti mana yang dikehendaki Peraturan 81, PKPBT 1997. Ini berlaku kerana pihak PBT tidak mematuhi kehendak peraturan yang ditetapkan walaupun perkara ini pernah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara semasa *Exit Conference* pengesahan Penyata Kewangan tahunan.

e) Penyeliaan Dan Pemantauan Di PBT

Mekanisme penyeliaan dan pemantauan yang jelas serta efektif perlu diwujudkan untuk memastikan pengurusan tunggakan hasil PBT berkesan. Kaedah pemantauan yang diamalkan pada masa sekarang di PBT ialah menetapkan tanggungjawab tersebut kepada Bahagian/Seksyen yang berkenaan. Bahagian/Seksyen tersebut akan melaporkan kedudukan tunggakan hasil semasa melalui mesyuarat pengurusan, penyediaan laporan/penyata, lawatan ke kawasan dan premis dan menganalisis aduan yang diterima daripada penduduk.

Pemeriksaan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pihak PBT telah merancang dengan rapi program untuk meningkatkan kutipan tunggakan hasil tetapi sekadar melaksanakan sebagai kerja rutin.

Pada pendapat Audit, PBT perlu merangka pendekatan yang lebih strategik dalam pengurusan tunggakan hasil. Selain itu, pihak pengurusan serta Ahli Majlis hendaklah terlibat secara langsung untuk menangani masalah pengurusan tunggakan hasil.

f) Peruntukan Kewangan Yang Terhad

Pengurusan kutipan balik tunggakan hasil PBT memerlukan peruntukan yang mencukupi untuk mengadakan kaunter bergerak, turun ke tapak untuk membuat kutipan, membayar agen pemungut dan mengadakan program bersama pelanggan.

Sejumlah RM13.03 juta telah diluluskan untuk tujuan perbelanjaan perjalanan rasmi bagi penjawat awam PBT Sarawak bagi tahun 2006 hingga 2008 dan sejumlah RM12.46 juta telah dibelanjakan pada tempoh yang sama. Selain itu, kos perjalanan untuk mengutip hasil dan tunggakan di pedalaman Negeri Sarawak adalah tidak *cost-effective*. Ini kerana kos perjalanan ke pedalaman lebih tinggi berbanding hasil yang dijangka dikutip oleh PBT. Contohnya, pada bulan Oktober 2007, Majlis Daerah Sri Aman telah menanggung kos perjalanan RM462 bagi seorang kakitangannya pergi membuat kutipan di Daerah Kecil Lingga dan Pantu, manakala hasil yang dikutip dari dua kawasan tersebut hanya berjumlah RM359. Oleh itu, selaras dengan amalan berbelanja secara berhemat kebanyakan Majlis hanya akan pergi membuat kutipan ke pedalaman jika ada perancangan membuat kutipan di kawasan persekitaran yang berdekatan kawasan berkenaan. Ini menyebabkan tunggakan di kawasan pedalaman tersebut berlarutan untuk tempoh yang lama dan sekali gus meningkatkan jumlah tunggakan serta denda.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi di Majlis Daerah perlu dikaji semula dan satu unit khas untuk menangani kelemahan dalam penyeliaan dan pemantauan pengurusan tunggakan hasil, diwujudkan. Pihak Audit juga berpendapat tindakan segera perlu diambil untuk mengisi kekosongan jawatan agar tidak mengganggu usaha pungutan hasil PBT serta pematuhan kepada Prosedur Kerja dan peraturan berkaitan ditekankan.

Pihak Audit juga berpendapat, PBT perlu menyediakan perancangan yang memberi fokus kepada usaha pungutan tunggakan hasil mengikut kawasan. Kawasan bandar perlu diberi penumpuan di mana hasil dan tunggakan hasil adalah jauh lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar. Pendekatan ini adalah lebih *cost-effective* kerana kos perjalanan untuk usaha ini secara perbandingan dengan kawasan luar bandar adalah lebih rendah. Pihak JKM dan KASKA juga perlu mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap pengurusan tunggakan hasil, penetapan strategi berorientasikan keberkesanan kos di mana kawasan pungutan hasil dan tunggakan hasil yang tinggi diberi fokus.

2.5.3 Hapus Kira Hutang Lapuk Tidak Diurus Dengan Cekap

Tindakan menghapus kira hendaklah diambil oleh PBT apabila tiada lagi kemungkinan untuk tunggakan hasil dikutip balik selepas segala langkah mengikut peraturan dan perundangan diambil. Kriteria utama untuk tunggakan hasil dihapus kira adalah penghutang sudah meninggal dunia, kediaman atau tempat beroperasi sudah tidak wujud, penghutang sudah tidak dapat dikesan dan tunggakan yang telah dikategorikan di bawah *Limitation Ordinance, Sarawak (1959)*. Kelulusan menghapus kira bagi hutang lapuk DBKU dan BDA adalah daripada Menteri yang bertanggungjawab. Bagi 24 PBT yang lain, hapus kira boleh dilakukan oleh PBT masing-masing kecuali bagi pegangan yang nilai agregatnya melebihi RM250 pada satu-satu tahun memerlukan kelulusan daripada KASKA.

Pemeriksaan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh enam PBT yang dilawati mendapati tindakan menghapus kira tunggakan hasil yang lapuk tidak dilaksanakan selaras dengan prosedur kerja yang sedia ada. Hasil pemeriksaan Audit

juga mendapati permohonan oleh PBT kepada JKM dan KASKA untuk menghapus kira tunggakan hasil tidak disokong butiran lengkap dan kurang memuaskan. Pihak Audit mendapati PBT tidak mengambil langkah untuk menghapus kira tunggakan yang boleh dianggap tidak ekonomik untuk dikutip balik. Ini memandangkan masih terdapat banyak pegangan yang mana amaun tunggakan kurang daripada RM250 sejak tahun 1966 tersenarai dalam *Rate Defaulters' List*. Selain itu, didapati ada juga PBT yang tidak mematuhi Peraturan 305, PKPBT 1997 dalam mengambil tindakan menghapus kira tunggakan. Majlis Daerah Sri Aman didapati telah meluluskan tiga pegangan tertunggak berjumlah RM1,289 di mana hapus kira tersebut perlu mendapat kelulusan daripada pihak KASKA.

Pihak Audit mendapati DBKU dan BDA tiada membuat permohonan untuk hapus kira dalam tahun 2006 hingga 2008. DBKU telah mengakaun hutang yang tidak dapat dituntut ke Akaun Hutang Lapuk. Manakala permohonan oleh MBKS untuk menghapus kira sejumlah RM48,111 telah dikemukakan kepada JKM pada bulan Mac 2007 dan telah dikemukakan semula pada bulan Mac 2008. Permohonan ini telah dikemukakan kepada Menteri yang bertanggungjawab pada bulan April 2009 untuk kelulusan.

Sehingga akhir tahun 2008, sejumlah RM0.71 juta tunggakan hasil atau 93% telah dihapus kira berbanding amaun yang dimohon. Jumlah yang dihapus kira merupakan hanya 0.9% berbanding baki tunggakan RM78.95 juta pada akhir tahun 2008. Adalah didapati KASKA mengambil tempoh di antara satu hingga 22 bulan untuk meluluskan hapus kira hutang lapuk. Ini disebabkan KASKA perlu membuat pengesahan fizikal sebelum membuat keputusan meluluskan hapus kira. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Hapus Kira Yang Telah Diluluskan Sehingga Akhir Disember 2008

Bil.	PBT	Baki Tunggakan Seperti Pada Akhir Tahun 2008 (RM Juta)	Jumlah Dimohon Untuk Dihapus Kira (RM)	Amaun Dihapus Kira (RM)	Tempoh Proses Kelulusan (Bulan)
1.	MP Padawan	9.20	299,292	299,292	2 – 8
2.	MD Dalat Dan Mukah	0.97	102,216	101,774	1 – 12
3.	MD Luar Bandar Sibu	2.00	42,840	42,840	6 – 14
4.	MB Miri	9.64	39,514	39,514	1 – 2
5.	MD Samarahan	2.40	37,706	37,706	2 – 8
6.	MD Sri Aman	2.35	36,018	36,018	4 – 8
7.	MD Simunjan	0.91	32,800	32,800	1 – 12
8.	MD Saratok	0.42	31,762	31,762	3 – 11
9.	MD Serian	1.06	28,329	28,329	4 – 8
10.	MD Limbang	2.01	30,993	26,877	2 – 8
11.	MD Lundu	0.28	13,957	13,957	4 – 10
12.	MD Betong	1.10	8,911	8,911	3 – 22
13.	MD Matu Dan Daro	1.01	9,613	8,843	3 – 6
14.	MD Sarikei	4.28	813	813	7
15.	MD Lubok Antu	0.06	782	782	9
16.	BDA	4.06	0	0	-
17.	MD Kanowit	0.41	0	0	-
18.	MD Subis	0.43	0	0	-
19.	MD Lawas	0.72	0	0	-
20.	MD Maradong Dan Julau	0.58	0	0	-
21.	MD Marudi	0.37	0	0	-
22.	MD Kapit	1.43	0	0	-
23.	MD Bau	0.60	0	0	-
24.	MP Sibu	4.47	0	0	-
25.	MBKS	10.72	48,111	0	21

Bil.	PBT	Baki Tunggakan Seperti Pada Akhir Tahun 2008 (RM Juta)	Jumlah Dimohon Untuk Dihapus Kira (RM)	Amaun Dihapus Kira (RM)	Tempoh Proses Kelulusan (Bulan)
26.	DBKU	17.47	0	0	(belum mendapat kelulusan)
	Jumlah	78.95	763,657	710,218	-

Sumber: Laporan Hapus Kira, Kementerian Dan PBT

Pihak Audit berpendapat PBT perlu menetapkan dengan jelas dalam Manual Prosedur Kerja dan Senarai Tugas pegawai yang bertanggungjawab untuk mengurus permohonan menghapus kira hutang lapuk. Pihak Audit juga berpendapat had nilai agregat pegangan RM250 untuk kelulusan PBT perlu dikaji semula untuk mempercepatkan tindakan hapus kira.

2.5.4 Keupayaan Sistem Aplikasi SMART 2000 Dan *Integrated Local Authority Information System (ILIAS)* Yang Digunakan PBT

Perjanjian telah dibuat di antara Kerajaan Negeri dengan pihak Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) sejak tahun 1999 untuk tujuan pelaksanaan *Integrated Local Authority Information System (ILIAS)*. Perjanjian berasingan juga telah dibuat mulai tahun 2004 untuk penyenggaraan sistem. Kerajaan Negeri juga telah menandatangani kontrak pada bulan Oktober 2003 dengan pihak PANSAR untuk tujuan pemasangan tujuh modul bagi sistem SMART 2000 di 18 Majlis Daerah dan kontrak kerja penyenggaraan sistem juga telah ditandatangani pada awal tahun 2004.

Pengurusan sistem maklumat berkomputer hendaklah mengambil kira kesan terhadap pemprosesan transaksi dengan memastikan integriti dan ketepatan data. Penyenggaraan sistem aplikasi PBT adalah di bawah tanggungjawab vendor, iaitu bagi Sistem SMART 2000 yang digunakan oleh 18 Majlis Daerah diselenggara oleh pihak syarikat PANSAR. Sistem ILIAS digunakan oleh tujuh PBT yang lain dan diselenggarakan oleh SAINS.

a) Integriti Data Dan Sistem Pengurusan Hasil Cukai Taksiran

Pemeriksaan dan penilaian Audit terhadap Kawalan Am dan Kawalan Aplikasi sistem berkomputer di 18 Majlis Daerah Sarawak telah dilakukan pada tahun 2005. Susulan Audit telah dibuat dengan mengedarkan soal selidik kepada 18 Majlis Daerah tersebut dan juga kepada tujuh PBT yang lain untuk tujuan menilai kawalan yang diwujudkan. Semua 25 responden telah memberi maklum balas dan hasil analisis mendapati bahawa Kawalan Am dari segi capaian, pengurusan, operasi, keselamatan dan fizikal secara keseluruhannya didapati masih kurang memuaskan seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
PBT Yang Tidak Mengurus Kawalan Am Secara Menyeluruh
Bagi Sistem Pengkomputeran PBT

Bil.	Kawalan Am	Bil. PBT	PBT Terlibat
1.	Kata laluan tidak pernah ditukar	5	MP Sibu, MD Lundu, MD Maradong Dan Julau, MD Kapit dan MD Lawas
2.	Akses logikal bagi pegawai yang telah berpindah tidak dihapuskan	3	MP Sibu, MD Betong dan MD Saratok
3.	Tiada pengasingan tugas untuk mengunci masuk data	3	MD Sri Aman, MD Maradong Dan Julau dan MD Matu Dan Daro
4.	Tiada program anti-virus	1	MD Matu Dan Daro
5.	Tidak menyelenggara Buku Log untuk merekod kerja penyenggaraan dan gangguan terhadap operasi sistem	17	MP Padawan, MP Sibu, MD Lundu, MD Bau, MD Simunjan, MD Betong, MD Saratok, MD Luar Bandar Sibu, MD Maradong Dan Julau, MD Sarikei, MD Matu Dan Daro, MD Dalat Dan Mukah, MD Marudi, MD Kapit, MD Kanowit, MD Subis dan MD Limbang
6.	Server ditempatkan di ruang yang tidak berasingan/selamat	8	MD Serian, MD Betong, MD Saratok, MD Maradong Dan Julau, MD Sarikei, MD Matu Dan Daro, MD Marudi dan MD Limbang
7.	Tidak mempunyai bekalan <i>Uninterrupted Power Supply (UPS)</i>	2	MD Saratok dan MD Matu Dan Daro
8.	Tidak mempunyai Pelan Pemulihan Bencana	20	DBKU, MP Padawan, MP Sibu, MD Bau, MD Lundu, MD Samarahan, MD Sri Aman, MD Betong, MD Saratok, MD Maradong Dan Julau, MD Sarikei, MD Luar Bandar Sibu, MD Matu Dan Daro, MD Dalat Dan Mukah, MD Kanowit, MD Kapit, MD Marudi, MD Subis, MD Limbang dan MD Lawas
9.	<i>Post Implementation Review (PIR)</i> tidak dilaksanakan	21	DBKU, MBKS, MB Miri, MP Sibu, MD Bau, MD Serian, MD Simunjan, MD Sri Aman, MD Betong, MD Saratok, MD Maradong Dan Julau, MD Sarikei, MD Luar Bandar Sibu, MD Matu Dan Daro, MD Dalat Dan Mukah, MD Kanowit, MD Kapit, MD Marudi, MD Subis, MD Limbang dan MD Lawas
10.	Tidak menyelenggara rekod pemantauan yang telah dijalankan oleh KASKA terhadap perundangan dan peraturan sistem berkomputer	18	DBKU, MBKS, MB Miri, MP Sibu, MP Padawan, MD Simunjan, MD Bau, MD Serian, MD Samarahan, MD Sri Aman, MD Maradong Dan Julau, MD Luar Bandar Sibu, MD Matu Dan Daro, MD Kapit, MD Marudi, MD Subis, MD Limbang dan MD Lawas
11.	Tidak membuat koordinasi dengan stesen di bawah seliaan masing-masing untuk tujuan kawalan maklumat	13	MBKS, MB Miri, MP Padawan, MP Sibu, MD Bau, MD Samarahan, MD Sri Aman, MD Betong, MD Kanowit, MD Matu Dan Daro, MD Kapit, MD Subis dan MD Limbang
12.	Tidak mempunyai peralatan mengesan kebakaran	7	MD Lundu, MD Bau, MD Saratok, MD Sarikei, MD Marudi, MD Matu Dan Daro dan MD Kanowit

Sumber: Analisis Soal Selidik

Penilaian Audit terhadap Kawalan Aplikasi adalah untuk menentukan integriti data dan sistem dijalankan di enam PBT dan mendapati secara keseluruhannya kurang memuaskan. Selain itu, didapati sejak sistem ILAIS diguna pakai pada tahun 2000 dan sistem SMART 2000 beroperasi sepenuhnya pada tahun 2003, *Post Implementation Review* belum pernah dilakukan untuk penambahbaikan dan peningkatan keupayaan sistem. Sebaliknya penambahbaikan atau peningkatan hanya dilakukan apabila diperlukan atau mengikut kehendak semasa dan ini adalah tidak berkesan dari segi kos. Berikut merupakan penemuan Audit daripada penilaian dan analisis sistem dan data:

- i) Tiada *validity check* bagi medan utama ‘Nombor Kad Pengenalan’ dan oleh itu integriti data serta pangkalan sistem hasil adalah diragui. Contohnya, medan ‘Nombor Kad Pengenalan’ bagi pemegang cukai taksiran telah diisikan dengan data yang tidak berkaitan dan telah diterima oleh sistem. Satu lagi kelemahan pada kawalan input di mana data yang dikunci masuk tidak disahkan dan diluluskan dari segi lengkap, ketepatan dan kesahihan sebelum dikunci masuk. Kelemahan ini telah menyebabkan maklumat pemegang cukai taksiran tidak tepat. Pengesahan Audit terhadap kesahihan maklumat ‘Nombor Kad Pengenalan’ sembilan pemegang yang diselenggara di pangkalan data Majlis Daerah Samarahan dengan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati lapan kes di mana ‘Nombor Kad Pengenalan’ berkenaan adalah milik orang lain. Butir lanjut contoh berkenaan adalah seperti di **Jadual 2.14** dan **Jadual 2.15**.

Jadual 2.14
Medan Bagi Kad Pengenalan Yang Tidak Sah

Bil.	PBT	Maklumat Yang Dicatat Di Medan ‘Nombor Kad Pengenalan’
1.	MD Samarahan	K52117
		K923
		S932
		K933
		K944
2.	MD Sri Aman	W4/L21/10
		W4/L19/2
		W4/L21/15
		W4/L8/20
		W4/L11/17

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List

Jadual 2.15
Nama Pemegang Cukai Taksiran Berbeza Dengan Rekod JPN
Berdasarkan Nombor Kad Pengenalan

PBT	Nombor Kad Pengenalan
MD Samarahan	1. 420831-13-5186
	2. K607065
	3. K521134
	4. K520065
	5. K729263
	6. K575111
	7. K520801
	8. K729405

Sumber: Data MD Samarahan - Rate Defaulters List

- ii) Sistem tidak menyediakan kod untuk mengenal pasti dengan jelas antara pegangan individu iaitu penghuni kawasan kediaman dengan pegangan bagi Syarikat/Agensi;
- iii) Sistem tidak mengira denda yang dikenakan untuk tunggakan yang tidak dijelaskan secara automatik dan hanya akan dikira apabila pembayaran dibuat. Oleh itu, jumlah denda untuk dikutip tidak dapat ditentukan;
- iv) Sistem tidak mengira *Annual Rateable Value* (ARV) secara automatik dan Jadual Kadar ARV tidak diwujudkan. Sebaliknya, kadar ARV dikunci masuk ke dalam sistem untuk mendapat *Annual Rate Payable* (ARP) yang perlu dibayar. Ini menimbulkan isu

serius dari segi pengesahan dan kelulusan nilai kadar yang digunakan untuk pengiraan ARV;

- v) Sistem tidak boleh menjana jumlah terkawal untuk menunjukkan jumlah sebenar tunggakan dan pegangan yang ditanggung oleh seorang pemegang atau sebuah syarikat pada satu-satu masa. Oleh itu, sebahagian analisis Audit hanya dapat dijalankan berdasarkan bilangan pegangan dan bukan bilangan pemegang yang berhutang. Contoh bagi pemegang individu yang berhutang dan Syarikat Dagangan/Agenzi yang mempunyai beberapa pegangan adalah seperti di **Jadual 2.16**.

Jadual 2.16
Individu Dan Syarikat Yang Mempunyai Beberapa Pegangan

Bil.	PBT	Rekod Nama Pemegang Individu/Syarikat	Bil. Pegangan	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	DBKU	1	5	106,311
		2	29	1,792,266
2.	MBKS	1	2	15,336
		2	30	1,234,055
3.	MB Miri	1	2	4,430
		2	19	572,059
4.	MP Sibu	1	4	2,114
		2	11	152,708
5.	MD Samarahan	1	5	11,224
		2	7	46,927
6.	MD Sri Aman	1	2	24,700
		2	3	21,307

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List


- vi) Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Sri Aman didapati tidak mengemas kini maklumat di pangkalan data. Ini disebabkan pegawai jarang turun padang untuk mengesahkan kedudukan sebenar sesuatu pegangan bagi tujuan penyesuaian atau untuk mengemas kini maklumat di pangkalan data seperti di **Jadual 2.17**.

Jadual 2.17
Maklumat Yang Belum Dikemas Kini

Bil.	PBT	Maklumat Yang Belum Dikemas Kini	Rujuk Foto
1.	MB Miri	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah kedai yang tidak beroperasi lagi sejak 1996 berbaki tunggakan berjumlah RM27,284. Notis <i>bankruptcy</i> telah difaiklan terhadap pemegang pada bulan Ogos 2008. Maklumat belum dipadamkan kerana perlu mengekalkan status 'aktif' dalam sistem sehingga baki dijelaskan atau dihapus kira. 	2.9
2.	MD Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah kilang yang telah dirobohkan sejak tahun 2006 berbaki tunggakan berjumlah RM16,268. 7 kediaman yang telah roboh melibatkan tahun 1998 hingga 2008 berbaki tunggakan berjumlah RM2,182. 16 kediaman yang mana penghuninya telah meninggal sejak tahun 2003 hingga 2008 berbaki tunggakan berjumlah RM2,421. 553 penghuni yang telah menduduki kediaman di Taman Samarindah sejak tahun 2007. Surat permohonan kelulusan taksiran hanya dikemukakan kepada Kementerian secara berperingkat iaitu pada bulan Jun, Ogos dan September 2008. 	2.10 2.11
3.	MD Sri Aman	<ul style="list-style-type: none"> 415 kediaman kampung/<i>Native Customary Rights</i> yang mempunyai baki tunggakan berjumlah RM300,680 belum dikemas kini sejak tahun 1966. 38 maklumat rumah panjang belum dikemas kini sejak tahun 1969 berbaki tunggakan berjumlah RM4,453. 14 pembayar sudah meninggal dunia yang melibatkan tahun 1966 hingga 2007 berbaki tunggakan berjumlah RM2,881. 9 bilik di rumah panjang telah dirobohkan sejak tahun 1970 berbaki tunggakan berjumlah RM1,092. 7 kes pengecualian/pengurangan yang diluluskan pada tahun 1966 hingga 2007 tidak dicatat (baki tunggakan RM10,422). 31 maklumat pemegang syarikat tidak dikemas kini sejak tahun 1978 berbaki tunggakan berjumlah RM110,186. 	

Sumber: Data PBT - Rate Defaulters List Dan Pemerhatian Hasil Lawatan Audit

Foto 2.9
Premis Yang Tidak Beroperasi Lagi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Miri
Tarikh: 21 November 2008

Foto 2.10
Kilang Yang Sudah Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Samarahan
Tarikh: 11 Disember 2008

Foto 2.11
Premis Yang Telah Diduduki Sejak Tahun 2007
Tetapi Taksiran Belum Dibuat Setakat 31 Disember 2008



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perumahan Taman Samarindah, Bahagian Samarahan
Tarikh: 23 Disember 2008*

vii) Analisis Audit terhadap data tunggakan hasil mendapati 5,931 pegangan DBKU tidak pernah diambil tindakan selanjutnya kerana tiada catatan pada medan mengenai tindakan yang diambil. Bagaimanapun, DBKU sedang mengambil tindakan mengemaskinikan maklumat tersebut. Manakala sebanyak 3,491 pegangan MBKS yang tiada catatan pada medan mengenai tindakan yang diambil adalah disebabkan data berkenaan telah tercicir semasa pemindahan data dilakukan. MBKS juga sedang mengambil tindakan pengesahan semula serta mengemas kini data berkenaan. Analisis Audit terhadap empat PBT yang lain tidak dapat dijalankan kerana rekod tunggakan hasil tidak mempunyai medan untuk mencatat tindakan yang diambil.

Pada pendapat Audit, kawalan perlu dimantapkan untuk memastikan data yang di input adalah betul, lengkap dan sahih bagi menjamin integriti data dan sistem. PBT sebagai pemilik dan pengguna sistem hendaklah menjalankan *Post Implementation Review* (PIR). Hasil daripada PIR boleh dijadikan input untuk menambah baik keupayaan dan prestasi sistem bagi menjamin akauntabiliti dalam pengurusan tunggakan hasil serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian awam.

2.5.5 Pemantauan Di Peringkat JKM Dan KASKA

Seksyen Pentadbiran Bandaraya di JKM adalah bertanggungjawab memantau aktiviti serta pengurusan kewangan DBKU, MBKS dan BDA. Seksyen ini dianggotai oleh tiga pegawai iaitu seorang Pegawai Tadbir Gred N41 yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal polisi, perundangan, kewangan serta pemantauan secara keseluruhan. Beliau dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang mengurus sumber manusia dan seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 lain yang mengurus bajet serta pengurusan maklumat. Bagaimanapun, semakan Audit serta temu bual dengan pegawai berkenaan mendapati JKM

tidak mewujudkan sebarang peringkat pemantauan atau mekanisme kawalan dan tidak pernah menjalankan lawatan pemantauan di tiga PBT tersebut.

Di peringkat KASKA, didapati Seksyen Penilaian Dan Kadaran bertanggungjawab memantau aktiviti pengurusan tunggakan hasil PBT. Seksyen ini diketuai oleh seorang Pegawai Penilaian Gred W41 dan dibantu oleh lapan penjawat awam yang lain. Manakala Seksyen Inspektorat Akaun juga bertanggungjawab mengenai pengurusan hasil dan sistem maklumat kewangan. Seksyen ini diketuai oleh seorang Akauntan Gred W41 dan dibantu oleh lima penjawat awam yang lain. PBT ada mengemukakan laporan tunggakan hasil setiap bulan kepada pihak KASKA seperti mana yang diarahkan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat bagi Mesyuarat Teknikal Penilaian Dan Kadaran PBT Bil. 1/2008 yang diadakan pada bulan Julai 2008, mendapati Mesyuarat memutuskan tindakan pemulihan segera diperlukan untuk menangani tunggakan hasil. PBT juga diarahkan dengan segera untuk mengemas kini rekod pegangan, mengambil tindakan hapus kira terhadap hutang lapuk dan mengambil tindakan susulan terhadap kes pegangan yang telah dikaveat. Bagaimanapun, berdasarkan laporan lawatan pegawai KASKA mendapati fokus pemeriksaan adalah untuk memeriksa dan menilai pegangan baru.

Pada pendapat Audit, pihak JKM perlu mewujudkan unit khas untuk tujuan pemantauan prestasi kewangan PBT secara menyeluruh dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil oleh PBT untuk meningkatkan kutipan tunggakan hasil. Untuk meningkatkan keberkesaan dalam pengurusan tunggakan hasil PBT, pihak JKM dan KASKA juga perlu mengeluarkan garis panduan dari semasa ke semasa sebagai panduan pihak PBT dalam merangka pendekatan yang lebih strategik dalam mengutip balik tunggakan.

2.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya prestasi pengurusan tunggakan hasil belum mencapai tahap yang memuaskan. **Pihak PBT secara keseluruhannya dijangka boleh hilang sejumlah besar hasil kerana dikategorikan di bawah *Limitation Ordinance, Sarawak (1959)* memandangkan kebanyakannya yang melebihi 12 tahun.** Selain itu, maklumat yang diselenggara di pangkalan data tidak tepat, tidak lengkap serta tidak kemas kini dan analisis maklumat tidak dibuat untuk tujuan pelaporan atau menyedia laporan berkala. *Post Implementation Review* juga tidak pernah dilakukan sejak sistem digunakan dan Kawalan Am serta Aplikasi perlu dimantapkan. Kawal selia di peringkat JKM dan KASKA terhadap PBT dalam urusan tunggakan hasil perlu dipertingkatkan. Bagaimanapun, pihak JKM, KASKA dan PBT sedang mengambil langkah untuk mewujudkan unit/jawatankuasa khas untuk mengurus tunggakan hasil. Adalah disyorkan supaya pihak berkenaan juga mengambil langkah seperti berikut:

- a) Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam memainkan peranan aktif dan mewujudkan satu unit khas untuk memantau pengurusan tunggakan hasil serta memastikan semua PBT mengemukakan pada setiap suku tahun satu Penyata Hasil yang lengkap berserta laporan tindakan yang telah diambil;
- b) Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam membuat *Key Performance Indicators* (KPI) untuk prestasi PBT dalam mengurus hal-ehwal kewangannya;
- c) Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam mengkaji semula keperluan pembangunan modal insan seperti perjawatan mengikut kelayakan serta merangka program latihan yang sesuai dan komprehensif bagi pegawai serta penjawat awam PBT;
- d) Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam perlu mengkategorikan PBT mengikut saiz berdasarkan kriteria yang spesifik dan mewujudkan norma dari segi struktur organisasi, keperluan penjawat awam serta menyediakan garis panduan yang jelas untuk amalan seragam di PBT;
- e) Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam mengkaji semula supaya had kelulusan oleh PBT untuk menghapus kira tunggakan hasil dipertingkatkan;
- f) Cukai taksiran di kawasan pedalaman dikaji semula memandangkan perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang diberi oleh PBT adalah minima;
- g) Ahli Majlis memainkan peranan yang lebih aktif dari segi memberi kesedaran untuk pembayaran cukai;
- h) PBT memberikan insentif secara diskaun kepada pelanggan yang membuat pembayaran awal seperti mana yang dibenarkan oleh Seksyen 73 (2A), Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, Sarawak, 1996;
- i) PBT juga boleh meningkatkan strategi kempen membayar cukai melalui radio, televisyen dan iklan;
- j) Tindakan tegas diambil terhadap pegawai yang mengakibatkan hasil cukai PBT gagal dipungut seperti mengenakan surcaj; dan
- k) PBT perlu melakukan *Post Implementation Review* untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi sistem.

KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM NEGERI SARAWAK

3. PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Bekalan air yang bersih dan berkualiti adalah penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum. Air yang bersih dan berkualiti dinilai dari ciri-ciri fizikal, kimia, biologi serta radiologi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan kualiti air minum yang dibekalkan hendaklah mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan dan juga *World Health Organisation Guidelines For Drinking Water Quality*.

3.1.2 Pembekalan air di negeri Sarawak diuruskan melalui Agensi Bekalan Air yang terdiri daripada Lembaga Air Kuching (LAK) dan Lembaga Air Sibu (LAS); syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU); dan Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Seksyen Bekalan Air. LAK membekal air untuk kawasan Bandar Kuching; LAS bagi kawasan Bandar Sibu; LAKU bagi Bandar Bintulu, Miri dan Limbang; dan JKR membekalkan air ke kawasan lain di Negeri Sarawak.

3.1.3 Matlamat Kerajaan Negeri mengenai pengeluaran air adalah seperti berikut:

- Memastikan adanya bekalan air dirawat yang mencukupi, boleh dipercayai, berkualiti, cekap, mampu dinikmati dan selamat;
- Memanjangkan liputan bekalan air dirawat ke kawasan luar bandar di seluruh Negeri Sarawak;
- Merancang, merangka dan melaksana polisi berkenaan dengan sektor bekalan air di Negeri Sarawak;
- Merancang, menyelaras dan memantau perkembangan projek bekalan air di Negeri Sarawak;
- Mengembang dan mengurus sumber air sedia ada;
- Mentadbir dan menguatkuasa ordinan air, peraturan bekalan air dan peruntukan pelesenan di dalam negeri;
- Memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi polisi, jadual, belanjawan dan nilai skim yang telah diluluskan; dan
- Membuat perancangan dari segi peningkatan kapasiti dalam sektor utiliti supaya bekalan mencukupi bagi memenuhi permintaan daripada pengguna atau pelanggan domestik, komersil dan industri.

3.1.4 Undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam memastikan bekalan air dan sumber air sentiasa terkawal adalah seperti berikut:

- *Ordinan Air, 1994*;
- *The Water Supply Regulations, 1995*;
- *Guidelines for Drinking-water Quality (Third Edition Volume 1 Recommendations)*;

- *National Standards For Drinking Water Quality;*
- *Occupational Health & Safety;*
- Garis Panduan Penyiasatan Dan Penilaian Mutu Air Minum Luar Bandar;
- Pelan Tindakan Keselamatan Air Minum Dan Sanitasi Sewaktu Bencana Alam; dan
- Pelan Standard Untuk Stesen Pensampelan.

3.1.5 Seksyen 3 Ordinan Air Negeri Sarawak, (1994) menetapkan penubuhan Majlis Sumber Air Negeri Sarawak (MSAS) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Tugas dan fungsi Majlis ini ialah:

- Mengenal pasti semua sumber air yang ada;
- Merancang, mengurus dan memajukan pengintegrasian antara sumber air dengan penggunaan tanah;
- Memantau rancangan dan tindakan mana-mana Agensi Kerajaan atau Agensi swasta yang signifikan berkaitan kualiti atau kuantiti sumber air;
- Menasihat Kerajaan mengenai perlindungan, pengembangan dan pengurusan sumber air, isu air dan kegunaan tanah dan persekitaran, penggubalan dasar dan strategi untuk memaju, mengurus dan mengabadikan sumber air, sistem pembekalan dan pengagihan air;
- Bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi Negeri atau badan lain untuk kajian, siasatan dan penyelidikan dalam penggunaan sumber air;
- Memastikan kualiti air minum yang selamat disenggarakan oleh pihak berkuasa bekalan air; dan
- Memaju dan mengusahakan langkah untuk memupuk kesedaran orang awam dan pemahaman tentang pengabdian, pengurusan dan penggunaan sumber air itu.

3.1.6 Seksyen 16, Ordinan yang sama menetapkan Yang di-Pertua Negeri melantik Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Pelantikan berkenaan hendaklah diterbitkan dalam warta. Setiausaha Tetap, Kementerian Kemudahan Awam telah dilantik menjadi PBAN mulai Disember tahun 2007 seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 16(a) Ordinan Air, 1994. Kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa Air Negeri seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 17, Ordinan Air, 1994 merangkumi:

- Kawalan dan penyeliaan ke atas semua Agensi pembekal air; pengurusan kesemua sumber air dan kawasan tadahan air; dan
- Mengeluar lesen untuk membekal air untuk kegunaan orang awam.

3.1.7 Agensi lain yang berkaitan dengan sumber air di negeri Sarawak ialah Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (*Natural Resources Environment Board - NREB*) yang bertanggungjawab untuk menasihat pewartaan kawasan tadahan air.

3.1.8 Kementerian yang bertanggungjawab terhadap bekalan air di Negeri Sarawak ialah Kementerian Kemudahan Awam (Kementerian). Matlamat Kerajaan di bawah RMKe-9 ialah supaya 70% penduduk Negeri Sarawak mendapat bekalan air dirawat.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kualiti air minum telah diuruskan dengan teratur, cekap, berkesan selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh KKM.

3.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap Kualiti Air Minum ialah bagi tahun 2006 hingga 2008. Kajian ini adalah meliputi kualiti air yang dibekal oleh LAK, LAS, LAKU dan JKR Negeri Sarawak. Kajian ini juga melibatkan KKM, Kementerian Kemudahan Awam Negeri Sarawak (KKAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan JKR Negeri Sarawak. Loji yang dipilih ialah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Loji Yang Dilawati

Bil.	Loji	Punca Air Mentah	Kawasan Tadahan	Kawasan Bekalan	Bilangan Tangki	Bilangan Stesen Sampel	Jumlah Pengguna
1.	Batu Kitang	Sungai Sarawak Kiri	Sungai Sarawak Kiri	LAK	14	60	535,000
2.	Salim	Sungai Rejang	Kapit	LAS	19	63	205,210
3.	Lambir	Sungai Liku	Lambir	LAKU	16	41	200,500
4.	Kapit	Sungai Rejang	Kapit	JKR	2	7	11,500
5.	Mukah	Sungai Mukah	Tingkas (tidak diwartakan)	JKR	3	9	17,500
6.	Maradong	Sungai Temadak	Bintangor	JKR	6	11	31,332
7.	Marudi	Sungai Baram	Marudi (tidak diwartakan)	JKR	2	12	35,000

Sumber: LAK, LAS, LAKU Miri dan JKR

3.4 KAEDEAH PENGAUDITAN

Semakan dilakukan terhadap Laporan Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) yang dikeluarkan oleh KKM dan Laporan Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) yang dikeluarkan oleh JAS. Data dan rekod yang berkaitan dengan loji yang dipilih telah disemak dan jadual pensampelan telah dilakukan. Lawatan Audit dilakukan ke pejabat Agensi yang berkaitan dan loji yang terpilih. Selain daripada itu, pensampelan bersama turut dijalankan antara KKM dan Agensi Bekalan Air. Ia adalah bertujuan untuk melihat dan membuat perbandingan terhadap peralatan yang digunakan, kaedah pensampelan yang dilakukan serta hasil ujian yang diperolehi. Borang soal selidik diedarkan kepada pengguna bertujuan untuk mendapat maklum balas kepuasan pengguna terhadap bekalan air yang dibekalkan.

3.5 PENEMUAN AUDIT

3.5.1 Air Mentah

a) Pewartaan Kawasan Tadahan Air

Pewartaan kawasan tadahan air adalah di bawah kuasa PBAN. Proses pewartaan kawasan tadahan bermula dengan PBAN mengenal pasti keperluan untuk melindungi

sumber air di mana-mana kawasan di Negeri Sarawak. PBAN hendaklah mengemukakan cadangannya kepada MSAS dan NREB untuk ulasan dan nasihat sebelum diwartakan sebagai kawasan tadahan air oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Semakan Audit mendapati seluas 4.08 juta hektar yang melibatkan 29 kawasan tadahan telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air. **Adalah didapati 73 kawasan tadahan air seluas 7.46 juta hektar di seluruh Negeri Sarawak belum diwartakan.** MSAS semasa mesyuarat pada Mei tahun 2005 memutuskan untuk menangguhkan pewartaan kawasan tadahan air sehingga dua kajian lengkap dijalankan iaitu *Study on Development of Management Guidelines for Water Supply Catchment Areas of Sarawak* oleh Murdoch University dan *Sarawak Integrated Water Resources Management Master Plan Study*. Kajian yang dijalankan oleh Murdoch University itu telah siap pada Mac tahun 2009 manakala kajian berkenaan *Sarawak Integrated Water Resources Management Master Plan Study* sedang dijalankan. Kawasan tadahan air yang belum diwartakan akan mengakibatkan tindakan penguatkuasaan, pemantauan, pemulihian tidak dapat dilaksanakan dan seterusnya kualiti air mentah akan merosot. Kawasan yang tidak diwartakan adalah terdedah kepada pencerobohan yang boleh menjelaskan kualiti air mentah. **Jadual 3.2** menunjukkan kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti PBAN tetapi belum diwartakan lagi.

Jadual 3.2
Kawasan Tadahan Air Yang Belum Diwartakan
Di Negeri Sarawak

Bil.	Bahagian	Bil. Kawasan Tadahan Air	Keluasan (Hektar)
1.	Miri	6	3,330,790
2.	Sibu	8	1,301,653
3.	Bintulu	9	1,202,422
4.	Limbang	5	505,139
5.	Kapit	1	324,866
6.	Mukah	16	244,042
7.	Sri Aman	4	212,125
8.	Sarikei	4	155,057
9.	Samarahan	4	132,660
10.	Betong	6	28,171
11.	Kuching	10	21,535
Jumlah		73	7,458,460

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

b) Pelindungan Kawasan Tadahan Air

Aktiviti yang dilarang dalam lingkungan lapan kilometer daripada muka sauk meliputi aktiviti pertanian berskala besar, perindustrian, pembalakan dan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan. Lawatan Audit ke kawasan sekitar muka sauk Batu Kitang, Salim, Lambir, Kapit, Mukah, Maradong dan Marudi mendapati berlaku aktiviti pertanian berskala kecil seperti sawah padi berkeluasan 23 hektar di Salim dan ladang kelapa sawit berkeluasan 46,915 hektar di Mukah. Selain itu kediaman penduduk tempatan juga didapati dalam lingkungan lapan kilometer daripada muka sauk yang dilawati. **Foto 3.1** hingga **Foto 3.2** menunjukkan aktiviti dalam lingkungan 8 kilometer daripada muka sauk.

Foto 3.1
Sawah Padi Dekat Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Salim, Sibu
Tarikh: 19 November 2008

Foto 3.2
Rumah Kediaman Dekat Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Kapit, Kapit
Tarikh: 20 November 2008

c) Rekod Pencemaran

Julat Indeks Kualiti Air Kementerian Alam Sekitar ialah seperti di **Jadual 3.3** dan **Jadual 3.4**.

Jadual 3.3
Julat Indeks Kualiti Air Kementerian Alam Sekitar Berdasarkan IKAN

Indeks Kualiti Air/Water Quality Indexes(WQI)	Julat Indeks		
	Bersih (B)	Separa Tercemar (ST)	Tercemar (P)
IKAN	81 – 100	60 – 80	0 - 59

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Jadual 3.4
Klasifikasi Indeks Kualiti Air (IKAN)

Kelas	Julat	Klasifikasi
I	> 92.7	Pemuliharaan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan
II	76.5 – 92.7	Berstatus bersih, mengikut interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut
III	51.9 – 76.5	Berstatus bersih, mengikut interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut
IV	31.0 – 51.9	Tujuan pengairan sahaja
V	< 31.0	Tidak sesuai untuk bekalan air dan pengairan.

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Analisis Audit terhadap Laporan Kualiti Alam Sekitar NREB pada tahun 2006 yang melaporkan kualiti air mentah mengikut parameter yang ditetapkan dalam NWQSM mendapati kandungan *Dissolved Oxygen (DO)* di Sungai Rejang di Sibu dan Sarikei, Sungai Mukah dan Sungai Baram adalah pada kelas III. Sementara kandungan *Faecal Coliform Counts (FCC)* di Sungai Sarawak Kiri, Sungai Rejang di Sibu dan Sarikei, Sungai Mukah dan Sungai Baram adalah pada kelas IV. Kandungan *Total Suspended Solids (TSS)* di Sungai Baram adalah paling teruk iaitu di kelas V diikuti oleh Sungai Rejang di Sarikei dan Kapit pada kelas IV. Sekiranya perkara ini berlarutan, ia boleh

menjejas kualiti air mentah yang mengakibatkan kos rawatan meningkat dan operasi loji boleh dihentikan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Ringkasan National Water Quality Standards For Malaysia (NWQSM)
Klasifikasi Sungai Yang Dipantau Pada Tahun 2006

Bil.	Sungai	Organic Matter			Bacteria	Suspended Solids
		NWQSM Class DO	NWQSM Class NH ₄	NWQSM Class BOD	NWQSM Class FCC	NWQSM Class TSS
1.	Sungai Sarawak Kiri	II	I	II	IV	I
2.	Sungai Rejang Sibu	III	II	III	IV	III
3.	Sungai Rejang Sarikei	III	I	II	IV	IV
4.	Sungai Rejang Kapit	I	I	I	III	IV
5.	Sungai Temadak			Tidak Ada Rekod		
6.	Sungai Mukah	III	I	II	IV	III
7.	Sungai Liku			Tidak Ada Rekod		
8.	Sungai Baram	III	I	I	IV	V

Sumber: Environment Quality Report 2006, Natural Resources And Environment Board Sarawak

Semakan Audit terhadap laporan IKAN yang dikeluarkan oleh JAS mendapati tidak berlaku pencemaran di sungai yang merupakan sumber air mentah di Negeri Sarawak bagi tahun 2006 hingga 2008. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**. Bagaimanapun laporan NREB tahun 2006 seperti di **Jadual 3.5** menunjukkan percanggahan.

Jadual 3.6
IKAN Bagi Sungai Di Negeri Sarawak

Bil.	Sungai	2006			2007			2008 (Oktober)		
		Status	Kelas	IKAN	Status	Kelas	IKAN	Status	Kelas	IKAN
1.	Sungai Sarawak Kiri	B	II	84	B	II	86	B	II	87
2.	Sungai Rejang	B	II	84	B	II	84	ST	II	76
3.	Sungai Temadak				Tidak Ada Rekod					
4.	Sungai Mukah	B	II	81	B	II	82	ST	II	78
5.	Sungai Liku				Tidak Ada Rekod					
6.	Sungai Baram	ST	II	80	B	II	81	ST	II	79

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Kuching

Nota: B – Bersih ST – Separa Tercemar

Pada Pendapat Audit, JAS dan NREB perlu menyelaraskan status pengelasan air sungai.

d) Kos Mengabstrak Air Mentah

Ordinan Air, 1994 menetapkan kadar untuk mengabstrak, pengambilan, penyadapan air mentah dari mana-mana anak sungai, sungai, alur air atau sumber bawah tanah pada kadar satu sen setiap meter padu.

Semakan Audit mendapati hanya LAK, LAS dan LAKU dikenakan bayaran bagi mengabstrak air mentah. **Jadual 3.7** menunjukkan jumlah royalti yang telah dibayar oleh Agensi berkenaan kepada Kerajaan Negeri.

Jadual 3.7
Jumlah Royalti Air Yang Dibayar Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Lembaga Air Kuching (RM)	Lembaga Air Sibu (RM)	LAKU Management Sdn.Bhd. (RM)
2006	1,337,470	394,670	360,069
2007	1,540,039	403,593	398,166
2008	1,431,750	391,373	424,136

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan LAKU Management Sdn.Bhd.

Pada pendapat Audit, PBAN hendaklah mewartakan kawasan tadahan air yang dikenal pasti dengan segera. Pemantauan kawasan tadahan air hendaklah dilaksanakan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti yang dilarang di kawasan tadahan air diambil untuk menjamin sumber air mentah tidak tercemar. Langkah awal perlu diambil bagi pemantauan kualiti air di Sungai Rejang, Sungai Mukah dan Sungai Baram bagi memperbaiki kualiti air di sungai berkenaan.

3.5.2 Loji Rawatan Air (LRA)

a) Jenis Rawatan

Pemeriksaan Audit ke tujuh loji yang dipilih mendapati rawatan yang digunakan ialah rawatan konvensional.

b) Kaedah Makmal Yang Diamalkan

Makmal bagi menjalankan ujian terhadap kualiti air secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu Makmal Berpusat dan Makmal Loji.

Lawatan Audit ke Agensi Bekalan Air yang terlibat mendapati hanya LAK, LAS dan LAKU sahaja yang memiliki makmal secara berpusat. Bagaimanapun, ketiga-tiga makmal berpusat tersebut tidak mempunyai sijil akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia. Makmal LAS adalah lebih teratur, tersusun dan dilabelkan kerana mengamalkan sistem 5S, iaitu satu konsep bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih teratur dan selesa sepanjang masa dan sistem pengurusan bahan kimia berjadual. Tahap keselamatan makmal yang dimiliki oleh ketiga-tiga Agensi tersebut juga adalah baik di mana prosedur dan peralatan kecemasan telah disediakan. Jadual untuk menjalankan ujian kualiti air bagi ketiga-tiga Agensi tersebut juga disediakan setiap tahun mengikut keperluan yang ditetapkan oleh KKM. Ujian terhadap kualiti air meliputi proses rawatan air, tangkiimbangan dan servis serta paip agihan.

Pemeriksaan Audit mendapati analisis kualiti air yang dijalankan oleh makmal berpusat di LAK, LAS dan LAKU terbahagi kepada 2 iaitu *physico-chemical* dan *bacteriological*. Ujian *physico-chemical* yang dibuat adalah meliputi *pH*, *hazen*, *turbidity*, *alkalinity*, *hardness*, *residual aluminium*, *ammonia*, *nitrate*, *iron*, *chloride*, *dissolved solids*, *cyanide* dan *Biochemical Oxygen Demand*. Ujian *bacteriological* yang mampu dibuat oleh makmal berpusat adalah terdiri daripada *faecal coliform*, *organism* dan *E-Coli*. Bagaimanapun, makmal berpusat LAKU tidak menjalankan ujian *bacteriology* secara rutin. Adalah didapati juga, makmal loji LAK, LAS, LAKU dan JKR ada menjalankan

analisis seperti *pH*, *hazen*, *turbidity* dan *residual chlorine*. Lawatan Audit juga mendapati LRA Mukah, Kapit, Maradong dan Marudi hanya mempunyai makmal di loji dan menjalankan ujian fizikal. Makmal LRA Mukah tidak menjalankan ujian *turbidity* kerana peralatan tidak dibekalkan ke loji berkenaan.

Pemeriksaan Audit mendapati rekod ujian yang diselenggara oleh LAK, LAS dan LAKU adalah lengkap dan mudah diperolehi. Bagaimanapun, rekod ujian yang disimpan oleh makmal loji JKR adalah tidak teratur kerana penyimpanan rekod yang tidak sistematis dan konsisten. Tiada laporan analisis bulanan atau tahunan dibuat oleh pihak JKR untuk menentukan tahap prestasi kualiti air yang dibekalkan.

c) Peralatan Pengujian

Lawatan Audit mendapati senarai lengkap peralatan yang digunakan dan dimiliki ada disimpan dan dikemas kini oleh LAK, LAS dan LAKU. Peralatan pengujian di makmal berpusat LAK, LAS dan LAKU adalah sempurna kerana mampu menjalankan ujian sekurang-kurangnya hingga kumpulan III. Adalah didapati makmal Loji JKR tidak menyediakan senarai peralatan yang dimilikinya dengan lengkap dan kemas kini. Namun demikian, makmal loji JKR mempunyai sekurang-kurangnya peralatan untuk membuat ujian fizikal seperti *pH*, *hazen*, *turbidity* dan *residual chlorine* kecuali makmal loji Mukah yang mempunyai *turbidimeter on-line* yang sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2006 tetapi tidak disiapkan oleh pihak kontraktor. Oleh itu, JKR hendaklah memastikan kontraktor terlibat menyiapkan sepenuhnya peralatan di LRA Mukah supaya pemantauan ke atas kualiti air mentah dapat dijalankan dengan berkesan. Lawatan Audit selanjutnya mendapati Unit KMAM di Maradong, Marudi, Miri dan Kapit tidak mempunyai peralatan yang mencukupi untuk menjalankan ujian *hazen* di stesen pensampelan. Unit KMAM Marudi dan Maradong pula didapati tidak dapat menjalankan ujian *in-situ* kerana peralatannya rosak dan tiada peralatan.

Berdasarkan ujian *in-situ* yang telah dibuat juga mendapati LAK, LAS, LAKU dan JKR menggunakan peralatan *comparator disc* untuk menjalankan ujian *pH* dan *hazen*. Penggunaan peralatan tersebut mempunyai kelemahannya kerana akan memberi bacaan yang berbeza kerana dipengaruhi faktor cahaya. Bagaimanapun, pihak Agensi Bekalan Air memberikan alasan bahawa penggunaan peralatan tersebut dapat menjimatkan tempoh yang diambil dan mudah digunakan oleh penjawat awam yang ada sekarang.

d) Penyenggaraan Peralatan

Semakan Audit mendapati kesemua Agensi Bekalan Air yang diaudit tidak menyediakan jadual penyenggaraan yang lengkap untuk peralatan makmal yang dimiliki kecuali LAK. LAS ada membuat penyenggaraan terhadap peralatannya dan menyimpan rekod penyenggaraan tetapi tidak direkod dengan lengkap. Manakala JKR tidak dapat mengemukakan rekod penyenggaraan semasa lawatan dan oleh itu pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penyenggaraan ada dilakukan.

i) Kalibrasi Dalaman

Berdasarkan pemerhatian fizikal kesemua Agensi Bekalan Air ada membuat kalibrasi dalaman terhadap peralatan ujian yang dimilikinya berdasarkan tempoh yang ditetapkan atau keadaan yang memerlukan. Bagi LAK, LAS dan LAKU, kalibrasi yang telah dibuat direkod dalam daftar peralatan berkenaan dan dilabel dengan kemas kini. Manakala JKR tidak menyelenggara rekod kalibrasi dengan lengkap dan kemas kini. Prosedur kalibrasi bagi peralatan makmal yang dimiliki ada disediakan oleh kesemua Agensi Bekalan Air. Bagaimanapun, hanya LAK ada menyedia carta aliran kerja bagi prosedur kalibrasi dalaman peralatannya.

ii) Kalibrasi Luar

Bagi peralatan makmal yang memerlukan kalibrasi daripada luar, Agensi Bekalan Air dan Pejabat Kesihatan akan mendapatkan khidmat daripada pembekal peralatan untuk tujuan ini. Jadual kalibrasi peralatan yang memerlukan khidmat luar tidak disediakan oleh JKR Mukah dan Marudi. Peralatan di JKR Maradong dan Kapit adalah jenis yang tidak memerlukan kalibrasi. Peralatan yang digunakan ialah dari jenis *Lovibond Comparator Disc* yang mana bacaan dibuat melalui perbandingan *hazen* terhadap *disc* yang telah disediakan.

e) Kaedah Pensampelan

i) Prosedur

Semakan Audit mendapati kesemua Agensi Bekalan Air yang diaudit mempunyai prosedur masing-masing yang didokumenkan. LAK, LAS dan LAKU mempunyai prosedur yang terkandung dalam dokumen kualiti. Prosedur tersebut adalah berdasarkan *Standard Methods For The Examination Of Water And Waste Water*, *National Drinking Water Quality Surveillance Programme* dan *Hach Water Analysis Handbook*.

JKR pula mengeluarkan manual bagi Pihak Berkuasa Bekalan Air iaitu Panduan Kerja Pertukangan Atendan Loji Bekalan Air yang mengandungi arahan atau prosedur untuk menjalankan operasi loji, mencampurkan bahan kimia dan juga analisis terhadap parameter kimia seperti *pH*, *hazen*, *turbidity*, *fluoride*, *residual chlorine* dan *aluminium* sahaja. Semakan Audit mendapati garis panduan/ prosedur yang disediakan oleh JKR adalah amat ringkas dan terlalu umum

Walau bagaimanapun, pengambilan sampel untuk ujian Jabatan Kimia dilakukan oleh penjawat awam LAK, LAS, LAKU dan JKR. Perkara ini boleh menimbulkan keraguan terhadap integriti sampel yang diambil. Sebagai *check and balance*, KMAM hendaklah dari semasa ke semasa mengambil sendiri sampel untuk ujian kualiti air dan merekod keputusannya supaya dapat membuat perbandingan dengan keputusan ujian yang dijalankan oleh Agensi Bekalan Air.

ii) Pematuhan

Berdasarkan pemeriksaan fizikal Audit mendapati prosedur menjalankan ujian kualiti air telah dipatuhi oleh Unit Kawalan Mutu Air Agensi yang terlibat. Keadaan ini menunjukkan bahawa penjawat awam yang terlibat memahami prosedur ujian yang dibuat. Semakan Audit juga mendapati ujian dijalankan seperti yang telah dijadualkan dan semua keputusan ujian direkodkan.

iii) Pelabelan Sampel

Kaedah pelabelan sampel adalah penting sebagai mekanisme untuk mengenal pasti jenis sampel air, jenis ujian yang hendak dilakukan, tarikh dan masa sampel diambil, Agensi yang mengambil sampel dan lokasi sampel diperolehi. Semakan Audit mendapati semua Agensi yang dilawati mempunyai kaedah pelabelan masing-masing. Label yang digunakan oleh kesemua Agensi tersebut mengandungi maklumat diperlukan seperti yang telah dinyatakan.

f) Rekod Kualiti Air Loji (Ujian Makmal)

Semakan Audit mendapati rekod keputusan ujian yang dijalankan di loji seperti ujian *turbidity*, *pH* dan *hazen* ada disimpan dalam rekod ujian di loji mengikut masa dan tarikh ujian dijalankan. Selain itu, didapati carta aliran berkaitan pengendalian keputusan ujian tidak disediakan oleh semua Agensi. Bagaimanapun, prosedur pengendalian ujian ada dinyatakan di dalam dokumen kualiti masing-masing. Bagi LAK, LAS dan LAKU keputusan ujian dalaman dipantau oleh Pegawai Sains atau Pembantu Makmal Kanan manakala bagi JKR, keputusan ujian dalaman dipantau oleh Jurutera atau Juruteknik yang diberi kuasa.

Pada pendapat Audit, makmal loji hendaklah disediakan dengan peralatan mencukupi yang mampu digunakan untuk menjalankan ujian fizikal. Senarai daftar peralatan hendaklah diselenggara di makmal JKR sebagai rekod untuk memastikan peralatan yang dibekalkan diurus dengan sempurna. Peralatan yang memerlukan kalibrasi hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengeluar peralatan berkenaan supaya keputusan ujian yang dijalankan adalah tepat. KMAM hendaklah mengambil sendiri sampel air untuk ujian sebagai *check and balance* kepada ujian yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi.

3.5.3 Tangki/Kolam Imbangan dan Perkhidmatan

Tangki/Kolam Imbangan dan Perkhidmatan hendaklah sentiasa bebas daripada pencemaran yang boleh menjejas kualiti air minum. Oleh itu, program pemeriksaan dan pencucian tangki hendaklah dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati semua Agensi Bekalan Air tidak menyediakan program pencucian tangki secara berjadual atas alasan ia boleh menjejaskan bekalan air kepada pengguna. Sebaliknya, Agensi Bekalan Air ada menyediakan program pemeriksaan tangki sekali setahun. Keputusan untuk mencuci tangki adalah berdasarkan syor hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan. Semakan lanjut Audit mendapati pihak

LAS dan JKR Kapit, ada menjalankan pencucian tangki pada tahun 2007 dan 2008 dengan menggunakan kaedah robotik dan manual.

Pada pendapat Audit, Agensi Bekalan Air harus menerima pakai amalan terbaik yang kos efektif untuk mencuci tangki. Pemeriksaan kualiti air di tangki menggunakan peralatan *depth sampler* boleh diguna pakai.

3.5.4 Pensampelan Dan Ujian Kualiti Air

a) Stesen Pensampelan

Semakan Audit mendapati stesen pensampelan yang disediakan adalah mencukupi kecuali di Bintangor di mana stesen pensampelan tidak mencukupi sepertimana kehendak Panduan Pengawalan Mutu Air Minum. Jumlah stesen pensampelan berdasarkan Loji Rawatan Air (LRA) yang dilawati adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Stesen Pensampelan

Bil.	LRA	Stesen Pensampelan
1.	Lembaga Air Kuching	60
2.	Lembaga Air Sibu	63
3.	LAKU Management Sdn. Bhd., Miri	41
4.	LRA Kapit	6
5.	LRA Mukah	9
6.	LRA Marudi	11
7.	LRA Maradong/Bintangor	3

Sumber: LAK, LAS, LAKU, LRA Kapit, Mukah, Marudi dan Bintangor

b) Ujian Kualiti Air

Pensampelan dibuat dengan membandingkan bacaan yang dibuat oleh Agensi Bekalan Air dan KMAM. Adalah didapati, keputusan pensampelan yang dijalankan terhadap 43 stesen pensampelan bersama KMAM dan Agensi Bekalan Air pada Oktober tahun 2008 adalah seperti berikut:

- i) Perbezaan keputusan ujian adalah disebabkan penggunaan jenis dan jenama peralatan berlainan;
- ii) Bacaan *pH* melebihi 9 dicatat di pusat pensampelan *Hilltop Reservoir* dan *Lopeng Reservoir* oleh KKM Miri; dan
- iii) Bacaan *residual chlorine* <0.2 mg/l dicatat di pusat pensampelan Kampung Wahed dan Kuala Baram Old Ferry Point di Miri, Berek JKR Kapit, Taman Dah Yuh Marudi serta Lapangan Terbang dan Hospital di Mukah.

Selain itu pihak Audit juga mendapati bahawa:

- i) LAK tidak mempunyai peralatan mudah alih untuk menguji *residual chlorine* di tapak;
- ii) LAKU Miri dan LAS tidak mempunyai peralatan mudah alih untuk menguji *hazen*;
- iii) KKM Mukah tidak mengambil sampel dan menjalankan ujian bagi loji JKR Mukah;
- iv) KKM Kapit tidak mempunyai peralatan untuk menguji *pH*, *turbidity* dan *hazen*;
- v) KKM Maradong hanya mempunyai peralatan untuk menguji *flouride* sahaja; dan

- vi) Peralatan untuk menguji *hazen* dan *turbidity* di JKR Kapit rosak pada hari pensampelan bersama dijalankan.

Ketiadaan peralatan tersebut menyebabkan ujian lengkap kualiti air tidak dapat dijalankan. Bagaimanapun, keputusan ujian keseluruhannya masih dalam lingkungan yang dibenarkan.

- **Penyenggaraan Stesen Pensampelan**

Stesen pensampelan hendaklah berada dalam keadaan yang baik dan peralatan yang disediakan mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam Pelan Standard Untuk Stesen Pensampelan Mutu Air Minum seperti yang dikeluarkan oleh JKR Malaysia. **Foto 3.3** hingga **Foto 3.9** menunjukkan keadaan stesen pensampelan di Kemuyang Sibu, Kapit, Muara Tebas Kuching, Petra Jaya, stesen pensampelan di Barrack JKR Kapit yang tidak didaftarkan dan Tangki Konkrit RC Bintangor yang tidak mempunyai kotak pensampelan semasa lawatan Audit pada Oktober tahun 2008. **Foto 3.4** menunjukkan stesen pensampelan di Kemuyang Sibu yang telah dibaiki.

Foto 3.3

Stesen Pensampelan Yang Berkarat Dan Senget



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kemuyang, Sibu
Tarikh: 15 Oktober 2008


Foto 3.4

Stesen Pensampelan Yang Sudah Dibaiki



Sumber: Lembaga Air Sibu
Lokasi: Kemuyang, Sibu
Tarikh: 4 Mei 2009

Foto 3.5
Stesen Pensampelan Dalam Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bahagian Kapit
Tarikh: 16 Oktober 2008

Foto 3.6
Semut Bersarang Di Stesen Pensampelan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muara Tebas, Kuching
Tarikh: 10 November 2008

Foto 3.7
Kepala Paip Yang Diikat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Petra Jaya, Kuching
Tarikh: 10 November 2008

Foto 3.8
Kotak Pensampelan Tidak Disediakan Dan Tidak Didafarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Kuarters, Kapit
Tarikh: 16 Oktober 2008

Foto 3.9
Kotak Pensampelan Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Concrete Tank, Maradong
Tarikh: 27 Oktober 2008

- **Pelanggaran Keputusan**

Kadar pelanggaran yang dibenarkan bagi jumlah sampel yang diperiksa dalam satu tahun berdasarkan *Quality Assurance Program (QAP) KKM* ialah:

- *E. coli*: Kurang daripada 0.4% daripada jumlah sampel yang diperiksa;
- *Residual chlorine*: kurang daripada 2.8% daripada jumlah sampel yang diperiksa;
- *Residual chlorine* dan *E. coli*: kurang daripada 0.3% daripada jumlah sampel yang diperiksa;
- *Turbidity*: kurang daripada 2.2% daripada jumlah sampel yang diperiksa; dan
- *Residual Aluminium*: kurang daripada 10.2% daripada jumlah sampel yang diperiksa.

Semakan Audit terhadap rekod KMAM menunjukkan 4.9% daripada 123 sampel yang diuji bagi Kapit melanggar paras yang ditetapkan bagi *E. coli*. Pelanggaran juga berlaku untuk *residual chlorine* di LRA LAKU Miri, iaitu 10.0% daripada 957 sampel yang diuji, 5.8% daripada 360 sampel yang diuji di Marudi dan 8.8% daripada 331 sampel diuji di Mukah. Selain itu, pelanggaran *residual aluminium* juga didapati di semua loji yang dilawat kecuali LRA Maradong. Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar Tahun 2006 oleh NREB, punca air mentah bagi LRA Batu Kitang, Salim, Lambir, Kapit, Mukah, Maradong dan Marudi menunjukkan kadar *faecal coliform* yang tinggi dan melepas had separa tercemar. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Rekod Pelanggaran Quality Assurance Program KMAM Tahun 2008

Loji	E. Coli (<0.4%)	Residual Chlorine (<2.8%)	E. Coli & Residual Chlorine (<0.3%)	Turbidity (<2.2%)	Residual Aluminium (<10.2%)
Kuching	0.4	1.0	0.1	0.0	32.3
Sibu	0.0	0.0	0.0	0.0	19.4
Miri	0.0	10.0	0.0	0.3	11.8
Marudi	0.0	5.8	0.0	1.7	62.5
Kapit	4.9	2.7	0.0	0.0	62.5
Mukah	0.3	8.8	0.0	-	76.6
Maradong	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0

Sumber: Laporan Tahunan, Program Kawalan Kualiti Air Minum Negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia Sarawak

Pada pendapat Audit, stesen pensampelan hendaklah dibina berdasarkan spesifikasi dalam Pelan Standard untuk Stesen Pensampelan Mutu Air Minum. Bagi kawasan yang kerap mengalami pelanggaran keputusan ujian, tindakan pembetulan hendaklah dijalankan untuk menjamin pengguna mendapat bekalan air yang selamat untuk diminum.

3.5.5 Paip Agihan/Retikulasi/Komunikasi

a) Penyimpanan Saluran Paip/Injap

Saluran paip hendaklah disimpan dengan menutup kedua-dua hujungnya untuk mengelak kekotoran daripada memasuki paip berkenaan. Lawatan Audit ke tujuh Agensi mendapati penyimpanan paip adalah tersusun tetapi kedua-dua hujungnya tidak ditutup seperti di **Foto 3.10** hingga **Foto 3.12**.

Foto 3.10
Paip Yang Disusun Tetapi Hujung Tidak Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapangan Simpanan Paip LAS, Sibu
Tarikh: 16 Oktober 2008

Foto 3.11
Paip Yang Tidak Ditutup Hujung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Paip, LRA Marudi
Tarikh: 23 Oktober 2008

Foto 3.12
Paip Yang Disusun Teratur Tetapi Hujung Tidak Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Paip, LAKU Miri
Tarikh: 20 Oktober 2008

b) Kerja Pembaikan

Semakan Audit mendapati LAK, LAS dan LAKU ada menyediakan Prosedur Kualiti/*Integrated Management System* bagi kerja pembaikan ke atas paip pecah atau bocor. Antara lain, prosedur tersebut menetapkan setiap aduan diterima akan disiasat dalam tempoh 24 jam. Sebaik sahaja masalah dikenal pasti, kerja pembaikan dimulakan dengan menutup *service valve*. Setelah kerja pembaikan selesai, *flushing* dibuat bagi memastikan air bersih. Selain itu, *water tightness test* dijalankan untuk memastikan tidak ada kebocoran lain berlaku dan ujian fizikal dibuat bagi memastikan air selamat untuk diminum. Semakan Audit terhadap rekod pembaikan paip retikulasi dan paip komunikasi yang telah dijalankan mendapati prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi. Keadaan sebelum dan selepas kerja pembaikan dijalankan adalah seperti di **Foto 3.13** hingga **Foto 3.16**.

Foto 3.13
Paip Retikulasi Bocor



Sumber: Lembaga Air Sibu
Lokasi: Kampung Jeriah, Sibu
Tarikh: 29 September 2008

Foto 3.14
Paip Retikulasi Selepas Dibaiki



Foto 3.15
Paip Komunikasi Bocor



Foto 3.16
Paip Komunikasi Selepas Dibaiki



Sumber: Lembaga Air Sibu

Lokasi: Jalan Lanang, Sibu

Tarikh: 16 September 2008

Adalah didapati JKR juga menyediakan prosedur kualiti iaitu *Customer Support Services* untuk menerangkan prosedur membaiki paip pecah atau bocor. Proses menerima laporan sehingga selesai adalah sama seperti di LAK, LAS dan LAKU. Semakan Audit di JKR Mukah mendapati aduan berkenaan paip bocor dan paip pecah disampaikan secara lisan kepada pegawai yang berkenaan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada tindakan diambil serta merta atau sebaliknya. Selain itu, aduan berkenaan paip pecah di JKR Kapit, Maradong dan Marudi tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini. Lawatan Audit ke tapak pemberian paip pecah di Marudi mendapati prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi.

c) Kaedah Penyerahan Daripada Pemaju Kepada Agensi Bekalan Air

Semakan Audit mendapati semua Agensi Bekalan Air telah menyediakan kaedah penyerahan paip yang perlu dipatuhi oleh pemaju apabila hendak menyerahkan paip. Adalah didapati LAK, LAS dan LAKU ada menetapkan syarat tambahan iaitu paip hendaklah dinyah kuman sebelum diserahkan. Ujian fizikal, *bacteriological* dan kimia juga dijalankan serta ujian ketahanan paip. Tempoh liabiliti antara satu hingga dua tahun dikenakan sebelum pihak Agensi Bekalan Air menerima secara rasmi paip berkenaan. Namun demikian, pihak JKR hanya menjalankan ujian ketahanan paip, *flushing* dan menetapkan tempoh liabiliti semasa penyerahan paip. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Ujian Yang Dijalankan Semasa Penyerahan Paip

Jenis Ujian	LAK	LAS	LAKU	JKR
Ketahanan Paip	√	√	√	√
Nyah Kuman	√	√	√	X
Fizikal	√	√	√	X
<i>Bacteriological</i>	√	√	√	X
Kimia	√	√	√	X
Tempoh Liabiliti	√	√	√	√
<i>Flushing</i>	√	√	√	√

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Miri

Nota: √: Ada X: Tidak ada

d) Pemasangan Saluran Paip Di Kawasan Pembetungan

Mengikut Amalan Terbaik Pemasangan Paip, paip retikulasi hendaklah dipasang di atas paip pembetung. Amalan ini diperlakukan bagi mengelakkan air tercemar sekiranya berlaku kebocoran.


Semakan Audit mendapati paip retikulasi di kawasan perdagangan di Sibu diletak di bahagian belakang bangunan kedai selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak JKR pada tahun 1998. Arahan JKR ini adalah bercanggah dengan amalan terbaik dan mendedahkan paip retikulasi kepada pencemaran apabila berlakunya kebocoran paip pembetung. Adalah dicadangkan supaya peraturan berkenaan dikaji semula supaya kesan pencemaran ke paip retikulasi daripada kebocoran paip pembetungan dapat dielakkan. Semakan Audit seterusnya mendapati perkara ini telah dibawa ke mesyuarat Sarawak Water Supply Consultative Committee dan akan dibentangkan kepada KKAS.

e) Pencucian Saluran Paip

Program pencucian paip perlu diadakan secara berjadual untuk memastikan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna adalah mengikut piawaian yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati LAK hanya menjalankan pencucian paip setelah menerima aduan daripada pengguna. Program pencucian saluran paip tidak diadakan kerana mengikut LAK, kualiti air menepati piawaian yang telah ditetapkan. Analisis Audit terhadap aduan bekalan air kotor bagi tahun 2006 hingga 2008 yang menunjukkan trend yang meningkat. Pada tahun 2006, sebanyak 60 atau 1.2% daripada 4,988 aduan diterima manakala pada tahun 2007, sebanyak 145 atau 3% daripada 4,818 aduan dan sebanyak 364 atau 12.6% daripada 2,894 aduan diterima pada tahun 2008. Trend peningkatan aduan adalah sebanyak 1.4% dari tahun 2006 hingga 2007 dan 151% dari tahun 2007 hingga 2008. Analisis lanjut mendapati jumlah aduan berkenaan bekalan air kotor di kawasan LAK menunjukkan peningkatan seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1
Jumlah Aduan Air Kotor LAK Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Lembaga Air Kuching

Di LAS, program berjadual hanya disediakan selepas menerima aduan daripada pengguna dan dihentikan apabila keadaan pulih. Semakan Audit mendapati JKR Kapit ada menyedia program pencucian paip melalui kaedah *flushing*. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Program Pencucian Paip

Agenzi Bekalan Air	Pencucian Berjadual	Pencucian Secara Ad-hoc	Program Disediakan Selepas Menerima Aduan
LAK	X	√	X
LAS	√	√	√
LAKU, Miri	√	√	X
JKR Kapit	√	√	X
JKR Mukah	X	√	X
JKR Marudi	X	√	X
JKR Maradong	√	√	X

Sumber: LAK, LAS, LAKU Miri, JKR Kapit, Mukah, Marudi dan Maradong

Nota: √: Ada X: Tidak ada

Pada pendapat Audit, kedua hujung paip yang disimpan hendaklah ditutup mengikut Amalan Terbaik Penyimpanan Paip untuk memastikan paip bebas daripada kotoran dan bendasing. Adalah disyorkan juga supaya JKR menyeragamkan prosedur penyerahan paip seperti Agensi Bekalan Air lain. Pihak LAK disyorkan menyediakan program pencucian paip memandangkan jumlah aduan berkenaan air kotor meningkat dari tahun 2006 hingga 2008. Program pencucian paip hendaklah diadakan terutama di kawasan yang sering mengalami bekalan air kotor.

3.5.6 Pengurusan Aduan Pengguna Oleh Pembekal Air

Semakan Audit mendapati LAK, LAS dan LAKU mempunyai pusat perkhidmatan pelanggan yang diletak di bawah Seksyen Agihan. Aduan yang diterima dicatat dan difailkan dengan teratur. Antara maklumat yang diambil ialah masa aduan diterima dan diselesaikan, jenis aduan dan lokasi berlaku perkara yang diadukan. Tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan aduan adalah satu hingga tiga hari. Maklumat berkenaan aduan yang diterima bagi LAK, LAS dan LAKU adalah seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Maklumat Aduan Diterima Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Jenis Aduan	LAK			LAS			LAKU		
	2006	2007	2008	2006	2007	2008	2006	2007	2008
Putus bekalan air	462	414	195	205	161	112	232	242	119
Tekanan air rendah	309	323	168	246	293	164	420	497	249
Paip bocor/pecah	4,117	3,894	2,154	937	800	1,302	2,607	2,595	1,377
Meter air rosak	7	7	2	667	609	346	76	70	23
Air kotor	60	145	364	504	409	285	313	323	291
Lain-lain	33	35	11	1,108	1,125	254	1,281	1,878	1,464
Jumlah	4,988	4,818	2,894	3,667	3,397	2,463	4,929	5,605	3,523

Sumber: LAK, LAS Dan LAKU

LRA Kapit, Mukah, Maradong dan Marudi, tidak diwujudkan Seksyen Perkhidmatan Pelanggan. Aduan yang diterima kadang-kadang dicatat. Bagi LRA Mukah, aduan yang diterima hanya disampaikan secara lisan kepada pegawai yang terlibat. Oleh demikian, tidak dapat dipastikan sama ada semua aduan telah diambil tindakan.

Pada pendapat Audit, LRA JKR Kapit, Mukah, Maradong dan Marudi perlu menubuhkan Seksyen Perkhidmatan Pelanggan supaya aduan yang diterima dapat direkod dan diambil tindakan dengan sewajarnya.

3.5.7 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dalam menjalankan Kajian Kualiti Air. Secara keseluruhannya, sebanyak 1,470 borang soal selidik telah diagihkan kepada pengguna air yang dibekalkan oleh Agensi Bekalan Air dan sejumlah 983 borang atau 66.9% dikembalikan.

Analisis Audit terhadap perkara berkenaan dengan gangguan bekalan air mendapati kawasan Sibu mengalami paling banyak gangguan bekalan air iaitu 80.3%, diikuti oleh kawasan Mukah 80.2% dan kawasan Kapit 80%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.13**.

Gangguan Bekalan Air	Jadual 3.13 Gangguan Bekalan Air				
	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
Ya	58.4	80.3	53.5	80	80.2
Tidak	41.6	19.7	46.5	20	19.8

Sumber: Jabatan Audit Negara

Berkenaan kekerapan pengguna mengalami gangguan bekalan air, majoriti responden menyatakan mereka mengalami gangguan bekalan air daripada 1 hingga 5 kali setahun seperti di **Jadual 3.14**.

Kekerapan Gangguan Bekalan Air	Jadual 3.14 Kekerapan Gangguan Bekalan Air Setahun				
	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
1 hingga 5 kali	46.6	60.3	46.5	61.9	51.5
6 hingga 10 kali	1.7	5.4	1.4	-	11.4
11 hingga 15 kali	1.2	2.3	-	4.8	1.2
16 hingga 20 kali	-	0.8	-	-	1.2
Lebih daripada 20 kali	0.8	0.2	-	4.8	1.2
Tidak Pasti	47.7	31.0	52.1	28.5	33.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lebih daripada 60% responden yang mempunyai tangki bumbung menyatakan bahawa mereka tidak melakukan penyenggaraan tangki di rumah seperti yang ditunjuk di **Jadual 3.15**.

Cuci Tangki	Jadual 3.15 Kekerapan Mencuci Tangki Dalam Setahun				
	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
Ya	20.6	22.8	5.6	9.5	26.4
Tidak	68.9	68.3	66.2	76.2	67.7
Tidak Berkenaan (Tidak ada tangki)	10.5	8.9	28.2	14.3	5.9

Sumber: Jabatan Audit Negara

Adalah didapati lebih daripada 45% responden menggunakan penapis air di premis. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16
Mempunyai Penapis Air

Penapis Air	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
Ada	36.1	33.7	42.3	33.3	44.9
Tidak Ada	63.9	67.3	57.7	66.7	55.1
Tidak Dinyatakan Sama Ada Ada Atau Tidak	3.0	3.5	56.3	-	2.4

Sumber: Jabatan Audit Negara

Adalah didapati lebih daripada 68% responden menyatakan tekanan air adalah memuaskan kecuali di Mukah di mana 43.1% responden memaklumkan bahawa tekanan air tidak memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.17**.

Jadual 3.17
Tekanan Air

Tekanan Air	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
Memuaskan	66.8	75.3	76.1	71.4	53.3
Tidak Memuaskan	26.5	21.8	19.7	23.8	43.1
Tidak Tahu	6.7	2.9	4.2	4.8	3.6

Sumber: Jabatan Audit Negara

Adalah didapati lebih daripada 80% responden menyatakan mereka tidak pernah menghadiri taklimat berkenaan kualiti air minum seperti di **Jadual 3.18**.

Jadual 3.18
Taklimat Berkenaan Kualiti Air


Taklimat	Kuching (%)	Sibu (%)	Miri (%)	Kapit (%)	Mukah (%)
Ya	5.0	2.5	0	0	4.2
Tidak	89.1	95.1	97.2	100	93.4
Tidak Pasti	5.9	2.4	2.8	-	2.4

Sumber: Jabatan Audit Negara

a) Paras Kepuasan Pelanggan

Pengukuran terhadap tahap kepuasan pelanggan diukur dari segi fizikal, rasa, bau dan warna air. Analisis Audit terhadap soal selidik berkaitan tahap kepuasan pelanggan di Kuching, Sibu, Miri, Kapit dan Mukah mendapati 89.6% responden berpendapat bahawa kualiti air dari segi fizikal, 90.3% dari segi rasa, 90% dari segi bau dan 88.9% dari segi warna adalah sederhana hingga sangat baik. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 3.2** hingga **Carta 3.5**.


Carta 3.2
Tahap Kepuasan Pelanggan – Fizikal



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Baki peratus yang tidak ditunjukkan mewakili tidak memuaskan


Carta 3.3
Tahap Kepuasan Pelanggan - Rasa



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Baki peratus yang tidak ditunjukkan mewakili tidak memuaskan


Carta 3.4
Tahap Kepuasan Pelanggan - Bau



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Baki peratus yang tidak ditunjukkan mewakili tidak memuaskan

Carta 3.5
Tahap Kepuasan Pelanggan - Hazen



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Baki peratus yang tidak ditunjukkan mewakili tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan soal selidik, responden berpendapat kualiti air minum yang dibekalkan oleh Agensi Bekalan Air adalah memuaskan.

3.5.8 Keperluan Kewangan

Semakan Audit mendapati LAK, LAS dan LAKU menggunakan sumber kewangan sendiri melalui pendapatan daripada penjualan air untuk menjalankan program yang berkaitan dengan kualiti air. Adalah didapati semua Agensi berkenaan berbelanja mengikut bajet yang ditetapkan kecuali pada tahun 2007 di mana LAK dan LAKU telah berbelanja melebihi bajet sejumlah RM2.04 juta dan RM0.36 juta masing-masingnya. Bajet dan perbelanjaan LAK, LAS dan LAKU adalah seperti di **Jadual 3.19**.

Jadual 3.19
Peruntukan Dan Perbelanjaan Operasi Bagi LAK, LAS Dan LAKU

Agensi	2006 (RM Juta)			2007 (RM Juta)			2008 (RM Juta)		
	Peruntukan	Perbelanjaan	(%)	Peruntukan	Perbelanjaan	(%)	Peruntukan	Perbelanjaan	(%)
LAK	22.07	21.32	97	23.34	25.38	109	30.01	27.74	92
LAS	6.52	5.83	89	6.78	6.67	98	7.20	6.82	95
LAKU	28.33	28.04	99	28.71	29.33	102	30.93	30.73	99

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan LAKU Management Sdn. Bhd. Miri

Semakan lanjut Audit mendapati JKR telah mendapat peruntukan dari Kerajaan Negeri sejumlah RM42.36 juta pada tahun 2006, RM50.47 juta pada tahun 2007, dan RM43.38 juta pada tahun 2008. Maklumat lanjut mengenai peruntukan dan perbelanjaan Seksyen Bekalan Air JKR adalah seperti di **Jadual 3.20**.

Jadual 3.20
**Peruntukan Kewangan Seksyen Bekalan Air,
Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak**

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2006	42.36	40.22	95.0
2007	50.47	49.76	98.6
2008	43.38	39.66	91.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2006 hingga 2007 JKR Kapit, Maradong dan Marudi telah membelanjakan peruntukan mereka antara 79.4% hingga 100%. Manakala JKR Mukah telah membelanjakan kurang daripada 70% pada tahun 2007 dan 100% pada tahun 2008. Butiran peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 3.21**.

Jadual 3.21
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi JKR Kapit, Mukah, Maradong Dan Marudi

Lokasi Loji JKR	2006			2007			2008		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar		Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar		Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar	
		(RM)	(%)		(RM)	(%)		(RM)	(%)
Kapit	1,921,870	1,814,373	94.4	2,302,300	2,218,947	96.4	1,805,150	1,319,088	73.1
Mukah	5,012,670	4,996,838	99.7	5,242,500	3,631,916	69.3	6,672,936	6,672,786	100
Maradong	535,650	425,102	79.4	371,971	359,113	96.0	403,120	403,120	100
Marudi	155,700	147,398	94.7	131,150	95,380	72.7	138,100	101,232	73.3

Sumber: JKR Kapit, Mukah, Maradong dan Marudi

LAK dan LAS ada menjalankan projek pembangunan bagi penambahbaikan dan pembesaran loji sedia ada dan juga menjalankan *pipe extension* yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Setakat akhir tahun 2008, baki pinjaman LAK dengan Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM106.60 juta dan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM103.63 juta manakala baki pinjaman LAS setakat akhir 2008 dengan Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM51.20 juta dan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM57.66 juta. Antara projek yang dijalankan oleh LAK melibatkan kerja menaik taraf LRA di Batu Kitang dan penggantian dan penyambungan paip baru, manakala projek LAS adalah kerja menaik taraf LRA di Jalan Salim dan juga penggantian dan penyambungan paip baru.

Semakan Audit seterusnya mendapati LAKU membayar pajakan bagi loji dan water works kepada PBAN yang merupakan pemilik kepada loji yang digunakan oleh LAKU dalam mengeluarkan air dirawat di kawasan berkaitan. Jumlah pajakan daripada tahun 1996 hingga 2020 adalah seperti di **Jadual 3.22**.

Jadual 3.22
Pajakan LAKU Miri Tahun 1996 Hingga 2020

Tempoh	Tahun	Perjanjian Konsesi		Jumlah Setahun (RM Juta)	Jumlah Untuk Tempoh (RM Juta)
		Setahun (RM Juta)	Perjanjian Konsesi Tambahan Setahun (RM Juta)		
1996 – 1999	4	2	-	2	8
2000	1	2	12	14	14
2001 – 2005	5	4	12	16	80
2006 – 2009	4	8	12	20	80
2010	1	8	-	8	8
2011 – 2015	5	12	-	12	60
2016 – 2020	5	14	-	14	70
Jumlah					320

Sumber: LAKU Management Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit LAK, LAS dan LAKU menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menjalankan aktivitinya. Loji JKR Mukah perlu merancang programnya supaya perbelanjaan dilakukan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

3.5.9 Pemantauan

MSAS dan PBAN merupakan badan tertinggi yang diperuntukkan oleh Ordinan Air Negeri Sarawak, 1994 bagi pemantauan pengurusan sumber dan kualiti air di Negeri Sarawak. Pihak MSAS perlu mengambil tindakan bagi mewartakan baki kawasan tadahan air yang belum diwartakan sementara PBAN perlu memastikan kawalan mutu air minum terutama terhadap pengurusan bekalan air oleh pihak JKR.

Pada pendapat Audit bagi memastikan kualiti air mentah dan air yang dirawat sentiasa mengikut standard yang telah ditetapkan adalah penting supaya MSAS dan PBAN menggiatkan peranan dan fungsinya seperti diperuntukkan di bawah Ordinan Air Negeri Sarawak, 1994.

3.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kualiti air minum di Negeri Sarawak adalah memuaskan. Namun demikian peranan dan fungsi badan seperti Majlis Sumber Air Negeri Sarawak yang ditubuhkan di bawah Ordinan Air Negeri Sarawak 1994, Pihak Berkuastra Air Negeri yang ditubuhkan di bawah ordinan yang sama dan Lembaga Sumber Asli Dan Persekutaran perlu diselaraskan supaya mekanisme kawalan boleh dikuatkuasakan secara berkesan dan pengurusan sumber air Negeri boleh dilaksanakan secara strategik untuk mencapai dasar bagi membekal air terawat kepada rakyat Negeri Sarawak pada tahun 2010. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah pewartaan kawasan tadahan air, kawalan kualiti air terutama di loji air JKR merangkumi aspek pengurusan, operasi dan keperluan sumber. Antara syor Audit adalah seperti berikut:

- a) Peranan dan fungsi MSAS, PBAN, Kementerian dan NREB perlu diselaraskan untuk memantapkan mekanisme kawalan pembekalan air di Negeri Sarawak;
- b) LRA JKR perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan norma bagi struktur organisasinya, mengkaji keperluan untuk mewujudkan jawatan Pembantu Makmal di loji miliknya dan memastikan pengambilan dan ujian sampel air oleh pegawai berkelayakan dan terlatih;
- c) Pihak Agensi Bekalan Air menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi perolehan peralatan yang *reliable*, lengkap dan terkini untuk ujian kualiti air dibekalkan ke semua loji;
- d) Program latihan secara berterusan kepada penjawat awam semua Agensi Air diadakan untuk meningkat kemahiran;
- e) Jawatan ahli kimia perlu diwujudkan di JKR bagi memastikan konsistensi dalam pemantauan kualiti air minum;
- f) KKAS perlu menyelaraskan agar pemasangan paip air dan paip pembetungan hendaklah mengikut amalan terbaik bagi mengurangkan risiko pencemaran dari paip pembetungan; dan
- g) Pihak KMAM hendaklah mengambil sampel sendiri untuk tujuan pengesahan kualiti air.

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK

4. SERVICE LEVEL AGREEMENT SIFBAS

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Kerajaan Negeri Sarawak telah memulakan program pengkomputeran sejak tahun 1982. Program ini antara lainnya bertujuan memenuhi keperluan teknologi maklumat di Sektor Perkhidmatan Awam Negeri untuk jangka masa panjang. Program pengkomputeran ini melibatkan modul perakaunan seperti Gaji, Penyata Kewangan Yang Disatukan, Dana Pesara termasuk Kumpulan Wang Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan serta Dana Balu Dan Anak Yatim. Sistem pengkomputeran tersebut dinaiktarafkan kepada *Window NT-server platform* oleh Syarikat Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS). SAINS adalah syarikat Kerajaan dengan 100% ekuiti dipegang oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pada tahun 1995, SAINS telah membangunkan Sistem Pinjaman untuk Perbendaharaan Negeri Sarawak, Sistem Pendaftaran Pembekal dan Kontraktor, Sistem Anggaran Tahunan Negeri dan Sistem Anggaran Baru untuk Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKNS).

4.1.2 Pada tahun 1993, Kerajaan Negeri Sarawak telah mewujudkan Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Negeri (Majlis) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan bertanggungjawab untuk mengawasi serta menyelaras semua aktiviti berkaitan dengan teknologi maklumat di Sektor Awam Negeri. Pada tahun 2000, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Unit) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak yang bertanggungjawab mengurus dan menyelaras penyelenggaraan sistem aplikasi serta menyediakan perkakasan komputer. Unit ini membantu Majlis dan Kerajaan Negeri dalam penyelarasan polisi, strategi, haluan pembangunan, pelaksanaan dan penguatkuasaan. Selain itu, Unit ini juga bertanggungjawab menyediakan panduan pembangunan dan aplikasi ICT dan kandungan digital di Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

4.1.3 *State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System* (SIFBAS) mula dibangunkan pada tahun 2001 merangkumi sistem kewangan, belanjawan, perakaunan bersepadu dan aplikasi luaran di Agensi Kerajaan Negeri yang dilaksanakan melalui 6 fasa seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Fasa Pembangunan SIFBAS

Bil.	Fasa	Tahun	Modul
1.	Fasa 1	2001 dan 2002	Modul Pengurusan Waran, Lejar Vot dan <i>Expenditure Accrual Accounting</i> (EASY) dilaksanakan di empat agensi iaitu Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Residen dan Daerah Samarahan.
2.	Fasa 2	2003	Modul Pengurusan Waran, Lejar Vot dan <i>Expenditure Accrual Accounting</i> (EASY) dilaksanakan di seluruh negeri.
3.	Fasa 3	2004 dan 2005	a) Modul Pengurusan Buku Tunai, Lejer Am dan <i>Inter-Departmental Charging</i> (IDC) dibangunkan. b) Migrasi sistem sedia ada seperti berikut telah berjaya dilaksanakan meliputi: <i>State Consolidated Accounting System</i> , <i>Auto Cashbook</i> dan <i>Voucher & Cheque Management System</i> .
4.	Fasa 4	2006	Modul <i>New Budgeting System</i> (NBS) dan <i>Receipting System</i> (1 pilot agensi).
5.	Fasa 5	2007	Permohonan untuk pindah peruntukan dan pelaksanaan <i>receipting system</i> di agensi.
6.	Fasa 6	2008 dan 2010	Fasa terakhir dan fokus kepada aspek kewangan korporat termasuk Pengurusan Pelaburan, Analisis Kewangan, Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Sumber.

Sumber: PSKNS

Setakat akhir tahun 2008, modul SIFBAS yang telah dilaksanakan dan beroperasi melalui infrastruktur SarawakNet adalah NBS, Pengurusan Waran, Lejer Am, Lejar Vot, EASY dan Pengurusan Buku Tunai.

4.1.4 Kerajaan Negeri menandatangani *Service Level Agreement* (SLA) dengan SAINS pada bulan Januari 2004 untuk tempoh tiga tahun berjumlah RM1.35 juta setahun. Perjanjian tersebut diperbaharui untuk tiga tahun lagi bermula pada tahun 2007 hingga 2009 dengan kos berjumlah RM1.21 juta setahun. Kos keseluruhan SLA bagi tahun 2004 hingga 2009 adalah berjumlah RM7.68 juta. Perjanjian ini termasuk kos penyenggaraan pembangunan SIFBAS berjumlah RM1.18 juta. Setakat akhir tahun 2008 sejumlah RM7.50 juta dibayar kepada SAINS untuk SLA tersebut.

4.1.5 Skop perkhidmatan penyenggaraan yang disediakan dalam SLA merangkumi:

- Perkhidmatan sistem sokongan berterusan (24 jam x 7 hari) panggilan ke Pusat Perkhidmatan Panggilan bantuan melalui telefon untuk *on-site remedial* dan sistem sokongan;
- Perkhidmatan *application hosting* termasuk penyediaan pentadbiran infrastruktur pusat data bagi *operating platform*, *database* dan pelan kapasiti;
- *Backup* sistem dan penyenggaraan; dan
- *Extended Standby*.

Application hosting services juga merangkumi penyelenggaraan modul seperti NBS, Pengurusan Waran, Lejer Am, Lejar Vot, EASY dan Pengurusan Buku Tunai.

4.1.6 Setakat akhir tahun 2008, sebanyak 12 Kementerian, 11 Jabatan, 11 Pejabat Residen termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Unit Perancangan Negeri telah menggunakan SIFBAS.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan SLA dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi perjanjian mengenai perkhidmatan penyenggaraan yang dibuat antara Kerajaan Negeri dengan SAINS bagi tahun 2007 dan 2008. Kajian ini dijalankan di Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Perbendaharaan Negeri, Pejabat Operasi SAINS dan 32 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Bintulu dan Limbang.

4.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, menganalisis data menggunakan perisian *Audit Command Language*, mengkaji, menganalisis syarat-syarat serta terma-terma perjanjian penyelenggaraan dan perkhidmatan bagi perkakasan dan perisian, rekod dan dokumen berkaitan yang disimpan di Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan lawatan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri, Pejabat Operasi SAINS dan 32 PTJ di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Bintulu dan Limbang. Temu bual dengan pegawai di PTJ serta soal selidik kepada pengguna juga diedarkan bagi mendapatkan keterangan dan maklum balas.

4.5 PENEMUAN AUDIT

4.5.1 Pengurusan Dokumen SLA SIFBAS

Dokumen SLA SIFBAS hendaklah disediakan, ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan SAINS dan dipatuhi serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Pembaharuan Perjanjian SLA SIFBAS hendaklah ditandatangani pada awal tahun 2007 sebelum perlanjutan perkhidmatan dilaksanakan supaya semua syarat yang terkandung dalam perjanjian dapat dipatuhi.

Semakan Audit mendapati perjanjian ini hanya diperbaharui dan dimeterai pada awal tahun 2008.

Pada pendapat Audit, pembaharuan perjanjian tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan kontrak supaya boleh dilaksanakan serta merta.

4.5.2 Pembayaran Perkhidmatan Lewat

Klausula 7 SLA SIFBAS menetapkan pembayaran perkhidmatan dibuat pada setiap suku tahun iaitu pada awal bulan Januari, April, Julai dan Oktober. Oleh demikian, SAINS hendaklah mengemukakan dokumen sokongan seperti *System And Pricing Schedule*, *System User Listing* dan *Summary SLA Service Request of Cases Reported to SAINS Call Centre* kepada Kerajaan untuk setiap tuntutan. Bayaran perkhidmatan *Annual Hosting* ini adalah berdasarkan jumlah akses sebenar pengguna terhadap sistem. SAINS hendaklah mengemukakan senarai pengguna sebagai dokumen sokongan pada setiap kali pengebilan kerana jumlah sebenar akses oleh pengguna ini akan berbeza daripada jumlah yang dipersetujui dalam perjanjian. Kadar bayaran keseluruhan yang dipersetujui dalam perjanjian adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kadar Bayaran Annual Hosting Service

Perkara	Bayaran Tahunan Setiap Pengguna (RM)	Jumlah Pengguna	Jumlah Bayaran Tahunan (RM)
<i>User License Fee untuk State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System (SIFBAS)</i>			
1. Warrant Management	200	1,856	371,200
2. Vot Ledger	200	1,856	371,200
3. Expenditure Accrual Accounting	200	1,856	371,200
4. Cash Management	200	103	20,600
5. New State Budgeting	200	88	17,600
Jumlah			1,151,800
Cukai Perkhidmatan 5%			57,590
Jumlah			1,209,390

Sumber: Jadual Pertama, SLA bertarikh 04.01.08

Semakan Audit mendapati tuntutan sejumlah RM1.26 juta untuk perkhidmatan yang diberikan pada tahun 2007 dibuat oleh SAINS pada bulan Januari 2008. Ini adalah disebabkan SLA SIFBAS lewat ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan SAINS. Adalah didapati bayaran tuntutan tersebut dibuat sekali gus pada bulan Januari 2008 iaitu pada tarikh kuat kuasa perjanjian. Semakan Audit seterusnya mendapati invois tersebut tidak disokong dengan dokumen lengkap seperti *System User Listing* dan *Summary SLA Service Request of Cases Reported to SAINS Call Centre* seperti ditetapkan dalam SLA. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar pengguna yang mempunyai akses kepada sistem kerana tiada dokumen sokongan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian.

Analisis ACL Audit juga mendapati daripada 1,816 pengguna setakat awal November 2008 di 32 PTJ, seramai 20 pengguna telah bertukar pejabat tetapi nama masih di pejabat lama, 15 pengguna telah bersara, empat nama pengguna bertindan, seorang pengguna tidak pernah menggunakan SIFBAS dan seorang pengguna telah meninggal dunia pada 15.5.2007 tetapi nama pengguna tersebut disenaraikan.

Pada pendapat Audit, pengemaskinian pangkalan data adalah tidak memuaskan kerana sistem yang dibangunkan tidak berupaya menghasilkan Laporan Akses Pengguna secara berkala yang boleh diserahkan oleh setiap PTJ sebelum tuntutan dibuat.

4.5.3 Pusat Perkhidmatan Panggilan

SAINS menyediakan Pusat Perkhidmatan Panggilan yang beroperasi 24 jam melalui talian telefon, faks, e-mel dan portal untuk menyelesaikan aduan pengguna serta meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan. Semua aduan berkaitan penggunaan SIFBAS hendaklah dilaporkan ke Pusat Perkhidmatan Panggilan dan SAINS hendaklah mengambil tindakan berdasarkan *turnaround time* dan *response time* yang dipersetujui. *Turnaround time* bermaksud tempoh masa yang diambil oleh SAINS untuk mengembalikan sistem ke dalam mode operasi tanpa melibatkan sebarang bayaran ganti rugi kepada Kerajaan Negeri iaitu dalam tempoh tiga hari bekerja dari tarikh aduan dilaporkan. *Response time* bermaksud masa yang diambil oleh SAINS dalam tempoh dua jam waktu bekerja dan *cut-off time* adalah satu jam sebelum 4.30 petang untuk mengambil tindakan terhadap aduan yang dilaporkan dan dilog ke Pusat Perkhidmatan Panggilan.

Analisis Audit mendapati 40 aduan pada tahun 2007 dan 67 aduan pada tahun 2008 telah diselesaikan melebihi *turnaround time* antara 4 hingga 15 hari. Bagaimanapun, aduan ini dinamakan sebagai *schedule call* iaitu SAINS tidak dapat menghubungi pegawai yang membuat aduan dalam tempoh *turnaround time* setelah aduan diselesaikan. Oleh yang demikian, tidak ada sebarang ganti rugi dikenakan terhadap SAINS oleh Kerajaan.

Analisis Audit seterusnya terhadap borang soal selidik mendapati 66.4% daripada pengguna tidak mengetahui kewujudan Pusat Perkhidmatan Panggilan yang disediakan oleh SAINS. Pengguna terus menghubungi Pegawai SAINS dan aduan berkenaan tidak dilog dalam *Call Tracking System* (CATS). Sebanyak 87.4% pengguna tidak mengetahui kewujudan semua perjanjian yang berkaitan CATS. Ini adalah kerana pengguna tidak dimaklumkan berkenaan pewujudan pusat perkhidmatan panggilan dan kemudahan berkaitan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

Selain itu, analisis Audit juga mendapati 519 aduan pada tahun 2007 dan 563 aduan sehingga bulan Oktober 2008 telah dilog dalam CATS. Aduan pengguna yang terus kepada Pegawai SAINS tidak dilog serta tempoh *response time* tidak dapat dipastikan. Oleh yang demikian, berdasarkan 107 aduan yang melebihi *turnaround time*, didapati ganti rugi sejumlah RM1,028 boleh dikenakan oleh Kerajaan kepada SAINS tetapi tidak dituntut. Sekiranya semua aduan dilog, Kerajaan dapat menguatkuasakan syarat perjanjian dengan lebih berkesan dan menjaga kepentingan Kerajaan.

Daripada 519 aduan pada tahun 2007, sebanyak 340 aduan atau 66% adalah berkenaan operasi SIFBAS manakala 179 aduan atau 34% adalah berkenaan sistem SIFBAS. Pada tahun 2008, daripada 563 aduan, sebanyak 459 aduan atau 82% adalah berkenaan operasi dan 104 aduan atau 18% berkenaan sistem SIFBAS. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3.**

Jadual 4.3
Analisis Aduan Call Tracking System SIFBAS

Tahun	Aduan Operasi SIFBAS		Aduan Sistem SIFBAS		Jumlah Aduan SIFBAS
	Bilangan	(%)	Bilangan	(%)	
2007	340	66	179	34	519
2008	459	82	104	18	563

Sumber: Laporan Call Tracking System SIFBAS

Analisis Audit mendapati pada tahun 2008 sebanyak 3 aduan lewat diselesaikan dalam tempoh antara 4 hingga 6 hari. Semakan Audit mendapati tiada bayaran ganti rugi dikenakan kepada SAINS di atas kelewatan menyelesaikan masalah tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Aduan Lewat Diselesaikan

Bil.	Butiran Aduan	Jenis Aduan	Tarikh Aduan Dilog	Tarikh Aduan Diselesaikan	Kelewatan (Hari)	Lokasi/ Daerah
1.	<i>Unable to do commitment. When try to save, it gives invalid commitment number</i>	Operasi	21/10/2008	27/10/2008	6	Kementerian Pembangunan Sosial Kuching
2.	<i>Printing error of Journal Voucher</i>	Sistem	21/10/2008	27/10/2008	6	Pejabat Tanah dan Survei Sarikei
3.	<i>Invalid commitment number: error, Update failed</i>	Sistem	21/10/2008	24/10/2008	3	Pejabat Alam Sekitar, Kapit

Sumber: Laporan Call Tracking Systems SIFBAS Tahun 2008

Perbandingan terhadap data CATS bagi tahun 2007 dan 2008 mendapati aduan yang dilog pada tahun 2007 telah diselesaikan tetapi masih terdapat aduan yang sama dilog pada tahun 2008. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Aduan Yang Dilaporkan Selesai Tetapi Masih Berulang

Bil.	Butiran Aduan Yang Dilapor	Jenis Aduan	Tarikh Aduan Dilog	Tarikh Aduan Diselesaikan	Lokasi/ Daerah
1.	<i>Amount from payment in invoice and in Payment Voucher not tally with the original</i>	Operasi	30/11/2007	03/12/2007	Samarahan
2.	<i>No Commitment number appear after save</i>	Sistem	24/09/2007	24/09/2007	Kuching
3.	<i>System generated incorrect payment voucher</i>	Sistem	10/10/2007	11/10/2007	Bintulu
4.	<i>General voucher unable to generate number</i>	Sistem	18/07/2007	19/07/2007	Limbang
5.	<i>Payment voucher amount incorrect</i>	Operasi	15/07/2008	15/07/2008	Miri
6.	<i>Amount in voucher generation not tally</i>	Operasi	01/08/2008	04/08/2008	Kuching
7.	<i>No commitment number</i>	Sistem	11/04/2008	15/04/2008	Kapit
8.	<i>Voucher number missing when user try to generate report.</i>	Sistem	14/03/2008	18/03/2008	Kuching

Sumber: Laporan Data Call Tracking System (CATS)

Semakan Audit seterusnya terhadap data CATS mendapati tiada mekanisme khusus untuk memantau *response time* kerana data tersebut tidak menunjukkan waktu tindakan diambil oleh SAINS terhadap setiap aduan. Data CATS hanya menunjukkan waktu aduan dibuat

dan waktu aduan diselesaikan. Ketiadaan maklumat *response time* dalam data tersebut mengakibatkan tiada bayaran ganti rugi dituntut oleh Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, penggunaan Pusat Perkhidmatan Panggilan yang disediakan oleh SAINS tidak digunakan sepenuhnya. Semua PTJ hendaklah dimaklumkan berkenaan perkhidmatan yang disediakan supaya semua aduan dilog bagi tujuan pemantauan dan tindakan. Pihak SAINS juga perlu diarahkan menyelesaikan masalah sistem dan operasi agar ianya tidak berulang. Laporan CATS juga hendaklah menyatakan maklumat *response time* yang jelas supaya prestasi SAINS dalam menyelesaikan masalah boleh dipantau dan bayaran ganti rugi yang sewajarnya boleh dituntut oleh Kerajaan.

4.5.4 Capaian Akses Sistem

Kawalan Capaian Akses sistem adalah bagi mengawal sumber komputer iaitu data, program dan *terminal* daripada berlaku pencerobohan. Kelemahan kawalan ini akan mengakibatkan sistem boleh diakses tanpa kebenaran dan pindaan dibuat tanpa kelulusan. Mengikut Klausus 8.2 hingga 8.5 SLA menyatakan Kerajaan hendaklah membenarkan capaian kepada semua pengguna sistem dan memastikan penggunaan tersebut tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab. SAINS hendaklah dimaklumkan secara bertulis mengenai perubahan kepada akaun pengguna sedia ada ataupun pertambahan pengguna baru di PTJ.

Semakan Audit mendapati SAINS telah bertindak sebagai *System Administrator (SA)* untuk memperuntukkan ID dan tahap akaun pengguna sedia ada dan pengguna baru. Peranan ini sepatutnya dipikul oleh SA di Unit ICT dan SA di setiap PTJ bagi mengelakkan pihak ketiga (SAINS) berperanan sebagai SA Sektor Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Ini mendedahkan maklumat dan data kerajaan diakses oleh pihak ketiga dan kepada risiko pencerobohan pangkalan data Kerajaan oleh pihak ketiga. Setiap perubahan akaun pengguna di PTJ seperti pegawai bersara, berhenti kerja serta bertukar tempat bertugas hendaklah dimaklumkan kepada PSKNS supaya PSKNS dapat memaklumkan kepada SAINS untuk mengemas kini data pengguna. Selain itu, maklumat ini juga diperlukan bagi tujuan pemberian akses pengguna baru.

Berdasarkan temu bual Audit dengan 238 pegawai di 32 PTJ mendapati sembilan PTJ telah lewat memaklumkan PSKNS secara bertulis berkenaan perubahan kepada capaian pengguna yang bersara, berhenti kerja serta berpindah tempat bertugas. Kelewatan ini mengakibatkan pengguna baru lewat diberi akses dan pengguna tersebut tidak dapat menjalankan tugas berkaitan SIFBAS. Selain itu, didapati tiada kawalan terhadap tahap capaian pengguna oleh Unit ICT kerana Ketua PTJ diberi kuasa untuk mengubah tahap capaian mengikut keperluan PTJ. SAINS juga boleh mengakses data PTJ jika ada aduan daripada pengguna berkaitan SIFBAS untuk pindaan atau tambahan secara *on line*.

Pada pendapat Audit, ketiadaan kawalan terhadap tahap capaian data mendedahkan pangkalan data Kerajaan Negeri Sarawak kepada risiko pangkalan data diceroboh dan disalah gunakan. Peranan SAINS sebagai SA perlu dikaji semula dan Unit ICT JKM perlu memainkan peranan sebagai SA Kerajaan Negeri Sarawak. Kata laluan untuk akses

oleh pihak SAINS perlu dikawal oleh Unit ICT JKM dan ditukar setiap kali selepas akses. Semua PTJ harus memaklumkan kepada PSKNS berkenaan perubahan pengguna SIFBAS.

4.5.5 Maklum Balas Pengguna SIFBAS

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 32 PTJ untuk mendapat maklum balas pengguna SIFBAS berkenaan masalah yang dihadapi. Objektif soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti persepsi dan kepuasan pelanggan dan perkhidmatan yang disediakan oleh SAINS seperti dalam SLA.

Sebanyak 350 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna SIFBAS dan sebanyak 238 borang telah dikembalikan. Analisis Audit terhadap soal selidik adalah seperti berikut:

a) Respons SAINS Terhadap Aduan Pengguna

Daripada 238 borang soal selidik pengguna yang diterima, sebanyak 42% menyatakan SAINS memberi respons melebihi satu hari manakala 34.9% mengambil masa lebih dari dua jam. Berdasarkan syarat SLA, SAINS hendaklah memberi respons dalam tempoh 2 jam setelah aduan dilog. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Analisis Response Time Kepada Aduan Pengguna Oleh SAINS



Sumber: Analisis Maklum Balas Pengguna

b) Maklum Balas Pengguna SIFBAS

Maklum balas yang dikemukakan oleh 238 pengguna SIFBAS di 32 PTJ yang dilawati adalah seperti berikut:

- i) SIFBAS adalah sistem yang tidak bersepada di mana modul sedia ada masih *stand alone* dan pengguna menghadapi *system breakdown* dan lambat semasa penutupan akaun pada akhir bulan.
- ii) 85.7% pengguna pernah mengalami masalah ketika menggunakan SIFBAS manakala 14.3% tidak pernah mengalami masalah.
- iii) 58.4% pengguna tidak diberi latihan berkenaan SIFBAS.

- iv) Pengguna mengatakan *character spacing* adalah terhad dan pengguna tidak dapat menaip ayat dengan penuh misalnya untuk Pesanan Kerajaan dihadkan kepada 20 *characters*.
- v) Kuota yang diberi kepada pemegang waran tidak mencukupi dan dihad kepada dua pengguna setiap PTJ.
- vi) Buku Vot PTJ masih disediakan secara *parallel run* walaupun telah digunakan sejak tahun 2001 mengakibatkan bebanan tugas dalam menyelenggarakan dua rekod.
- vii) Perbendaharaan Negeri mengeluarkan terlalu banyak kuiri berkenaan dengan kelewatian penyediaan baucar yang berpunca daripada sistem *hang*.
- viii) Koding bagi peruntukan yang diterima terlalu *detail*.
- ix) SAINS tidak menyebarkan Manual Pengguna kepada semua PTJ.
- x) Masalah sistem yang berulang dan hanya diselesaikan secara *ad hoc*.

Pada pendapat Audit, Pihak SAINS tidak memberi latihan yang mencukupi secara berterusan kepada pengguna SIFBAS terutama pengguna baru. Manual Pengguna SIFBAS yang *user friendly* perlu diterbit untuk memudahkan pengguna mengendalikan SIFBAS.

4.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan SLA SIFBAS dilaksanakan mengikut syarat perjanjian yang ditetapkan. Bagaimanapun, pelaksanaan SIFBAS dan peranan Unit ICT JKM dalam mentadbir sistem serta memantau *service delivery* oleh SAINS adalah kurang memuaskan. SIFBAS yang telah dibangunkan sejak tahun 2001 masih dilaksanakan secara *parallel run*. Adalah disyorkan langkah berikut diambil untuk menambah baik pengurusan SLA SIFBAS:

- a) Pembaharuan perjanjian SLA hendaklah dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan perjanjian supaya *deliverables* dan syarat perjanjian boleh dikuatkuasakan;
- b) Pengguna SIFBAS hendaklah dimaklumkan berkenaan syarat SLA SIFBAS;
- c) SAINS hendaklah mengemas kini pangkalan data pengguna dan sistem yang dibangunkan berupaya menghasilkan Laporan Akses Pengguna secara berkala yang boleh diserahkan oleh setiap PTJ sebelum tuntutan dibuat;
- d) PSKNS dan SAINS perlu memaklumkan kewujudan Pusat Perkhidmatan Panggilan supaya semua aduan dilog ke Pusat Perkhidmatan Panggilan bagi memantau *response time*. Laporan CATS hendaklah menyatakan maklumat *response time* oleh SAINS dengan jelas supaya bayaran ganti rugi boleh dituntut oleh Kerajaan;
- e) PTJ hendaklah memaklumkan kepada PSKNS berkenaan perubahan pengguna SIFBAS dan semua pindaan atau tambahan capaian pengguna hendaklah melalui Unit ICT JKM sebagai selaku SA Kerajaan Negeri Sarawak;
- f) SIFBAS hendaklah diintegrasikan dengan modul perakaunan yang telah dibangunkan supaya penutupan akaun bulanan dapat dilaksanakan dengan mudah dan cepat;
- g) Latihan dan Manual Pengguna SIFBAS perlu diberi kepada semua pengguna;
- h) Senarai nama pengguna SIFBAS perlu dikemas kini dan disahkan oleh PSKNS dan PTJ sebelum bayaran perkhidmatan dibuat;

- i) Unit ICT sebagai penasihat teknikal perlu memainkan peranan sebagai SA Kerajaan Negeri Sarawak dan memantau rapi pelaksanaan sistem dan *deliverables* lain oleh SAINS bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sarawak; dan
- j) Pengurusan ID untuk SIFBAS perlu dikawal dan dipantau rapi oleh Unit ICT.

JABATAN HUTAN SARAWAK

5. PENGURUSAN HUTAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR


5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Hutan adalah salah satu sumber alam yang semakin terancam. Isu penerokaan hutan dan kemaslahatannya merupakan antara topik alam sekitar yang hangat dibincangkan di negara ini. Di Malaysia amnya dan Sarawak khususnya, hutan diteroka untuk pelbagai tujuan seperti pembalakan untuk industri perkayuan, pembangunan, pertanian, penempatan dan pembinaan infrastruktur. Konflik kegunaan hutan timbul hasil daripada permintaan yang tinggi terhadap kayu dan komitmen sosial untuk mengekalkan penawaran daripada sumber hutan yang agak terbatas. Ini menuntut usaha yang gigih oleh pihak berkuasa bagi mewujudkan pengurusan hutan yang mapan di negara kita yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi kepada negara secara berterusan di samping berusaha untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar.

5.1.2 Jabatan Hutan Sarawak (Jabatan Hutan) telah ditubuhkan pada tahun 1919. Pengurusan hutan di Sarawak adalah di bawah *Forests Ordinance Chapter 126* yang selaras dengan *Statement of Forest Policy, 1954*. Selain Ordinan ini, undang-undang dan peraturan lain seperti Manual Perhutanan dan pelbagai kod amalan operasi serta garis panduan pengurusan hutan yang baik juga diwujudkan. Antara lain tanggungjawab Jabatan Hutan ini adalah menjalankan fungsi berkanun seperti perundangan, pelesenan dan pewartaan kawasan hutan sebagai hutan simpan, hutan terlindung dan hutan komuniti. Perbadanan Perhutanan Sarawak (Perbadanan) telah ditubuhkan pada tahun 1998 melalui Ordinan Perbadanan Perhutanan Sarawak 1995. Mulai Disember 2003, Perbadanan telah diberi tanggungjawab sebagai agen pengurusan untuk mentadbir dan mengurus hutan di Sarawak.

5.1.3 Kawasan hutan di Sarawak dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Hutan Simpan Kekal (HSK), Hutan Lindungan Sepenuhnya (HLS) dan Hutan Kerajaan Negeri. Keluasan hutan Sarawak adalah sejumlah 12.44 juta hektar terdiri daripada HSK seluas 4.60 juta hektar, HLS seluas 0.88 juta hektar, Hutan Kerajaan Negeri seluas 4.30 juta hektar dan lain-lain kegunaan hutan (termasuk penempatan, bandar, kawasan pertanian dan tasik) seluas 2.66 juta hektar. Bagi tahun 2006 hingga 2008, Jabatan Hutan telah memungut hasil hutan sejumlah RM2.03 bilion dan meluluskan sebanyak 180 lesen pembalakan. Kawasan HSK Sarawak adalah seperti di **Peta 5.1**.

Peta 5.1
Kawasan Hutan Simpan Kekal Sarawak



Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

5.2 OBJKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana pengurusan hutan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar.

5.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan HSK, HLS, hutan pengeluaran, hutan perlindungan, pelesenan, hasil, penguatkuasaan dan kesannya kepada alam sekitar bagi tahun 2006 hingga 2008. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Hutan, Jabatan Hutan Wilayah Sibu, Bintulu dan Miri serta Perbadanan.

5.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berkaitan rekod kewangan, dokumen dan laporan Agensi berkaitan. Lawatan Audit juga telah dijalankan ke pejabat Jabatan Hutan Wilayah di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri untuk menilai pelaksanaan pengurusan hutan yang merangkumi pengurusan hutan, pembalakan dan penjagaan alam sekitar. Temu bual dengan pegawai Jabatan Hutan dan Perbadanan juga dibuat bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut. Tinjauan melalui udara menyusuri Sungai Rejang bersama pegawai dari Jabatan Hutan Sarawak juga dijalankan. Soal selidik ada diedarkan kepada orang awam dan Jabatan/Agensi mengenai kesedaran tentang kesan pembalakan terhadap alam sekitar dan kepada kehidupan harian.

5.5 PENEMUAN AUDIT

5.5.1 Pengurusan Hutan Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar

Ekosistem hutan merupakan khazanah semula jadi yang memainkan peranan penting dalam keseimbangan alam sekitar. Di antara peranannya adalah sebagai *carbon sink*, sistem hidrologi, mencegah hakisan dan kestabilan tanah, perangkap pencemaran, penyerapan cahaya ultra lembayung dan kawalan suhu serta tempat perlindungan bagi pelbagai spesies flora dan fauna. Oleh yang demikian, pengurusan hutan mapan adalah penting bagi mengekal keseimbangan ekosistem hutan supaya kesan daripada pembalakan dan pembangunan kawasan hutan terhadap alam sekitar dapat diminimumkan.

Analisis Audit terhadap rekod Jabatan Hutan Sarawak mendapati seluas 158,013 hektar kawasan HSK telah dimansuhkan bagi tahun 2003 hingga 2008. Kawasan balak yang diluluskan untuk pembalakan adalah 0.97% hingga 33.8% di atas tahap Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara bagi tahun 2003 hingga 2008. Paras HSK dimansuhkan berbanding dengan CTT adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Paras HSK Dimansuhkan Berbanding Dengan CTT
Bagi Tahun 2003 Hingga 2008

Tahun	Keluasan HSK Dimansuhkan (Ha)	Baki HSK (Ha)	Jumlah Dimansuhkan (%)	CTT	Dimansuhkan Berbanding CTT (%)
Baki 1.1.2003	-	4,752,369	-	-	-
2003	47,216	4,705,153	0.99	170,000	27.77
2004	35,055	4,670,098	0.75	170,000	20.62
2005	57,410	4,612,688	1.23	170,000	33.77
2006	1,647	4,611,041	0.04	170,000	0.97
2007	8,958	4,602,083	0.19	170,000	5.27
2008	7,727	4,594,356	0.17	170,000	4.55

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

a) Pencemaran Sungai

Sungai merupakan salah satu punca air minuman yang perlu dipelihara dan dijaga supaya ianya memberi manfaat sepenuhnya kepada manusia. Pemeliharaan sungai adalah penting bagi mengekalkan sumber air yang bersih dan jernih.

i) Turbidity Air Sungai Di Sarawak

Piawaian Kualiti Air Kebangsaan (*National Water Quality Standards For Malaysia [NWQSM]*) menetapkan kualiti pencemaran sungai bagi kelas I untuk baik hingga ke kelas V untuk paling tercemar. Kelas kualiti pencemaran sungai bagi *Dissolved Oxygen (DO)*, *Turbidity* dan *Total Suspended Solid (TSS)* yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Kelas Pencemaran Sungai Yang Ditetapkan Oleh NWQSM

Bil.	Parameters	Kelas				
		I	II	III	IV	V
1.	DO (mg/l)	>7	7 - 5	5 – 3	3 - 1	<1
2.	Turbidity (NTU)	5	50	-	-	-
3.	TSS (mg/l)	25	50	150	300	>300

Sumber: Laporan Tahunan NREB Tahun 2006

Nota:

- I. Kelas I – Represents water bodies of excellent quality.
- II. Kelas II – Represents water bodies of good quality.
- III. Kelas III – Represents polluted water and may be used for water supply with extensive/advanced treatment.
- IV. Kelas IV – Represents heavily polluted water which must only be used for irrigation purpose.
- V. Kelas V – Represents heavily polluted water which must not even be used for irrigation purpose.
- VI. Turbidity – This is the appearance (or to a lesser extent, the colour) of the water. The cloudy or muddy appearance indicates the amount of solids suspended in the water.
- VII. Dissolved Oxygen (DO) – This is the amount of oxygen dissolved in water. Low DO values usually indicate pollution.
- VIII. Total Suspended Solids (TSS) – This is the total amount of tiny particles (normally tiny particles of eroded soil or small organic matters) held in water. Its measurement is normally used to indicate erosion.

Hasil kajian terhadap kualiti air di Sungai Rejang, Sungai Kemenia, Sungai Tatau, Sungai Baram, Sungai Limbang dan Sungai Trusan oleh *Natural Resources and Environment Board Sarawak* (NREB) bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 5.3.**

Jadual 5.3
Kualiti Air Di Sungai Utama Negeri Sarawak

Bil.	Nama Sungai	Turbidity NTU		DO mg/l		TSS mg/l	
		Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2006	Tahun 2007
1.	Sungai Rejang – Kapit	335.45	456.25	7.35	6.90	287.67	397.93
2.	Sungai Rejang – Sibu	204.51	342.12	4.43	4.37	149.96	218.21
3.	Sungai Rejang – Sarikei	231.69	180.78	3.87	4.14	295.88	143.69
4.	Sungai Kemenia – Bintulu	123.54	63.55	3.46	2.54	128.81	91.17
5.	Sungai Tatau – Bintulu	145.24	168.51	4.17	4.38	113.75	150.25
6.	Sungai Baram – Miri	416.33	220.98	3.06	2.53	312.33	151.78
7.	Sungai Limbang – Limbang	271.24	211.01	5.66	5.52	210.50	159.42
8.	Sungai Trusan – Limbang	217.38	109.11	6.78	5.87	239.00	88.00

Sumber: Laporan Tahunan NREB Tahun 2006 Dan Tahun 2007

Analisis Audit terhadap Laporan Tahunan NREB tahun 2006 dan 2007, paras *turbidity* sungai utama di Sarawak iaitu Sungai Rejang, Sungai Kemenia dan Tatau, Sungai Baram, Sungai Limbang dan Sungai Trusan mencatatkan bacaan 63.55 NTU hingga 456.25 NTU iaitu melebihi paras 50 NTU yang ditetapkan NWQSM. **Oleh yang demikian, paras *turbidity* sungai berkenaan adalah pada paras yang membimbangkan.** Bagaimanapun, bacaan ini masih berada dalam lingkungan paras kualiti air mentah yang boleh dirawat seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu 1,000 NTU.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 58 lesen pembalakan masih aktif di sepanjang enam sungai berkenaan yang melibatkan kawasan pembalakan seluas 1.70 juta hektar. Selain itu, didapati juga sebanyak 48

syarikat terlibat dengan tanaman kelapa sawit dan 19 lesen tanaman semula hutan seperti pokok acacia mangium, kerampaian dan sawei juga berhampiran sungai.

Pewartaan kawasan tadahan air adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) untuk melindungi sumber air di mana-mana kawasan di Negeri Sarawak. Aktiviti yang dilarang dalam lingkungan lapan kilometer daripada muka sauk meliputi aktiviti pertanian berskala besar, perindustrian, pembalakan dan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan. PBAN hendaklah mengemukakan cadangannya kepada Majlis Sumber Negeri Sarawak dan NREB untuk ulasan dan nasihat sebelum diwartakan sebagai kawasan tadahan air oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati kawasan muka sauk di Bukit Lima dan Salim Sibu merupakan kawasan tadahan air yang belum diwartakan. Lawatan Audit ke kawasan tersebut mendapati kawasan ini mengalami pencemaran air yang membimbangkan seperti di **Foto 5.1** hingga **Foto 5.3**.

Foto 5.1
Turbidity Air Di Loji Penapisan Air Bukit Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Penapisan Air Bukit Lima
Tarikh: 25 September 2008

Foto 5.2
Air Keruh Di Muka Sauk Bukit Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Bukit Lima
Tarikh: 25 September 2008

Foto 5.3
Pemendapan Di Muka Sauk Salim



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Salim
Tarikh: 25 September 2008

Tinjauan dari udara bersama pegawai dari Jabatan Hutan Sarawak pada 16 dan 17 April 2009 menyusuri Sungai Rejang dari Sibu hingga ke Belaga mendapati kualiti air sungai merosot. Keadaan Sungai Rejang yang keruh kekuningan seperti di **Foto 5.4** dan **Foto 5.5**.

Foto 5.4

Keadaan Sungai Rejang Yang Keruh Kekuningan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rejang
Tarikh: 16 April 2009

Foto 5.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rejang
Tarikh: 17 April 2009

Menurut Lembaga Air Sibu, pencemaran ini disebabkan aktiviti pembalakan, penanaman semula hutan dan pembukaan kawasan ladang kelapa sawit yang dijalankan di dalam lingkungan 10 km hingga 20 km dari muka sauk Bukit Lima dan Salim.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak (JPS), kos penyenggaraan seperti membersihkan dan mendalamkan sungai di Sibu, Bintulu dan Miri bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah sejumlah RM1.82 juta seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Kos Penyenggaraan Sungai Di Sibu, Miri Dan Bintulu

Bahagian	Tahun (RM)			Jumlah Besar (RM)
	2005	2006	2007	
Sibu	210,000	329,774	334,278	874,052
Miri/Bintulu	140,000	563,631	240,000	943,631
Jumlah	350,000	893,405	574,278	1,817,683

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

ii) Total Suspended Solid (TSS) Di Sungai Utama Sarawak

Analisis Audit terhadap laporan NREB mendapati paras TSS air sungai di Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang melebihi paras yang ditetapkan seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Paras TSS Di Sungai Utama Bahagian Sibu, Bintulu Dan Miri

Bil.	Sungai	Paras (mg/l)	
		Tahun 2006	Tahun 2007
1.	Sungai Rejang – Kapit	287.67	397.93
2.	Sungai Rejang – Sibu	149.96	218.21
3.	Sungai Rejang – Sarikei	295.88	143.69
4.	Sungai Kemena – Bintulu	128.81	91.17
5.	Sungai Tatau – Bintulu	113.75	150.25
6.	Sungai Baram – Miri	312.33	151.78
7.	Sungai Limbang – Limbang	210.50	159.42
8.	Sungai Trusan – Limbang	239.00	88.00

Sumber: Laporan Tahunan NREB Tahun 2006 Dan 2007

Akbar tempatan, *The Borneo Post* pada 16 Januari 2009 melaporkan satu mendapan besar seluas padang bola sepak terbentuk antara Muara Sungai Seduan dan Sungai Igan di Sibu. Mendapan tersebut dilaporkan menyebabkan banjir kerap berlaku di Sibu apabila berlaku hujan lebat. Lawatan Audit ke kawasan tersebut mengesahkan mendapan berkenaan wujud seperti di **Foto 5.6** dan **Foto 5.7**.

Foto 5.6
Arah Aliran Air Sungai Dari Muara Sungai Seduan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muara Sungai Seduan, Sibu
Tarikh: 25 September 2008

Foto 5.7
Pemandangan Yang Membentuk Pulau Di Muara Sungai Seduan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muara Sungai Seduan, Sibu
Tarikh: 17 April 2009

Akbar tempatan *The Star* pada 22 Februari 2009 melaporkan aktiviti pembalakan yang dijalankan di kawasan Bakun yang melebihi 40,000 hektar, telah menyebabkan berlakunya pencemaran air yang teruk dan pada waktu yang sama menyebabkan mendapan di muara Sungai Balui. Adalah didapati juga paras TSS di Sungai Balui telah melebihi paras 50 NTU sebanyak enam hingga 20 kali ganda. Antara jenis ikan yang mati adalah ikan baung, ikan tengadak, ikan burih, ikan tapah dan ikan padi disebabkan insang ikan dipenuhi dengan lumpur tanah seperti di **Foto 5.8** dan **Foto 5.9**.

Foto 5.8
Ikan Mati Yang Diambil Penduduk
Di Sungai Balui Bakun Belaga



Sumber: *The Star* (Online)

Lokasi: Sungai Balui Bakun

Tarikh: 21 Februari 2009

Foto 5.9
Ikan Mati Di Sungai Balui Bakun Belaga
Akibat Kualiti Air Sangat Merosot



Sumber: Brimas (Sebuah Badan NGO di Sarawak)

(Online)

Lokasi: Sungai Balui Bakun

Tarikh: 21 Februari 2009

iii) Kandungan *Dissolved Oxygen (DO)* Di Sungai Utama Sarawak

Laporan Tahunan NREB tahun 2006 dan 2007 melaporkan kandungan *DO* di sungai utama Sarawak seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Rekod Kualiti Air Sungai Utama Di Negeri Sarawak

Bil.	Sungai	Tahun 2006		Tahun 2007	
		mg/l	Kelas	Mg/l	Kelas
1.	Sungai Rejang – Kapit	7.35	I	6.90	II
2.	Sungai Rejang – Sibu	4.43	III	4.37	III
3.	Sungai Rejang – Sarikei	3.87	III	4.14	III
4.	Sungai Kemena - Bintulu	3.46	III	2.54	IV
5.	Sungai Tatau - Bintulu	4.17	III	4.38	III
6.	Sungai Baram - Miri	3.06	III	2.53	IV
7.	Sungai Limbang – Limbang	5.66	II	5.52	II
8.	Sungai Trusan – Limbang	6.78	II	5.87	II

Sumber: Laporan Tahunan NREB Tahun 2006 Dan 2007

Adalah didapati kandungan *DO* di Sungai Baram (Miri) dan Sungai Kemena (Bintulu) adalah pada kelas IV iaitu di paras tercemar yang teruk. Sungai Rejang (Sibu dan Sarikei) dan Sungai Tatau (Bintulu) adalah pada kelas III, iaitu di paras tercemar dan kandungan *DO* mengancam ekosistem sungai di sungai tersebut.

Pada pendapat Audit, aktiviti pembalakan yang aktif di kawasan persekitaran sungai merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan kemerosotan *turbidity*, TSS dan *DO* sungai utama Sarawak. Sungai Rejang (Sibu, Sarikei dan Kapit), Sungai Kemena (Bintulu), Sungai Baram (Miri), Sungai Limbang (Limbang) dan Sungai Trusan Lawas (Limbang) melebihi paras yang ditetapkan NWQSM. Keadaan ini bukan sahaja mencemarkan sumber air tetapi juga memerlukan kos yang tinggi untuk penyelenggaraannya.

b) Banjir

Aktiviti pembalakan yang tidak mematuhi pengurusan hutan yang baik akan mengakibatkan hakisan dan pemendapan sungai serta memberi kesan kepada sistem hidrologi dan secara tidak langsung menyebabkan banjir.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak, kawasan Sibu telah merekodkan paras banjir antara 0.9 meter pada tahun 1997 dan meningkat kepada 1.5 meter pada tahun 2007. Bandar Sibu telah mengalami banjir yang paling buruk pada Disember 2008 selepas banjir tahun 1963. Akibat daripada kuantiti air hujan yang banyak dan ditambahkan pula dengan fenomena *King Tide*, Sungai Rejang tidak mampu menerima kuantiti air yang banyak dalam satu masa. Ini disebabkan pemendapan di Sungai Rejang (Sibu, Sarikei dan Kapit) di mana dilaporkan oleh NREB pada tahun 2006, TSS sungai tersebut adalah di antara 149.96 mg/l hingga 295.88 mg/l (melebihi 592% kualiti TSS baik pada kelas II) kesan daripada aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan yang amat aktif. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM400 juta untuk projek menangani banjir di Sibu dalam RMKe-9 dan sejumlah RM13.73 juta untuk RMKe-8. Bagaimanapun masalah banjir masih berlaku walaupun peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati bahawa peruntukan yang disediakan hanya dapat digunakan untuk menyenggara sungai kecil sahaja. Menurut cadangan yang dikemukakan oleh sebuah syarikat Juru Perunding dari Kuala Lumpur, kos mendalamkan Sungai Rejang dan Sungai Igan di sekitar kawasan Sibu adalah berjumlah RM1.6 bilion. Banjir yang telah berlaku di Bandar Sibu pada tahun 2008 adalah seperti di **Foto 5.10** hingga **Foto 5.13**.

Foto 5.10

Keadaan Banjir Di Sebuah Kampung Bandar Sibu



BANJIR: Kawasan halaman Rumah Joseph, Jalan Salim-Stabau yang merupakan salah satu teruk dilanda banjir.

Foto 5.11

Keadaan Banjir Di Sebuah Jalan Raya Bandar Sibu



TERJEJAS: Jalan Salim-Stabau hanya dapat dilalui oleh kenderaan berat.

Sumber: Keratan Akhbar Utusan Borneo

Lokasi: Bandar Sibu

Tarikh: 28 Disember 2008

Foto 5.12

Keadaan Banjir Di Bandar Sibu



Foto 5.13



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Lokasi: Bandar Sibu

Tarikh: 28 Disember 2008

Pada pendapat Audit, salah satu faktor yang menyebabkan kekerapan banjir apabila berlakunya hujan lebat adalah disebabkan mendapan di sungai akibat aktiviti pembalakan.

c) Tanah Runtuh Dan Hakisan Tebingan Sungai

Tanah runtuh merupakan fenomena alam semula jadi dan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal di mana secara langsung menyumbang kepada berlakunya keadaan ini.

Lawatan Audit ke *Model Forest Management Area Anap Muput* di Bahagian Bintulu, kawasan pembalakan di Nanam di Bahagian Sibu dan Baram Central Base Camp di Bahagian Miri mendapati berlakunya hakisan tebingan sungai, tanah runtuh dan pencemaran sungai. Tanah runtuh dan pencemaran sungai di *Central Base Camp* adalah seperti di **Foto 5.14** dan **Foto 5.15**.

Foto 5.14

Tanah Runtuh Di Baram
Central Base Camp



Foto 5.15

Sungai Tercemar Di Baram
Central Base Camp



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Baram Central Base Camp

Tarikh: 15 Oktober 2008

Pada akhir Januari 2009 kejadian tanah runtuh berlaku di kem pembalakan Syarikat Supreme Harvest Nanga Medamit, Limbang disebabkan hujan lebat yang berterusan. Kejadian telah mengorbankan tiga orang pekerja syarikat berkenaan dan meranapkan kuarters pekerja kem berkenaan. Keadaan tanah runtuh tersebut adalah seperti di **Foto 5.16**.

Foto 5.16
Tanah Runtuh Di Nanga Medamit



Sumber: Keratan Akhbar The Borneo Post

Lokasi: Nanga Medamit, Limbang

Tarikh: 30 Januari 2009

Tinjauan Audit dari udara bersama pegawai daripada Jabatan Hutan pada 16 dan 17 April 2009 menyusuri Sungai Rejang dari Sibu hingga ke Belaga mendapati berlaku hakisan tebing sungai dan pemendapan di sungai tersebut. Keadaan ini menyebabkan kualiti air sungai merosot. Kesan hakisan dan pemendapan tersebut adalah seperti di **Foto 5.17** dan **Foto 5.18**.

Foto 5.17
Hakisan Tebingan Di Sungai Rejang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Rejang

Tarikh: 16 April 2009

Foto 5.18
Pemendapan Di Sungai Rejang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Rejang

Tarikh: 17 April 2009

Pada pendapat Audit, kejadian tanah runtuhan seperti yang dilaporkan membuktikan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal boleh mendatangkan kesan yang buruk.

Menurut Jabatan Hutan Sarawak itu pencemaran sungai, banjir dan tanah runtuhan melibatkan usaha bersepadu dari segi penguatkuasaan pelbagai agensi yang berkaitan dan tindakan ini haruslah dipertingkatkan lagi. Jabatan Hutan telah menggariskan panduan berkenaan dengan usaha-usaha yang diperlukan untuk mencegah perkara begini dari berlaku. Di antara panduan yang telah ditetapkan adalah pihak pelesen dikehendaki untuk menyediakan zon penampang sungai untuk setiap aktiviti pembalakan yang dilaksanakan seperti yang termaktub dalam peraturan yang sedia ada dan menetapkan bahawa kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 35° atau 70% adalah dikecualikan dari segala aktiviti pembalakan.

Sektor perhutanan memainkan peranan yang penting dalam menjana ekonomi negeri dan negara. Kesan alam sekitar yang berlaku di negeri ini bukanlah disebabkan oleh aktiviti pembalakan semata-mata. Garis panduan dalam pengurusan hutan berkekalan (sustainable forest management) adalah jelas di mana tidak berlaku penebangan hutan secara sebarang. Sistem tebangan adalah dilakukan dengan membuat tebangan memilih (selective logging) di mana pokok yang melebihi had batas tebangan dibenarkan sahaja yang boleh ditebang. Amalan tebangan memilih ini telah lama dilaksanakan di negeri ini sejak penubuhan Jabatan Hutan pada tahun 1919. Jika dibandingkan dengan aktiviti pembukaan kawasan ladang kelapa sawit atau pertanian lain, aktiviti pembalakan adalah environmental friendly kerana aktiviti ini tidak memusnahkan kawasan hutan. Sedangkan aktiviti perladangan melibatkan pembukaan tanah dan kemusnahaan hutan.

d) Flora Dan Fauna

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada laman web Perbadanan, Sarawak mempunyai spesies flora terdiri daripada lebih kurang 2,000 spesies orkid, 757 spesies paku pakis dan 260 spesies palma. Sarawak juga mempunyai pelbagai spesies fauna iaitu lebih kurang 185 spesies mamalia (*Payne et al, 1985*), 530 spesies burung (*Mackinnon and Phillips, 1983*), sebanyak 166 spesies ular, 104 spesies cicak dan 113 spesies amfibia (*Anon, 1985*). Kepelbagaiannya akan mulai musnah dan pupus sedikit demi sedikit disebabkan aktiviti pembalakan. Bagi menangani masalah ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk melindunginya dengan mewartakan pelbagai spesies flora dan fauna iaitu sebanyak 52 spesies fauna seperti mamalia, burung dan reptilia sebagai spesies terlindung sepenuhnya. Bagaimanapun, Jabatan Hutan tidak mempunyai maklumat spesies flora dan fauna yang telah pupus namun bilangan spesies yang diwartakan sebagai spesies terlindung adalah merupakan flora dan fauna yang mengalami kepupusan. Pusat Biodiversiti Sarawak mengesahkan kepupusan dan kemusnahaan flora dan fauna tetapi tidak menyimpan data dan statistik mengenainya.

Pada pendapat Audit, ketiadaan rekod yang lengkap boleh menyebabkan langkah pemuliharaan tidak dapat diambil bagi menjaga spesies flora dan fauna yang diancam kepupusan.

e) **Laporan Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment - EIA*)**

Laporan EIA memainkan peranan sebagai suatu kaedah dan cara bagi mengelakkan impak kepada alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti pembangunan. EIA juga merupakan satu pendekatan untuk mengelakkan daripada berlaku perbelanjaan kos pemuliharaan alam sekitar yang amat tinggi akibat daripada kecuaian dalam menangani sesuatu projek pembangunan. Sehubungan itu, *The Natural Resources And Environment Ordinance (Prescribed Activities) Order 1994*, menetapkan agar Laporan EIA disediakan oleh semua pelesen bagi kawasan pembalakan yang melebihi 500 hektar sebelum memulakan semula pembalakan di kawasan hutan yang pernah dibalak.

Semakan Audit terhadap 79 *permit to enter coupe* (PEC) untuk pembalakan semula yang ditutup dikeluarkan oleh Perbadanan Perhutanan Sarawak bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapat 49 PEC adalah bagi kawasan kurang 500 hektar dan 30 PEC bagi kawasan melebihi 500 hektar. Sebanyak 30 PEC bagi kawasan melebihi 500 hektar tidak dapat disahkan sama ada Laporan EIA telah disediakan oleh pelesen sebelum kerja membalaik semula dijalankan. Pihak Audit mendapat tiada Laporan EIA berkaitan 30 PEC tersebut diluluskan oleh NREB dalam tahun 2006 hingga 2008.

Semakan rambang Audit terhadap 178 PEC yang ditutup di pejabat Jabatan Hutan Wilayah Sibu, Bintulu dan Miri mendapat sebanyak 117 PEC adalah untuk kawasan melebihi 500 hektar dan baki sebanyak 61 PEC adalah untuk kawasan kurang daripada 500 hektar. Semakan lanjut terhadap 117 PEC mendapat hanya 17 Laporan EIA telah diluluskan bagi kawasan yang melebihi 500 hektar yang dikeluarkan oleh Jabatan Hutan. Semakan rambang Audit terhadap 19 daripada 117 PEC tersebut mendapat empat pelesen telah memecah kecilkan kawasan tersebut kurang daripada 500 hektar melibatkan kawasan seluas 5,762 hektar. Contoh PEC yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Kawasan Pembalakan Semula Dipecah Kecilkan
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bahagian	No Lesen	No Coupe	Tahun		
			2006	2007	2008
Bintulu	T 4321	02BR		472	
		03CR		238	
		04BR (1)		321	
		01CR			75
		03BR			400
		03BR(1)			125
		01BR(III)			185
		03AR	367		
Miri	T 3180	02AR	471		
		01AR	381		
		02AR	275		
		02/12AR	497		
	T0229	03/13AR	370		
		04/15AR		464	
		05/18AR			256
		06/9AR		217	
	T9093	06/8AR		107	
		06/7AR		279	
		05/6AR		262	

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

Didapati pelesen ini telah membahagikan kawasan tersebut kepada beberapa coupe yang berukuran antara 75 hektar hingga 497 hektar kurang daripada 500 hektar yang mewajibkan pelesen tersebut mendapatkan kelulusan Laporan EIA daripada NREB.

Menurut Jabatan Hutan Sarawak sehingga kini tidak ada peraturan yang khusus di Jabatan untuk menetapkan konsesi pembalakan menyediakan Laporan EIA. Peraturan yang memerlukan penyediaan Laporan EIA adalah di bawah bidang kuasa agensi lain iaitu pihak Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB) melalui The Natural Resources and Environment Ordinance (Prescribed Activities) Order 1994. Peruntukan ini menetapkan Laporan EIA perlu disediakan oleh semua pelesen bagi kawasan pembalakan semula (re-entry) melebihi 500 hektar.

Di bawah peruntukan yang ada dalam Forests Ordinance Chapter 126, tidak ada peruntukan supaya pelesen menyediakan Laporan EIA bagi kawasan re-entry. Sehingga kini, proses pengeluaran PEC untuk kawasan re-entry masih dalam kategori “business as usual” (BAU) di mana peraturan yang diterimakan adalah berdasarkan peraturan-peraturan yang sedia ada di Jabatan. Pihak Jabatan juga masih menunggu arahan lanjut dari Kerajaan Negeri berhubung dengan perubahan untuk menerima pakai The Natural Resources and Environment Ordinance (Prescribed Activities) Order 1994.


Pada pendapat Audit, ketiadaan peruntukan dalam Ordinan yang mewajibkan pelesen mengemukakan Laporan EIA yang telah dikeluarkan oleh NREB sebelum PEC diluluskan oleh Jabatan Hutan telah memberi ruang kepada pelesen memecah kecilkan kawasan konsesi tersebut.

a) Pelanggaran Syarat Lesen

Kerajaan telah menetapkan syarat dalam lesen pembalakan supaya pelesen tidak membalaik dikawasan berkecerunan melebihi 35° dan zon penampang sungai antara 5 hingga 50 meter bergantung kepada saiz sungai.

Tinjauan dari udara telah dilakukan bersama pegawai dari Jabatan Hutan pada 17 April 2009 ke kawasan pembalakan T3112 dengan keluasan 21,141 hektar dan T3127 dengan keluasan 46,475 hektar dan T3284 dengan keluasan 88,324 hektar di Sungai Murum Belaga. Analisis Audit terhadap peta kontour, temu bual dengan pegawai Jabatan Hutan, pengamatan di kawasan tersebut dan foto yang diambil mendapati pelesen telah melanggar syarat lesen dengan menceroboh kawasan berkecerunan melebihi 35° dan zon penampang sungai. Keadaan ini menyebabkan berlaku tanah runtuh dan kualiti air sungai merosot akibat hakisan tanah. Kesan pelanggaran tersebut adalah seperti di **Peta 5.2** dan **Foto 5.19** hingga **Foto 5.21**.

Peta 5.2
Kedudukan Kawasan Pembalakan



Sumber: Jabatan Hutan Sarawak
Lokasi: Sungai Murum Belaga
Tarikh: 17 April 2009

Foto 5.19
Kawasan Kecerunan Melebihi 35° Diceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Murum Belaga
Tarikh: 17 April 2009

Foto 5.20
Tanah Runtuh Di Kawasan Kecerunan Melebihi 35°



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Murum Belaga
Tarikh: 17 April 2009

Foto 5.21
Kesan Pembalakan Di Tebing Sungai Murum Yang Merupakan Zon Penampang



Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah telah menyebabkan berlakunya pelanggaran syarat lesen yang berleluasa dan memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

5.5.2 Pewartaan Hutan Simpan Kekal/Hutan Perlindungan

a) Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Dimansuhkan

Seksyen 3 dan 25 *Forests Ordinance Chapter 126*, memberi kuasa kepada Menteri Perancangan Dan Pengurusan Sumber untuk mewartakan mana-mana kawasan untuk dijadikan rizab hutan. Sehubungan itu, Menteri dalam ucapannya di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada akhir November 2007 dan kenyataan akhbar pada akhir Mac 2008, telah menetapkan sejumlah enam juta hektar HSK dan satu juta hektar HLS akan diwartakan. Bagaimanapun, Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber (KPPS) dan Jabatan Hutan tidak menetapkan tarikh pewartaan itu akan berkuat kuasa.

Semakan Audit mendapati setakat akhir tahun 2008, Negeri Sarawak mempunyai HSK seluas 5.56 juta hektar yang telah diwartakan. Bagaimanapun, bagi tahun 1990 hingga 2008 seluas 0.96 juta hektar HSK telah dimansuhkan di mana 18,352 hektar dimansuhkan bagi tahun 2006 hingga 2008. Baki keluasan kawasan HSK adalah sejumlah 4.60 juta hektar. Kawasan HSK yang telah dimansuhkan dan belum diganti adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
HSK Yang Dimansuhkan Dan Belum Diganti
Sehingga 31 Disember 2008

Wilayah	Hutan Simpan Kekal		
	Diwartakan Sehingga 2008 (Ha)	Dimansuhkan (1990 – 2008) (Ha)	Baki (Ha)
Kuching	293,450	173,753	119,697
Sibu	3,219,253	353,253	2,866,000
Bintulu	460,070	65,765	394,305
Miri	1,577,758	363,404	1,214,354
Jumlah	5,550,531	956,175	4,594,356

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

Jabatan Hutan Sarawak memaklumkan pewartaan sesuatu kawasan hutan menjadi HSK merupakan “on-going process” yang melibatkan proses pewartaan kawasan Hutan Perlindungan (Protected Forest). Proses pewartaan ini bukanlah satu yang boleh dilakukan dengan mudah kerana ianya melibatkan masa, tenaga dan kewangan.

Sehingga kini, Jabatan Hutan Sarawak telah mencadangkan kawasan seluas 1,033,537 hektar sebagai kawasan HSK yang mana kawasan ini meliputi 636,813 hektar kawasan tanah kerajaan dalam lesen ladang hutan dan kawasan-kawasan lain seluas 396,724 hektar. Jabatan berharap usaha untuk mencapai sasaran penubuhan HSK terlaksana sepenuhnya walaupun penubuhannya memakan masa yang panjang. Terdapat beberapa kawasan HSK yang diwartakan telah dimansuhkan untuk dijadikan Hutan Lindungan Sepenuhnya (totally protected forests-TPAs) yang meliputi kawasan seluas 107,384 hektar. Antara kawasan yang terlibat adalah H.S. Maludam, H.S. Kuching Wetland, H.S. Sebuyau dan sebagainya. Jabatan Hutan Sarawak mengambil langkah untuk memansuhkan kawasan HSK kepada HLS bagi memastikan kawasan tersebut tidak diancam oleh arus pembangunan dan sebagai usaha ke arah konservasi flora dan fauna.

Pada pendapat Audit, matlamat untuk mencapai sasaran enam juta hektar HSK tidak akan tercapai sekiranya usaha segera tidak diambil untuk mewartakan kawasan hutan yang telah dikenal pasti sebagai menggantikan HSK yang telah dimansuhkan. Peruntukan undang-undang yang sedia ada hendaklah diperkemas dengan mewajibkan setiap HSK yang dimansuhkan diganti dengan segera.

b) Hutan Lindungan Sepenuhnya Yang Belum Diwartakan

Matlamat Kerajaan Negeri menetapkan sejumlah satu juta hektar hutan diwartakan sebagai kawasan HLS. Setakat tahun 2008, Negeri Sarawak mempunyai 37 kawasan HLS seluas 0.88 juta hektar. Kawasan tersebut terdiri daripada kawasan Taman Negara, Taman Hidupan Liar dan Rizab Semulajadi. Daripada jumlah tersebut, 20 kawasan

dengan keluasan 0.45 juta hektar telah dicadangkan untuk diwartakan. Kawasan tersebut adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Cadangan Pewartaan Kawasan HLS Sehingga Tahun 2008

Bil.	Cadangan Pewartaan	Bilangan	Keluasan (Ha)
Peringkat KPPS			
1.	Taman Negara Baleh (Kapit)	1	22,300
2.	Taman Negara Danum Linau (Kapit)	1	30,000
3.	Taman Negara Bukit Sarang (Bintulu)	1	13,200
4.	Taman Negara Pulong Tau (<i>Ext. II</i>) (Miri)	1	53,220
5.	Taman Negara Mud Volcano (Miri)	1	2,000
6.	Taman Negara Santubong (<i>Ext.</i>) (Kuching)	1	3,185
7.	Taman Negara Sedlu (Samarahan)	1	5,970
8.	Taman Negara Sungai Meluang (Bintulu)	1	2,770
9.	Taman Negara Tanjung Manis (Mukah)	1	247
Jumlah			132,892
Peringkat Jabatan Hutan			
1.	Taman Negara	8	288,122
2.	Rizab Semulajadi	1	235
3.	Taman Perlindungan Hidupan Liar	2	26,690
Jumlah			315,047
Jumlah			447,939

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

Menurut *Jabatan Hutan Sarawak*, pewartaan sesuatu kawasan hutan menjadi HLS merupakan *on-going process* di mana prosesnya ada panjang. Sebelum pewartaan dapat dilakukan, pihak *Jabatan Hutan* perlu menjalankan kajian dan survei di lapangan untuk mengumpul maklumat tentang flora, fauna, geologi, sejarah, potensi eko-tourism, landskap dan sosio-ekonomi penduduk yang mendiami dalam serta luar kawasan cadangan. Maklumat ini nanti akan digunakan untuk menyediakan kertas cadangan ke *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)* yang kemudiannya dikemukakan kepada pihak *Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber*. Di peringkat Kementerian, kertas MMKN akan dikemukakan kepada *Setiausaha Kerajaan Negeri*, *Penguam Besar Negeri* dan *Setiausaha Kewangan Negeri* untuk ulasan atau komen sebelum kertas MMKN ini diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan MMKN. Selain daripada itu, antara proses yang mengambil masa yang agak panjang adalah proses pertanyaan tuntutan dengan pihak yang membuat tuntutan. Proses ini akan menjadi lebih rumit sekiranya terdapat tuntutan bertindih pada satu kawasan yang sama dan memakan masa yang panjang untuk penyelesaian. Kertas MMKN bagi *Taman Negara Binyo Penyilam* dan *Taman Negara Gunung Lesong* akan siap dalam jangka masa dua bulan. Manakala kertas MMKN bagi *Taman Negara Hose Laga*, *Taman Negara Dulit Range*, *Taman Negara Ulu Klauh*, *Taman Negara Kelingkang Range* dan *Sanktuari Hidupan Liar Sungai Jalangai* pula di dalam proses penyediaan.

Pada pendapat Audit, KPPS dan Jabatan Hutan perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mempercepatkan pewartaan HLS.

5.5.3 Kawalan Dan Penguatkuasaan Yang Kurang Berkesan

Aktiviti penguatkuasaan adalah salah satu kawalan yang penting dalam memastikan pengekalan pengurusan hutan yang berkesan. Penguatkuasaan bertujuan mencegah dan membanteras pembalakan haram, penerokaan tanpa izin dan kesalahan hutan di HLS dan

HSK. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 558 kes kesalahan hutan telah dikesan di mana sebanyak 102 kes pembalakan haram dan 456 kes kesalahan lain seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Kes Pembalakan Haram Dan Kesalahan Lain Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Pembalakan Haram			Rampasan (m ³)	Amaun (RM)
	Jumlah Kesalahan Hutan	Pembalakan Haram	Kesalahan Lain		
2006	98	14	84	16,328	611,312
2007	229	34	195	39,332	866,578
2008	231	54	177	38,348	856,042
Jumlah	558	102	456	94,008	2,333,932

Sumber: Perbadanan Perhutanan Sarawak

Analisis Audit terhadap jumlah kes pembalakan haram dan kesalahan lain bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati peningkatan kes dari tahun ke tahun. Semakan Audit seterusnya terhadap laporan rondaan bagi tahun 2008 di Taman Negara Gunung Gading dan Taman Negara Kubah mendapati sebanyak 260 rondaan dijalankan iaitu 242 rondaan yang dirancang telah dilaksanakan dan 18 rondaan dijalankan berdasarkan aduan awam.

a) Pembalakan Haram

Semakan Audit mendapati bagi tempoh yang sama, Perbadanan telah merampas sebanyak 272,588 batang kayu balak melibatkan 94,008 meter padu. Jumlah rampasan tersebut meningkat dari 29,179 batang kayu pada tahun 2006 kepada 108,413 batang kayu atau 271.5% pada tahun 2007 dan kepada 134,996 batang kayu atau 24.5% pada tahun 2008 seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Jumlah Rampasan Kayu Balak Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Wilayah	2006		2007		2008	
		Jumlah Rampasan Kayu Balak (Batang)	Isi Padu (m ³)	Jumlah Rampasan Kayu Balak (Batang)	Isi Padu (m ³)	Jumlah Rampasan Kayu Balak (Batang)	Isi Padu (m ³)
1.	Kuching	6,236	2,474	59,761	14,726	25,239	17,945
2.	Sibu	2,260	2,972	17,307	6,021	16,093	8,938
3.	Miri	4,211	3,258	4,894	4,553	6,476	2,378
4.	Bintulu	16,472	7,623	26,451	14,032	87,188	9,088
	Jumlah	29,179	16,327	108,413	39,332	134,996	38,349

Sumber: Perbadanan Perhutanan Sarawak

b) Pencerobohan Dan Pembalakan Haram Di HLS

HLS merupakan hutan yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri untuk memelihara dan menjaga keindahan dan kestabilan ekosistem alam sekitar. Lawatan Audit ke Taman Negara mendapati perkara seperti berikut:

i) Taman Negara Kubah, Kuching

Taman Negara Kubah, Kuching terletak di Gunung Serapi Wilayah Kuching telah diwartakan pada tahun 1989 dengan keluasan 2,230 hektar. Rekod aduan pencerobohan bagi tahun 2006 hingga 2008 yang diselenggarakan oleh *Security Assets Protection Unit* (SAPU) menunjukkan sebanyak 41 aduan kesalahan hutan

diterima di mana 36 aduan berkaitan kes pembalakan haram. Daripada itu, sebanyak 385 batang kayu balak, satu unit lori dirampas dan lima kertas siasatan telah dikeluarkan seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12

Rekod Aduan Pencerobohan Taman Negara Kubah Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Perkara	Tahun			Jumlah Kesalahan	Catatan
	2006	2007	2008		
Kes Pembalakan Haram	11	12	13	36	- 385 batang kayu balak dirampas - Satu unit lori dirampas - Lima kertas siasatan dikeluarkan
Lori Mengangkut Balak	1	-	2	3	-
Kilang Haram	-	1	-	1	-
Bising Dan Pencemaran Udara	-	-	1	1	-
Jumlah	12	13	16	41	

Sumber: Perbadanan Perhutanan Sarawak

Lawatan Audit ke Taman Negara Kubah, Kuching mendapati Perbadanan ada menjalankan rondaan sekali seminggu. Temu bual dengan pegawai Perbadanan mendapati aktiviti pencerobohan dilakukan pada waktu malam dan hujung minggu di mana pada masa tersebut rondaan tidak dijalankan. Kesan kemusnahan akibat daripada pembalakan haram tersebut seperti di **Foto 5.22** dan **Foto 5.23**.

Foto 5.22
Pokok Belian Yang Telah Ditebang



Foto 5.23
Tunggul Pokok Belian Yang Telah Diproses Di Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi:Taman Negara Kubah

Tarikh: 24 Februari 2009

ii) Taman Negara Gunung Gading, Lundu

Taman Negara Gunung Gading terletak di Gunung Gading Lundu telah diwartakan pada tahun 1988 dengan keluasan 4,196 hektar. Semakan Audit terhadap rekod aduan pencerobohan bagi tahun 2006 hingga 2008 yang diselenggarakan oleh SAPU menunjukkan sebanyak 23 aduan kesalahan hutan diterima berkaitan es yang diterima adalah atas aduan orang awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 416 batang balak dan empat unit *chainsaw* dirampas, empat orang warga asing ditahan dan sembilan kertas siasatan telah dikeluarkan seperti di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Rekod Aduan Pencerobohan Taman Negara Gunung Gading
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Perkara	Tahun			Jumlah Kesalahan	Catatan
	2006	2007	2008		
Kes Pembalakan Haram	-	8	15	23	<ul style="list-style-type: none"> - 416 batang kayu dirampas dan dimusnahkan - Empat orang warga asing ditangkap - Empat unit <i>chainsaws</i> dirampas - Sembilan kertas siasatan dikeluarkan
Jumlah	-	8	15	23	

Sumber: Perbadanan Perhutanan Sarawak

Temu bual Audit dengan Pegawai Penguatkuasa dan lawatan Audit di sekitar kawasan Taman Negara ini mendapati Taman Negara terletak berdekatan kawasan pembangunan dan ladang kelapa sawit serta terdapat jalan-jalan balak yang memudahkan aktiviti tersebut dijalankan. Balak yang telah digergaji dalam bentuk kayu yang dirampas adalah seperti di **Foto 5.24** dan **Foto 5.25**.

Foto 5.24
Kayu Bergergaji Dipotong Untuk Dimusnahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara Gunung Gading
Tarikh: 23 Februari 2009

Foto 5.25
Kayu Bergergaji Yang Belum Dimusnahkan



Lawatan Audit ke kawasan hutan di Sanjit/Sabirat Taman Negara Gunung Gading mendapati pembalak haram telah membina laluan jalan ke kawasan tersebut bagi memudahkan aktiviti mereka. Jalan yang digunakan dan kayu balak yang ditebang oleh pembalak haram seperti di **Foto 5.26** dan **Foto 5.27**.

Foto 5.26
Jalan Dibina Oleh Penceroboh Untuk Mengangkut Kayu Balak



Foto 5.27
Kayu Balak Yang Ditebang Yang Tidak Sempat Diangkut Oleh Penceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi:Taman Negara Gunung Gading
Tarikh: 23 Februari 2009

Jabatan Hutan Sarawak memaklumkan Jabatan Hutan dan SFC telah mempertingkatkan rondaan secara berkala di HSK dan HLS mulai tahun 2009 terutama sekali terhadap kawasan yang terdedah ataupun berpotensi berlaku pencerobohan dan pembalakan haram. Di antara strategi penguatkuasaan adalah dengan mempertingkatkan dan memantapkan aktiviti pengawasan dan pemantauan seperti berikut:

- i) Menambah pegawai-pegawai penguasa di Jabatan Hutan Sarawak seramai 200 orang di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Hutan Wilayah;
- ii) Memberi lebih fokus dan mempertingkatkan rangkaian aktiviti risikan, kertas siasatan berkualiti tinggi, melatih pegawai pendakwa dan memantapkan prosedur kerja;
- iii) Meningkatkan rondaan berkala (2 hingga 3 kali seminggu) terutama sekali kawasan kerap kali berlaku di HSK dan HLS;
- iv) Memantapkan pengawasan dan rondaan dari udara terutama sekali pencerobohan di sempadan dan pembalakan haram; dan
- v) Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan “Satelite Imagery” seperti Sistem Pemantauan Penguatkuasaan dan Pencegahan.

Pada pendapat Audit, program rondaan mingguan sekiranya dijalankan di Taman Negara mengikut jadual boleh mengesan aktiviti pembalakan haram dan tindakan pencegahan boleh diambil serta merta. Penemuan seperti balak yang telah digergaji di Taman Negara dan terdapatnya jalan balak membuktikan bahawa aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram di Taman Negara tidak hanya dilakukan pada waktu malam dan hujung minggu. Kesan pencerobohan di Taman Negara di atas juga menunjukkan aktiviti tersebut telah berlangsung untuk tempoh yang lama di mana balak ditebang, diangkut dari lokasi dan digergaji.

5.5.4 Kawasan Pembalakan Tahunan Melebihi Catuan Tebangan Tahunan (CTT)

Majlis Perhutanan Negara dan Jabatan Hutan Sarawak menetapkan CTT sebanyak 170,000 hektar bagi kawasan HSK. Penetapan CTT adalah bagi memastikan aktiviti pembalakan terkawal dan dapat mengurangkan kesan kepada alam sekitar. Semakan Audit mendapati kawasan HSK yang dilulus untuk pembalakan bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seluas 406,231 hektar iaitu masih di bawah paras CTT yang ditetapkan. Butiran tersebut adalah seperti di **Jadual 5.14**.

Jadual 5.14
Keluasan Kawasan Dibalak Berbanding CTT
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	CTT (Ha)	Keluasan Kawasan HSK Dibalak		
		HSK (Ha)	Kurang (Ha)	(%)
2006	170,000	137,365	32,635	19.2
2007	170,000	134,955	35,045	20.1
2008	170,000	133,911	36,089	21.2
Jumlah	510,000	406,231	103,769	20.3

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak Dan Majlis Perhutanan Negara, Malaysia

Menurut maklum balas Jabatan Hutan Sarawak, CTT hanya digunakan bagi pembalakan di kawasan HSK sahaja dan tidak melibatkan pembalakan di hutan tanah kerajaan (stateland forest) dan tanah milik (alienated land). Maklumat CTT bagi kawasan pembalakan di HSK adalah seperti jadual berikut:

Tahun	CTT	Jumlah Kawasan yang dikeluarkan PEC (Ha)* Operation 5
2006	170,000	48,852
2007	170,000	53,547
2008	170,000	35,128
Jumlah	510,000	137,527

Nota: * Only for PFE Licence Area

Jadual di atas menunjukkan bahawa PEC bagi kawasan hutan dara hanya melibatkan 137,527 ha bagi tempoh 2006 hingga 2008. Jumlah kawasan ini jauh lebih kecil daripada jumlah CTT yang dibenarkan iaitu 510,000 ha bagi tempoh yang sama.

Menurut Jabatan Hutan, pada masa sekarang, Jabatan Hutan masih menggunakan sistem penebangan secara memilih iaitu pihak pelesen hanya dikehendaki untuk menebang pokok yang melebihi had batas tebangan yang dibenarkan (berdiameter ≥ 45 cm dbh untuk Kayu Bukan Dipterocarp dan ≥ 60 cm dbh untuk kayu Dipterocarp). Menurut Jabatan Hutan lagi, pihaknya berjaya mematuhi saranan yang telah ditetapkan oleh pihak ITTO dengan mengurangkan pengeluaran kayu balak hampir kepada 9.2 juta meter padu setahun dari kawasan "Permanent Forest Estate" dan nilai ini masih menjadi panduan bagi pihak Jabatan dalam memastikan pengurusan hutan berkekalan untuk negeri ini.

Pada pendapat Audit, kawasan pembalakan yang diluluskan adalah di bawah paras CTT yang ditetapkan.

5.5.5 Kekurangan Sumber Manusia Untuk Pemantauan

Guna tenaga yang cekap dan berwibawa serta mencukupi adalah penting kepada sesebuah organisasi untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Semakan Audit mendapati sebelum tahun 2003 Jabatan Hutan mempunyai seramai 198 jawatan Renjer Hutan pelbagai gred yang bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Adalah didapati setelah Perbadanan ditubuhkan pada tahun 2003, SAPU mengambil peranan tersebut, jawatan berkenaan dikurangkan kepada 88 orang. Semakan Audit seterusnya mendapati hanya 48 daripada jumlah pegawai tersebut menjalankan kerja pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh Sarawak. Selain itu, pegawai tersebut tidak dibekalkan dengan kemudahan keselamatan seperti senjata api dan latihan berkaitan penguatkuasaan dan keselamatan.

Pada pendapat Audit, pengurangan Pegawai Penguatkuasa dan ketiadaan kemudahan keselamatan mengakibatkan tugas pemantauan dan penguatkuasaan menjadi sukar dan kurang berkesan.

5.5.6 Maklum Balas Orang Awam Terhadap Kesan Pembalakan Kepada Alam Sekitar

Bagi mendapatkan maklum balas tentang pengurusan hutan, sebanyak 120 Borang Soal Selidik telah diedarkan iaitu, 100 kepada orang awam dan 20 kepada Agensi Bekalan Air Negeri. Sebanyak 94 atau 78.3% maklum balas telah diterima. Daripada jumlah tersebut 82 dikembalikan oleh orang awam iaitu 30 dari kawasan Sibu, 25 dari kawasan Miri dan 27 dari kawasan Bintulu serta 12 daripada pengurusan Agensi Bekalan Air Bahagian Sibu.

i) Maklum Balas Orang Awam

Analisis Audit terhadap 82 borang yang dikembalikan oleh orang awam mendapati majoriti responden mengetahui aktiviti pembalakan ada di kawasan mereka dan berpendapat aktiviti tersebut tidak mengakibatkan banjir dan tanah runtuh atau menjelaskan kesihatan mereka. Bagaimanapun, ia memberi kesan terhadap alam sekitar seperti berlaku pencemaran sungai serta kemasuhan habitat semula jadi flora dan fauna yang telah menjelaskan punca pendapatan dan aktiviti harian mereka terganggu.

ii) Maklum Balas Agensi Bekalan Air

Analisis Audit terhadap 12 maklum balas daripada Agensi Bekalan Air mendapati responden mengetahui wujudnya kawasan tadahan air dan berpendapat kawasan tersebut perlu dilindungi dan dipantau. Peraturan mengenai kawasan tadahan air serta zon penampang perlu dikuatkuasakan. Bagaimanapun, responden menyedari adanya pencerobohan tetapi tidak dilaporkan atau aduan tidak diambil tindakan sewajarnya. Responden berpendapat, pencemaran kawasan tadahan air berpunca daripada pencerobohan di kawasan tadahan air dan sekitarnya.

Pada pendapat Audit, orang awam menyedari aktiviti pembalakan, pencerobohan dan pembalakan haram telah memberi kesan buruk kepada pencemaran sungai, kawasan tadahan air dan habitat semula jadi flora dan fauna. Oleh yang demikian, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan.

5.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan hutan dan penjagaan alam sekitar adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan oleh kawasan HSK yang dimansuhkan belum diganti, kawasan HSK dan HLS belum diwartakan sepenuhnya, ketiadaan peruntukan khusus dalam *Forests Ordinance Chapter 126* bagi mewajibkan Laporan EIA disediakan oleh pelesen, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan oleh Perbadanan menyebabkan kesan kepada alam sekitar akibat daripada aktiviti pembalakan haram seperti dilaporkan. Bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan hutan adalah disyorkan perkara seperti berikut:

- a) KPPS hendaklah menjalankan penyelidikan secara berterusan supaya pemantauan serta langkah pemuliharaan boleh diambil terhadap kemerosotan kualiti alam sekitar akibat pembalakan seperti pencemaran sungai, tanah runtuh, hakisan dan kesan kualiti air serta ekosistem.
- b) Jabatan Hutan hendaklah mengkaji semula syarat Laporan EIA untuk pembalakan kawasan konsesi dipecah kecilkan kepada coupe yang kurang daripada 500 hektar.
- c) Jabatan Hutan hendaklah menetapkan syarat supaya semua konsesi pembalakan menyediakan Laporan EIA tanpa mengira keluasan kawasan demi mengelakkan berlakunya pecah kecil kawasan pembalakan bagi sesuatu tempoh yang akhirnya memberi kesan kepada alam sekitar.
- d) KPPS hendaklah meminda Ordinan supaya mewajibkan pelesen mengemukakan Laporan EIA yang telah diluluskan oleh NREB sebelum PEC dikeluarkan dan syarat ini diperluaskan kepada kawasan pembalakan baru.
- e) Jabatan Hutan hendaklah memastikan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dipertingkatkan dan tindakan tegas diambil terhadap pencerobohan HSK dan HLS supaya kemasuhan hutan serta flora dan fauna terlindung boleh dikawal.
- f) KPPS hendaklah memastikan kawasan HSK yang telah dimansuhkan digantikan segera untuk mencapai sasaran HSK bagi memastikan pengurusan hutan mapan dapat direalisasikan di negeri Sarawak.
- g) KPPS hendaklah memastikan HLS diwartakan dengan sasaran yang telah ditetapkan.
- h) KPPS perlu bekerjasama dengan Agensi Bekalan Air dan Agensi lain yang berkaitan untuk memulihara pencemaran sungai dan kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti. Usaha pemantauan dan penguatkuasaan perlu diselaraskan di antara Agensi seperti NREB dan PBAN.

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SARAWAK

6. PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA)

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1 Pada tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri melancarkan Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA). Program ini dilancarkan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada pertengahan Januari 1989 dan diluluskan pelaksanaannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri Persekutuan pada pertengahan September 1989.

6.1.2 Matlamat utama program KAFA adalah untuk mewujudkan satu program kelas pengajian Al-Quran dan Fardu Ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh negara. Program ini dilaksanakan bagi memastikan semua kanak-kanak Islam berumur antara enam hingga 12 tahun di negara ini dapat membaca Al-Quran dengan baik dan betul serta dapat mempelajari dan mengamalkan perkara asas yang menjadi fardu kepada orang Islam. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkuatkan asas pendidikan Agama Islam di sekolah kebangsaan bagi memastikan murid di sekolah tersebut mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan dan pengetahuan Agama Islam. Program KAFA adalah berkonsepkan pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong dan memperkuatkan pendidikan Islam yang dilaksanakan melalui sistem pendidikan kebangsaan. Penekanan dan tumpuan adalah diberi kepada latihan amali dan kemahiran membaca Al-Quran mengikut tajwid di samping memberi kemahiran terhadap penulisan dan pembacaan tulisan jawi.

6.1.3 Program KAFA dilaksanakan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (JPNS). JAIS bertanggungjawab untuk merancang anggaran peruntukan tahunan manakala JAKIM melulus dan menyalurkan peruntukan tahunan serta menentukan dasar dan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang perlu diikuti. JPNS pula dipertanggungjawabkan untuk memberi kebenaran dan menyediakan kemudahan seperti tempat belajar dan alat bantuan mengajar. Setakat tahun 2008, sebanyak 440 daripada 1,262 sekolah rendah di Sarawak mendaftar kelas KAFA dengan bilangan penyelia seramai 12 orang, seramai 2,059 guru KAFA dan murid seramai 50,189 orang. Pada tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan program j-QAF sebagai suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Program ini dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah dan setakat tahun 2008 sebanyak 419 sekolah terlibat.

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program KAFA dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENG AUDITAN

Skop peng auditan meliputi aktiviti pelaksanaan program KAFA oleh JAIS bagi tahun 2006 hingga 2008. Peng auditan dijalankan di Ibu Pejabat JAIS dan 19 buah sekolah yang dipilih di Bahagian Kuching dan Samarahan.

6.4 KAEDAH PENG AUDITAN

Peng auditan yang dijalankan melibatkan semakan Audit terhadap Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, fail minit mesyuarat, fail kewangan, buku kehadiran murid dan guru, dokumen pelantikan penyelia dan guru KAFA serta rekod berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai JAIS, penyelia dan guru KAFA serta lawatan ke kelas KAFA juga turut dijalankan. Borang Soal Selidik diedarkan kepada penyelia, guru dan ibu bapa/penjaga serta mengadakan ujian lisan terhadap murid di 19 buah sekolah yang dilawati bagi mendapat maklum balas mengenai keberkesanan program KAFA.

6.5 PENEMUAN AUDIT

6.5.1 Pelaksanaan Program KAFA

Dasar Kerajaan adalah untuk mewujudkan suatu program KAFA yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh negara. Selain itu, program KAFA juga dilaksanakan bagi memastikan semua murid Tahun Satu hingga Enam dapat membaca Al-Quran dengan betul dan mempelajari serta mengamalkan perkara fardu kepada orang Islam.

a) Penubuhan KAFA Tidak Menyeluruh

Bagi melaksanakan program KAFA ini, JAIS berperanan dalam merancang dan melaksana program KAFA berdasarkan silibus yang ditetapkan oleh JAKIM. JPNS telah memberi kerjasama menyediakan kemudahan sekolah bagi menjayakan program tersebut.

Semakan Audit mendapati pelaksanaan program KAFA di Negeri Sarawak tidak mengikut objektif KAFA sepenuhnya kerana program ini hanya melibatkan murid Tahun Dua hingga Lima. Alasan yang diberi oleh pihak JAIS adalah murid Tahun Satu dianggap sebagai tempoh penyesuaian diri dengan alam persekolahan manakala murid Tahun Enam dalam persediaan untuk menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Adalah didapati dalam pelaksanaan KAFA, faktor masa, kemahiran guru KAFA, minat murid dan kurikulum lengkap JAKIM tidak ditekankan. Penekanan hanya diberi kepada bacaan Al-Quran dan asas Fardu Ain manakala Bahasa Arab tidak ditekankan. Kesannya, program KAFA tidak mencapai matlamatnya dan tidak menyeluruh kerana tidak melibatkan murid Tahun Satu dan Enam.

Pada pendapat Audit, pihak JAIS tidak melaksanakan sepenuhnya dasar yang ditetapkan dan impak program KAFA tidak dapat dicapai.

b) Pertambahan Kuota Kelas KAFA Belum Diluluskan

Pewujudan kelas KAFA bergantung kepada bilangan kuota kelas yang diperuntukkan oleh JAKIM. Pada peringkat awal penubuhan KAFA, Negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak 1,770 kuota kelas. Bagaimanapun pada tahun 2000, JAKIM meluluskan pertambahan 88 kelas menjadi 1,858 kelas. Seterusnya pada tahun 2001, kuota kelas ditambah sebanyak 201 menjadi 2,059 kelas. Jumlah ini kekal hingga akhir tahun 2008. Semakan Audit seterusnya mendapati permohonan pertambahan kelas KAFA berlaku disebabkan adanya sekolah baru, bilangan murid Islam melebihi 25 orang dalam sebuah sekolah dan jumlah murid Islam bertambah dalam sesebuah kelas.

Pihak Audit mendapati 440 sekolah yang melaksanakan KAFA memenuhi syarat yang ditetapkan. Analisis Audit terhadap 822 sekolah yang tidak melaksanakan program KAFA mendapati sebanyak 771 sekolah tidak memenuhi syarat kerana bilangan murid Islam di antara satu hingga 10 orang sahaja manakala 51 sekolah pula tidak melaksanakannya disebabkan kuota kelas tidak mencukupi. Kesannya, seramai 3,511 murid pada tahun 2008 di Negeri Sarawak tidak dapat mengikuti program KAFA seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Bilangan Sekolah Yang Layak Menubuhkan Kelas KAFA Pada Tahun 2008

Bil.	Bahagian	Bilangan Sekolah	Jenis Sekolah		Bilangan Sekolah		Bilangan Murid
			SK	SJK (C)	Bil. Murid 25 – 800 Orang	Bil. Murid 15-25 Orang	
1.	Kuching	21	8	13	10	11	1,957
2.	Samarahan	3	1	2	-	3	62
3.	Sri Aman	2	1	1	1	1	42
4.	Sarikei	1	1	-	1	-	18
5.	Sibu/Kapit/Mukah	14	7	7	3	11	659
6.	Bintulu	7	5	2	5	2	729
7.	Miri	2	1	1	-	2	29
8.	Limbang	1	1	-	-	1	15
Jumlah		51	25	26	20	31	3,511

Sumber: Jabatan Pelajaran Dan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Nota: SK - Sekolah Kebangsaan

SJK(C)- Sekolah Jenis Kebangsaan

Semakan Audit seterusnya terhadap rekod tahun 2006, mendapati 64 sekolah telah memohon untuk mewujudkan kelas KAFA. Sebanyak 48 daripada 64 sekolah tersebut memohon pertambahan kelas manakala baki 16 sekolah memohon untuk mewujudkan kelas baru. Bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan oleh JAKIM disebabkan peruntukan yang terhad. Analisis Audit mendapati sebanyak 130 kelas perlu ditambah bagi menampung seramai 3,511 murid supaya dapat mengikuti program KAFA. Penambahan ini akan melibatkan kos tambahan sejumlah RM65,000 sebulan bagi membayar elauan guru KAFA.

Pihak Audit mendapati bahawa kuota kelas yang telah ditetapkan untuk setiap sekolah adalah tidak seragam. Sekolah yang bilangan murid Islamnya tidak ramai diberi kuota kelas yang berlebihan manakala sekolah yang mempunyai ramai murid tetapi kuota kelas terhad. Butiran adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Pembahagian Kelas Tidak Mengikut Norma JAKIM

Bil.	Bilangan Murid Melebihi 40 Orang Sekelas				Bilangan Murid Kurang 40 Orang Sekelas			
	Nama Sekolah	Kuota Kelas	Bil. Murid	Purata Murid Sekelas	Nama Sekolah	Kuota Kelas	Bil. Murid	Purata Murid Sekelas
1.	SK Samariang, Kuching	8	495	62	SK St. James Rayang, Padawan	2	23	12
2.	SK (A) Ibnu Khaldun, Samarahan	2	160	80	SK Terasi, Sadong Jaya	3	51	17
3.	SK Stumbin, Sri Aman	1	63	63	SK Sebandi Matang, Asajaya	4	53	13
4.	SK Jalan Arang, Padawan	1	98	98	SK Dit Debak, Betong	5	83	17
5.	SK Sungai Kenyah, Serian	2	108	54	SK Temudok Kem, Sri Aman	3	34	11
6.	SK Tebakang, Serian	2	93	47	SK Nanga Stras, Sarikei	2	36	18
7.	SK Riam Batu Dua, Miri	4	230	58	SK Kuala Matu, Mukah	7	133	19
8.	SK Senadin, Miri	2	204	102	SK Sungai Penipah, Mukah	2	18	9
9.	SK Sungai Ud, Mukah	2	112	56	SK Gadong, Limbang	5	63	13
10	SK Mukah, Mukah	2	111	56	SK Batu Empat, Limbang	5	35	7

Sumber: Jabatan Pelajaran Dan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Berdasarkan **Jadual 6.2**, semakan Audit mendapati dua sekolah iaitu SK Stumbin, Sri Aman dan SK Jalan Arang, Padawan menempatkan murid pelbagai umur digabungkan dalam satu kelas. Oleh demikian, keadaan kelas menjadi sesak dan menyebabkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang tidak selesa dan kurang berkesan. Mengikut penjelasan JAIS, usaha sentiasa dibuat untuk memindahkan kuota dari satu sekolah ke sekolah yang amat memerlukan dan permohonan pertambahan kuota kelas KAFA ada dibuat tetapi masih belum mendapat kelulusan daripada JAKIM.

Pada pendapat Audit, penubuhan dan pelaksanaan program KAFA adalah tidak memuaskan disebabkan peruntukan kewangan yang terhad.

6.5.2 Prestasi Penyelia KAFA

a) Kelayakan Dan Pelantikan Penyelia KAFA Mengikut Syarat

Permohonan untuk jawatan penyelia hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Penyelia (Borang C) dan dikemukakan kepada JAIS. Pemilihan dan pelantikan penyelia dibuat berdasarkan laporan panel temu duga. Surat tawaran berserta Perjanjian Pelantikan Penyelia dan syarat perkhidmatan juga dikeluarkan oleh JAIS.

Pada tahun 2006 seramai enam penyelia telah ditamatkan kontrak perkhidmatan mereka kerana melebihi umur 60 tahun seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Manakala pada tahun 2007, seramai lima orang penyelia meletak jawatan kerana mendapat tawaran ke jawatan tetap. Dua daripadanya merupakan penyelia yang baru

sahaja dilantik. Berdasarkan temu bual dengan mantan penyelia Samarahan peletakan jawatan ini disebabkan faktor berikut:

- Jawatan penyelia bertaraf kontrak dan tidak tetap;
- Elaun penyelia hanya sejumlah RM750 sebulan; dan
- Hanya layak untuk cuti sakit disertakan sijil sakit sehingga 15 hari setahun.

Sehingga Disember 2008, seramai 12 penyelia dilantik secara kontrak iaitu 10 orang sebagai penyelia Bahagian dan dua orang penyelia dipertanggungjawabkan untuk mengurus hal ehwal kewangan. Semakan Audit mendapati kesemua penyelia dilantik melalui temu duga serta dipilih berdasarkan syarat yang ditetapkan dan kontrak diperbaharui setiap tahun. Butiran adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Senarai Penyelia KAFA

Bil.	Bahagian	Umur	Tarikh Lantikan	Kelayakan
1.	Ibu Pejabat (Akaun)	25	24.04.2006	Diploma Perakaunan
2.	Ibu Pejabat (Akaun)	23	16.04.2006	Diploma Perakaunan
3.	Kuching A	32	03.01.2007	Ijazah Sains Kemanusiaan/Sukarelawan KAFA/Sukarelawan Kerajaan Negeri
4.	Kuching B	33	15.01.2007	SPM/4 Thanawi/Guru KAFA/Penggubal Soalan UPKK
5.	Samarahan	28	21.04.2008	Meletak jawatan pada 30 Julai 2008
6.	Sri Aman/Betong	43	03.01.2007	SPM/Guru KAFA
7.	Sarikei	59	16.08.2004	SPM/Sijil Perguruan/Guru Besar
8.	Sibu	47	16.07.1998	4 Thanawi/Guru KAFA
9.	Bintulu	27	15.11.2007	SPM/4 Thanawi/Guru Agama Madrasah Al-Islamiah Darul Ulum
10.	Miri	36	01.02.2008	SPM/4 Thanawi/Guru KAFA
11.	Limbang	34	15.11.2007	SPM/Guru KAFA
12.	Lawas	58	08.01.2007	SPM/Sijil Perguruan/Guru Besar

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Pada pendapat Audit, pemilihan dan pelantikan penyelia telah dibuat dengan baik dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebahagian penyelia meletak jawatan disebabkan jawatan penyelia yang bertaraf kontrak.

b) Nisbah Penyelia Berbanding Guru KAFA Tidak Seimbang

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, jawatan penyelia boleh diwujudkan jika bilangan guru tidak kurang daripada 100 orang bagi setiap daerah. Bagaimanapun, di Negeri Sarawak pelantikan penyelia dibuat mengikut Bahagian.

Semakan Audit mendapati tujuh penyelia dilantik untuk menyelia antara 134 hingga 369 guru KAFA iaitu melebihi norma yang ditetapkan seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Perbandingan Bilangan Penyelia, Guru, Kelas Dan Murid

Bahagian	Bil.				
	Penyelia	Guru	Kelas	Murid	Sekolah
Kuching A	1	292	292	8,992	46
Kuching B	1	228	228	7,450	45
Samarahan	1	339	339	6,979	70
Sri Aman/Betong	1	369	369	6,739	59
Sarikei	1	250	250	5,705	52
Sibu/Mukah/Kapit	1	134	134	4,248	57
Miri	1	179	179	4,919	54
Jumlah	7	1,791	1,791	45,032	383

Sumber: Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Sarawak

Berdasarkan jadual di atas, nisbah bilangan penyelia dan guru KAFA adalah 1:256 berbanding dengan program j-QAF di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang mana nisbah penyelia dan guru adalah 1:68. Sehubungan itu, pada awal tahun 2006 JAIS ada membuat permohonan tambahan seramai sembilan penyelia yang melibatkan tambahan peruntukan sejumlah RM116,910 setahun. *Maklum balas daripada JAKIM menyatakan bahawa perkara ini masih dalam perhatian. Lanjutan daripada perkara ini, JAIS telah mengemukakan permohonan semula pada akhir November 2007 dan pertengahan Mei 2008 untuk pertambahan seramai 10 orang penyelia yang melibatkan kos tambahan sejumlah RM135,900 setahun. Susulan terhadap perkara ini dibuat pada awal Januari 2009 tetapi permohonan masih belum diluluskan.* Keadaan ini menyebabkan **penyeliaan terhadap guru KAFA kurang memuaskan**.

c) Penyelia KAFA Tidak Menjalankan Tanggungjawab Sepenuhnya

Pada tahun 2007, JAIS telah mengeluarkan arahan kepada semua penyelia KAFA supaya menyediakan Perancangan Tahunan dan Laporan Bulanan bagi sekolah yang dilawati dan guru yang diselia serta mengemukakan laporan ini kepada Bahagian Pendidikan, JAIS pada minggu pertama setiap bulan.

Pihak Audit mendapati 10 penyelia Bahagian menyedia Rancangan Penyeliaan bagi tahun 2007 hingga 2008 dan dihantar ke Bahagian Pendidikan, JAIS. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati penyelia tidak menjalankan penyeliaan seperti yang dirancang. Semakan Audit seterusnya mendapati penyelia tidak mengemukakan Laporan Bulanan Penyeliaan pada setiap bulan walaupun penyeliaan dijalankan. Laporan tersebut hanya menyatakan tarikh, lokasi, bilangan guru diselia dan tujuan perjalanan untuk tuntutan perjalanan. Kesannya, laporan tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenarnya hasil lawatan penyelia dan JAIS pula tidak mengetahui permasalahan yang wujud sepanjang program KAFA dilaksanakan. JAIS menjelaskan bahawa penyelia ada membuat seliaan terhadap guru tetapi tidak dapat dilaksanakan terhadap semua guru di bawah seliaan mereka. Terdapat juga penyelia yang membuat penyeliaan dan lawatan ke sekolah tetapi tidak direkodkan. Pada akhir Mac 2009, selepas pengauditan dijalankan, JAIS telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua penyelia yang terlibat supaya penyelia melawat sekolah seperti yang dirancang. Semua lawatan dan penyeliaan hendaklah direkod dan laporan berkenaan dikemukakan ke Ibu Pejabat pada masa yang ditetapkan.

d) Kekerapan Lawatan Penyeliaan Kurang Memuaskan

Garis Panduan Pelaksanaan KAFA menetapkan bahawa penyelia hendaklah melakukan penyeliaan terhadap setiap guru sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Penyeliaan mendapati purata penyeliaan setiap guru KAFA adalah 4.6% daripada norma yang ditetapkan bagi tahun 2006 hingga 2008. Adalah didapati, penyelia lebih kerap melawat sekolah untuk menghantar maklumat berkaitan pengurusan KAFA dan menghadiri aktiviti KAFA tetapi tidak mengambil peluang untuk menyelia guru dan kelas KAFA. Bagi tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 728 lawatan penyelia ke sekolah di mana hanya 563 penyeliaan dibuat terhadap guru KAFA. Maklumat lanjut mengenai laporan kekerapan penyelia melawat sekolah, menyelia kelas dan guru KAFA adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Kekerapan Penyelia Melawat Sekolah, Kelas Dan Guru KAFA
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bahagian	2006			2007			2008		
	Kuota Guru/Kelas	Bil. Sekolah Dilawati	Bil. Guru Diselia	Kuota Guru/Kelas	Bil. Sekolah Dilawati	Bil. Guru Diselia	Kuota Guru/Kelas	Bil. Sekolah Dilawati	Bil. Guru Diselia
Kuching A	288	-	-	288	43	31	292	25	5
Kuching B	236	-	-	236	59	39	228	72	11
Samarahan	339	7	-	339	20	-	339	5	116
Sri Aman/Betong	369	28	-	369	87	20	369	70	11
Sarikei	250	17	13	250	45	2	250	29	15
Sibu/Kapit/Mukah	134	4	7	134	-	-	134	-	-
Bintulu	88	-	-	88	42	48	88	21	15
Miri	175	80	41	175	-	6	179	8	12
Limbang	96	14	46	96	30	52	96	-	27
Lawas	84	-	-	84	22	46	84	-	-
Jumlah	2,059	150	107	2,059	348	244	2,059	230	212

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Kekerapan penyeliaan terhadap guru yang rendah adalah disebabkan faktor keluasan Negeri Sarawak, jarak antara sekolah, sistem perhubungan dan pengangkutan yang tidak memuaskan. Selain itu, peruntukan elauan perjalanan penyelia tidak mencukupi untuk membayai perbelanjaan perjalanan memandangkan terdapat sekolah yang jauh dan tidak dapat dihubungi melalui jalan raya dan perlu bermalam seperti SK Telok Melano dan SK Salak di Bahagian Kuching. Keadaan ini menjadi lebih sukar dengan bilangan penyelia yang terhad iaitu nisbah penyelia dengan guru 1:256 dan tambang pengangkutan awam yang mahal. Contoh jarak dan tambang pengangkutan awam dari Pejabat Agama Islam untuk enam Bahagian di Sarawak ke daerah atau sekolah yang dilawati oleh penyelia adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Tambang Pengangkutan Awam Di Bahagian/Daerah

Bahagian	Tarikh Perjalanan	Destinasi (Daerah/Sekolah)	Jarak Perjalanan Dituntut		Jenis Pengangkutan	Tambang Pengangkutan Awam (RM)
			km@Kadar	(RM)		
Samarahan	23.11.2007	JAIS Samarahan/Simunjan/JAIS Samarahan	400 km@ RM0.25	100	Kenderaan Sendiri	-
Sri Aman/Betong	06.11.2007	Betong/Kabong (Pangkalan Kabong/SK Sungai Perpat/Pangkalan Kabong)	300 km RM0.25	75	Bot Laju	120
	07.11.2007	Betong/Kabong (Pangkalan Sessang/SK Empelam/Pangkalan Sessang)	270 km@ RM0.25	67.50	Sewa Bot	40
	12.11.2007	Betong/Mangut/Supa/Medang (Pangkalan Mangut/SK Supa/Pangkalan Mangut)	220 km@ RM0.25	55	Bot Laju	180
	13.11.2007	Betong/Kabong/Betong (Pangkalan Kabong/SK Paloh/SK Batang Maro/Pangkalan Kabong)	300 km@ RM0.25	75	Bot Laju	150
Sarikei	31.07.2008	Sarikei/Daro/Sarikei (Pekan Daro/SK Kuala Matu/SK Hijrah Badong/SK Campuran/Pekan Daro)	-		Bot Ekspres Van Sewa	36 50
Sibu	22- 23.11.2007	Sibu/Mukah/Sibu	-		Bas Ekspres	30.40
Limbang	26.09.2007 hingga 01.10.2007	Limbang/SK Telahak/SK Gadong/SK Limpaku Pinang/Limbang	-		Perahu	420

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Lawatan Audit ke sekolah mendapati penyeliaan yang kurang terhadap guru telah menimbulkan masalah seperti guru tidak datang mengajar, guru cuti bersalin tanpa guru pengganti dan kelas KAFA tidak dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

e) Elaun Perjalanan Penyelia KAFA Terhad/Tidak Mencukupi

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, elaun perjalanan setiap penyelia adalah dibenarkan sehingga RM250 sebulan tetapi tidak melebihi RM3,000 setahun. Bagaimanapun, bagi Negeri Sarawak, JAKIM membenarkan tuntutan sebanyak RM450 sebulan tetapi tidak melebihi RM4,500 setahun dan dibayar mengikut tuntutan. Bayaran tuntutan tersebut boleh menggunakan keuntungan wang pelaburan KAFA sekiranya tidak menjelaskan peruntukan elaun penyelia dan guru KAFA serta diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah KAFA. Borang tuntutan yang telah disahkan oleh Pegawai Agama Islam Bahagian (PAIB) perlu dikemukakan ke Bahagian Pendidikan, JAIS sebelum atau pada 10 haribulan bulan berikutnya.

Bagi tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM55,516 telah dibelanjakan bagi kos perjalanan untuk 10 orang penyelia. Sejumlah RM23,610 daripada jumlah ini adalah tuntutan perjalanan penyelia Sri Aman/Betong. Adalah didapati jumlah ini melebihi 74% had tuntutan yang dibenarkan. Keadaan ini berlaku disebabkan penyelia berkenaan perlu membuat lawatan untuk menyelia guru KAFA di Bahagian Sri Aman dan Bahagian Betong. Sembilan penyelia dari Bahagian lain kurang membuat tuntutan perjalanan kerana kurang membuat lawatan.

Semakan Audit seterusnya mendapati berlaku kelewatan penghantaran borang tuntutan oleh penyelia Bahagian. Terdapat enam kes di mana penyelia mengumpul elaun perjalanan untuk beberapa bulan sebelum diantar ke Bahagian Pendidikan, JAIS untuk diproses iaitu penyelia Bahagian Samaranan, Sri Aman dan Lawas. Alasan mengumpul elaun tuntutan untuk beberapa bulan adalah kerana jumlah tuntutan bulanan kecil. Amalan ini bercanggah dengan arahan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA.

f) Elaun Penyelia Dan Penyelia Sambilan KAFA

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, elaun penyelia sejumlah RM750 hendaklah dibayar secara tetap dan bulanan tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh JAKIM serta perubahan dari semasa ke semasa. Penyelia juga dikehendaki mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 11% daripada elaun sepanjang tempoh perkhidmatan.

Semakan Audit bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati kesemua penyelia dibayar elaun bulanan, sementara bonus tahunan sejumlah RM17,500 pula hanya dibayar untuk tahun 2006. Bagi tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM320,657 telah dibelanjakan bagi pembayaran elaun penyelia, penyelia Akaun, bonus dan KWSP seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Bayaran Elaun Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran	Perbelanjaan Sebenar (RM)			Jumlah (RM)
	2006	2007	2008	
Elaun Penyelia	63,862	70,234	63,318	197,414
Elaun Penyelia Akaun	-	34,688	35,919	70,607
Bonus Penyelia	17,500	0	0	17,500
KWSP	8,640	13,248	13,248	35,136
Jumlah	90,002	118,170	112,485	320,657

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Pada pendapat Audit, penyelia KAFA tidak dapat menjalankan tugas penyeliaan dengan berkesan kerana terpaksa menyelia terlalu ramai guru KAFA, masa perjalanan yang panjang serta kos perjalanan yang tinggi berbanding peruntukan kewangan yang terhad.

6.5.3 Prestasi Guru KAFA

Jawatan Guru boleh diwujudkan apabila terdapat tidak kurang daripada 25 orang murid bagi setiap kelas kecuali bagi kawasan tertentu tidak kurang daripada 15 orang.

a) Kelayakan Dan Pelantikan Guru KAFA Mengikut Syarat

Permohonan Guru KAFA hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Guru (Borang D) dan dikemukakan kepada JAIS. Pemilihan Guru dibuat melalui ujian bertulis pada peringkat pertama dan temu duga pada peringkat kedua. Ketua Jabatan Agama akan melantik Guru berdasarkan perakuan Panel Temu Duga dan dilantik oleh JAIS. Guru yang dilantik akan diberi kursus serta latihan dan khidmat guru akan diteruskan jika prestasi guru memuaskan.

Pada tahun 2008, sebanyak 490 permohonan baru yang mempunyai kelayakan seperti ditetapkan telah dipanggil untuk temu duga. Temu duga adalah merangkumi ujian lisan, bacaan Al-Quran berserta tajwid, penterjemahan bahasa rumi ke bahasa Arab dan ujian bertulis seperti tajwid, tauhid, fiqah dan jawi. Semakan Audit seterusnya, juga mendapati pada tahun 2008 seramai 1,227 Guru KAFA yang masih berkhidmat telah ditemu duga dan keputusan ujian kelayakan adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Keputusan Ujian Kelayakan Guru KAFA Tahun 2008

Bil.	Bahagian	Bilangan Calon	Calon Baru		Calon Lama (Guru Lama)	
			Markah Kelulusan (%)			
			Lulus (40-100)	Gagal (0-39)	Lulus (40-100)	Gagal (0-39)
1.	Kuching	521	158	110	227	26
2.	Samarahan	209	-	-	194	15
3.	Sri Aman	398	25	58	288	27
4.	Sarikei	220	17	21	163	19
5.	Sibu	44	1	4	34	5
6.	Bintulu	58	10	8	37	3
7.	Miri	80	12	11	40	17
8.	Limbang	99	18	12	65	4
9.	Lawas	88	10	15	59	4
Jumlah		1,717	251	239	1,107	120

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Berdasarkan keputusan ujian ini, calon baru yang lulus akan ditempatkan di sekolah yang ada kekosongan manakala guru KAFA yang berjaya menyambung perkhidmatan dikekalkan di sekolah yang sedia ada. Setiap guru KAFA juga diwajibkan mengisi Borang Akuan Penerimaan dan Akujanji Jawatan dan disahkan oleh Guru Besar atau Pengurus KAFA Sekolah.

Semakan Audit mendapati proses pelantikan guru KAFA telah dibuat dengan sewajarnya. Sehingga akhir tahun 2008, semua kekosongan guru telah diisi. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 19 sekolah yang dipilih mendapati ada kekosongan guru KAFA disebabkan guru terlibat cuti bersalin. Hasil temu bual dengan penyelia, perkara ini berlaku disebabkan Guru Besar sekolah atau penyelaras KAFA tidak memaklumkan perkara ini ke Bahagian Pendidikan, JAIS.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2007 hingga 2008, seramai 46 guru KAFA telah meletak jawatan iaitu 41 Guru Agama Rakyat dan lima Guru Agama Terlatih. Perletakan jawatan guru KAFA disebabkan guru mendapat pekerjaan tetap, melanjutkan pelajaran ke maktab perguruan atau institut pengajian tinggi dan berpindah sekolah. Pada tahun 2006 hingga 2008, bilangan guru mengikut kategori dan jumlah murid seluruh Negeri Sarawak adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Bilangan Guru KAFA Mengikut Kategori Dan Jumlah Murid

Bil.	Bahagian	Kuota Guru	Kategori Guru					Jumlah Murid
			GAT	GATT	GP	GP(P)	GAR	
1.	Kuching	514	218	6	11	1	276	17,043
2.	Samarahan	339	111	4	1	0	223	8,306
3.	Sri Aman/Betong	359	44	0	0	0	315	8,239
4.	Sarikei	250	69	4	3	1	173	5,693
5.	Sibu/Kapit/Mukah	137	91	1	3	0	39	4,248
6.	Bintulu	88	42	3	2	0	39	2,325
7.	Miri	179	110	5	7	0	57	5,696
8.	Limbang	96	26	0	1	1	68	1,485
9.	Lawas	84	21	1	0	0	62	2,091
Jumlah		2,046	732	24	28	3	1,252	55,126

Sumber: Rekod Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Nota:

GAT: Guru Agama Terlatih

GATT: Guru Agama Tidak Terlatih

GP: Guru Pendidikan (JPN)

GP (P): Guru Pendidikan Pencen

GAR: Guru Agama Rakyat (Guru Kampung)

b) Guru KAFA Tidak Menjalankan Tanggungjawab Sepenuhnya

Mengikut perjanjian pelantikan, tugas guru KAFA adalah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh JAKIM tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Guru KAFA hendaklah menandatangani Buku Kedatangan Guru (BKG), menyedia rancangan mengajar dalam Buku Rekod Mengajar (BRM), merekod kehadiran murid, mengisi Borang Maklumat Tidak Hadir Bertugas (Borang F) jika tidak hadir mengajar, mengemukakan laporan bulanan sebelum atau pada tujuh haribulan bulan berikutnya kepada JAIS, mematuhi arahan penyelia, melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan dan melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh JAIS.

Semakan Audit mendapati rancangan mengajar dan rekod kedatangan guru serta murid disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, guru tidak mengemukakan laporan bulanan kepada JAIS dan sebaliknya hanya menyedia dan mengemukakan Laporan Kedatangan Bertugas Guru KAFA (Borang E) dan Laporan Bertugas Guru Pengganti KAFA (Borang Ei) semasa membuat tuntutan. Borang E dan Ei merupakan borang yang telah diubah suai oleh JAIS daripada Borang F yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Semakan Audit seterusnya mendapati Borang F tidak disertakan oleh guru yang tidak hadir bertugas. Perkara ini berlaku disebabkan JAIS tidak menggunakan pakai Borang F seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Oleh itu, JAIS tidak mendapat maklumat lengkap dan terkini mengenai perjalanan program KAFA. Bagaimanapun, mengikut penjelasan JAIS, Borang Ei yang diubah suai menepati Borang F yang menyatakan sebab tidak hadir bertugas dan juga nama Guru Pengganti yang diluluskan oleh pihak sekolah. Borang tersebut diubah suai untuk memudahkan ianya diisi bagi mempercepatkan laporan berkenaan dikemukakan ke Bahagian Pendidikan, JAIS.

c) Elaun Guru KAFA

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, elaun guru KAFA sejumlah RM500 hendaklah dibayar secara tetap dan bulanan tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh JAKIM serta perubahan dari semasa ke semasa. Manakala guru KAFA dikehendaki untuk mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 11% daripada elaun dalam tempoh perkhidmatan. Bagi tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM36.72 juta dibelanjakan bagi pembayaran elaun guru KAFA. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Bayaran Elaun Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran	Perbelanjaan Sebenar (RM)			Jumlah (RM)
	2006	2007	2008	
Elaun Guru	9,328,350	11,862,958	11,613,237	32,804,545
KWSP	992,011	1,421,711	1,498,411	3,912,133
Jumlah	10,320,361	13,284,669	13,111,648	36,716,678

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Bagi memudahkan pembayaran elaun, semua Laporan Kehadiran Bertugas Guru KAFA (Borang E) hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pendidikan, JAIS sebelum 10 haribulan bulan berikutnya.

i) Borang Tuntutan Elaun Guru KAFA Lewat Dikemukakan

Sebagai langkah pemantauan terhadap penghantaran borang tuntutan, JAIS ada menyelenggara Daftar Baucar Elaun Guru KAFA bagi merekod penerimaan borang tuntutan dari sekolah. Semakan Audit terhadap daftar tersebut bagi 18 sekolah mendapati enam sekolah lewat mengemukakan borang tuntutan elaun guru KAFA kepada JAIS antara satu hingga 151 hari manakala tempoh yang diambil bagi pembayaran mengambil masa antara tujuh hingga 77 hari seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Kelewatan Penghantaran Borang Tuntutan Dan Pembayaran Elaun Guru KAFA

Bil.	Daerah	Sekolah	Bulan	Tarikh Tuntutan Oleh Sekolah	Tempoh Kelewatan (Selepas 10hb Bulan Berikutnya) (Hari)	Tarikh Terima Oleh Bhg. Pendidikan, JAIS	Rujukan Baucar Bayaran	Tarikh Baucar Bayaran	Tempoh Bayaran Diambil (Hari)
1.	Simunjan	SK Abang Kadir Gedong	Feb 2006		34	17.04.2006	KAFA 93/2006	11.05.2006	24
			Mac 2006	13.04.2006	3	17.04.2006			
2.	Asajaya	SK Rebak	Feb 2006	10.04.2006	31	26.04.2006	KAFA 151/2006	23.06.2006	58
			Mac 2006	10.04.2006	-	26.04.2006			
			April 2006	23.04.2006	-	26.04.2006			
	Simunjan	SK Abang Kadir Gedong	April 2006	02.05.2006	-	10.05.2006			44
			Mei 2006	26.05.2006	-	05.06.2006			
3.	Lubuk Antu	SK Engkilili No.1	Mac 2006	05.03.2006	-	13.04.2006	KAFA 171/2006	03.07.2006	77
			Feb 2006	28.02.2006	-	17.04.2006			
			Mac 2006	31.03.2006	-	17.04.2006			
			April 2006	24.05.2006	14	26.06.2006			
4.	Simunjan	SK Sempalatong	Jan 2007	25.01.2007	-	13.02.2007	KAFA 84/2007	01.03.2007	16
			Feb 2008	11.07.2008	151	28.07.2008			
5.	Sibu	SK Deshon	Feb 2008	11.07.2008	123	28.07.2008	KAFA 177/2008	18.08.2008	21
			Mac 2008	11.07.2008	92	28.07.2008			
			April 2008	11.07.2008	62	28.07.2008			

Bil.	Daerah	Sekolah	Bulan	Tarikh Tuntutan Oleh Sekolah	Tempoh Kelewatan (Selepas 10hb Bulan Berikutnya) (Hari)	Tarikh Terima Oleh Bhg. Pendidikan, JAIS	Rujukan Baucar Bayaran	Tarikh Baucar Bayaran	Tempoh Bayaran Diambil (Hari)
			Mei 2008	11.07.2008	31	28.07.2008	KAFA 235/2008	17.11.2008	14
			Jun 2008	11.07.2008	1	28.07.2008			
			Sept 2008	05.11.2008	26	03.11.2008			
			Okt 2008	05.11.2008	-	03.11.2008			

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Keadaan ini berlaku disebabkan jarak antara sekolah dengan Pejabat Agama Islam Bahagian, masalah pengangkutan dan sikap guru KAFA lewat mengemukakan Borang E. Kesannya, elauan guru KAFA lewat dibayar dan JAIS terpaksa menanggung denda KWSP. *Berdasarkan maklum balas daripada JAIS, bagi mengatasi masalah dan mempercepatkan pembayaran elauan, JAIS ada mengeluarkan surat pada awal September 2006 mengarahkan supaya Borang tuntutan yang lengkap diisi dikemukakan ke Bahagian Pendidikan, JAIS melalui faks.*

Pada pendapat Audit, penyelia KAFA tidak memberi penerangan yang jelas mengenai bidang tugas serta perkara yang perlu dipatuhi oleh guru KAFA seperti kehendak Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Oleh demikian, guru KAFA tidak mematuhi peraturan pentadbiran dengan memuaskan.

6.5.4 Prestasi Murid

Garis Panduan Perlaksanaan KAFA menetapkan pengambilan dan penempatan murid adalah berumur antara enam hingga 12 tahun (Tahun Satu hingga Enam). Bagi mata pelajaran Al-Quran, murid hendaklah ditempatkan dalam kelas mengikut tahap kemampuan mereka membaca Al-Quran. Murid yang sama umurnya hendaklah diletakkan dalam kelas yang sama kecuali bagi murid yang lemah dan bermasalah ditempatkan dalam kelas khas. Bagaimanapun, keutamaan perlu diberi kepada murid yang lemah dari segi penguasaan Al-Quran dan Fardu Ain.

a) Pengambilan Dan Penempatan Murid Tidak Mengikuti Garis Panduan

Semakan Audit mendapati pengambilan murid yang mengikuti program KAFA di Negeri Sarawak hanya melibatkan murid Tahun Dua hingga Lima. JAIS menjelaskan bahawa program KAFA bermula pada Tahun Dua kerana Tahun Satu dianggap sebagai tempoh penyesuaian diri manakala Tahun Enam pula merupakan tahun persediaan untuk menduduki UPSR. Lawatan Audit ke 19 sekolah mendapati ada sekolah yang muridnya digabungkan dalam satu kelas kerana tempat tidak mencukupi, kekurangan murid Islam dan bilangan guru KAFA yang terhad seperti di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Lundu di **Foto 6.1**.

Foto 6.1
Murid KAFA Digabungkan Dalam Satu Kelas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SJK Chung Hua Lundu
Tarikh: 25 Ogos 2008

Keadaan ini menyebabkan tidak semua murid dapat mengikuti kurikulum lengkap KAFA berdasarkan had umur, kualiti pengajaran guru terjejas dan murid hilang tumpuan.

b) Ujian Penilaian Kelas KAFA Tidak Diwajibkan

Pencapaian program KAFA diukur melalui Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK), penilaian prestasi amali murid Tahun Lima dan prestasi kehadiran murid. UPKK hendaklah diadakan untuk murid Tahun Lima kecuali kes tertentu boleh diadakan untuk murid Tahun Enam bagi menguji dan mengenal pasti tahap pemahaman, pencapaian dan penghayatan mereka.

Semakan Audit mendapati tidak semua sekolah yang melaksanakan program KAFA di Negeri Sarawak mendaftar untuk UPKK disebabkan ianya tidak diwajibkan. Pada tahun 2006, sebanyak 59 daripada 470 iaitu 12.6% sekolah mendaftar untuk UPKK. Bilangan ini meningkat menjadi 191 daripada 442 iaitu 43.2% sekolah pada tahun 2007 dan 171 daripada 440 iaitu 38.9% sekolah pada tahun 2008.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2006, seramai 2,365 daripada 13,569 murid atau 17.4% mendaftar untuk menduduki UPKK. Pada tahun 2007, bilangan ini meningkat kepada 6,917 daripada 12,570 murid atau 55% dan pada tahun 2008 ianya meningkat kepada 7,377 daripada 13,872 murid atau 53.2%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Bilangan Murid Dan Sekolah Yang Mendaftar Untuk Ujian Penilaian Kelas KAFA

Bahagian	2006			2007			2008		
	Bil. Sekolah Mendaftar	Bil. Murid Tahun 5	Bil. Murid Mendaftar	Bil. Sekolah Mendaftar	Bil. Murid Tahun 5	Bil. Murid Mendaftar	Bil. Sekolah Mendaftar	Bil. Murid Tahun 5	Bil. Murid Mendaftar
Kuching	7	4,343	576	97	4,415	3,405	69	4,361	3,680
Samarahan	7	2,090	419	24	2,376	1,097	24	2,268	1,128
Sri Aman/ Betong	10	1,931	52	5	2,259	365	5	1,799	380
Sarikei	10	1,401	391	16	233	563	22	1,472	758
Sibu	10	1,143	319	17	809	547	16	1,235	419
Bintulu	1	657	98	5	547	288	7	547	280
Miri	1	1,259	117	1	1,174	123	1	1,174	121
Limbang	11	228	293	11	365	304	11	635	358
Lawas	2	517	100	15	392	225	16	381	253
Jumlah	59	13,569	2365	191	12,570	6,917	171	13,872	7,377

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Analisis Audit mendapati ada peningkatan bilangan sekolah serta murid yang mendaftar untuk UPKK pada tahun 2006 hingga 2008 walaupun UPKK tidak diwajibkan. Peningkatan tersebut adalah kesan daripada sesi penerangan yang dibuat oleh penyelia serta taklimat yang diberi kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Kelas (JPKPK). Semakan Audit mendapati ada peningkatan terhadap keputusan Bahasa Arab iaitu daripada 30.8% pada tahun 2006 kepada 62.4% pada tahun 2008. Pada tahun 2008 pula, didapati peratusan kelulusan bagi kesemua mata pelajaran meningkat kecuali Amali Solat. Keputusan UPKK adalah seperti di **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13
Keputusan UPKK Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Mata pelajaran	2006		2007		2008	
		Bil. Calon Hadir	Peratus Lulus (%)	Bil. Calon Hadir	Peratus Lulus (%)	Bil. Calon Hadir	Peratus Lulus (%)
1.	Al-Quran/Penghayatan	2195	82.3	5743	72.1	5790	75.9
2.	Hafazan	2159	92.7	5611	81.8	5715	86.7
3.	Amali Solat	2114	98.4	5528	96.6	5690	95.0
4.	Penghayatan Cara Hidup Islam	2258	97.5	5166	95.6	5731	95.6
5.	(Ulum I) Fiqah & Tauhid	2254	74.5	5508	73.2	5571	73.5
6.	(Ulum II) Sirah & Akhlak	2059	76.0	5324	61.3	5355	67.3
7.	Jawi	2042	76.6	5061	55.3	5775	68.2
8.	Bahasa Arab	1444	30.8	2307	61.4	2769	62.4

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

c) Penilaian Prestasi Amali Murid

Bagi mengukur keberkesanannya program KAFA, pihak Audit juga ada menilai prestasi amali 129 murid Tahun Lima daripada 19 buah sekolah yang dilawati. Penilaian secara lisan dan bertulis dijalankan merangkumi lima bahagian iaitu bacaan Al-Quran, hafazan empat surah dari Juzuk Amma, kefahaman asas Islam, rukun wudhu, tayammum dan rukun serta bacaan solat dan ujian kefahaman jawi.


Hasil daripada penilaian tersebut mendapati hanya 25% adalah baik, sebanyak 26% memuaskan dan 49% tidak memuaskan. Pihak Audit mendapati bahawa tahap bacaan Al-Quran adalah kurang memuaskan berbanding dengan hafazan, asas Islam, rukun solat dan tulisan jawi. Kelemahan tersebut adalah disebabkan guru KAFA tidak dapat memberi tumpuan khusus kepada setiap murid kerana nisbah guru dan murid dalam

satu kelas adalah 1:40. Selain itu, tempoh mengajar bacaan Al-Quran selama 45 minit untuk satu sesi adalah tidak mencukupi. Tambahan pula murid juga perlu diajar mata pelajaran lain seperti Fiqah, Aqidah, Jawi, Sirah Nabawiah dan Akhlak seperti yang dikehendaki dalam kurikulum KAFA.

d) Kehadiran Murid Ke Kelas KAFA Kurang Memuaskan

Prestasi kehadiran murid hendaklah direkod dalam Jadual Kedatangan Murid oleh setiap guru. Semakan Audit mendapati kehadiran murid di setiap sekolah adalah berbeza. Prestasi kehadiran murid bagi 10 daripada 19 sekolah yang dilawati adalah seperti di **Carta 6.1.**

Carta 6.1
Carta Kehadiran Murid KAFA Mengikut Bulan



Sumber: Jadual Kedatangan Murid Dari 10 Sekolah Yang Dilawati

Lawatan Audit ke 19 sekolah mendapati purata peratusan kehadiran murid untuk bulan Mei, Jun dan Julai tahun 2008 adalah memuaskan seperti di SK Moyan Laut iaitu 89%, SK Bako 89%, SK Abang Kadir Gedong 83% dan SK Empila 86%. Ini disebabkan faktor lokasi sekolah yang berdekatan dengan rumah atau kampung, peraturan sekolah mewajibkan murid menghadiri kelas KAFA dan minat murid untuk datang ke kelas. Bagi SJK Chung Hua Lundu purata peratusan kehadiran adalah 95% dan SK(A) Datuk Haji Abdul Kadir Hassan 85% kerana kelas diadakan sebaik sahaja waktu persekolahan selesai.

Lawatan Audit ke SK Batu Kitang dan SK Goebilt mendapati kehadiran murid ke kelas KAFA adalah kurang memuaskan. Temu bual dengan guru KAFA di sekolah tersebut menjelaskan bahawa keadaan ini disebabkan ibu bapa tidak dapat menghantar anak ke kelas KAFA pada sebelah petang, murid kurang minat belajar dan jarak rumah jauh dari sekolah. Manakala kehadiran murid di SK Gita tidak memuaskan kerana ianya diadakan

pada hari Sabtu. Bagaimanapun, bagi program j-QAF kehadiran muridnya adalah 100% kerana dijalankan pada waktu persekolahan normal dan diwajibkan ke atas setiap murid Islam. Keadaan kelas KAFA yang menunjukkan kehadiran murid yang tidak memuaskan adalah seperti di **Foto 6.2** dan **Foto 6.3**.

Foto 6.2

Kehadiran Pelajar Yang Kurang Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Batu Kitang
Tarikh: 4 September 2008

Foto 6.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Goebilt
Tarikh: 3 September 2008

Bagi menangani masalah ini, JAIS memohon bantuan daripada JPNS untuk memantau kehadiran guru dan murid serta memberi bimbingan kepada guru KAFA di sekolah terlibat.

Pada pendapat Audit, pengambilan dan penempatan murid serta kurikulum KAFA tidak dilaksanakan sepenuhnya mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Pihak Audit juga berpendapat prestasi amali murid Tahun Lima dan kehadiran murid ke kelas KAFA adalah kurang memuaskan disebabkan faktor seperti keselesaan kelas, jadual kelas serta komitmen murid, guru dan ibu bapa.

6.5.5 Pengurusan Kewangan

a) Penubuhan Akaun Amanah KAFA Tanpa Kelulusan

Mengikut peraturan Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 permohonan untuk menubuhkan Akaun Amanah hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri berserta surat rasmi permohonan daripada Jabatan, borang permohonan yang lengkap ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan draf Arahan Amanah seperti format dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001.

Adalah didapati JAIS telah menubuhkan Akaun Amanah KAFA pada awal September tahun 1990. Penubuhan Akaun Amanah ini berdasarkan Arahan Amanah KAFA yang disediakan oleh JAIS. Bagaimanapun, pihak JAIS tidak pernah mengemukakan Arahan Amanah tersebut untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Oleh demikian, Akaun Amanah tersebut tidak pernah dikemukakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara. Akaun Amanah yang diwujudkan hanyalah akaun semasa di Bank Islam

Malaysia Berhad (BIMB) atas nama Kelas Pengajian Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) Negeri Sarawak.

b) Peruntukan Kewangan KAFA Tidak Mencukupi

Garis Panduan Pelaksanaan KAFA menetapkan semua peruntukan KAFA yang diterima hendaklah dimasukkan ke Akaun Amanah KAFA. Bagi Negeri Sarawak, JAIS menerima sumber pembiayaan KAFA dalam bentuk geran daripada JAKIM Pusat yang dikreditkan secara berperingkat melalui *Electronic Fund Transfer* ke akaun semasa di BIMB. Tujuh pegawai dilantik dan diberi kuasa oleh Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri (JPKPN) bagi menandatangani dan meluluskan pembayaran.

Sebahagian daripada peruntukan tersebut dikeluar dan dikreditkan ke akaun semasa Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi tujuan pembayaran elaun penyelia dan guru KAFA manakala baki yang belum digunakan dilaburkan dalam bentuk Simpanan Tetap di BIMB. Hasil keuntungan tersebut digunakan untuk membiayai perbelanjaan lain yang dibenarkan.

Bagi tahun 2006 hingga 2008, JAIS membelanjakan sejumlah RM37.25 juta atau 102.4% daripada RM36.38 juta peruntukan yang diterima daripada JAKIM Pusat manakala sejumlah RM0.2 juta adalah hasil daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan akaun semasa. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.14** dan **Jadual 6.15**.

Jadual 6.14
Peruntukan Dan Perbelanjaan KAFA Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Peruntukan JAKIM				
	Anggaran (RM Juta)	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2006	8.19	11.00	10.50	0.50	95.5
2007	14.38	11.00	13.50	(2.50)	122.7
2008	14.38	14.38	13.25	1.13	92.1
Jumlah	36.95	36.38	37.25	-	

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Jadual 6.15
Hasil Pelaburan Daripada Simpanan Tetap Dan Akaun Semasa

Tahun	Hasil Pelaburan/Akaun Semasa				
	Anggaran (RM Juta)	Hasil Pelaburan/ Akaun Semasa (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2006	0.15	0.06	0.08	(0.01)	123.6
2007	0.15	0.11	0.07	0.03	67.6
2008	0.14	0.04	0.05	(0.01)	128.8
Jumlah	0.44	0.21	0.20	-	

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Semakan Audit mendapati pada tahun 2007, JAIS hanya menerima peruntukan sejumlah RM11 juta daripada RM14.38 juta peruntukan yang dimohon. Peningkatan permohonan sebanyak 30.7% peruntukan bagi tahun 2007 oleh JAIS adalah bagi menampung kenaikan elaun penyelia KAFA daripada RM500 menjadi RM750 sebulan dan guru KAFA daripada RM336 menjadi RM500 sebulan yang berkuat kuasa pada

tahun 2006. Kenaikan elauan ini menyebabkan peruntukan JAKIM mengalami defisit sejumlah RM2.5 juta pada tahun 2007.

Semakan Audit seterusnya terhadap 86 sampel baucar bayaran bagi tahun 2006 hingga 2008 berjumlah RM5.22 juta untuk pembayaran elauan penyelia dan guru KAFA mendapati berlaku kelewatan pembayaran bagi dua bulan pertama dan tiga bulan terakhir setiap tahun. Kelewatan ini berlaku disebabkan peruntukan tidak mencukupi terutamanya pada tahun 2007. Oleh demikian, JAIS menggunakan agihan peruntukan pertama tahun 2008 yang diterima pada akhir Februari untuk membayar elauan penyelia dan guru KAFA sekali gus bagi lima bulan tersebut pada Mac 2008.

Keadaan ini telah menjaskan peruntukan mengurus KAFA pada awal tahun 2008 kerana tidak dapat menampung pembayaran elauan Guru KAFA sehingga April 2008 dan terpaksa menunggu peruntukan agihan kedua yang diterima pada awal Julai 2008. Adalah didapati kekurangan peruntukan juga menyebabkan JAIS terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk membeli keperluan KAFA dan kursus, bengkel serta pelbagai aktiviti tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang. Selain itu, kelewatan dalam pengagihan peruntukan oleh JAKIM juga menjelas pengurusan KAFA. Maklumat pengagihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 6.16**.

Jadual 6.16
Pengagihan Peruntukan JAKIM Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Tahun	Agihan				Peruntukan Diterima (RM Juta)
		Agihan Pertama (RM Juta)	Tarikh Diterima	Agihan Kedua (RM Juta)	Tarikh Diterima	
1.	2006	5.50	23.02.2006	5.50	14.08.2006	11.00
2.	2007	11.00	05.02.2007	-	-	11.00
3.	2008	5.65	25.02.2008	8.73	04.07.2008	14.38
Jumlah						36.38

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Kelewatan ini juga telah menyebabkan beban kewangan terutamanya kepada Guru Agama Rakyat (GAR) yang bergantung kepada elauan tersebut untuk menyara hidup selain JAIS terpaksa menanggung denda KWSP. Keadaan ini adalah berbeza dengan jawatan guru j-QAF yang diwujudkan khas bagi pelaksanaan Program j-QAF dan berstatus jawatan tetap.

c) Denda Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Maklumat caruman majikan dan pekerja (Borang A-Disket) yang lengkap bagi sesuatu bulan perlu dikemukakan kepada pihak KWSP sebelum 15 haribulan bulan berikutnya bagi mengelakkan denda iaitu faedah dan dividen dikenakan. Bagi tahun 2006 hingga 2008, **JAIS telah menanggung denda KWSP berjumlah RM53,009 yang dibayar dengan menggunakan hasil pelaburan**. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 6.17**.

Jadual 6.17
Denda KWSP Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Denda KWSP (RM)
2006	17,865
2007	16,231
2008	18,913
Jumlah	53,009

*Sumber: Bahagian Pendidikan,
Jabatan Agama Islam Sarawak*

Faktor utama caruman KWSP lewat dikemukakan kepada pihak KWSP adalah seperti berikut:

- kelewatan menerima agihan peruntukan daripada JAKIM Pusat; dan
- kelewatan menerima borang tuntutan elaun guru KAFA dari sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Denda KWSP sejumlah RM53,009 yang dikenakan oleh pihak KWSP menjelaskan peruntukan KAFA sedangkan jumlah tersebut boleh digunakan untuk membayar satu bulan elaun untuk 106 guru KAFA atau membiayai kursus dan latihan guru KAFA.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan KAFA seperti pengagihan peruntukan dan perbelanjaan mengurus KAFA telah dilaksanakan oleh JAIS dengan baik dan mengikut prosedur yang ditetapkan kecuali prosedur penubuhan dan pelaksanaan Akaun Amanah KAFA dan kelewatan penghantaran tuntutan perjalanan.

6.5.6 Prasarana Dan Kemudahan Asas

a) Bangunan Dan Peralatan Pembelajaran

JPNS dan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah atau Kelas (JPKPK) bertanggungjawab bagi penyediaan bangunan dan kemudahan asas yang diperlukan bagi melaksanakan aktiviti KAFA di sekolah kebangsaan.

Kemudahan asas kelas KAFA seperti alat bantuan mengajar, meja, kerusi dan sebagainya disediakan oleh sekolah dan kerjasama daripada Guru Besar dan JPKPK adalah memuaskan. Lawatan Audit ke 19 sekolah di Bahagian Kuching dan Samarahan mendapati 18 sekolah menggunakan bilik kelas manakala satu sekolah menggunakan surau berdekatan untuk kelas KAFA kerana sekolah tersebut mempunyai dua sesi pembelajaran iaitu pagi dan petang.

Pada pendapat Audit, bangunan dan kemudahan asas yang disediakan untuk kelas KAFA adalah baik. Bagaimanapun, peralatan dan alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru dan murid adalah tidak memuaskan kerana hanya menggunakan peralatan asas yang disediakan oleh pihak sekolah.

6.5.7 Pengurusan Rekod Dan Maklumat

Pengarah JAIS telah merasmikan Pelancaran Pelaksanaan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal), JAIS pada awal Januari 2007. Sejajar dengan pelaksanaan tersebut segala rekod dan maklumat KAFA di Bahagian Pendidikan, JAIS telah difail dan disimpan dengan teratur seperti di **Foto 6.4**.

Foto 6.4
Penyimpanan Fail Mengikut Amalan 5S



Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak
Lokasi: Bahagian Pendidikan Pejabat JAIS
Tarikh: 15 Oktober 2008

a) Kekurangan Komputer Untuk Sistem Maklumat Pendidikan Islam

Pada tahun 2007, JAKIM telah memperkenalkan satu sistem yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) bagi menyimpan data yang berkaitan dengan maklumat KAFA. Setiap penyelia dikehendaki untuk mengunci masuk dan mengemas kini semua maklumat berkaitan KAFA seperti lokasi, penyelia, guru, kelas dan pelajar di setiap bahagian. Maklumat tersebut hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa terutama adanya pelantikan baru, penamatan dan pertukaran penyelia dan guru KAFA.

Semakan Audit mendapati tidak semua penyelia mempunyai kemudahan komputer dan capaian internet. Komputer hanya dibekalkan kepada penyelia Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Sibu dan Samarahan manakala penyelia di Bahagian lain terpaksa menumpang komputer yang mempunyai talian Sarawaknet yang dibekalkan kepada Pegawai Agama Islam Bahagian (PAIB). Ini disebabkan peruntukan tidak mencukupi untuk membekalkan komputer kepada semua penyelia. Oleh demikian, Bahagian yang tidak mempunyai komputer tidak dapat mengemas kini maklumat KAFA ke dalam SIMPENI.

Semakan Audit seterusnya terhadap 27 daripada 46 kes peletakan jawatan guru KAFA mendapati 10 daripadanya belum lagi dikemas kini ke dalam SIMPENI. Temu bual Audit dengan penyelia mendapati talian Sarawaknet kerap kali mengalami gangguan capaian

kerana penggunanya dikongsi dengan pengguna Sarawaknet yang lain. Oleh demikian, proses input dan mengemas kini maklumat KAFA oleh penyelia terjejas.

Pada pendapat Audit, kekurangan kemudahan ICT telah menjadai pengemaskinian maklumat ke dalam SIMPENI dan pengurusan KAFA.

6.5.8 Keperluan Modal Insan

a) Kekurangan Guna Tenaga

JAKIM Pusat memberi tanggungjawab kepada Bahagian Pendidikan, JAIS yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Gred DG48, dibantu oleh seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41, seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 (kontrak) dan seorang Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17 untuk melaksanakan program KAFA. Adalah didapati bilangan jawatan ini tidak mencukupi untuk menguruskan program KAFA. Oleh demikian, JAIS melantik dua penyelia Akaun dan dua Sukarelawan kontrak untuk membantu mengurus hal pentadbiran dan kewangan.

b) Peruntukan Terhad Untuk Latihan Dan Kursus

Program kursus dan latihan kepada penyelia dan guru KAFA adalah penting bagi menjamin kualiti kelas KAFA dan seterusnya bagi mencapai objektif pelaksanaannya. Setiap kursus dan latihan yang dijalankan diurus sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan, JAIS dari segi perancangan dan pelaksanaannya. Bagaimanapun, penganjuran sesuatu kursus adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan daripada JAKIM dan faktor masa.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, Bahagian Pendidikan, JAIS merancang 126 kursus dengan anggaran perbelanjaan RM1.03 juta. Bagi tempoh tersebut, Bahagian Pendidikan, JAIS hanya dapat melaksanakan 84 kursus dan latihan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM81,768. Kursus dan latihan ini dijalankan untuk tempoh satu hingga dua hari sahaja kerana kekurangan peruntukan. Tambahan pula, peruntukan daripada JAKIM hanya dibenarkan untuk pembayaran elauan penyelia dan guru KAFA, elauan perjalanan dan caruman KWSP. Adalah didapati Bengkel Al-Quran dan Jawi untuk Guru Agama Rakyat (GAR) langsung tidak diadakan sepanjang tahun 2007 hingga 2008.

Semakan Audit seterusnya mendapati tidak semua GAR diberi latihan berkenaan dengan Kursus Pengajaran dan Pembelajaran. Oleh demikian, kelompok ini tidak didedahkan dengan ilmu dan teknik pengajaran yang berkesan bagi menambah baik prestasi penyampaian mata pelajaran dan prestasi murid KAFA. Keadaan ini adalah berbeza dengan program j-QAF yang mana latihan guru pelatihnya dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru j-QAF Kementerian Pelajaran akan mengadakan latihan kepada guru dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, kakitangan pentadbiran program KAFA adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan program KAFA. Pelaksanaan kursus dan latihan adalah kurang

memuaskan kerana banyak program kursus dan latihan yang penting seperti bengkel Al-Quran dan Jawi tidak dapat dijalankan pada tahun 2007 dan 2008 kerana peruntukan terhad.

6.5.9 Maklum Balas Penyelia, Guru KAFA Dan Ibu bapa

Hanya empat maklum balas diterima daripada sembilan soal selidik yang diedarkan kepada para penyelia. Berdasarkan maklum balas tersebut, penyelia mengadu bahawa kadar elauan penyelia KAFA adalah tidak mencukupi dan perlu dikaji semula. Selain itu, elauan perjalanan yang terhad iaitu tidak melebihi RM3,000 setahun serta jawatan penyelia KAFA bertaraf kontrak tidak menjamin masa depan. Berdasarkan analisis Audit terhadap 213 daripada 360 soal selidik yang diedarkan kepada ibu bapa mendapat 94% bersetuju program KAFA diteruskan di sekolah rendah. Mereka mengakui bahawa ada peningkatan dari segi pengetahuan anak mereka dalam pengetahuan Fardu Ain dan kelancaran mengaji Al-Quran selepas menghadiri kelas KAFA. Selain itu, 73 daripada 136 soal selidik yang diedarkan kepada guru KAFA, 60% pula berharap pihak JAIS dapat membekal alat bantuan mengajar bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempertimbangkan kenaikan elauan guru KAFA.

6.5.10 Pemantauan

a) Anggota Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri Tidak Mengikut Syarat Garis Panduan

JPKPN ditubuhkan untuk mengurus perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program KAFA di peringkat Negeri mengikut kehendak perenggan sembilan, Garis Panduan Pelaksana KAFA. Anggota JPKPN hendaklah terdiri daripada Pengarah JAIS, wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Setiausaha Kewangan Negeri, wakil Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri, wakil Ketua Pengarah JAKIM, seorang Tokoh Agama Negeri yang dinamakan oleh Pengerusi serta Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, JAIS.

Fungsi JPKPN adalah mengawal dan menyelaras program KAFA di peringkat Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan, merancang aktiviti KAFA dan menyedia anggaran peruntukan untuk kelulusan JAKIM, mengemukakan cadangan pertambahan kelas atau guru secara bertulis kepada JAKIM dan mengawal perbelanjaan. Selain itu, ianya juga memastikan pertambahan kelas dan pelantikan guru baru mengikut peruntukan diluluskan, menyediakan laporan pelaksanaan untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah JAKIM, merancang dan melaksanakan kursus dan latihan kepada penyelia dan guru KAFA dengan kerjasama JAKIM atau Kementerian Pelajaran Malaysia serta bertanggungjawab terhadap apa-apa perkara berkaitan dengan pelaksanaan program KAFA di peringkat Negeri.

Semakan Audit terhadap fail mesyuarat JPKPN mendapati Jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2006, satu kali pada tahun 2007 manakala tidak ada mesyuarat diadakan pada tahun 2008. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati ahli JPKPN tidak terdiri daripada keanggotaan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan program KAFA 2006. Mesyuarat JPKPN

peringkat Negeri Sarawak dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Islam Sarawak dan dihadiri oleh Pengarah JAIS, wakil daripada JAKIM, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Mufti Sarawak dan penyelia KAFA. Adalah didapati wakil daripada Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil Setiausaha Kewangan Negeri tidak pernah hadir dalam mesyuarat JPKPN tersebut. Oleh demikian, masalah pelaksanaan program KAFA dan kekurangan peruntukan tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sarawak mahupun Tabung Baitulmal Sarawak.

b) Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah Atau Kelas Kurang Berkesan

JPKPK hendaklah ditubuhkan bagi mengurus semua perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program KAFA peringkat Sekolah atau Kelas. Jawatankuasa tersebut hendaklah terdiri daripada Guru Besar sebagai Pengerusi atau Penyelaras KAFA, Setiausaha, Bendahari dan lima orang anggota lain sekurang-kurangnya tiga orang yang arif dalam Pendidikan Islam. Jawatankuasa ini merupakan badan bebas dan berfungsi untuk:

- i) Mengawasi kehadiran murid dan guru KAFA dan mengawal selia aktiviti KAFA.
- ii) Bekerjasama rapat dengan penyelia bagi menentukan perjalanan program KAFA dapat berjalan dengan baik.
- iii) Mengadakan keperluan asas bagi sesebuah kelas dan mengenal pasti calon guru untuk dikemukakan kepada JAIS.
- iv) Mengawal selia dan memastikan premis KAFA memenuhi piawaian kesihatan dan keselamatan.

Lawatan Audit ke 19 sekolah di Bahagian Kuching dan Samarahan mendapati semua sekolah yang dilawati ada menujuhan jawatankuasa tersebut. Namun sebahagian fungsi jawatankuasa tersebut seperti memantau prestasi dan kehadiran murid, guru dan kerjasama dengan penyelia adalah kurang berkesan. Ini mengakibatkan JPKPK tidak dapat menyalurkan maklumat tentang masalah program KAFA kepada JPKPN.

c) Lawatan Penyelia Di Peringkat Bahagian Tidak Menyeluruh

Penyelia KAFA berperanan menyelaras dan menyelia aktiviti KAFA di peringkat Bahagian dan sebagai pegawai penghubung antara JPKPK dan JPKPN.

Semakan Audit mendapati penyeliaan di peringkat Bahagian ada dijalankan tetapi tidak menyeluruh kerana kurang membuat lawatan ke sekolah dan seliaan terhadap guru KAFA. Semakan Audit seterusnya mendapati pemantauan pelaksanaan KAFA telah dilakukan melalui Mesyuarat Penyelia KAFA Bahagian yang telah diadakan sebanyak dua kali setahun iaitu pada tahun 2006, 2007 dan 2008. Kesan daripada kurangnya penyeliaan yang dijalankan oleh penyelia Bahagian menyebabkan masalah yang berlaku mengenai program KAFA di sekolah tidak dapat disampaikan kepada JPKPN.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aktiviti KAFA adalah tidak memuaskan. JPKPN ada ditubuhkan namun peranannya kurang berkesan jika tidak disertai oleh wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Setiausaha Kewangan Negeri dan wakil

Tabung Baitulmal Sarawak supaya mereka dapat mengetahui perkembangan dan masalah kewangan bagi pelaksanaan program KAFA. Pemantauan oleh Penyelia Bahagian sebagai penghubung antara JAIS dan sekolah juga tidak memuaskan disebabkan kurangnya lawatan ke sekolah.

6.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pelaksanaan program KAFA di Negeri Sarawak adalah tidak memuaskan. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini adalah peruntukan kewangan yang terhad; masalah dan kos perhubungan dan pengangkutan yang tinggi terutama di kawasan pedalaman; skim guru KAFA yang kurang menarik; pelaksanaan silibus KAFA yang tidak menyeluruh dan masalah tenaga pengajar dan penyelia. Bagaimanapun, pihak JAKIM, JAIS dengan kerjasama JPNS telah berusaha bagi memastikan aktiviti KAFA dapat berjalan dengan berkesan. Usaha murni ini patutlah diberi pujian dan sokongan padu bagi melahirkan generasi celek Al-Quran di kalangan murid Islam serta meningkatkan pengetahuan mereka mengenai Agama Islam dan dapat membina insan yang bersahsiah tinggi.

Oleh demikian, beberapa aspek pelaksanaan program KAFA perlu dimantapkan dan digabung dengan program j-QAF agar pelaksanaannya lebih sistematik dan berkesan. Ini bagi memastikan matlamat melahirkan generasi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, beradab dan berakhhlak mulia berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah dan membantu membendung masalah sosial di kalangan belia dan masyarakat yang dihadapi negara sekarang. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Peranan dan penglibatan yang aktif daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan Tabung Baitulmal Sarawak dalam bentuk sokongan kewangan dan moral perlu bagi mengatasi masalah pelaksanaan program KAFA di Negeri Sarawak;
- b) JAKIM dan JAIS hendaklah membuat pindaan terhadap garis panduan yang sedia ada khusus bagi Negeri Sarawak. Ini melibatkan elaun penyelia dan guru KAFA, tempoh waktu belajar, bilangan murid bagi pewujudan kelas, bilangan penyelia serta kuota guru supaya objektif pelaksanaan program KAFA tercapai dan prestasi pelaksanaannya setanding dengan negeri lain;
- c) JAKIM perlu memberi arahan yang jelas kepada setiap negeri mengenai penubuhan Akaun Tabung Amanah KAFA supaya penubuhannya mematuhi Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957;
- d) JAKIM perlu menyediakan peruntukan khusus untuk program pembangunan modal insan yang melibatkan penyelia, guru KAFA dan kakitangan pentadbiran dan kewangan bagi memantapkan pelaksanaan program KAFA dan meningkatkan profesionalisme dalam bidang pengurusan, kewangan dan teknik pembelajaran;
- e) JAIS dan JPKPK perlu meningkatkan prestasi murid KAFA seperti memulakan kelas KAFA untuk pra sekolah, bahan rujukan yang seragam perlulah dibekalkan di setiap sekolah dan memastikan kehadiran guru serta murid mengikut jadual yang telah ditetapkan;

- f) JAIS perlu mempergiatkan peranan yang boleh dimainkan oleh JPKPN dari segi pemantauan pelaksanaan serta mengambil langkah segera terhadap permasalahan pelaksanaan program KAFA;
- g) JAKIM perlulah mengambil perhatian serius terhadap permohonan tambahan penyelia serta meluluskan permohonan peruntukan mengikut daerah dan bukannya mengikut Bahagian seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. JAIS perlu menyediakan program lawatan serta Laporan Lawatan penyelia yang standard yang boleh digunakan oleh semua penyelia Bahagian;
- h) JAIS perlu mewujudkan skim perkhidmatan tetap bagi penyelia dan guru KAFA di mana emolumen yang setaraf dengan skim perkhidmatan lain;
- i) Guru KAFA hendaklah dipilih daripada mereka yang selain daripada guru sekolah agar perjalanan kelas KAFA dapat berjalan dengan lancar. Memadailah hanya seorang guru penyelaras dilantik bagi mengelola perjalanan kelas KAFA di sekolah tersebut. Kuota bagi guru dan kelas KAFA hendaklah ditambah memandangkan keperluannya amat tinggi; dan
- j) JAKIM perlu mengkaji semula syarat pewujudan kelas KAFA di Negeri Sarawak dengan mengambil kira keadaan negeri dan asas pendidikan agama murid bagi membolehkan kuota kelas ditambah.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SARAWAK

7. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BUAH-BUAHAN

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Program Pembangunan Industri Buah-buahan (program) diperkenalkan dalam RMKe-3 (1976-1980) dan dikenali sebagai Skim Bantuan Pokok Buah. Program ini dinamakan Program Pembangunan Industri Buah-buahan mulai RMKe-8. Berdasarkan laporan perangkaan tahun 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan), penanaman buah-buahan hanya merangkumi kawasan seluas 0.04 juta hektar atau 0.3% berbanding dengan keluasan 12.44 juta hektar tanah di seluruh Sarawak. Justeru itu, bagi tahun 2007 Sarawak mencatat import yang tinggi untuk buah-buahan tropika segar dan kering seperti betik, nenas, jambu, longan, mangga dan tembikai iaitu sebanyak 4,580.17 tan metrik dengan nilai dagangan sejumlah RM8.45 juta. Jumlah eksport buah-buahan tropika segar dan kering seperti longan, pisang dan rambutan hanya sebanyak 65.70 tan metrik bernilai RM0.13 juta.

Oleh itu, Jabatan telah merangka objektif program ini dalam RMKe-9 selari dengan Dasar Pertanian Negara seperti berikut:

- a)** Meningkatkan pengeluaran buah-buahan tropika segar untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar negeri;
- b)** Mempergiatkan dan menyokong kegiatan pemprosesan buah-buahan dan nilai tambah bagi memenuhi permintaan buah-buahan diproses untuk pasaran tempatan dan luar negeri; dan
- c)** Meningkatkan pendapatan petani antara RM14,000 hingga RM20,000 sehektar setahun bergantung kepada jenis tanaman menerusi penglibatan mereka dalam pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran.

7.1.2 Program ini dilaksanakan di seluruh Sarawak melalui strategi seperti berikut:

- a)** Mempromosikan penanaman buah-buahan secara komersial melalui Mini Estet, Tanaman Berkelompok dan Pengusaha Kebun Buah-buahan;
- b)** Menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam pembangunan industri buah-buahan di zon buah-buahan yang dipilih; dan
- c)** Memberikan tumpuan kepada buah-buahan yang berpotensi untuk dipasarkan di peringkat tempatan dan luar negeri seperti betik, limau, nangka, nenas, tembikai dan buah-buahan tempatan seperti dabai, durian dan isau.

7.1.3 Program ini dibahagikan kepada lapan komponen utama iaitu:

- a)** Mini Estet;
- b)** Tanaman Berkelompok;
- c)** Pengusaha Kebun Buah-buahan;

- d) Pemulihan Dusun Buah;
- e) Pusat Pengumpulan Buah;
- f) Pusat Penggredan Dan Pembungkusan;
- g) Khidmat Sokongan Industri Buah-buahan; dan
- h) Skim Pengeluaran Nenas Segar.

7.1.4 Bagi tahun 2006 hingga 2008, Jabatan memohon sejumlah RM27.93 juta iaitu RM14.54 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM13.39 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan program ini di seluruh Sarawak. Bagaimanapun daripada jumlah yang dimohon, hanya sejumlah RM15.59 juta atau 55.8% diluluskan iaitu RM6.89 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM8.70 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh demikian, Jabatan telah meminda pelaksanaan program berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Perbelanjaan bagi tempoh yang sama adalah sejumlah RM6.63 juta atau 96.2% daripada peruntukan Kerajaan Negeri manakala bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan, sejumlah RM8.40 juta atau 96.6% berbanding peruntukan yang diterima. Jumlah peruntukan keseluruhan yang dibelanjakan oleh Jabatan bagi pelaksanaan program ini setakat akhir tahun 2008 adalah sejumlah RM15.03 juta atau 96.4%.

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Pembangunan Industri Buah-buahan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

7.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi Program Pembangunan Industri Buah-buahan bagi tahun 2006 hingga 2008. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak dan Pejabat Cawangannya di Bahagian Kuching, Samarahan dan Sarikei. Lawatan Audit ke Agensi Kerajaan seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA - *Integrated Agricultural Development Area*) Bahagian Samarahan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA - *Federal Agricultural Marketing Authority*) Bahagian Kuching juga dijalankan. Lokasi Bahagian yang dilawati untuk tujuan pengauditan adalah seperti di **Peta 7.1**.

Peta 7.1
Lokasi Bahagian Yang Dilawati
Untuk Program Pembangunan Industri Buah-Buahan



Sumber: Sarawak Government Official Portal

7.4 KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis maklumat dan data, dokumen, rekod dan fail yang berkaitan. Lawatan Audit ke kebun petani di lima daerah iaitu Kuching, Samarahan, Serian, Sarikei dan Meradong juga dijalankan. Temu bual dengan pegawai Jabatan dan petani dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Di samping itu, 300 borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan maklum balas petani.

7.5 PENEMUAN AUDIT

7.5.1 Komponen Program

Jabatan menggunakan manual Skim Mekanik Program Pembangunan Industri Buah-buahan (Skim Mekanik) sebagai panduan dalam mencapai matlamat dan sasaran program. Antara perkara yang dinyatakan dalam Skim Mekanik ini adalah mengenai objektif bantuan, jenis tanaman, nilai bantuan, kriteria pemilihan, tatacara permohonan dan kelulusan serta pelaksanaan program ini.

Semakan Audit mendapati pencapaian Jabatan dari segi keluasan tanah dan perbelanjaan bagi Tanaman Berkelompok, Pengusaha Kebun Buah-buahan dan Pemulihan Dusun Buah adalah baik seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Sasaran Dan Pencapaian Sebenar Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Komponen	Sasaran		Pencapaian			
		Keluasan Tanah (Ha)	Peruntukan (RM Juta)	Keluasan Tanah (Ha)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)	(%)
1.	Tanaman Berkelompok	1,687	3.61	1,687	3.61	100	100
2.	Pengusaha Kebun Buah-buahan	2,372	5.15	2,372	5.15	100	100
3.	Pemulihan Dusun Buah	1,202	2.40	1,202	2.40	100	100
Jumlah		5,261	11.16	5,261	11.16		

Sumber: Jabatan Pertanian

a) Mini Estet

Objektif penubuhan Mini Estet adalah untuk menggalakkan penglibatan pelaburan pihak swasta, Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta petani mengusahakan kebun buah-buahan berskala besar secara terancang dan teratur. Untuk tujuan ini, keluasan minimum adalah 50 hektar manakala keluasan maksimum ditentukan oleh Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan Bahagian atau Jawatankuasa Perancangan Jabatan. Pelabur menyewa tanah dan bekerjasama dengan petani di mana petani mendapat hasil daripada sewa dan syer. Mini Estet juga dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan selain pembinaan pusat penggredan dan pembungkusan. Pembangunan Mini Estet juga dapat menggalakkan penggunaan teknologi moden bermula daripada penyediaan kawasan tanah sehingga hasil dipasarkan. Perancangan asal program dalam RMKe-9 adalah untuk mewujudkan dua Mini Estet dengan anggaran kos RM2 juta. Setiap Mini Estet dianggarkan seluas 100 hektar dengan kos sejumlah RM10,000 sehektar.

Semakan Audit mendapati Jabatan belum mengenal pasti kawasan Mini Estet yang hendak diwujudkan. Tiada dokumen perancangan disediakan bagi menggariskan secara terperinci mengenai justifikasi dan lokasi projek. Jabatan juga tidak menetapkan peruntukan dalam semakan bajet bagi mewujudkan Mini Estet dalam tahun 2006 hingga 2008. Ini disebabkan kos untuk membangunkan Mini Estet adalah RM2 juta sedangkan Jabatan hanya diluluskan peruntukan keseluruhan untuk program sejumlah RM15.59 juta iaitu sebanyak 55.8% daripada yang dimohon. Oleh itu, Jabatan telah menangguhkan komponen ini daripada dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, dengan ketiadaan Mini Estet matlamat untuk pengeluaran buah-buahan berskala besar tidak dapat dicapai.

b) Pusat Pengumpulan Buah

Komponen ini dibina di kawasan Tanaman Berkelompok sebagai tempat untuk mengumpul buah-buahan daripada petani. Dengan adanya pusat ini, pengedaran dan pemasaran buah-buahan dapat dijalankan dengan efisien. Berdasarkan Skim Mekanik, nilai bantuan untuk seunit Pusat Pengumpulan Buah adalah sejumlah RM50,000. Mengikut perancangan asal RMKe-9, Jabatan merancang untuk mewujudkan empat pusat iaitu di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sibu dan Bintulu.

Semakan Audit mendapati satu Pusat Pengumpulan Buah ada diluluskan untuk dibina di kawasan Rumah Bana, Daerah Sebauh di Bahagian Bintulu pada penghujung tahun 2006 dengan kos sejumlah RM70,000 bagi memudahkan hasil dipasarkan di kawasan setempat. Bagaimanapun, pembinaan pusat ini tidak dapat dilaksanakan kerana ada bantahan oleh salah seorang pemilik tanah dari Rumah Bana. Semakan Audit seterusnya mendapati peruntukan ini dipersetujui untuk digunakan bagi pembinaan Pusat Pengumpulan Buah di kawasan Rumah Dunggat, Sungai Mas yang juga di Bahagian Bintulu pada akhir Februari tahun 2008. Berdasarkan Memorandum Rasmi rujukan DA3806/36/6/1(19) bertarikh 5 Mac 2008 yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat, Pusat Pengumpulan Buah hendaklah dibina dengan secepat mungkin. Setakat April tahun 2009, pusat ini masih dalam proses pembinaan walaupun telah melebihi satu tahun. Selain itu, adalah didapati Jabatan tidak dapat membina tiga pusat lagi disebabkan peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu meneliti semula perancangan asal dan keperluan membina Pusat Pengumpulan Buah supaya petani tidak menghadapi kesukaran mengumpul dan memasarkan hasil buah-buahan mereka.

c) Pusat Penggredan Dan Pembungkusan Buah-buahan

Pusat ini hendaklah dibina di kawasan Mini Estet dan dilengkapi dengan bilik penyejuk serta kemudahan untuk membeli, mengumpul, membersih, menggred dan membungkus. Nilai bantuan berdasarkan Skim Mekanik untuk seunit adalah sejumlah RM300,000.

Semakan Audit sehingga akhir tahun 2008 mendapati belum ada pusat dibina kerana Mini Estet belum diwujudkan.

Pada pendapat Audit, selain daripada kekurangan peruntukan, ketiadaan perancangan yang komprehensif mengakibatkan keperluan untuk menyokong kegiatan industri buah-buahan serta nilai tambah tidak tercapai.

d) Skim Pengeluaran Nenas Segar

Komponen Skim Pengeluaran Nenas Segar bertujuan untuk memajukan pengeluaran nenas secara komersial bagi memastikan bekalan nenas mencukupi sama ada sebagai nenas segar atau diproses. Bantuan input yang diberikan untuk satu hektar penanaman nenas adalah sejumlah RM20,400. Komponen ini dibahagi kepada tanaman secara berkelompok di mana keluasan minimum adalah 10 hektar manakala bagi tanaman secara individu, keluasan kebun adalah satu hingga empat hektar. Keluasan maksimum bagi tanaman secara berkelompok ditentukan oleh Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan Bahagian Jabatan Pertanian. Berdasarkan Skim Mekanik, nenas sesuai ditanam di kawasan tanah gambut atau tanah mineral tetapi tidak sesuai di kawasan tanah berpasir.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, Jabatan membelanjakan sejumlah RM0.36 juta untuk kawasan seluas 18 hektar iaitu dua hektar di Bahagian Kuching dan 16 hektar di Bahagian Bintulu. Bagaimanapun, komponen ini dibekukan

pada tahun 2008 kerana kekangan peruntukan selain memberi laluan kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk mengambil alih industri nenas di Sarawak. Adalah didapati LPNM masih menunggu kelulusan pindaan Akta Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia 1957 (Akta 427) bagi membolehkan LPNM beroperasi di Sarawak. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan serta keluasan kawasan dan bilangan petani untuk Skim Pengeluaran Nenas Segar adalah seperti di **Jadual 7.2** dan **Jadual 7.3**.

Jadual 7.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Untuk Skim Pengeluaran Nenas Segar
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Negeri			Persekutuan			Jumlah		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)
2006	0.04	0.04	100	0.22	0.22	100	0.26	0.26	100
2007	0.00	0.00		0.10	0.10	100	0.10	0.10	100
2008	0.00	0.00		0.00	0.00		0.00	0.00	
Jumlah	0.04	0.04	100	0.32	0.32	100	0.36	0.36	100

Sumber: Jabatan Pertanian

Jadual 7.3
Keluasan Kawasan Dan Bilangan Petani Untuk
Skim Pengeluaran Nenas Segar Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Negeri		Persekutuan		Jumlah	
	Ha	Petani	Ha	Petani	Ha	Petani
2006	2	2	11	11	13	13
2007	0	0	5	10	5	10
2008	0	0	0	0	0	0
Jumlah	2	2	16	21	18	23

Sumber: Jabatan Pertanian

Pada pendapat Audit, pembekuan komponen Skim Pengeluaran Nenas Segar menjelaskan pengeluaran nenas secara komersial di Sarawak. Industri nenas sukar diwujudkan sekiranya penanaman secara komersial hanya dimulakan selepas akta diluluskan bagi membolehkan LPNM beroperasi di Sarawak. Komponen ini dilihat tidak menampakkan hasil yang memberangsangkan untuk memastikan bekalan nenas mencukupi sama ada sebagai nenas segar atau diproses.

7.5.2 Zon Buah

Zon Buah merupakan kawasan strategik yang digunakan oleh Jabatan bagi membuat perancangan makro untuk dicadangkan kepada pelabur yang berminat mengusahakan tanaman buah-buahan secara komersial dan teratur. Kawasan Zon Buah dipilih berdasarkan kajian terhadap kesesuaian tanah, taburan hujan dan faktor cuaca termasuk struktur geografi kawasan zon.

Jabatan telah mengenal pasti sembilan zon untuk dibangunkan sebagai kawasan tanaman buah yang dilengkapi dengan kemudahan seperti logistik yang baik, pusat pengumpulan dan pembungkusan. Antara buah-buahan yang sesuai ditanam di Zon Buah adalah buah belimbing, betik, durian, jambu, mangga, nangka dan nenas. Semakan Audit setakat akhir tahun 2008 mendapati Jabatan sedang melaksanakan penanaman buah-buahan di kawasan Zon Buah. Bagaimanapun, penanaman yang diusahakan hanyalah melibatkan aktiviti berskala kecil.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah berusaha dengan gigih bagi menarik minat pelabur untuk mengusahakan Zon Buah supaya pengeluaran buah-buahan secara komersial dan teratur dapat direalisasikan di samping dapat meningkatkan ekonomi Negeri.

7.5.3 Kajian Terhadap Kesesuaian Tanah

Kesesuaian tanah merupakan salah satu elemen penting sebelum proses penanaman dijalankan. Tanah yang sesuai dapat menjimatkan masa dan kos penyenggaraan kebun selain dapat mengurangkan penggunaan input seperti baja dan racun.

Semakan Audit mendapati tiada rekod menunjukkan Jabatan ada menjalankan kajian kesesuaian tanah untuk komponen yang dilaksanakan. Menurut Jabatan, kajian kesesuaian tanah hanya diberi keutamaan kepada tanaman berskala besar sahaja manakala bagi tanaman secara kecil-kecilan, Jabatan menentukan kesesuaian tanah berdasarkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang pertanian.


Lawatan Audit ke 50 kawasan kebun mendapati lima atau 10% petani menanam di kawasan tanah yang kurang sesuai. Menurut Jabatan, tanah yang kurang sesuai masih boleh diusahakan tetapi memerlukan modal yang tinggi untuk meningkatkan kualiti tanah supaya sesuai untuk tanaman buah-buahan. Keadaan tanah kebun yang kurang sesuai adalah seperti di **Foto 7.1** hingga **Foto 7.3**.

Foto 7.1
Kebun Mangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Gobilt, Daerah Kuching
Tarikh: 8 September 2008

Foto 7.2
Kebun Limau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Janting, Daerah Meradong
Tarikh: 10 November 2008

Foto 7.3
Penggunaan Top Soil Bagi Meningkatkan Kualiti Tanah
Di Kebun Pitaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rampangi, Daerah Kuching
Tarikh: 8 September 2008

Pada pendapat Audit, kajian terhadap kesesuaian tanah perlu dijalankan secara menyeluruh supaya Jabatan dapat mengenal pasti kawasan kebun yang berpotensi diusahakan di samping dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos petani.

7.5.4 Serangan Penyakit

Serangan penyakit merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh petani kerana mengakibatkan pokok tidak mengeluarkan hasil yang banyak dan kualiti buah adalah rendah seperti saiz, kematangan, warna dan ketahanan. Berdasarkan penjelasan pegawai Jabatan Pertanian, serangan penyakit adalah akibat daripada faktor cuaca dan makhluk perosak seperti serangga, kulat dan bakteria selain sikap petani yang tidak menyenggara kebun dengan baik.

Adalah didapati di Daerah Samarahan, *Greening Disease* bawaan bakteria telah menyebabkan pokok limau perlu ditebang bagi mengawal penyakit ini daripada merebak. Menurut rekod Jabatan, serangan ini berlaku sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1988 dan 2002 yang mengakibatkan kerugian kepada petani. Pada tahun 1992, Jabatan ada membuat survei dan mendapati kawasan seluas 1,143 hektar melibatkan empat daerah di Bahagian Samarahan dijangkiti *Greening Disease* dengan dianggarkan kerugian sejumlah RM6.50 juta. Pada tahun 2005, Jabatan sekali lagi menjalankan survei di empat daerah di Bahagian Samarahan yang melibatkan kawasan seluas 693.8 hektar apabila berlakunya serangan kedua. Jabatan ada membuat penyelidikan secara usaha sama dengan *National Taiwan University* untuk mengatasi masalah ini di kawasan Asajaya, Bahagian Samarahan dan Teku di Bahagian Sibu. Merujuk kepada Pusat Penyelidikan Pertanian Semenggok, penyelidikan ini masih dalam proses mengumpul data bagi tujuan analisis oleh pihak berkuasa sebelum hasil penyelidikan ini dapat dilulus untuk digunakan.

Selain itu, Jabatan juga ada menjalankan penyelidikan lain seperti pengurusan kawalan penyakit dan serangga di Pusat Penyelidikan Pertanian Semenggok dan kawalan penyakit ke atas buah pitaya di Jalan Oya, Bahagian Sibu.

Lawatan Audit ke kebun petani pada pertengahan November tahun 2008 mendapati empat kawasan kebun buah-buahan di Daerah Sarikei telah diserang penyakit. Keadaan tanaman buah-buahan di empat kawasan tersebut adalah seperti di **Foto 7.4** hingga **Foto 7.7**.

Foto 7.4
Buah Jambu Yang Diserang Bakteria Dan Serangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Galan, Daerah Sarikei
Tarikh: 12 November 2008

Foto 7.5
Pokok Limau Yang Diserang Kanker



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kelupu, Daerah Meradong
Tarikh: 12 November 2008

Foto 7.6
Buah Limau Yang Diserang Bakteria



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kelupu, Daerah Meradong
Tarikh: 12 November 2008

Foto 7.7
Pokok Limau Yang Diserang Greening Disease



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Meruton, Daerah Sarikei
Tarikh: 12 November 2008

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mempercepatkan proses penyelidikan supaya petani dapat mempraktikkan kaedah terbaik bagi mengawal serangan penyakit. Selain itu, Jabatan juga perlu mencari tanaman alternatif untuk petani di kawasan tersebut.

7.5.5 Kebun Tidak Disenggara Dengan Baik Atau Terbiar

Amalan Pertanian Baik (GAP - *Good Agricultural Practice*) didefinisikan sebagai amalan dalam sistem pengeluaran pertanian yang mengambil kira keselamatan alam sekitar dan keselamatan serta kebajikan pekerja berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan sesuai untuk dimakan. Amalan ini membolehkan ladang diurus lebih sistematik dan cekap berasaskan prinsip dan piawaian minimum pengurusan ladang pertanian yang komprehensif bermula dari peringkat perancangan serta pembangunan ladang, pengurusan sumber dan pemasaran hasil pertanian.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, seramai 49 petani di Sarawak telah memohon untuk mendapatkan persijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) bagi mengiktiraf kebun atau ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik, mesra alam sekitar serta mengeluarkan hasil yang berkualiti, selamat dan sesuai untuk dimakan. Adalah didapati hanya seorang daripada 49 petani yang berjaya.

Lawatan Audit ke 50 kawasan kebun mendapati 16 kebun atau 32% tidak mematuhi GAP kerana tidak mengikut garis panduan dan kehendak GAP seperti kebun tidak disenggara dengan baik, terbiar dan dipenuhi semak. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah seperti kurangnya pengetahuan dan komitmen petani untuk mengurus kebun dengan baik, kekurangan tenaga pekerja dan kenaikan harga input. Petani juga didapati tidak mampu menampung kos tambahan untuk pembajaan dan racun. Mengikut amalan Jabatan, subsidi yang diberikan hanyalah sebanyak dua pertiga daripada jumlah kos keperluan input. Kekurangan pemantauan secara fizikal oleh Jabatan dan keengganinan petani mengikut GAP juga menjadi faktor kawasan kebun tidak disenggara dengan baik. Kebun yang tidak disenggara dengan baik atau terbiar adalah seperti di **Foto 7.8** hingga **Foto 7.11**.

Foto 7.8
Kebun Mangga Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Turong, Daerah Serian
Tarikh: 21 Oktober 2008

Foto 7.9
Kebun Limau Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Paya Mebi, Daerah Kuching
Tarikh: 08 September 2008

Foto 7.10
Kebun Limau Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Merudu, Daerah Sarikei
Tarikh: 12 November 2008

Foto 7.11
Kebun Pulasan Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Parang, Daerah Samarahan
Tarikh: 15 Oktober 2008


Pada pendapat Audit, Jabatan perlu membuat pemantauan, memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar bagi memastikan petani menyenggara kebun mengikut kehendak GAP supaya kebun lebih produktif dan dapat meningkatkan ekonomi petani.

7.5.6 Pendapatan Petani Tidak Dapat Ditentukan

Salah satu objektif program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan petani antara RM14,000 hingga RM20,000 sehektar setahun bergantung kepada jenis tanaman yang diusahakan.

Semakan Audit mendapati statistik pendapatan petani tidak dapat ditentukan kerana Jabatan tidak mengumpul data untuk pengukuran pencapaian sasaran program. Maklum balas 213 responden daripada 300 soal selidik yang dikeluarkan mendapati 29% responden memperolehi pendapatan kurang daripada RM14,000 setahun, 16% memperolehi pendapatan melebihi RM14,000 setahun dan 44% belum mengeluarkan hasil. Manakala baki 11% pula tidak memberi maklumat hasil kebun mereka. Pecahan pendapatan petani adalah seperti di **Carta 7.1**.

Carta 7.1
Pecahan Pendapatan Petani Bagi Tahun 2006 Hingga 2008
Berdasarkan Maklum Balas Soal Selidik



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mewujudkan pangkalan data petani serta mendapat maklum balas pendapatan bagi setiap petani yang menerima bantuan supaya kejayaan program dapat diukur dan Kerajaan juga dapat mengetahui pulangan atas modal yang telah dilaburkan.

7.5.7 Perubahan Harga Baja Dan Racun

Satu perjanjian antara Jabatan dengan PPNS ada ditandatangani untuk membekal input seperti anak pokok buah, baja dan racun kepada petani. Input ini disalurkan oleh PPK melalui Sistem Perolehan Input Pertanian (SPIP) berdasarkan harga yang dipersetujui. Perjanjian ini merangkumi perkara seperti senarai harga input, kaedah pembayaran serta penghantaran dan diperbaharui setiap dua tahun sekali.

Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menguatkusakan memorandum perjanjian yang ditandatangani bagi tahun 2008/2009. Jabatan didapati telah membuat pindaan terhadap pesanan input berdasarkan harga baru yang ditetapkan oleh PPNS pada tahun 2008. Pindaan ini disebabkan oleh kenaikan harga yang mendadak sehingga PPNS tidak dapat membekal input dengan harga asal yang telah dipersetujui. Perubahan harga input adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Perubahan Harga Input Asal Kepada Harga Input Terkini

Bil.	Perkara	Harga Asal (RM)	Harga Terkini (RM)	Perbezaan (RM)	Peratusan (%)
1.	Baja Sebatian 15:15:15 (50 kg/beg)				
	Bahagian Bintulu	149.50	179.65	30.15	20.2
	Daerah Belaga	164.50	194.50	30.00	18.2
2.	Baja Sebatian 12:12:17:2+TE (50 kg/beg)				
	Bahagian Bintulu	144.50	167.70	23.20	16.1
	Daerah Belaga	160.00	189.40	29.40	18.4
3.	Racun - Ametryn (Symbol 455C - 500 ml))	12.70	16.40	3.70	29.1
4.	Racun - Glyphosate Monoammonium (Rembat - 4L)	85.00	110.00	25.00	29.4

Sumber: Jabatan Pertanian

Nota: Bahagian Bintulu – Harga terendah dalam senarai harga input

Daerah Belaga – Harga tertinggi dalam senarai harga input

Perubahan harga ini telah mengakibatkan pengurangan dari segi kuantiti input yang dibekalkan kepada petani. Berdasarkan analisis Audit terhadap baja sebatian 15:15:15 di Bahagian Bintulu, perubahan harga input telah mengakibatkan input yang dibekalkan kurang sebanyak 599 beg. Analisis kuantiti baja berkenaan adalah seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Analisis Kuantiti Baja Di Bahagian Bintulu Bagi Tahun 2008

Keluasan Hektar [a]	Penggunaan Baja Sehektar (50kg/beg) [b]	Jumlah Beg Baja Diperlukan [a x b = c]	Harga Asal		Harga Terkini		Perbezaan Harga		Kekurangan Kuantiti Beg Baja Yang Dibekalkan [i/f]
			Kos/Beg (RM) [d]	Jumlah (RM) [d x c = e]	Kos/Beg (RM) [f]	Jumlah (RM) [f x c = g]	Kos/Beg (RM) [h]	Jumlah (RM) [g – e = i]	
223	16 beg (Baja Sebatian 15:15:15)	3,568	149.50	533,416.00	179.65	640,991.20	30.15	107,575.20	599

Sumber: Jabatan Pertanian

Semakan Audit mendapati perbandingan harga bagi tahun 2007 dan 2008 untuk baja jenis yang sama antara PPNS kepada Jabatan Pertanian Bahagian Samarahan dengan harga yang ditawarkan oleh IADA Bahagian Samarahan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 10.9% hingga 30.9%. Perbandingan harga baja antara PPNS dengan IADA bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 7.6** dan **Jadual 7.7**.

Jadual 7.6
Perbandingan Harga Baja Antara PPNS Dengan IADA Bagi Tahun 2007

Bil.	Perkara	Harga Dicaj Oleh PPNS (RM)	Harga Oleh IADA (RM)	Perbezaan (RM)	Peratusan (%)
1.	Baja Sebatian 15:15:15 (50 kg/beg)	72.10 (local compound)	55.15 (local compound)	16.95	30.7
2.	Baja Sebatian 12:12:17:2+TE (50 kg/beg)	68.60 (local compound)	52.40 (local compound)	16.20	30.9
3.	Dolomite (50 kg/beg)	17.75	16.00	1.75	10.9

Sumber: Jabatan Pertanian Bahagian Samarahan dan IADA Bahagian Samarahan

Jadual 7.7
Perbandingan Harga Baja Antara PPNS Dengan IADA Bagi Tahun 2008

Bil.	Perkara	Harga Dicaj Oleh PPNS (RM)	Harga Oleh IADA (RM)	Perbezaan (RM)	Peratusan (%)
1.	Baja Sebatian 15:15:15 (50 kg/beg)	176.40 <i>(imported compound)</i>	142.50 <i>(imported compound)</i>	33.90	23.8
2.	Baja Sebatian 12:12:17:2+TE (50 kg/beg)	171.30 <i>(local compound)</i>	142.50 <i>(imported compound)</i>	28.80	20.2
3.	Dolomite (50 kg/beg)	20.15	17.50	2.65	15.1

Sumber: Jabatan Pertanian Bahagian Samarahan dan IADA Bahagian Samarahan

Manual SPIP memerlukan baja yang dibekalkan oleh PPNS dianalisis kualitinya sebelum diagih kepada petani dengan menghantar sampel baja ke Makmal Kimia, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Pertanian.

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan pada tahun 2006 hingga 2008 mendapati tidak ada rekod yang menunjukkan analisis sampel baja dilakukan. Mulai awal tahun 2009, Jabatan tidak lagi menggunakan SPIP tetapi melaksanakan perolehan secara tender terbuka bagi proses pembelian input.

Pada pendapat Audit, perolehan input bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah tidak memuaskan. Oleh demikian, Jabatan hendaklah tegas dalam perolehan input supaya kepentingan Kerajaan dipelihara dan input dapat dibekalkan mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, baja hendaklah dianalisis untuk memastikan kualitinya menepati spesifikasi yang ditetapkan.

7.5.8 Input Lewat Diagihkan

Pengagihan input dibahagi kepada dua kategori iaitu Kategori I di mana bantuan diagihkan sekali sahaja manakala bagi Kategori II, bantuan diagihkan dalam tempoh tiga tahun. Kategori I merujuk kepada tanaman tahunan seperti betik, pisang dan tembikai yang mengeluarkan hasil dalam tempoh satu tahun. Manakala Kategori II merujuk kepada tanaman saka seperti durian, longan dan rambutan yang memerlukan tempoh satu tahun dan ke atas untuk mengeluarkan buah. Pengagihan input kepada petani adalah seperti di **Jadual 7.8.**

Jadual 7.8
Jadual Pengagihan Input

Tempoh Pengagihan	Kategori I (RM)	Kategori II (RM)
Tahun Pertama	3,000	3,500
Tahun Kedua	-	1,000
Tahun Ketiga	-	1,000
Jumlah	3,000	5,500

Sumber: Jabatan Pertanian

Lawatan Audit ke kebun petani pada pertengahan November 2008 mendapati input seperti baja dan racun untuk tahun 2008 masih belum dibekalkan. Kelewatan ini telah menyebabkan petani tidak dapat membaja dan meracun mengikut jadual yang ditetapkan

dalam Skim Mekanik. Keadaan ini juga boleh mengganggu proses pertumbuhan pokok buah-buahan dan produktiviti kebun terjejas.

Pada pendapat Audit, pengagihan input adalah tidak memuaskan. Jabatan perlu memastikan input dibekalkan secepat mungkin supaya petani dapat membaja dan meracun mengikut jadual yang ditetapkan dalam Skim Mekanik.

7.5.9 Baki Peruntukan SPIP Di Pertubuhan Peladang Kawasan

Menjadi amalan Jabatan, peruntukan untuk perolehan input melalui SPIP yang hendak diagihkan kepada petani didepositkan ke akaun PPK dengan tujuan memudahkan urus niaga pembayaran input dilakukan. Peruntukan ini dibelanjakan pada tahun semasa supaya petani mendapat bekalan input mengikut tempoh yang ditetapkan dalam SPIP.

Berdasarkan kertas minit rujukan DA.3806/9/(44) bertarikh 22 Februari 2007, baki peruntukan SPIP di PPK yang belum dibelanjakan selepas tempoh dua tahun hendaklah dikembalikan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati peruntukan SPIP di PPK sejumlah RM0.26 juta pada tahun 2006 masih belum dibelanjakan mahupun dikembalikan kepada Kerajaan. Semakan Audit seterusnya mendapati peruntukan tahun 2007 dan 2008 masih berbaki RM2.44 juta di mana setakat awal Mac tahun 2009, jumlah baki peruntukan SPIP dari tahun 2006 hingga 2008 adalah sejumlah RM2.70 juta. Peruntukan ini tidak dibelanjakan disebabkan PPK belum dapat membekalkan input kepada petani. Baki peruntukan SPIP bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 7.9**.

Jadual 7.9
Baki Peruntukan SPIP Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Bahagian	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Bintulu	91,850	17,258	387,180	496,288
2.	Limbang	0	0	467,200	467,200
3.	Kapit	78,057	123,518	250,805	452,380
4.	Sri Aman	83,442	62,376	211,522	357,340
5.	Miri	0	12,187	209,739	221,926
6.	Kuching	238	54	220,927	221,219
7.	Samarahan	0	29,701	161,576	191,277
8.	Sarikei	0	5,162	152,243	157,405
9.	Betong	6,330	2,774	72,176	81,280
10.	Mukah	1,737	5,898	40,554	48,189
11.	Sibu	1,613	0	7,402	9,015
Jumlah		263,267	258,928	2,181,324	2,703,519

Sumber: Jabatan Pertanian

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah memantau dan memastikan baki peruntukan SPIP di PPK dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan supaya petani mendapat bekalan input seperti yang dijadualkan.

7.5.10 Khidmat Sokongan Industri Buah-Buahan

Khidmat sokongan adalah perlu untuk memastikan Program Pembangunan Industri Buah-buahan dapat dilaksanakan dengan lancar. Aktiviti yang dirancang dan dijalankan di bawah komponen ini adalah seperti berikut:

a) Latihan Petani Dan Penjawat Awam Jabatan

Tahap pengetahuan petani dan penjawat awam berkaitan dengan industri buah-buahan perlu dipertingkatkan dan didedahkan dengan pengetahuan dan perkembangan teknologi terkini supaya manfaat yang diperolehi boleh dikongsi bersama.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, Jabatan telah menganjurkan 50 siri kursus atau 64.9% berbanding 77 siri kursus yang telah disasarkan. Bagi tempoh yang sama, seramai 1,029 petani iaitu 51.4% berbanding 2,002 petani yang disasarkan telah menghadiri kursus. Sasaran dan pencapaian kursus untuk petani bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 7.10**.

Jadual 7.10
Sasaran Dan Pencapaian Kursus Untuk Petani
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Sasaran		Pencapaian			
	Siri Kursus	Petani	Siri Kursus	(%)	Petani	(%)
2006	30	755	24	80	484	64.1
2007	30	835	16	53.3	325	38.9
2008	17	412	10	58.8	220	53.4
Jumlah	77	2,002	50	64.9	1,029	51.4

Sumber: Jabatan Pertanian

Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan telah menganjurkan 10 siri kursus untuk penjawat awam pada tahun 2006 dengan penyertaan seramai 246 penjawat awam pelbagai gred. Antara jenis kursus yang diadakan adalah *Good Agricultural Practice for Crops*, *Crop Protection Course* dan *Integrated Crop Management*. Bagaimanapun, tidak ada kursus teknikal berkaitan dengan buah-buahan diadakan pada tahun 2007 dan 2008 untuk penjawat awam Jabatan disebabkan kekangan peruntukan.

b) Plot Demonstrasi Ladang

Objektif aktiviti ini adalah untuk memperkuuhkan penyelidikan di ladang dan demonstrasi plot di kebun petani yang ada kaitan dengan industri buah-buahan. Melalui aktiviti ini, penemuan teknologi baru yang berkaitan dengan buah-buahan akan dipindahkan kepada petani sama ada melalui kursus, seminar, latihan *in-situ* atau bahan cetakan. Sub-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Penyelidikan dan promosi kegunaan alat mekanisasi dan pemprosesan buah;
- Penyelidikan dan pengembangan di ladang untuk menilai kesesuaian teknologi baru;
- Penyelidikan dan pengembangan pengeluaran produk nilai tambah; dan
- Mewujudkan sistem maklumat pasaran dan mempromosi produk baru di pasaran.

Semakan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan plot demonstrasi bagi mengkaji kaedah baru dalam penanaman buah-buahan. Antara plot yang dijalankan adalah seperti plot demonstrasi penanaman buah pitaya dengan kaedah bertingkat di Daerah Serian, Bahagian Samarahan yang boleh menjimatkan kawasan di samping menambah hasil tuaian seperti di **Foto 7.12**.

Foto 7.12
Plot Demonstrasi Tanaman Pitaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ampungan, Daerah Serian
Tarikh: 21 Oktober 2008

Semakan Audit seterusnya mendapati sejak tahun 2007, Jabatan menjalankan konsep projek perintis di kebun petani di mana pengetahuan dan teknologi terkini diperaktikkan untuk mengeluarkan buah yang berkualiti. Antara projek perintis yang dijalankan adalah seperti penanaman buah belimbing, jambu air, limau madu dan pitaya yang menggunakan kaedah penanaman secara organik di Daerah Siburan, Bahagian Kuching dan penanaman pelbagai jenis betik di Stesen Pertanian Kabuloh, Bahagian Miri. Bagaimanapun, Jabatan didapati tidak menetapkan sasaran serta kaedah pelaksanaan dan mengenal pasti kumpulan sasar untuk pelaksanaan plot demonstrasi dan projek perintis.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan komponen Khidmat Sokongan Industri Buah-buahan tidak memuaskan kerana perancangan terperinci bagi keberkesanan pelaksanaan tidak disediakan.

7.5.11 Pemasaran

Pemasaran merupakan elemen penting dalam menjayakan objektif Program Pembangunan Industri Buah-buahan. Pemasaran yang strategik dan berkesan memberi peluang kepada petani untuk menjual hasil tanaman selaras dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan konsep "Pertanian adalah Perniagaan".

Semakan Audit mendapati Jabatan ada mengadakan promosi seperti mengedarkan risalah dan brosur serta mewujudkan portal pertanian yang dikenali sebagai Pusat Khidmat Perniagaan Tani. Jabatan juga menganjurkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan setiap tahun bagi memberi pengiktirafan kepada petani, penternak dan nelayan di samping menggalakkan minat orang ramai terhadap sektor pertanian.

Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan tidak terlibat secara langsung dalam pemasaran. Jabatan hanya memfokuskan kepada penanaman buah-buahan manakala pemasaran dijalankan oleh Agensi lain seperti FAMA. Bagaimanapun, adalah didapati jalinan koordinasi yang terhad antara Jabatan dan FAMA menyebabkan petani menghadapi masalah untuk memasarkan buah-buahan. Berdasarkan temu bual dengan pihak Ibu Pejabat FAMA Sarawak, buah-buahan yang dikeluarkan oleh petani sama ada tidak mencukupi, tidak berkualiti atau tidak menepati kehendak pasaran menyebabkan FAMA menghadapi kesukaran untuk menampung permintaan pasaran tempatan dan luar negeri.

Pada pendapat Audit, koordinasi yang dijalin antara Jabatan dengan FAMA adalah tidak memuaskan. Hasil yang dikeluarkan oleh petani tidak memenuhi kehendak pasaran menyebabkan petani menghadapi kesukaran memasarkan buah-buahan yang dikeluarkan.

7.5.12 Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Objektif penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) adalah untuk meningkatkan pendapatan petani melalui hasil pertanian yang bermutu tinggi dan seterusnya meningkatkan eksport makanan serta ekonomi Negeri. Dalam konsep TKPM, Kerajaan Negeri menyediakan tanah manakala Kerajaan Persekutuan memperuntukkan kewangan bagi infrastruktur serta kemudahan lain seperti bekalan air dan elektrik.

Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Pertanian Malaysia pada akhir tahun 2000. Empat kawasan telah dikenal pasti iaitu Asajaya, Sadong Tengah dan Serian di Bahagian Samarahan dan satu di Suai, Bahagian Miri. Pada pertengahan tahun 2003, kawasan Endap seluas 1,050 hektar di Bahagian Samarahan telah diluluskan untuk dibangunkan sebagai TKPM Fasa I dan II manakala TKPM Fasa III iaitu seluas 1,600 hektar dicadangkan bagi Zon Pertanian Organik (ZPO) di Bahagian Miri, Sibu dan Kuching.

Sejumlah RM178.71 juta telah dimohon oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan TKPM bagi tahun 2005 hingga 2010. Anggaran kewangan bagi tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.11**.

Jadual 7.11
Anggaran Kewangan Untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan
Bagi Tahun 2005 Hingga 2010

Program	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
TKPM	1.04	2.67	20.00	40.00	10.00	0	73.71
TKPM-ZPO	0	0	0	35.00	35.00	35.00	105.00
Jumlah	1.04	2.67	20.00	75.00	45.00	35.00	178.71

Sumber: Jabatan Pertanian

Semakan Audit mendapati pada awal tahun 2005, Kerajaan Negeri mewartakan kawasan tanah seluas 51.9 hektar di Endap, Bahagian Samarahan di bawah Seksyen 11 (1) Kanun Tanah Negeri. Bagaimanapun, pelaksanaan TKPM ini tergendala disebabkan masalah status tanah yang sah belum diselesaikan. Daripada jumlah keluasan tersebut, hanya 6.2

hektar merupakan tanah hak milik bergeran manakala 45.7 hektar adalah tanah Kerajaan Negeri dan hak tanah adat yang berkemungkinan boleh dituntut.

Semakan Audit seterusnya mendapati Kerajaan Persekutuan memperakui siling peruntukan sejumlah RM26 juta atau 14.5% daripada jumlah yang dimohon untuk melaksanakan TKPM bagi tempoh RMKe-9. Peruntukan yang diperakui untuk TKPM bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.12**.

Jadual 7.12
Peruntukan Yang Diperakui Untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Program	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
TKPM	1	7	7	5	0	20
TKPM-ZPO	0	0	2	2	2	6
Jumlah	1	7	9	7	2	26

Sumber: Jabatan Pertanian

Berdasarkan peruntukan ini, Kerajaan Negeri telah meminda keluasan kawasan TKPM yang asal kepada kawasan seluas 650 hektar yang merangkumi 50 hektar untuk TKPM Fasa I, 450 hektar TKPM Fasa II dan 150 hektar untuk ZPO. **Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2008 belum ada satu pun TKPM dibangunkan walaupun peruntukan ada disediakan.**

Pada pendapat Audit, matlamat TKPM untuk meningkatkan pendapatan petani, eksport makanan dan ekonomi Negeri tidak dapat dicapai kerana pihak Kerajaan Negeri belum menyediakan tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut.

7.5.13 Guna Tenaga

Guna tenaga adalah penting untuk menggerakkan organisasi ke arah pencapaian matlamatnya. Program Pembangunan Industri Buah-buahan merupakan salah satu program yang dilaksanakan oleh Seksyen Buah di bawah Bahagian Industri Tanaman yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred G54. Mengikut senarai perjawatan tahun 2008, jumlah keseluruhan perjawatan Jabatan bagi seluruh Sarawak adalah seramai 2,540 pegawai.

Semakan Audit mendapati hanya 130 pegawai yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan program ini dan bertanggungjawab terhadap 4,186 petani bagi tahun 2006 hingga 2008. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada norma kerja yang standard dikeluarkan oleh Ibu Pejabat kepada pegawai untuk menguruskan bilangan petani bagi setiap seorang pegawai. Pegawai yang bertanggungjawab ke atas petani di kawasan berkenaan hanya menyediakan pelan operasi tahunan sebagai panduan dalam melaksanakan program ini.

Pada pendapat Audit, kegagalan Jabatan mengeluarkan norma kerja yang standard telah menjaskan keberkesanan pelaksanaan serta pemantauan program.

7.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Program Pembangunan Industri Buah-buahan tidak mencapai objektif yang dirancang. Kekurangan peruntukan kewangan untuk membina pusat pengumpulan buah, masalah pengagihan input dan kekurangan komitmen petani antara faktor yang menyebabkan program ini tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan masih belum menampakkan wujudnya industri buah-buahan di Sarawak. Peruntukan untuk pembangunan yang diagih seharusnya dibelanjakan pada tempoh yang ditetapkan bagi keperluan petani. Sehubungan itu, adalah disyorkan Jabatan Pertanian Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah menyediakan rancangan pertanian yang realistik serta menyediakan strategi pelaksanaan yang berkesan berdasarkan peruntukan kewangan yang diperolehi, khidmat sokongan pertanian dan penyelidikan;
- b) Penyelaras dan koordinasi antara Jabatan Pertanian Sarawak dengan Agensi lain seperti LPNM, FAMA dan IADA perlu dipertingkatkan supaya program dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan berkesan;
- c) Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah menetapkan sasaran dan *Key Performance Index* (KPI) yang jelas bagi program serta menyediakan rangka kerja maklumat yang merangkumi semua peringkat pelaksanaan iaitu Jabatan, Agensi berkaitan dan petani supaya pencapaian program boleh diukur;
- d) Jabatan Pertanian Sarawak perlu meningkatkan aktiviti penyelidikan dari segi penghasilan buah yang berkualiti, kawalan dan pencegahan penyakit serta teknologi lepas tuai;
- e) Jabatan Pertanian Sarawak perlu menggunakan kepakaran yang sedia ada bagi memberi nasihat profesional kepada petani;
- f) Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah mempergiatkan promosi dan khidmat sokongan bagi menyemai kesedaran di kalangan petani untuk mengurus kebun dengan mengamalkan GAP serta pertanian moden;
- g) Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan norma kerja yang standard disediakan untuk setiap pegawai; dan
- h) Jabatan Pertanian Sarawak perlu menggandakan usaha untuk mengubah minda petani supaya petani mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengubah taraf hidup dan secara tidak langsung dapat menghapuskan budaya subsidi.

JABATAN TANAH DAN SURVEI NEGERI SARAWAK

8. PENGURUSAN PENGAMBILAN BALIK TANAH DAN PENGGUNAANNYA

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) ditubuhkan pada tahun 1918. Ia bertanggungjawab terhadap Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber (KPPS) serta mempunyai 11 JTS Bahagian di seluruh Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarakei, Kapit, Samarahan, Bintulu, Mukah dan Betong. Visi JTS adalah sebagai organisasi yang cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan tanah manakala misi pula adalah untuk mentadbir dan mengurus tanah bagi memanfaatkan Negeri dan penduduk secara profesional dan berintegriti selaras dengan inspirasi Kerajaan Negeri. Slogan JTS adalah sebagai agen pemudah pembangunan dan mengurus tanah sejajar dengan konsep politik pembangunan. Objektif JTS ialah mentadbir tanah supaya dapat digunakan secara cekap dan berkesan menurut undang-undang dan peraturan yang sedia ada serta mengurus pengambilan balik tanah.

8.1.2 Sarawak mempunyai keluasan 12.44 juta hektar tanah di mana 2.48 juta hektar adalah Tanah Zon Campuran (*Mixed Zone Land*), 0.92 juta hektar Tanah Kawasan Bumiputera (*Native Area Land*) dan 9.04 juta hektar adalah Tanah Kawasan Pedalaman (*Interior Area Land*). Mengikut Bab 4 Kanun Tanah Sarawak 1958 (KTS), Kerajaan Negeri melalui JTS boleh mengambil balik tanah milik orang perseorangan atau syarikat bagi maksud awam dan kepentingan pembangunan ekonomi seperti perlombongan, perumahan, pertanian, perniagaan dan perusahaan dengan harga berpatutan atau harga pasaran. Bagi melaksanakan kehendak KTS 1958, dua kaedah digunakan iaitu JTS membeli terus daripada pemilik tanah dan melalui proses pengambilan balik tanah. Pengambilan balik tanah melibatkan sejumlah kos yang perlu dibayar iaitu berupa bayaran pampasan, kos survei dan caj perkhidmatan.

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada proses pengambilan balik tanah telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta tanah yang diambil balik telah digunakan dan dimajukan mengikut tujuan pengambilannya.

8.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengambilan balik tanah dan penggunaannya bagi tahun 2006 hingga 2008 dan di mana perlu skop diperluaskan meliputi tahun sebelumnya.

8.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berdasarkan rekod dan dokumen berhubung dengan pengambilan balik tanah dan penggunaannya oleh JTS. Semakan Audit dibuat terhadap rekod yang berkaitan di Ibu Pejabat JTS, JTS Bahagian Kuching, JTS Bahagian Samarahan serta KPPS seperti fail sumber kewangan dan akaun, fail permohonan tanah, fail pengambilan balik tanah, fail pengeluaran hak milik, fail bayaran pampasan dan bayaran premium. Selain itu, lawatan Audit telah dibuat ke kawasan tanah yang diluluskan untuk mengesahkan sama ada pembangunan yang dirancang telah dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai di peringkat KPPS dan JTS bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang lebih jelas juga telah diadakan.

8.5 PENEMUAN AUDIT

8.5.1 Tanah Yang Diberikan Geran Hak Milik Dibangunkan Tidak Mengikut Syarat Pemberian Hakmilik

Mengikut Seksyen 33 KTS 1958, tanah yang diberi Geran Hak Milik hendaklah dibangunkan mengikut tujuan ianya diluluskan. **Pemeriksaan Audit terhadap 69 Geran Hak Milik Tanah yang diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri (MPN) mendapati sebanyak 32 pertapanan dibangunkan tidak mengikut syarat pemberian hak milik tanah iaitu satu di Bahagian Kuching; tiga di Bahagian Samarahan; dan 28 di Bahagian Sibu. Butiran lengkap adalah seperti di Jadual 8.1.**

Jadual 8.1
Tanah Pertanian Tidak Dibangunkan Mengikut Syarat Pemberian Hak Milik

Bil.	Lokasi	Tarikh Pemberian Hak Milik	Keluasan Tanah (sqm/ha)	Kesalahan	Denda (RM)	Tarikh Notis Tamat
Bahagian Kuching						
1.	Lot 8088 Blok 16 Daerah Tanah Kuching Sentral	12.07.1996	1.692 ha	Membina kilang membancuh simen	263,250	07.10.2006
Bahagian Samarahan						
2.	Lot 1639 Blok 24 Daerah Tanah Muara Tuang (Samarahan)	03.07.1987	4,273 sqm	Membina kilang papan	RM10,000 telah dibayar pada 24.04.2003	17.09.1999
3.	Lot 58 Blok 8 Daerah Tanah Kayan (Serian)	04.11.1988	1.578 ha	Gudang dan menara telekomunikasi CELCOM	RM10,000 telah dibayar pada 25.04.2003 dan Menara Celcom telah dirobohkan.	24.07.2002
4.	Lot 1560 Blok 26 Daerah Tanah Muara Tuang (Samarahan)	05.09.1997	3.940 ha	Tempat menyimpan kayu balak	RM10,000 telah dibayar pada 25.04.2003	05.07.1999
Bahagian Sibu						
5.	Lot 261 Blok 1 Daerah	03.05.1912	2,958 sqm	Membina kilang	99,250	08.01.2008

Bil.	Lokasi	Tarikh Pemberian Hak Milik	Keluasan Tanah (sqm/ha)	Kesalahan	Denda (RM)	Tarikh Notis Tamat
	Tanah Sibu			membaiki kapal		
6.	Lot 281 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	03.05.1912	5,666 sqm	Membina kilang membaiki kapal	98,750	10.01.2008
7.	Lot 841 Blok 11 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	06.10.1914	2.671 ha	Membina kilang membaiki kapal	98,750	10.01.2008
8.	Lot 260 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	15.11.1915	8,620 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
9.	Lot 254 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	15.11.1915	2,711 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
10.	Lot 364 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	11.04.1917	7,029 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	09.01.2008
11.	Lot 293 Blok 1 Daerah Bandar Sibu	09.08.1918	3,602 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
12.	Lot 483 Blok 10 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	02.05.1918	9,322 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
13.	Lot 253 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	04.11.1925	4,573 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
14.	Lot 515 Blok 10 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	14.01.1929	9,761 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,550	14.01.2008
15.	Lot 390 Blok 10 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	07.06.1935	9,389 sqm	Membina kilang membaiki kapal	8,000	09.01.2008
16.	Lot 344 Blok 10 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	12.11.1937	1.299 ha	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
17.	Lot 1013 Blok 11 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	20.12.1938	5,301 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,100	23.01.2008
18.	Lot 292 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	20.07.1946	2,711 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
19.	Lot 251 Blok 1 Daerah Tanah Sibu	13.03.1947	3,642 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
20.	Lot 62 Blok 5 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	27.01.1975	1.8615 ha	Membina kilang membaiki kapal	99,250	09.01.2008
21.	Lot 305 Blok 16 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	13.02.1978	5,099 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,850	08.01.2008
22.	Lot 306 Blok 16 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	13.02.1978	3,683 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,850	08.01.2008
23.	Lot 307 Blok 16 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	14.02.1978	1.4933 ha	Membina kilang membaiki kapal	27,850	08.01.2008
24.	Lot 661 Blok 16 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	30.05.1980	3.924 ha	Membina kilang membaiki kapal	99,000	09.01.2008
25.	Lot 334 Blok 16 Daerah Tanah Seduan (Sibu)	28.01.1983	1.485 ha	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
26.	Lot 24 Blok 11 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	11.08.1987	2,340 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,800	09.01.2008
27.	Lot 157 Blok 11 Engkilo (Sibu)	27.02.1988	1.371 ha	Membina kilang membaiki kapal	98,750	10.01.2008
28.	Lot 117 Blok 1 Daerah Bandar Sibu	22.09.1988	8,800 sqm	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
29.	Lot 158 Blok 11 Daerah Tanah Engkilo (Sibu)	06.07.1988	7,060 sqm	Membina kilang membaiki kapal	98,750	10.01.2008
30.	Lot 86 Blok 1 Daerah Bandar Sibu	28.03.1989	1.153 ha	Membina kilang membaiki kapal	99,250	08.01.2008
31.	Lot 197 Blok 1 Engkilo (Sibu)	21.02.1995	9,303 sqm	Membina kilang membaiki kapal	27,850	08.01.2008
32.	Lot 1320 Blok 16 Seduan Daerah Tanah (Sibu)	27.02.1998	1.066 ha	Membina kilang membaiki kapal	27,850	08.01.2008
Jumlah					2,019,200	

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan JTS

Kes tersebut sehingga akhir Disember 2008 melibatkan tanah yang telah diberi hak milik seawal tahun 1912. Mengikut kiraan Audit sehingga akhir Disember 2008, jumlah denda bagi 32 kes tersebut adalah dianggarkan sejumlah RM2.02 juta. Pihak JTS telah mengeluarkan surat amaran dan *Notice To Remedy (NTR)* kepada 32 pemilik tanah tersebut yang tertunggak sejak tahun 1912. Daripada 32 kes hanya satu telah selesai manakala 31 lagi belum selesai. Pemilik tanah telah membuat rayuan tetapi setakat ini belum ada keputusan daripada Pengarah JTS mengenai rayuan tersebut.

Pemeriksaan Audit terhadap tujuh tapak yang diluluskan mendapati semuanya telah dibangunkan tetapi tidak mengikut syarat pemberian hak milik seperti contoh berikut:

- a) Lot 8088 Blok 16 Daerah Tanah Kuching Sentral dengan keluasan 1.69 hektar yang merupakan tanah pertanian telah dikeluarkan hak milik pada 12.7.1996. Lawatan Audit ke tapak tersebut mendapati sebuah kilang simen telah didirikan di kawasan ini seperti di

Foto 8.1.

**Foto 8.1
Kilang Simen**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuching

Tarikh: 7 Januari 2009

Pihak JTS Bahagian Kuching telah mengeluarkan dua notis amaran kepada pemilik tanah berkenaan iaitu pada 7 Julai 2006 dan 2 Mac 2007 supaya kesalahan diremedikan namun gagal dipatuhi. Mengikut pengiraan Audit, jumlah denda setakat 31 Disember 2008 ialah dianggarkan sejumlah RM263,250.

- b) Pihak Audit telah mengadakan lawatan fizikal ke tanah pertanian di Lot 86 Blok 1 Daerah Bandar Sibu dengan keluasan 1.15 hektar dan Lot 117 Blok 1 Daerah Bandar Sibu dengan keluasan 8,800 meter persegi mendapati kawasan tersebut telah dijadikan limbungan memperbaiki kapal seperti di **Foto 8.2** dan **Foto 8.3**.

Foto 8.2



Limbungan Memperbaiki Kapal

Foto 8.3



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sibu

Tarikh: 20 Februari 2009

Semakan Audit mendapati bahawa pihak JTS telah menghantar notis amaran pada 9 Oktober 2007 tetapi tidak dihiraukan oleh pengusaha berkenaan. Bahagian Penguatan kuasa JTS telah mencadangkan kepada Pengarah JTS supaya limbungan kapal tersebut dikenakan kompaun sejumlah RM10,000 dan denda RM250 sehari tetapi setakat ini belum ada keputusan mengenainya dibuat. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa kedua-dua Syarikat berkenaan telah ditawarkan untuk berpindah ke Lot 529 Blok 1 Daerah Tanah Seduan (Rantau Panjang) dan Lot 539, 540 dan 541 Blok 1 Daerah Tanah Seduan tetapi mereka enggan berpindah kerana masalah memindahkan barang serta peralatan. Mengikut pengiraan Audit, jumlah denda setakat 31 Disember 2008 adalah dianggarkan sejumlah RM198,500 iaitu berdasarkan tarikh notis tamat dan kadar harian yang dicadangkan oleh Bahagian Penguatan Ibu Pejabat JTS. *Mengikut ulasan JTS, penguatan undang-undang sedia ada sukar dilaksanakan kerana perlu mempertimbangkan beberapa faktor seperti tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan, kesan kepada sosial dan ekonomi serta keberkesanan undang-undang lain yang berkaitan. Pada dasarnya tiada tempoh masa yang spesifik antara pengeluaran surat amaran dan Notice To Remedy (NTR) tetapi biasanya purata tempoh masa adalah dalam 2 tahun.*

Pada pendapat Audit, JTS tidak menguatkuaskan dengan berkesan peruntukan penalti yang terkandung dalam Kanun Tanah Sarawak. Ini boleh menggalakkan pihak lain tidak mematuhi undang-undang dan peraturan.

8.5.2 Tanah Diambil Balik Terbiar Dan Tidak Dibangunkan

Mengikut syarat kelulusan pertapakan tanah, semua tanah hendaklah dibangunkan dalam tempoh dua tahun. Sekiranya gagal membangunkan tanah tersebut dalam tempoh dua tahun kelulusan akan luput dengan sendirinya. **Pemeriksaan Audit mendapati JTS tidak mempunyai rekod mengenai status tanah yang telah diluluskan pertapakan sama ada telah dibangunkan atau sebaliknya.** Pemeriksaan Audit seterusnya terhadap rekod JTS mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008 Majlis Perancangan Negeri telah meluluskan

sebanyak 203 pertapakan tanah di Bahagian Kuching untuk dibangunkan iaitu sebanyak 104 kepada Kerajaan manakala 99 pula kepada swasta.

a) Pertapakan Untuk Pembesaran Kilang Yang Terbiar

MPN telah meluluskan pembesaran kilang Sarawak Clinker Sdn. Bhd. (Syarikat) pada 27 April 1999. Untuk tujuan ini Kerajaan telah mengambil balik tanah di Blok 9 Daerah Tanah Sentah Segu dengan keluasan 8.5 ekar. Bagaimanapun, 20 keluarga yang terlibat tidak setuju dengan lokasi penempatan berbukit.

Sehubungan itu, pertapakan baru untuk penempatan semula penduduk di Jalan Mambong telah diluluskan oleh MPN pada 21 April 2008 dengan keluasan tanah 5 ekar melibatkan kos pampasan tanah sejumlah RM300,000. Setakat akhir tahun 2008 belum ada keputusan muktamad tentang penempatan ini kerana terdapat bantahan daripada salah seorang tuan punya tanah. Keadaan ini telah menyebabkan projek pembesaran kilang berkenaan tertangguh pelaksanaannya. Lawatan Audit ke tapak asal tersebut pada akhir bulan November 2008 mendapati kawasan ini belum dibangunkan dan menjadi terbiar seperti di **Foto 8.4**.

Foto 8.4
Kawasan Penempatan Semula Berbukit



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuching

Tarikh: 27 November 2008

Mengikut ulasan JTS, penempatan semula penduduk yang terlibat dengan projek ini adalah di atas persetujuan di antara pemaju dengan penduduk itu sendiri. Peranan JTS adalah untuk membantu melicinkan proses ini dan memaklumkan bahawa proses pengambilan balik tanah untuk pertapakan baru telah selesai pada Disember 2008, cuma pemberimilikan lot di dalam skim tersebut masih dalam proses di peringkat JTS Bahagian Kuching.

b) Pertapakan Projek Kerajaan Persekutuan

Lawatan tapak terhadap tiga projek Kerajaan yang diluluskan pada tahun 2006 mendapati ianya belum dibangunkan seperti berikut:

- i) Pertapakan tanah diluluskan pada 23.1.2002 untuk Sekolah Kebangsaan Santubong di Lot 383 Daerah Tanah Santubong, Kuching dengan keluasan 7,950 meter persegi dan mendapati tanah tersebut masih belum dibangunkan seperti di **Foto 8.5**.

Foto 8.5
Tapak Terbiar Dan Belum Dibangunkan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuching
Tarikh: 25 Februari 2009*

Pihak Audit mendapati bahawa sehingga akhir Disember 2008, JTS masih menunggu bayaran kos survei sejumlah RM10,728 daripada Kementerian Pelajaran yang tidak dimasukkan dalam anggaran kos pengambilan balik tanah yang terdahulu. Penyerahan tapak untuk permulaan pelaksanaan projek kepada kontraktor yang telah dilantik adalah hanya pada akhir Mac 2009 dan kontrak pembinaan untuk selama 24 bulan tersebut dijangka siap pada akhir Mac 2011.

- ii) Pertapakan tanah diluluskan pada awal Julai 2006 untuk Klinik Kesihatan Matang di Lot 798, 799 & 822 Blok 5 Daerah Tanah Matang Kuching dengan keluasan 3.84 hektar dan mendapati tanah tersebut masih belum dibangunkan seperti di **Foto 8.6**.

Foto 8.6
Tapak Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuching

Tarikh: 25 Februari 2009

Pihak Audit mendapati bahawa sehingga akhir Disember 2008, JTS masih menunggu peruntukan tambahan sejumlah RM176,380 daripada Kementerian Kesihatan untuk menampung kos tambahan bayaran pampasan tanah yang tidak mencukupi kerana setelah kerja penyiasatan dan pengukuran tapak dijalankan terdapat bangunan yang tidak diambil kira semasa memohon peruntukan tersebut.

- iii) Pertapakan tanah diluluskan pada akhir Disember 2006 untuk rumah kediaman Setiausaha Persekutuan Sarawak (SPS) di Lot 5117 Blok 18 Daerah Tanah Salak Kuching dengan keluasan 1.2 ekar dan mendapati tanah tersebut masih belum dibangunkan lagi seperti di **Foto 8.7**. Maklum balas daripada SPS menyatakan bahawa projek tersebut telah dihentikan pelaksanaannya oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) melalui surat bertarikh 13 Februari 2008 berikutan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Februari 2008 yang meminta perancangan projek tersebut dipindahkan ke Sampadi, Sarawak.

Foto 8.7
Tanah Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuching

Tarikh: 25 Februari 2009

Mengikut ulasan JTS, peranan Jabatan terhadap projek Kerajaan Persekutuan adalah untuk membantu dalam proses perolehan tapak bagi sesuatu pembangunan iaitu merangkumi kelulusan pertapanan, pengambilan balik tanah dan pemberimilikan tanah. Selain itu, JTS juga memainkan peranan di dalam memproses pelan bangunan terperinci untuk kelulusan MPN. Dari segi pembinaan bangunan pada tapak yang telah diluluskan, adalah bukan menjadi tanggungjawab JTS untuk memantau kemajuan pembinaan atau pelaksanaan projek. Pada kebiasaananya, pihak yang menyumbang dana pembangunan hendaklah bertanggungjawab ke atas kemajuan pelaksanaan sesuatu pembangunan.

Pada pendapat Audit, JTS perlu memastikan semua permohonan perolehan tapak projek Persekutuan telah mendapat peruntukan awal bagi membiayai kos survei untuk mengelakkan tunggakan kos survei untuk projek Persekutuan terus meningkat. Adalah disyorkan juga pihak JTS menganggarkan kos survei untuk dimaklumkan kepada Jabatan/Agenzi Persekutuan yang memohon.

8.5.3 Tapak Penempatan Semula Penduduk Tidak Sesuai

Projek Air Empangan Bengoh telah diluluskan oleh MPN pada awal Oktober 2006 dengan anggaran kos pembinaan sejumlah RM250 juta. Projek pembangunan ini melibatkan penempatan semula seluas 131.1 hektar bagi empat kampung iaitu Kampung Sait, Pain Bojong, Rejoi dan Semban yang mempunyai 199 buah rumah. Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk menempatkan empat kampung tersebut di Skio Sogoh Semadang Lot 3 Blok 4 Daerah Tanah Pangkalan Ampat. Penempatan ini merangkumi kawasan tanah seluas 225.99 ekar termasuk kawasan tadahan air, jalan masuk dan tapak empangan. Lokasi kawasan penempatan semula ini adalah 10 kilometer daripada kawasan asal.

Menurut Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar yang disediakan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada bulan Mac 2007 selaku Perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, 41.3% iaitu 85 penduduk daripada 206 penduduk yang ditemui bual tidak bersetuju dengan tapak penempatan semula itu. Perkara utama yang menjadi bantahan penduduk adalah jumlah pampasan yang ditawarkan oleh Kerajaan. Setakat akhir Disember 2008, sejumlah RM1.37 juta pampasan telah dibayar kepada 42 penduduk tetapi mereka belum berpindah ke kawasan penempatan semula.

Mengikut ulasan JTS, pemilihan lokasi penempatan semula penduduk yang terlibat dalam projek ini adalah terhad disebabkan oleh halangan faktor topografi di samping memenuhi permintaan penduduk yang terlibat supaya mereka ditempatkan di lokasi yang tidak terlalu jauh dengan kediaman mereka sekarang.

Pada pendapat Audit, kajian awal mengenai kesesuaian tapak penempatan semula tidak dilakukan secara menyeluruh di mana kawasan tersebut didapati ada kawasan tадahan air.

8.5.4 Pengurusan Pengambilan Balik Tanah

JTS telah menetapkan prosedurnya bagi pengurusan pengambilan balik tanah yang terdiri daripada proses Pertapakan (*Siting*), Pengambilan Balik Tanah (*Acquisition*) dan Pemberimanikan Tanah (*Alienation*). Dalam tahun 2006 hingga 2008, sejumlah 859 permohonan pengambilan balik tanah telah diterima oleh JTS. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Kedudukan Permohonan Pertapakan Tanah Diterima Oleh JTS

Tahun	Kedudukan Permohonan (Bil.)					
	Diterima	Dilulus	Ditolak	Tangguh	Batal	Dalam Proses
2006	132	117	7	2	1	5
2007	332	248	8	4	4	68
2008	395	257	21	6	3	108
Jumlah	859	622	36	12	8	181

Sumber: Bahagian Perancangan JTS

a) Kelewatan Kelulusan Pertapakan

Pertapakan adalah untuk mengenal pasti sesuatu tanah yang hendak dibangunkan sama ada untuk tujuan awam atau sebaliknya. Manual Prosedur Kerja JTS telah menetapkan tempoh untuk meluluskan pertapakan ialah selama tiga bulan.

Pemeriksaan Audit dijalankan ke atas 74 permohonan pertapakan dan mendapati sebanyak 16 kes permohonan lewat diluluskan. Tempoh pemprosesan adalah di antara empat hingga 52 bulan. Analisis Audit terhadap rekod di JTS Bahagian Kuching, mendapati masa yang diambil untuk meluluskan pertapakan ialah antara empat hingga 52 bulan manakala rekod di JTS Bahagian Samarahan menunjukkan kelewatan antara lima hingga 10 bulan. Menurut JTS, kelewatan tersebut adalah disebabkan borang permohonan pertapakan yang diterima tidak lengkap, permohonan yang dibuat tidak melalui saluran tertentu, tapak yang dicadangkan oleh Jabatan Pelanggan tidak sesuai dari segi struktur tanah, keluasan tapak tanah tidak mencukupi dan lokasi tanah yang

diluluskan tidak sesuai dengan kehendak Jabatan Pelangan. Kelewatan mengenal pasti dan meluluskan pertapakan menyebabkan proses pengambilan balik tanah terganggu dan seterusnya menjelaskan pelaksanaan pembangunan di Negeri Sarawak. Keadaan ini adalah juga disebabkan kurangnya koordinasi di antara JTS dan Jabatan Pelangan.

Mengikut ulasan JTS, pada kebiasaan ia sedia bertolak ansur dengan Jabatan Pelangan bagi mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan sesebuah projek walaupun pihak pelangan tidak mengemukakan permohonan yang lengkap.

Pada pendapat Audit, JTS perlu menolak permohonan yang tidak memenuhi syarat JTS pada masa permohonan dikemukakan oleh Jabatan Pelangan dan hanya permohonan yang lengkap sahaja diproses.

8.5.5 Permohonan Pertapakan Tanah Yang Dilulus Terus Oleh Majlis Perancangan Negeri

Mengikut Manual Pengambilan Balik Tanah JTS, permohonan pertapakan tanah hendaklah melalui JTS Bahagian. Permohonan ini kemudian dikemukakan ke Ibu Pejabat JTS yang seterusnya mengemukakannya kepada MPN untuk pertimbangan.

Bagaimanapun, bagi kes *fast track* yang memenuhi kriteria tertentu dari segi kepentingan pembangunan dan pelaburan Negeri, kes sedemikian boleh dikemukakan terus kepada MPN untuk kelulusan.

Pemeriksaan Audit terhadap 622 permohonan pertapakan yang diluluskan oleh MPN bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati sebanyak lapan kes diluluskan terus oleh MPN. Daripada lapan pertapakan tersebut tiga projek dilaksanakan, tiga projek dibatalkan dan dua lagi belum dilaksanakan. Semakan Audit seterusnya mendapati status projek tersebut pada akhir Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Senarai Tapak Yang Dilulus Terus Oleh Majlis Perancangan Negeri

Bil.	Butiran Projek	Lokasi	Keluasan Tanah (ha/m)	Tarikh Kelulusan	Status
1.	Surau Di Kampung Kudei Kuching	Lot 2363 & 2887 Blok 195 KNLD	0.09 ha	26.01.2006	Projek telah bermula
2.	Tapak Tambahan UiTMKS	Lot 6204 Blok 1 Daerah Tanah Samarahan	358.58 ha	02.11.2007	Belum terima <i>master plan</i> dari UiTM
3.	<i>SESCO Transmission Line</i>	Entinggan-Muara Tabuan	11,444 m	24.06.2008	Sedang menunggu pihak SESCO menentukan tapak untuk mendirikan tiang elektrik
4.	Kemudahan Pelancongan Di Taman Negara Gading Lundu	Gunung Gading National Park	5.7 ha	15.04.2008	Tarik balik sebab masalah kewangan
5.	Kompleks Mini Perbendaharaan	Petra Jaya	8.00 ha	11.07.2007	Projek dibatalkan

Bil.	Butiran Projek	Lokasi	Keluasan Tanah (ha/m)	Tarikh Kelulusan	Status
	Malaysia				
6.	Elevated Water Storage/Reservoir at Samajaya Zone	Sama Jaya Industrial Zone	1.58 ha	01.10.2007	Pelan telah diluluskan dan projek telah bermula pada tahun 2007
7.	Upgrading Polytechnic Kuching	Politeknik Kuching Jalan Matang	45.5 ha	19.07.2007	Pelan telah diluluskan dan projek telah bermula pada tahun 2007
8.	Penempatan Sementara Peniaga BINA MARA	Jalan Haji Taha	0.20 ha	07.06.2007	Projek dibatalkan

Sumber: Fail Permohonan JTS

Mengikut ulasan JTS, ia dan MPN berperanan untuk mempercepatkan proses kelulusan tapak. Bagaimanapun, urusan untuk membangunkan tanah yang telah diluluskan adalah merupakan tanggungjawab Jabatan Pelangan.

Pada pendapat Audit, status pelaksanaan projek bagi tapak yang mendapat kelulusan terus daripada MPN adalah tidak memuaskan. Memandangkan proses kelulusan tanah adalah di luar proses biasa dan secara *fast track* projek sepatutnya dilaksanakan serta merta.

8.5.6 Tempoh Masa Notis Niat Pengambilan Balik Tanah Tidak Ditetapkan

Mengikut Seksyen 47, Ordinan Kanun Tanah Sarawak 1958, Kerajaan Negeri boleh pada bila-bila masa mewarta dan mengambil balik mana-mana tanah berhak milik untuk maksud kegunaan awam. Untuk tujuan tersebut, Notis Niat pengambilan balik tanah dikeluarkan supaya JTS boleh memasuki kawasan tanah berkenaan untuk menjalankan kerja survei dan penyiasatan bagi menentukan kesesuaian tanah yang dibangunkan. Notis Niat akan dikeluarkan bagi tanah dibayar mengikut harga semasa untuk mengelakkan spekulasi berkaitan dengan harga tanah tersebut. Jika didapati sesuai, tindakan mengikut Seksyen 48 Ordinan Kanun Tanah Sarawak akan diambil supaya dalam tempoh berkenaan tanah yang terlibat tidak dibangunkan. Semakan Audit seterusnya mendapati Notis Niat tidak menetapkan had masa sebelum tindakan pewartaan mengikut Seksyen 48 atau sehingga tindakan mengikut Seksyen 79 diambil jika hasrat untuk mengambil balik tanah dibatalkan.

Sehingga Disember tahun 2008 sebanyak 76 Notis Niat melibatkan keluasan 123,544 hektar dan 13,287 lot tanah telah dikeluarkan yang masih tertangguh. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Kedudukan Notis Niat Dikeluarkan

Bil.	Tempoh Notis	Jumlah Notis	Keluasan (ha)	Jumlah Lot
1.	Kurang dari 2 tahun	13	76,636	1,110
2.	Antara 2 hingga 5 tahun	2	18,776	3
3.	Antara 5 hingga 10 tahun	31	8,352	2,540
4.	Lebih dari 10 tahun	30	19,780	9,634
Jumlah		76	123,544	13,287

Sumber: Laporan Bahagian Penilaian JTS

Mengikut ulasan JTS, notis di bawah Seksyen ini akan dikaji semula setiap dua tahun dan menyatakan amalan Kerajaan pada masa ini ialah untuk membayar pampasan hampir sama dengan nilai pasaran walaupun dari segi undang-undang, nilai pampasan tanah yang dibayar adalah berdasarkan tarikh notis dikeluarkan. Menurut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 Seksyen 8(4), notis pengambilan balik tanah tamat tempoh sah dalam masa 2 tahun.

Pada pendapat Audit, pengeluaran Notis Berkanun pengambilan balik tanah adalah mengikut kehendak peraturan yang ditetapkan kecuali tidak ditetapkan tempoh had masa pewartaan. Ini menyebabkan pemilik tanah tidak berpuas hati mengenai kedudukan tanah yang diambil.

8.5.7 Peruntukan Kewangan Pampasan Bagi Pengambilan Balik Tanah Tidak Diterima Dari Jabatan Pelanggan

Bagi tahun 2006 hingga 2008, JTS memerlukan sejumlah RM399.91 juta untuk melaksanakan sebanyak 595 projek pembangunan yang telah diluluskan. Semakan Audit mendapati daripada jumlah itu, sebanyak 231 (38.8%) projek yang bernilai RM223.17 juta (55.8%) daripada peruntukan kewangan telah diterima. Peruntukan untuk baki 305 projek lagi, iaitu 98 projek yang mana peruntukan belum diterima manakala selebihnya iaitu 207 projek peruntukan masih belum dimohon daripada Jabatan Pelanggan kerana masih menunggu Laporan Penilaian Tanah. Keadaan ini menyebabkan projek Kerajaan bagi tahun 2006 hingga 2008 di Sarawak menghadapi risiko tertangguh pelaksanaannya kerana JTS belum menerima peruntukan yang mencukupi untuk membayar kos pampasan untuk pengambilan balik tanah. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Pencapaian Kewangan Dan Fizikal Projek Kerajaan Sehingga Tahun 2008

Kerajaan	Pencapaian Kewangan (RM Juta)				Pencapaian Fizikal (Bil.)				
	Peruntukan Diperlukan	Peruntukan Diterima	Peruntukan Dibelanjakan	Jumlah Projek	Projek Dalam Tanah Kerajaan	Jumlah Projek Yang Ada Peruntukan	Jumlah Projek Yang Siap	Jumlah Projek Belum Ada Peruntukan	Jumlah Projek Peruntukan Belum Dimohon
Persekutuan	187.94	123.44	63.49	278	-	148	136	31	99
Negeri	211.97	99.73	69.93	317	59	83	142	67	108
Jumlah	399.91	223.17	133.42	595	59	231	278	98	207

Sumber: Land Acquisition Progress Indicator, JTS

Mengikut ulasan JTS, berdasarkan pengalamannya sebilangan besar Jabatan Pelanggan tidak dapat memenuhi sasaran yang ditetapkan dalam menyalurkan peruntukan dan masalah ini sering dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek serta dimaklumkan melalui Laporan Suku Tahunan.

Pada pendapat Audit, semua projek ini dapat dilaksanakan sekiranya Jabatan Pelanggan menerima peruntukan yang cukup untuk membayar kos pengambilan balik tanah. Bagi mempercepatkan proses pembayaran khususnya Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji untuk mewujudkan satu tabung amanah untuk tujuan ini.

8.5.8 Pemberimilikan Dan Premium Tertunggak

Mengikut piagam pelanggan JTS, Geran Hak Milik tanah akan dikeluarkan dalam tempoh satu bulan selepas Borang L&S 80 ditandatangani dan dipulangkan serta bayaran pemberimilikan seperti premium, cukai tahunan dan lain-lain yuran dijelaskan oleh Jabatan Pelanggan. Pembayaran boleh dibuat sekali gus atau secara ansuran. Surcaj 50% daripada amaunnya akan dikenakan ke atas bayaran lewat. Bagi tahun 2006 hingga 2008 jumlah hasil premium tanah yang dikutip oleh JTS ialah berjumlah RM546.50 juta.

a) Premium Tanah Belum Dijelaskan Oleh Kerajaan Persekutuan

Pemeriksaan Audit terhadap rekod pemberian Geran Hak Milik setakat tahun 2008 mendapati sebanyak 63 kes premium tanah oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan nilai sejumlah RM65.54 juta masih tertunggak. Semakan Audit seterusnya terhadap 28 pertapanan yang diluluskan mendapati sebanyak tujuh pertapanan belum diberi Geran Hak Milik Tanah melebihi tempoh tiga tahun selepas tarikh tawaran pertapanan melibatkan sejumlah RM4.45 juta. Pemberian Geran Hak Milik tanah belum diberikan kerana Jabatan Pelanggan gagal membayar premium tanah pada masa yang ditetapkan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Senarai Tunggakan Premium Tanah Belum Dijelaskan
Oleh Kerajaan Persekutuan Melebihi Tiga Tahun

Bil.	Jabatan Pelanggan	Projek	Bahagian	Amaun (RM)	Tarikh Tawaran
1.	Jabatan Bomba Dan Penyelamat	Balai Bomba Sejingkat	Kuching	354,817	12.07.1996
2.	Kastam Diraja Malaysia	Pejabat dan Kuarters Santubong	Kuching	17,800	26.10.2001
3.	Jabatan Penerangan Awam	Lapangan Terbang Mulu	Miri	1,335,862	05.08.2005
4.	Jabatan Penerangan Awam	Lapangan Terbang Mulu (Pembesaran)	Miri	1,773,524	05.08.2005
5.	Jabatan Bomba Dan Penyelamat	Balai Bomba Tebedu	Samarahan	623,322	14.12.2004
6.	Kastam Diraja Malaysia	Imigresen Dan Kastam Tebedu	Samarahan	211,161	13.08.1996
7.	Kastam Diraja Malaysia	Pejabat Kastam	Bintulu	132,252	27.10.2005
Jumlah				4,448,738	

Sumber: Bahagian Tanah JTS

Semakan Audit juga mendapati 88.4% daripada tunggakan premium tanah adalah bagi projek Lapangan Terbang Mulu iaitu merangkumi kos pembangunan yang didahulukan oleh Kerajaan Negeri atas pertimbangan bahawa projek ini adalah keperluan segera terhadap Lapangan Terbang di lokasi tersebut yang merupakan salah satu destinasi pelancongan utama di Negeri Sarawak. Adalah didapati JTS telah menyerapkan semua kos pembangunan bagi projek tersebut sebagai bayaran premium. Setakat akhir tahun 2008 Kerajaan Negeri belum lagi mendapat bayaran premium dan kos pembangunan daripada Kementerian Pengangkutan kerana perkara ini masih dalam rundingan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Senarai Tuggakan Premium Tanah Dan Kos Pembangunan

Bil.	Jabatan Pelanggan	Projek	Premium (RM Juta)	Kos Pembangunan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Jabatan Penerangan Awam	Lapangan Terbang Mulu	1.34	7.32	8.66
2.	Jabatan Penerangan Awam	Lapangan Terbang Mulu (Pembesaran)	1.77	47.52	49.29
Jumlah			3.11	54.84	57.95

Sumber: Bahagian Tanah JTS


Mengikut ulasan JTS, adalah menjadi amalan Jabatan untuk mengemukakan tuntutan kepada Jabatan Pelanggan bagi menyediakan peruntukan untuk memperolehi tapak projek pembangunan yang diluluskan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan tuntutan susulan termasuk surat peringatan terhadap tuggakan premium tanah. Selain itu, JTS perlu juga menyediakan anggaran bagi kerja survei dan menetapkan syarat kepada Jabatan Pelanggan untuk mendapatkan peruntukan awal bagi tujuan tersebut.

b) Premium Tanah Belum Dijelaskan Oleh Syarikat Dan Individu

Bagi tahun 2006 hingga 2008, jumlah hasil premium yang dikutip oleh JTS ialah sejumlah RM546.48 juta. Manakala kutipan bagi tuggakan premium ialah sejumlah RM24.93 juta dan surcaj ialah sejumlah RM17.25 juta. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2008 sejumlah RM22.29 juta merupakan tuggakan premium yang masih belum dibayar oleh Syarikat dan Individu. Butiran mengenai jumlah tuggakan premium tanah mengikut tahun adalah seperti di **Carta 8.1** dan **Jadual 8.8**.

Carta 8.1
Hasil Kutipan Dan Tuggakan Premium Tahun 2006-2008



Sumber: Bahagian Tanah JTS

Jadual 8.8

Tunggakan Premium Tanah Syarikat Dan Individu Sehingga Tahun 2008

Bil.	Bahagian	Baki Tunggakan		Bilangan Kes Tertunggak		Surcaj		Jumlah (RM Juta)
		Syarikat (RM Juta)	Individu (RM Juta)	Syarikat	Individu	Syarikat (RM Juta)	Individu (RM Juta)	
1.	Kuching	3.57	1.88	41	291	1.79	0.93	8.17
2.	Bintulu	3.71	0.16	5	30	1.92	0.13	5.92
3.	Samarahan	1.73	0.24	21	897	0.87	0.11	2.95
4.	Miri	0.75	1.29	4	185	0.26	0.64	2.94
5.	Sarikei	0.17	0.26	2	93	0.08	0.13	0.64
6.	Mukah	0.33	0.15	3	321	0.08	0.08	0.64
7.	Sibu	0.24	0.15	3	68	0.12	0.07	0.58
8.	Kapit	0.09	0.08	9	8	0.05	0.04	0.26
9.	Betong	0	0.07	0	105	0	0.03	0.10
10.	Sri Aman	0	0.06	0	23	0	0.03	0.09
Jumlah		10.59	4.34	88	2,021	5.17	2.19	22.29

Sumber: Bahagian Tanah JTS

Pemeriksaan Audit ke atas 168 sampel tunggakan premium oleh syarikat dan individu yang melebihi tiga tahun serta jumlah melebihi RM10,000 mendapati sejumlah RM5.30 juta melibatkan 99 kes iaitu 36 kes syarikat dan 63 kes individu. Adalah didapati semua pejabat JTS ada mengeluarkan surat peringatan setiap tahun kepada pemilik tanah namun gagal mendapat sebarang maklum balas daripada pemilik terlibat. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.9** dan **Jadual 8.10**.

Jadual 8.9

**Tunggakan Premium Syarikat Melebihi Tiga Tahun
Serta Amaun Tunggakan Melebihi RM10,000 Sehingga Tahun 2008**

Bil.	Nama Pemilik Berdaftar	Amaun Tunggakan Premium (RM)	Bilangan Kes	Tarikh Akhir Bayaran Dibuat	Tempoh (Tahun)
Bahagian Kuching					
1.	Trans Capital (Sarawak) Sdn. Bhd.	767,760	1	20.06.1997	11
2.	Sinar Dahlia Enterprises Sdn. Bhd.	168,442	1	14.01.1999	9
3.	Oriental Wealth (M) Sdn. Bhd.	446,459	26	Januari 1999	9
4.	Classic Gypsum Manufacturing Sdn. Bhd.	1,276,547	3	20.09.2002	6
Jumlah		2,659,208	31		
Bahagian Samarahan					
5.	HH Timber Products Sdn. Bhd.	766,523	1	12.01.1999	9
6.	Classic Ceiling Manufacturers (M) Sdn. Bhd.	143,002	1	17.01.1999	9
7.	Pan Furniture Industries Sdn. Bhd.	175,469	1	21.04.1999	9
8.	Sri Master Sea Products Sdn. Bhd.	189,432	1	11.06.2004	4
Jumlah		1,274,426	4		
Bahagian Mukah					
9.	Lamy Industries Sdn. Bhd.	167,736	1	06.08.2004	4
Jumlah		167,736	1		
Jumlah		4,101,370	36		

Sumber: Bahagian Tanah, JTS

Jadual 8.10
**Tunggakan Premium Individu Mengikut Bahagian Melebihi Tiga Tahun
 Serta Amaun Tunggakan Melebihi RM10,000 Sehingga Tahun 2008**

Bil.	Bahagian	Jumlah Tunggakan Premium (RM)	Bilangan Kes	Tempoh (Tahun)
1.	Bahagian Kuching	572,903	28	3 - 19
2.	Bahagian Samarahan	56,271	1	3
3.	Bahagian Bintulu	75,062	7	6
4.	Bahagian Sarikei	110,761	10	5 - 16
5.	Bahagian Betong	48,624	1	24
6.	Bahagian Sri Aman	11,056	1	9
7.	Bahagian Sibu	27,661	1	6
8.	Bahagian Miri	290,293	15	3 - 14
Jumlah		1,192,631	63	

Sumber: Bahagian Tanah, JTS

Mengikut ulasan JTS, Jabatan telah menetapkan tahun 2009 sebagai tahun Kutipan Hasil dengan menubuhkan unit khas iaitu Recovery Unit di Seksyen Hasil mulai 1 Februari 2009.

Pada pendapat Audit, JTS perlu mengambil tindakan lebih tegas untuk mengutip premium yang tertunggak daripada semua pemilik tanah untuk semua Bahagian di Sarawak.


8.5.9 Cukai Tanah Belum Dijelaskan

Kuasa untuk mengutip cukai tanah diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1)(b) KTS yang mana menyatakan: *Subject to the direction of the Minister under section 3(1A), the Director may alienate State land, other than Native Customary Land – in consideration of the payment of an annual rent.*

Seksyen 30 KTS menyatakan Pengarah JTS mempunyai kuasa menyemak semula kadar cukai tanah, menaik serta menurun kadar cukai tanah dan membuat kadar untuk pelbagai jenis kelas/gred tanah setelah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Cadangan semakan kadar cukai tanah akan diwartakan atau memberi notis tidak kurang dari enam bulan kepada tuan punya tanah sebelum 1hb Januari. Notis berkenaan hendaklah menjelaskan kadar cukai tanah yang dicadangkan.

Bagi tahun 2006 hingga 2008, jumlah hasil tanah yang dikutip oleh JTS ialah sejumlah RM97.20 juta. Manakala kutipan bagi tunggakan cukai tanah ialah sejumlah RM9.35 juta dan surc妖 ialah sejumlah RM4.79 juta. Semakan Audit ke atas rekod cukai tanah sehingga Disember 2008 mendapati sejumlah RM13.54 juta cukai tanah masih tertunggak oleh syarikat dan individu. Butiran terperinci adalah seperti di **Carta 8.2** dan **Jadual 8.11**.

Carta 8.2
Hasil Kutipan Dan Tunggakan Cukai Tanah Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Bahagian Tanah JTS

Jadual 8.11
Kedudukan Cukai Tanah Tertunggak Pada Akhir Disember 2008

Bil.	Bahagian	Baki Tunggakan (RM Juta)		Bilangan Kes Tertunggak		Surcaj (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)
		Syarikat	Individu	Syarikat	Individu	Syarikat	Individu	
1.	Kuching	0.92	1.89	7,458	20,924	0.45	0.94	4.20
2.	Bintulu	1.40	0.41	1,006	5,153	0.59	0.22	2.62
3.	Miri	0.45	0.91	4,124	11,330	0.17	0.46	1.99
4.	Samarahan	0.16	0.51	1,133	12,245	0.09	0.28	1.04
5.	Mukah	0.23	0.36	214	9,783	0.12	0.17	0.88
6.	Sibu	0.07	0.48	1,006	9,284	0.04	0.24	0.83
7.	Kapit	0.33	0.06	117	1,244	0.14	0.03	0.56
8.	Sarikei	0.09	0.26	373	6,025	0.05	0.13	0.53
9.	Limbang	0.04	0.17	252	5,566	0.02	0.09	0.32
10.	Sri Aman	0.04	0.16	63	4,816	0.02	0.08	0.30
11.	Betong	0.005	0.17	53	6,358	0.002	0.09	0.27
Jumlah		3.74	5.38	15,799	92,728	1.69	2.73	13.54

Sumber: Bahagian Tanah JTS

Analisis Audit ke atas 168 sampel tunggakan cukai tanah dari syarikat dan individu juga mendapati 23 kes iaitu 16 kes syarikat dan tujuh kes individu melibatkan sejumlah RM1.16 juta yang mana melebihi tempoh tiga tahun dan amaun melebihi RM10,000. Adalah didapati JTS ada mengeluarkan surat peringatan setiap tahun kepada pemilik tanah namun gagal mendapat sebarang maklum balas daripada pemilik terlibat. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8.12** dan **Jadual 8.13**.

Jadual 8.12
Tunggakan Cukai Tanah Dari Syarikat Melebihi Tiga Tahun
Serta Amaun Tunggakan Melebihi RM10,000 Sehingga Tahun 2008

Bil.	Nama Pemilik Berdaftar	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Bilangan Kes	Tarikh Akhir Bayaran Dibuat	Tempoh (Tahun)
Bahagian Kuching					
1.	Sinar Dahlia Enterprises Sdn. Bhd.	78,962	1	14.01.1999	9
2.	Classic Gypsum Manufacturing Sdn. Bhd.	27,774	2	20.09.2002	6
3.	Sim Thiam Huat Realty Sdn. Bhd.	10,500	1	29.01.2003	5
4.	Aktimas Sendirian Berhad	33,552	1	26.04.2004	4
5.	Lot 1069 Blok 12 Daerah Tanah Muara Tebas	106,920	1	20.06.1997	11
Jumlah		257,708	6		
Bahagian Samarahan					
6.	Hh Timber Products Sdn. Bhd.	31,374	1	12.01.1999	9
7.	Pan Furniture Industries Sdn Bhd	12,668	1	21.04.1999	9
Jumlah		44,042	2		
Bahagian Bintulu					
8.	Pengkalen Concrete (E.M) Sdn. Bhd	15,924	1	26.11.2004	4
Jumlah		15,924	1		
Bahagian Limbang					
9.	Ligasen Sdn. Bhd.	34,272	1	10.01.1968	40
Jumlah		34,272	1		
Bahagian Kapit					
10.	Hak Holdings Sdn. Bhd.	452,755	1	07.07.2000	8
Jumlah		452,755	1		
Bahagian Mukah					
11.	Unitex Forest Products Sdn. Bhd.	68,137	1	10.12.1980	28
12.	Kawood Sdn. Bhd.	26,364	1	13.03.2000	8
13.	The Perbadanan Perusahaan Kemajuan Kayu	30,738	1	02.08.2004	4
Jumlah		125,239	3		
Bahagian Sri Aman					
14.	Kion Seng Milling Company Sdn. Bhd.	37,632	2	10.04.1973	35
Jumlah		37,632	2		
Jumlah		967,572	16		

Sumber: Bahagian Tanah JTS

Jadual 8.13
Tunggakan Cukai Tanah Dari Individu Melebihi Tiga Tahun
Serta Amaun Tunggakan Melebihi RM10,000 Sehingga Tahun 2008

Bil.	Nama Pemilik Berdaftar	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Bilangan Kes	Tarikh Akhir Bayaran Dibuat	Tempoh (Tahun)
Bahagian Kuching					
1.	Taha Bin Ali	29,062	1	22.04.1989	19
2.	Wong Sey Cheng	27,688	1	21.01.1991	17
3.	Chhan Siow Hi & Chhan Siow Bun	65,745	1	01.01.1993	15
4.	Lim Soon Lin	20,070	1	01.01.1993	15
5.	Wan Ali Bin Tuanku Ibrahim	20,014	1	29.04.1997	11
Jumlah		162,579	5		
Bahagian Bintulu					
6.	Tan Pueh Gnin, Tay Say Luan, Yew Chu Seng, Yew Chu Fu, Yew Chu Hua, Yew Yan Lee, Yew Yan Leng, Yew Yan Meh, Yew Yan Lek, Teo Kheng Chu	10,620	1	10.12.2002	6
Jumlah		10,620	1		
Bahagian Mukah					
7.	Lam Yah Sing, Yee Yaw Wai, Chan Sze Tham, Lee Eng Tong, Lim Sing Choon, Lim Siong Khan, Lim Ying Nin, Lam Tin Yue, Chan See Kwong, Lam Yah Sing, Lim wee Kee	24,091	1	04.04.1936	72
Jumlah		24,091	1		
Jumlah		197,290	7		

Sumber: Bahagian Tanah JTS

Mengikut ulasan JTS, Jabatan adalah dalam usaha mengutip tunggakan cukai tanah dengan memberi opsyen kepada pembayar cukai untuk membayar jumlah penuh atau

sebahagian daripada amaun kena bayar dan bayaran boleh dilakukan melalui Pejabat Daerah atau secara talian terus di laman web.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan mengutip tunggakan hasil adalah tidak memuaskan. Adalah disyorkan tindakan yang lebih berkesan diambil untuk mengutip tunggakan cukai tanah tersebut.

8.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan pengambilan balik tanah telah dijalankan dengan memuaskan. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan seperti kelewatan dalam meluluskan tapak tanah dan tempoh memproses pengambilan balik tanah jika tidak diatasi boleh menjelaskan pelaksanaan projek pembangunan, kegagalan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan syarat hak milik dan juga tunggakan premium, kawasan penempatan semula yang kurang sesuai serta pewartaan tanah yang menimbulkan ketidakpuasan pemilik tanah. Pihak Audit mengesyorkan cadangan penambahbaikan seperti berikut:

- a) JTS hendaklah memastikan pertapanan diproses dan diluluskan dalam tempoh tiga bulan seperti yang telah ditetapkan dengan hanya memproses Borang Permohonan Pertapanan yang lengkap sahaja diterima untuk pemprosesan;
- b) JTS hendaklah menetapkan kriteria spesifik bagi kes pengambilan balik tanah untuk projek pembangunan yang diluluskan terus oleh MPN supaya projek yang memenuhi kriteria tersebut boleh dipertimbangkan segera;
- c) Memastikan Jabatan Pelanggan yang telah diluluskan projek pembangunan menyediakan peruntukan awal untuk memudahkan proses pengambilan balik tapak supaya projek Kerajaan yang dirancang tidak menghadapi risiko kelewatan;
- d) Memastikan satu tempoh ditetapkan bagi Notis Niat dengan menyemak semula undang-undang dan peraturan yang sedia ada;
- e) Jabatan Pelanggan perlu menjelaskan premium tanah dengan segera supaya Geran Hak Milik Tanah boleh diberikan;
- f) Akaun Amanah untuk projek Kerajaan Persekutuan perlu diwujudkan;
- g) JTS mengambil tindakan undang-undang terhadap Syarikat dan Individu yang mempunyai tunggakan premium serta cukai tanah;
- h) JTS memastikan pertapanan yang telah diluluskan dibangunkan dalam tempoh dua tahun mengikut syarat kelulusan pertapanan tanah. Bagi tanah yang tidak dibangunkan selepas tempoh tersebut, tapak berkenaan ditawarkan kepada Jabatan Pelanggan yang lain;
- i) JTS memastikan tanah yang telah dibangunkan tidak mengikut syarat pemberian Surat Hak Milik diambil tindakan yang lebih drastik; dan
- j) JTS menjalankan kajian awal untuk menentukan kesesuaian kawasan perumahan yang diberikan untuk tujuan penempatan penduduk dan perumahan. Untuk mengelakkan tanah tersebut terbiar, perbincangan dua hala dengan penduduk hendaklah diadakan.

YAYASAN SARAWAK

9. PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN BERKOMPUTER

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Yayasan Sarawak (Yayasan) adalah sebuah Badan Berkanun Negeri yang telah ditubuhkan pada 26 Mei 1971 di bawah Ordinan Yayasan Sarawak. Objektif penubuhan Yayasan adalah untuk meningkatkan peluang pelajaran kepada penduduk Negeri Sarawak di Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara dengan menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa pinjaman. Ini adalah selaras dengan polisi dan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf pendidikan dan menyumbang kepada pembangunan Negeri Sarawak. Pinjaman Pelajaran diuruskan oleh Tabung Yayasan Sarawak di bawah Seksyen 4, Ordinan Yayasan Sarawak, 1971. Mengikut Seksyen 3(a), *The Sarawak Foundation (Amendment) Ordinance, 1992*, Yayasan boleh memberi pinjaman untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar negara.

9.1.2 Antara skim pinjaman yang diurus oleh Yayasan adalah Pendidikan Tinggi dengan memberi tumpuan kepada Skim Pinjaman Pelajaran Dalam Negara, Skim Pinjaman Pelajaran Luar Negara, Skim Pinjaman Tabung Pusingan dan Skim Pinjaman Komputer. Bagi Latihan Kemahiran, Yayasan menyedia Skim Pinjaman Latihan Kemahiran.

9.1.3 Sebelum tahun 1989, pengurusan Pinjaman Pelajaran Yayasan diurus secara manual. Yayasan memerlukan sistem berkomputer sepenuhnya bagi membolehkannya memberi perkhidmatan yang cekap kepada peminjam. Pada tahun 1993, Yayasan telah melantik Price Waterhouse Associates sebagai perunding teknologi maklumat dan Comserv (Sarawak) Sdn. Bhd. untuk membangunkan *Financial Information System (FIS)* dengan kos keseluruhan sejumlah RM2.94 juta. Yayasan telah dianugerahkan tiga persijilan MS ISO 9002:2000 daripada AOQC *Moody International Certification (Malaysia)* bagi Skim Biasiswa Tempatan, Skim Pinjaman Pelajaran dan Skim Pungutan Sewaan Premis.

9.1.4 Bagi tahun 2006 hingga 2008, bilangan peminjam yang diluluskan ialah 4,736 orang dengan jumlah pinjaman RM61.22 juta dan sejumlah RM33.60 juta atau 54.9% telah dibiayai oleh Yayasan kepada peminjam. Bagi tempoh yang sama, jumlah pinjaman sebenar yang dibayar balik adalah RM13.44 juta atau 47.2% berbanding dengan RM28.46 juta yang dijangkakan. Sementara itu, jumlah tunggakan bayaran balik sehingga tahun 2008 ialah sejumlah RM31.07 juta.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer Yayasan telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

9.3 SKOP PENG AUDITAN

Skop pengauditan meliputi tahun 2006 hingga 2008. Bagi bayaran balik pinjaman, skop diperluaskan untuk tahun sebelum 2006. Skim Pinjaman Pelajaran yang dipilih adalah untuk Pendidikan Tinggi dan Pendidikan Teknikal. Ia juga meliputi semua peringkat pengajian iaitu Sijil, Diploma, Ijazah dan Sarjana sama ada di Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Institut Pengajian Tinggi Swasta di dalam atau di luar negara. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Yayasan, Wisma Satok, Kuching.

9.4 KAEDAH PENG AUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis integriti data dan maklumat berdasarkan rekod kewangan, laporan, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* dan *Structured Query Language (SQL)*. Ujian *walkthrough* terhadap proses kerja dan sistem kawalan dalaman turut dijalankan. Temu bual dengan penyelia, pegawai yang mengendalikan sistem dan pengguna juga turut dijalankan untuk mengetahui peringkat akses sistem yang dibenarkan dan memastikan prosedur sistem dipatuhi. Di samping itu, Borang Soal Selidik Kepuasan Peminjam juga diedarkan kepada 50 peminjam untuk mendapatkan pandangan mereka.

9.5 PENEMUAN AUDIT

9.5.1 Pembiayaan Pinjaman Tertangguh

Pembayaran pertama untuk pinjaman dibuat setelah semua dokumen seperti surat perjanjian, surat perakuan, surat kebenaran disempurnakan dan dikembalikan kepada Yayasan oleh peminjam dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, Yayasan telah meluluskan pinjaman berjumlah RM4.14 juta untuk 194 peminjam tetapi pembiayaan pinjaman ditangguhkan. Antara sebab-sebab pembiayaan pinjaman ditangguhkan untuk 10 daripada peminjam tersebut ialah surat perjanjian tidak dikembalikan, masalah menyediakan cagaran, penangguhan tawaran pinjaman, menolak tawaran dan pemohon telah menerima penajaan lain.

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada mekanisme kawalan yang berkesan seperti rekod pemantauan untuk memantau kes dalam pertimbangan secara sistematik. Memandangkan permohonan dibuka sepanjang tahun, adalah sukar untuk memantau kes tertangguh tanpa penyelenggaraan rekod yang sempurna. Mekanisme kawalan ini perlu diwujudkan bagi memudahkan Yayasan mengambil tindakan susulan atau membatalkan tawaran pinjaman sekiranya tidak menerima jawapan daripada pemohon selepas 30 hari dari tarikh surat tawaran bagi Skim Pinjaman Latihan Kemahiran dan selepas 45 hari untuk Skim Pinjaman Pelajaran. Ini menyebabkan kelewatan selama satu atau dua tahun untuk membatalkan tawaran pinjaman tersebut. Butiran mengenai pembiayaan pinjaman tertangguh adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Pembiayaan Pinjaman Tertangguh

Bilangan Peminjam	Pinjaman Diluluskan (RM)	Sebab Tiada Pembiayaan
1	75,000	Nilai cagaran tanah kurang daripada jumlah pinjaman dimohon. Menunggu persetujuan daripada pemilik syer tanah sebahagian lagi
1	80,000	Permohonan rayuan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan pada awal tahun 2006 dan pemohon telah dihubungi tetapi tiada maklum balas daripada pemohon untuk menerima tawaran. Amaun yang diluluskan sejumlah RM80,000 ditunjukkan sebagai sifar dalam sistem
4	179,600	Tawaran pinjaman telah dibuat pada awal tahun 2008 tetapi tiada maklum balas daripada pemohon untuk menerima tawaran
1	60,000	Peminjam menangguhkan untuk menerima tawaran pinjaman
1	24,000	Tawaran pinjaman telah dibuat pada awal tahun 2008 tetapi pemohon kurang jelas mengenai jumlah pinjaman yang ditawarkan
1	80,000	Pemohon memohon pinjaman sejumlah RM92,400 tetapi Yayasan hanya menawar RM80,000 pada tahun 2006. Pemohon tidak mengembalikan surat perjanjian pinjaman
1	20,000	Permohonan peminjam untuk menangguhkan tawaran pinjaman dari tahun 2006 ke tahun 2007 tidak diluluskan oleh Yayasan tetapi data dalam sistem belum dikemaskinikan
Jumlah	518,600	

Sumber: Laporan Jumlah Bilangan Peminjam Diluluskan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Pada pendapat Audit, tawaran permohonan yang tertangguh perlu dibatalkan dalam tempoh yang ditetapkan.

9.5.2 Akaun Peminjam Berbaki Negatif

Semakan Audit terhadap *Loan To Student-Balance Report* mendapati sebanyak 54 akaun peminjam berbaki negatif iaitu peminjam telah terlebih membayar balik pinjaman sejumlah RM47,977. Antara sebab akaun peminjam berbaki negatif ialah kesilapan mengambil kira amaun debit atau kredit dalam lejar peminjam dan data peminjam tidak diposkan atau diproses. Ini menyebabkan jumlah pinjaman yang sepatutnya dibayar balik tidak diambil kira dalam laporan tunggakan. Butiran lanjut terhadap 11 akaun peminjam yang berbaki negatif adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Akaun Peminjam Berbaki Negatif

Bilangan Peminjam	Amaun Bayaran Balik		Baki (RM)	Catatan
	Sepatuunya (RM)	Sebenar (RM)		
5	27,050	27,832	782	Peminjam terlebih bayar balik pinjaman
4	0	4,500	4,500	Bayaran balik sejumlah RM4,500 tidak dikemas kini dalam sistem menyebabkan bayaran balik sepatutnya ditunjukkan sebagai sifar
1	1,490	11,283	9,793	Mengikut lejar peminjam, jumlah pinjaman diluluskan sejumlah RM45,134 tetapi hanya RM1,490 dibiayai sehingga tahun 1977. Peminjam telah membayar balik sejumlah RM11,283
1	3,200	11,600	8,400	Yayasan telah membiayai sejumlah RM7,400. Peminjam menolak tawaran dan telah membayar balik sejumlah RM7,400. Jumlah dibiayai tersilap diambil kira sebagai RM3,200 dan jumlah bayaran balik tersilap diambil kira

Bilangan Peminjam	Amaun Bayaran Balik		Baki (RM)	Catatan
	Sepatutnya (RM)	Sebenar (RM)		
				sebagai RM0. Pelarasan juga tidak dilakukan dengan betul. Amaun dibiayai dan dibayar balik sejumlah RM4,200 dikredit dua kali dalam lejar peminjam
Jumlah	31,740	55,215	23,475	

Sumber: Higher Education Accounts Receivable System-Statement of Account Listing Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, kegagalan mengemaskinikan data dan maklumat peminjam boleh menjaskan integriti data dan maklumat pinjaman.

9.5.3 Hapus Kira Bayaran Balik

Lembaga Amanah Yayasan membenarkan Jawatankuasa Pendidikan untuk menghapus kira baki pinjaman untuk peminjam yang meninggal dunia atau menghidap penyakit kronik.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 21 permohonan sejumlah RM123,333 daripada waris peminjam telah diluluskan oleh Lembaga Amanah Yayasan. Status pinjaman telah ditukar menjadi sumbangan tetapi baki pinjaman untuk tujuh peminjam sejumlah RM34,318 masih belum dihapus kira daripada sistem. Baucar Jurnal tidak disediakan kerana tiada pegawai perakaunan dilantik secara bertulis oleh pihak pengurusan untuk membuat pelarasan di Seksyen Bayaran Balik.

Pada pendapat Audit, kegagalan melakukan pelarasan telah mengakibatkan baki hutang pinjaman pelajaran bagi peminjam berkenaan masih lagi ditunjuk sebagai tunggakan dalam sistem pendidikan dan terlebih dinyatakan.

9.5.4 Penjadualan Semula Bayaran Balik

Pengarah atau Ketua Seksyen Pendidikan Tinggi boleh meluluskan permohonan daripada peminjam untuk mengurangkan kadar ansuran bulanan atau menangguh tempoh bayaran balik pinjaman. Selepas kelulusan diberi, keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon berhubung dengan kadar ansuran bulanan, tempoh dan tarikh mula bayaran balik yang telah diluluskan.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2008, sebanyak sembilan permohonan untuk pengurangan kadar ansuran bulanan bayaran balik dan satu untuk penangguhan bayaran balik telah diluluskan. Penjadualan semula kadar ansuran bulanan bayaran balik peminjam berkenaan tidak dilakukan. Pegawai berkenaan tidak peka kepada prosedur kerja sistem untuk penjadualan semula yang boleh dilakukan dengan menggunakan modul *HEAR – Maintenance – Repayment Reschedule*. Oleh demikian, Penyata Akaun Peminjam masih mengambil kira kadar dan tempoh bayaran balik yang asal. Ini menyebabkan jumlah bayaran ansuran yang belum dibayar balik oleh peminjam yang ditunjukkan dalam penyata tersebut tidak tepat. Semakan Audit seterusnya mendapati tarikh tamat bayaran balik pinjaman yang baru tidak dinyatakan dalam surat kelulusan. Yayasan menggunakan Lejar Peminjam (*Student Payment/Repayment History*) untuk memantau jumlah yang sebenar

dibaiayai dan dibayar balik sehingga pinjaman tamat. Pengurangan dan penangguhan bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Pengurangan Dan Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman

Bilangan Peminjam	Kadar Ansuran Bulanan Bayaran Balik	
	Sistem FIS	Pengurangan/Penangguhan Yang Diluluskan
1	RM175 untuk 48 bulan	RM50 selama 12 bulan yang pertama
1	RM125 untuk 10 bulan pertama dan RM1,750 untuk bulan ke 11	RM50 selama 12 bulan mulai Julai 2008
1	RM165 untuk 43 bulan pertama dan RM180 untuk bulan ke 44	RM50 selama 12 bulan mulai Mac 2008
2	RM100 untuk 56 bulan	RM50 selama 12 bulan mulai Julai 2008
2	RM110 untuk 60 bulan	RM50 selama 12 bulan mulai Jun 2008
1	Diploma Lanjutan-RM150 untuk 65 bulan pertama dan RM50 untuk bulan ke 66 Diploma - RM150 untuk 16 bulan pertama dan RM50 untuk bulan ke 17	RM100 selama 12 bulan mulai Mei 2008
1	RM150 untuk 56 bulan	RM50 selama 6 bulan mulai April 2008
1	RM130 untuk 49 bulan pertama dan RM80 untuk bulan ke 50	Penangguhan dari Julai 2008 hingga Oktober 2010

Sumber: Senarai Jadual Bayaran Dan Lejar Peminjam Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, penjadualan semula bayaran balik pinjaman hendaklah dilakukan mengikut prosedur kerja sistem yang telah ditetapkan.

9.5.5 Pemberian Insentif Bayaran Balik Pinjaman Tidak Dilaksanakan

Pada akhir tahun 2008, Lembaga Amanah Yayasan telah meluluskan pemberian insentif pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran berkuat kuasa pada awal tahun 2008 mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan. Insentif pengurangan bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Insentif Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman

Jenis Insentif	Kelayakan	Kadar Pengurangan (%)
Pencapaian Akademik	Peringkat Ijazah Pertama/Diploma Kelas Pertama (Kepujian) dan setaraf dengan CGPA 3.50 ke atas	75
	Kelas Kedua Tinggi (Kepujian) dan setaraf dengan CGPA 3.00 hingga 3.49	50
Bayaran Balik Secara Konsisten	Peminjam membuat bayaran balik secara konsisten sehingga 70% daripada jumlah pinjaman	50
Bayaran Balik Secara Keseluruhan Atau Penuh	Peminjam membuat bayaran balik secara keseluruhan atau penuh diberi rebat	25
Pinjaman Program Pembangunan Kemahiran	Lulus dan mendapat Sijil	50
Biasiswa Pinjaman Foundation Engineering (FEBP)	Lulus Foundation Engineering di Swinburne University Of Technology dan Curtin University Of Technology di Sarawak	50

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak

Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2008, pemberian insentif pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran tidak dilaksanakan. Ini disebabkan tiada kaedah pelaksanaan disediakan oleh pihak pengurusan. Sehubungan itu, Yayasan menghadapi

masalah untuk melaksanakannya kerana sebanyak 1,425 atau 95% daripada 1,500 peminjam sebelum tahun 2008 terutamanya untuk Skim Pinjaman Pendidikan Dalam Negara dan Program Pembangunan Kemahiran yang tidak mengemukakan sijil tamat pengajian.

Pada pendapat Audit, garis panduan yang jelas perlu disediakan untuk melaksanakan pemberian pengurangan bayaran balik pinjaman secara konsisten.

9.5.6 Kadar Dan Tempoh Bayaran Balik

Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Amanah Yayasan. Jadual Bayaran Balik mengikut peringkat pengajian dan jumlah pinjaman disediakan sebagai panduan untuk menentukan kadar bayaran ansuran bulanan dan tempoh bayaran balik oleh peminjam. Kadar bayaran ansuran bulanan yang dikenakan adalah antara RM100 hingga RM350 sebulan untuk 12 hingga 36 bulan pertama. Tempoh bayaran ansuran bagi Skim Pinjaman Pelajaran dan Pinjaman Pelajaran Kemahiran adalah antara lapan bulan hingga 10 tahun.

Semakan Audit mendapati Jadual Bayaran Balik yang diguna pakai tidak komprehensif dan tidak ada sebarang kebenaran secara bertulis diberi untuk meluluskan jadual tersebut. Lembaga Yayasan tidak menetapkan asas untuk mengenakan kadar dan tempoh bayaran ansuran bulanan supaya lebih selaras dan konsisten untuk skim pinjaman dan peringkat pengajian yang sama. Ini mengakibatkan tempoh pembayaran balik pinjaman tanpa faedah ini menjadi lebih lama. Bagi tahun 2006 hingga 2008, seramai 42 peminjam telah diberi tempoh bayaran ansuran bulanan antara 10 tahun hingga 17 tahun dengan kadar ansuran bulanan pertama antara RM50 hingga RM550.

Semakan Audit seterusnya mendapat Jadual Bayaran Balik untuk lapan daripada peminjam tersebut tidak dijana melalui sistem tetapi dimasukkan secara manual dan empat daripadanya tidak dipos ke dalam sistem. Kadar bayaran balik mengikut perjanjian pinjaman atau Notis Bayaran Balik adalah lebih rendah manakala tempoh pembayaran balik pinjaman tanpa faedah adalah lebih lama berbanding dengan kiraan sistem. Ini dilakukan berdasarkan tanggungjawab sosial Yayasan terhadap peminjam yang masih tidak bekerja dan tidak mampu untuk membayar balik pinjaman. Tindakan ini telah menyebabkan Penyata Akaun Peminjam tidak dapat dicetak daripada sistem. Butiran mengenai perbezaan kadar bayaran ansuran bulanan antara perjanjian pinjaman dan sistem adalah seperti di **Jadual 9.5.**

Jadual 9.5
Perbezaan Kadar Bayaran Ansuran Bulanan
Antara Perjanjian Pinjaman Dan Sistem Pinjaman

Bilangan Peminjam	Pinjaman Diluluskan (RM)	Bayaran Balik Ansuran Mengikut Perjanjian Pinjaman Bagi Setiap Peminjam	Bayaran Balik Ansuran Kiraan Sistem
1	48,000	RM250 untuk 24 bulan pertama, RM350 untuk 36 bulan kedua dan RM490 untuk 60 bulan ketiga	RM436 untuk 109 bulan pertama, RM476 untuk satu bulan terakhir
1	90,000	RM450 untuk 36 bulan pertama, RM550 untuk 48 bulan, dan RM600 untuk 79 bulan	RM552 untuk 162 bulan pertama, dan RM576 untuk bulan terakhir
4	192,000	RM300 untuk 36 bulan pertama,	RM400 untuk 120 bulan

Bilangan Peminjam	Pinjaman Diluluskan (RM)	Bayaran Balik Ansuran Mengikut Perjanjian Pinjaman Bagi Setiap Peminjam	Bayaran Balik Ansuran Kiraan Sistem
		RM400 untuk 48 bulan, dan RM500 untuk 36 bulan	
2	120,000	RM400 untuk 36 bulan pertama, RM500 untuk 48 bulan, dan RM600 untuk 36 bulan	RM500 untuk 120 bulan
Jumlah	450,000		


Sumber: FIS Dan Surat Perjanjian Pinjaman Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah menetapkan asas bagi kadar dan tempoh bayaran ansuran mengikut skim pinjaman dan peringkat pengajian.

9.5.7 Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Meningkat

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap pungutan apa-apa wang yang terhutang kepada Kerajaan Negeri di bawah tanggungjawab beliau. Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman Yayasan kian meningkat dari tahun 2006 sehingga 2008. Berdasarkan Laporan Tahunan Yayasan, jumlah tunggakan bayaran balik meningkat daripada RM20.50 juta pada tahun 2006 menjadi RM26.29 juta pada tahun 2007 dan menjadi RM31.07 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, jumlah sebenar tunggakan bayaran balik tidak dapat dipastikan kerana masih ada 4,325 data peminjam dari tahun 1973 hingga 2007 yang tidak diproses ke dalam sistem walaupun bayaran balik sudah matang. Peningkatan tunggakan bayaran balik pinjaman dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti **Carta 9.1**.

Carta 9.1
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman



Sumber: Laporan Tahunan Yayasan Sarawak

Peningkatan tunggakan bayaran balik adalah disebabkan mekanisme pemantauan dan tindakan yang kurang berkesan. Bagi menampung kekurangan dana, Yayasan menggunakan sumber kewangan seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Sumber Kewangan Yayasan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Sumber Hasil	Jumlah Hasil		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Premium balak	8.51	11.51	7.92
Faedah daripada simpanan tetap di bank dan institusi kewangan	4.67	5.96	8.43
Dividen hasil daripada pelaburan ekuiti	13.00	10.21	12.91
Keuntungan daripada penjualan pelaburan	(3.08)	43.83	(2.76)
Hasil sewaan bangunan dan harta tanah milik Yayasan	3.14	5.99	4.39
Pendapatan Operasi Lain:			
• Bayaran Pendahuluan Projek Usahasama Perladangan			
• Derma	3.03	3.96	10.23
• Geran Pakaian Seragam			
• Bantuan Kewangan Perkhidmatan Kerajaan Negeri			
Jumlah	29.27	81.46	41.12

Sumber: Rekod Kewangan Yayasan Sarawak Tahun 2006 Hingga 2008

Bagaimanapun, analisis Audit mendapati pada keseluruhan sumber hasil berkenaan telah menurun daripada RM81.46 juta pada tahun 2007 menjadi RM41.12 juta pada tahun 2008. Hasil yang menurun pada tahun 2008 ialah premium balak, keuntungan daripada penjualan pelaburan dan hasil sewaan bangunan serta harta tanah milik Yayasan.

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengutip balik tunggakan pinjaman.

9.5.8 Faedah Dan Caj Tambahan Tidak Dikenakan

Mengikut klausa enam perjanjian pinjaman luar negara dan klausa tujuh perjanjian pinjaman dalam negara yang ditandatangani antara peminjam dengan Yayasan, peminjam yang gagal membayar ansuran bulanan pinjaman dan kesemua jumlah bayaran di bawah syarat dan terma perjanjian pada tempoh yang telah dipersetujui maka Yayasan berhak untuk mengenakan faedah sebanyak 10% setahun terhadap tunggakan pinjaman. Kaedah pengiraan faedah 10% yang diputuskan pada awal Ogos 1995 ialah seperti berikut:

$$\text{Faedah} = \text{Bayaran Ansuran Sebulan} \times \text{Bilangan Bayaran Ansuran Yang Telah Matang} \\ \times [10/(100 \times 12)]$$

Lembaga juga berhak untuk mengenakan caj tambahan mengikut kadar dan cara yang sesuai dan teratur.

Semakan Audit mendapati Yayasan tidak pernah mengenakan caj faedah tersebut terhadap peminjam yang gagal membayar balik ansuran pinjaman. Mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Pengkomputeran pada akhir Ogos 1995, pihak vendor akan mengambil kira kaedah caj faedah terhadap bayaran ansuran yang telah matang dan akan membenarkan fleksibiliti dalam sistem untuk menghapus kira pengiraan faedah dan menukar kadar faedah jika perlu. Bagaimanapun, polisi untuk hapus kira faedah hendaklah diputuskan oleh Lembaga Amanah Yayasan. Sehingga tahun 2008 perkara ini masih belum diambil tindakan. Pendekatan Yayasan untuk tidak mengenakan caj tersebut adalah atas dasar tanggungjawab sosial tetapi pendekatan ini tidak pernah didokumentasikan. Oleh demikian, tiada program automatik disediakan dalam sistem FIS bagi mengenakan caj tersebut. Ketiadaan faedah menyebabkan peminjam mengambil sikap sambil lewa untuk membayar balik pinjaman. Semakan Audit seterusnya mendapati kadar faedah 10% adalah

tinggi berbanding dengan kadar 8% yang dibenarkan di bawah *Money Lenders Act 1951(Revised-1989)*.

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah mengkaji semula kadar faedah yang dikenakan dan juga melaksanakan caj tambahan.

9.5.9 Prestasi Bayaran Balik Pinjaman


Jumlah bayaran balik pinjaman yang sepatutnya dipungut balik bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah sejumlah RM28.46 juta. Bagaimanapun, hanya RM13.44 juta atau 47.2% telah dibayar balik oleh 10,255 peminjam. Prestasi bayaran balik sebenar telah menurun daripada 51.3% pada tahun 2006 menjadi 41.7% pada tahun 2008. Prestasi pungutan pinjaman bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 9.7** dan **Carta 9.2**.

Jadual 9.7
Prestasi Pungutan Pinjaman Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Pungutan Sebenar		Sepatutnya Dipungut		Pungutan Sebenar (%)
	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Pembayar	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Pembayar	
2006	4.62	3,776	9.00	5,553	51.3
2007	4.67	3,632	9.51	5,605	49.1
2008	4.15	2,847	9.95	5,634	41.7
Jumlah	13.44	10,255	28.46	16,792	47.2

Sumber: Rekod Pungutan Yayasan Sarawak

Carta 9.2
Bayaran Balik Pinjaman Sebenar Berbanding Jumlah Sepatutnya Dipungut



Sumber: Repayment Variance Report Dan SC Trans Report HE & NHE (Audit) Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan terhadap tunggakan bayaran balik hendaklah dipertingkatkan. Pihak pengurusan hendaklah memastikan terma rujukan untuk setiap keputusan yang diambil ada dijelaskan dan selaras dengan sistem yang ada.

9.5.10 Keputusan Akademik/Sijil Tamat Pengajian Tidak Dikemukakan

Mengikut syarat perjanjian pinjaman, peminjam hendaklah mengemukakan keputusan akademik setiap semester, tahun akademik atau bila sahaja diperolehi kepada Lembaga Amanah Yayasan dan jika perlu peminjam berkenaan membenarkan institusi pendidikan mengemukakan keputusan akademik kepada Lembaga.

Analisis Audit terhadap data Yayasan mendapati pada akhir tahun 2008, seramai 24,463 peminjam tidak mengemukakan keputusan akademik terakhir untuk tujuan pembiayaan pinjaman dan pengurangan bayaran balik pinjaman. Kedudukan penyerahan keputusan akademik peminjam tidak lagi dikemaskinikan ke dalam sistem untuk tujuan pembiayaan pinjaman dan pengurangan bayaran balik pinjaman. Semakan Audit seterusnya mendapati Yayasan telah memberi pengurangan bayaran balik pinjaman untuk empat peminjam sejumlah RM8,569 walaupun kedudukan pencapaian akademik peminjam berkenaan tidak dipastikan. Ini adalah disebabkan Yayasan tidak menguatkuasakan syarat perjanjian untuk mendapatkan keputusan akademik atau Sijil Tamat Pengajian daripada peminjam atau institusi pendidikan. Oleh demikian, Yayasan sukar untuk memantau peminjam yang layak mendapat pengurangan bayaran balik, meneruskan pemberian pinjaman, membayar balik secara ansuran atau sekali gus. Peminjam yang diberi pengurangan 25% bayaran balik pinjaman walaupun Sijil Tamat Pengajian tidak dikemukakan adalah seperti di **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Diberi Tanpa Merujuk
Kepada Keputusan Akademik/Sijil Tamat Pengajian

Bilangan Peminjam	Jumlah		
	Pinjaman (RM)	Bayaran Balik (RM)	Pengurangan (RM)
1	10,800	8,100	2,700
1	9,300	6,975	2,325
1	7,076	5,307	1,769
1	7,100	5,325	1,775
Jumlah	34,276	25,707	8,569

Sumber: Fail Peminjam Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah memastikan keputusan akademik atau Sijil Tamat Pengajian dikemukakan dan disahkan oleh pegawai bertanggungjawab sebelum meneruskan pembiayaan atau memberi pengurangan pinjaman.

9.5.11 Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Untuk Peminjam Yang Gagal

Mengikut perjanjian pinjaman untuk Skim Pinjaman Latihan Kemahiran dan Skim Pinjaman Pelajaran, jumlah pinjaman hendaklah dibayar balik sepenuhnya secara sekali gus sekiranya peminjam berkenaan gagal, tidak menamatkan pengajian atau diberhentikan.

Semakan Audit terhadap rekod status peminjam tajaan Yayasan mendapati seramai 13 daripada 14 peminjam telah diberhentikan. Peminjam berkenaan hanya membayar balik sejumlah RM50,550 daripada pinjaman sejumlah RM67,400 di mana pengurangan sejumlah RM16,850 atau 25% telah diberi walaupun peminjam tidak layak. Juga didapati, seorang daripada 14 peminjam tersebut telah gagal menamatkan pengajian di peringkat Diploma. Beliau sepatutnya membayar balik pinjaman Skim Pinjaman Pelajaran sekali gus tetapi membayar balik secara ansuran sejumlah RM150 sebulan selama 12 bulan. Perkara ini

berlaku kerana tiada pemantauan yang berkesan dilakukan terhadap peminjam yang menamatkan pengajian. Tindakan ini menyebabkan kerugian sejumlah RM16,850 kepada Yayasan. Pengurangan bayaran balik adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Pengurangan Bayaran Balik Untuk Peminjam Yang Gagal

Bilangan Peminjam	Pinjaman Sepatutnya Dibayar Balik (RM)	Bayaran Balik Ditetap Oleh Yayasan (RM)	Bayaran Balik Kurang (RM)	Catatan
3	15,000	11,250	3,750	Diberhentikan kerana masalah disiplin
10	50,000	37,500	12,500	Berhenti
1	2,400	1,800	600	Gagal
Jumlah	67,400	50,550	16,850	

Sumber: Notis Bayaran Balik Pinjaman Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah memastikan pengurangan bayaran balik hanya diberi setelah peminjam mengemukakan Sijil Tamat Pengajian.

9.5.12 Bayaran Balik Pinjaman Tidak Dilakukan

Mengikut syarat perjanjian pinjaman yang telah ditandatangani antara peminjam dengan Yayasan, peminjam hendaklah memulakan pembayaran balik Skim Pinjaman Pelajaran Dalam Negara bermula 12 bulan setelah tamat pengajian tidak kira sudah atau belum mendapat pekerjaan. Bagi Skim Pinjaman Penuh Luar Negara dan Skim Pinjaman Latihan Kemahiran, peminjam akan mula membayar balik tidak lewat dari enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Semakan Audit terhadap 600 peminjam sebelum tahun 2008 mendapati seramai 81 peminjam telah menamatkan pengajian tetapi tidak memulakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM1.02 juta. Daripada 81 peminjam tersebut, seramai 30 adalah untuk Skim Pendidikan Tinggi dengan jumlah bayaran balik RM0.67 juta manakala seramai 51 adalah peminjam Program Pembangunan Kemahiran sejumlah RM0.35 juta. Notis Bayaran Balik Pinjaman tidak dikeluarkan oleh Yayasan kerana keputusan peperiksaan tidak dikemaskinikan dalam sistem dan data peminjam tidak diproses dalam *Financial Information System-Higher Education Account Receivable (Generate Repayment Schedule)*. Kaedah pemantauan yang lemah juga menyebabkan pinjaman yang sepatutnya dibayar balik tidak dikutip dalam tahun kewangan yang berkenaan. Notis Bayaran Balik Pinjaman tidak dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10
Notis Bayaran Balik Pinjaman Tidak Dikeluarkan

Bil.	Skim Pengajian	Bilangan Peminjam	Jumlah Bayaran Balik (RM Juta)	Tahun Tamat Pengajian	Tahun Dijadual Mula Bayaran Balik
1.	Pendidikan Tinggi	30	0.67	1995 Hingga 2006	1999 Hingga 2008
2.	Program Pembangunan Kemahiran	51	0.35	2007 Hingga 2008	2007 Hingga 2008
	Jumlah	81	1.02		

Sumber: Fail Peminjam Yayasan Sarawak

Pada pendapat Audit, keputusan pengajian peminjam dan data peminjam hendaklah dimasukkan ke sistem bagi membolehkan Seksyen Bayaran Balik menjanakan Jadual Bayaran Balik Pinjaman dan mengeluarkan Notis Bayaran Balik.

9.5.13 Tindakan Undang-Undang Kurang Dilaksanakan

Mengikut perjanjian pinjaman, peminjam atau penjamin hendaklah menanggung yuran peguam untuk mendapat bayaran balik pinjaman melalui proses undang-undang.

Semakan Audit mendapati pada Ogos 2008 seramai 8,286 peminjam yang melibatkan pinjaman sejumlah RM28.51 juta gagal menjelaskan pinjaman melebihi tempoh 120 hari. Tindakan undang-undang tidak diambil terhadap peminjam yang tidak mematuhi syarat perjanjian pinjaman kerana tiada mekanisme pemantauan yang berkesan. Ini mengakibatkan hutang pinjaman semakin bertambah.

Semakan Audit juga mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, seramai 15 peminjam yang mempunyai cagaran telah dikemukakan untuk tindakan panel peguam. Seramai dua peminjam telah membayar balik pinjaman sekali gus sejumlah RM59,800, seramai lima peminjam membayar balik secara ansuran berjumlah RM34,450 dan lapan peminjam masih gagal membayar balik setelah *Notice of Demand* atau saman dikeluarkan. Kesemua kes tersebut telah dikendalikan oleh Marikan & Associates dan Jayadi & Company dengan kos guaman sejumlah RM4,366 yang ditanggung oleh Yayasan.

Pada pendapat Audit, tindakan untuk mendapat bayaran balik pinjaman melalui proses undang-undang hendaklah dipertingkatkan bagi mengurangkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman.

9.5.14 Kawalan Am

Penggunaan komputer hendaklah dikawal bagi mengelak penyalahgunaan, kesilapan membuat keputusan yang disebabkan oleh data tidak tepat dan mengelak kos perolehan perkakasan serta perisian yang tinggi.

a) Kawalan Akses Logikal

Capaian kepada sistem hendaklah dihadkan kepada pegawai yang diberi kuasa sahaja. Seksyen Pendidikan Tinggi mempunyai tiga orang Pembantu Tadbir Gred N17 untuk Skim Pinjaman Pelajaran yang bertanggungjawab untuk menyedia dokumen input. Temu bual dengan pegawai berkenaan mendapati mereka tidak mempunyai sebarang had akses ke perisian sistem dan fail data Pendidikan Tinggi hanya dikawal dari segi kata laluan sahaja. Perkara ini telah disahkan oleh pegawai berkenaan. Sehubungan ini, tanpa had akses ke Sistem Pendidikan Tinggi boleh mendedahkan pengguna kepada data dimanipulasikan.

b) Pembahagian Tugas

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyusun semula seksyen atau unit dan mengubah sistem kerja, pembahagian tugas serta cara kawalan supaya fungsi Jabatan selaras dengan objektif penubuhannya.

Semakan Audit terhadap permohonan peminjam bagi Skim Pinjaman Pelajaran Dalam Negara mendapati tiada pembahagian tugas antara pegawai di Seksyen Pendidikan Tinggi seperti berikut:

- i) Penyemakan borang permohonan, pendaftaran permohonan ke dalam sistem, penentuan pemohon yang layak untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Pemilihan, penukaran status permohonan peminjam daripada permohonan kepada diluluskan, pengeluaran surat tawaran, pengurusan surat perjanjian pinjaman sehingga penyediaan cek untuk bayaran pinjaman telah dilakukan oleh pegawai yang sama di Seksyen Pendidikan Tinggi;
- ii) Pengeluaran surat tawaran yang mengandungi perjanjian antara peminjam dengan Yayasan dilakukan oleh pegawai yang sama di Seksyen Pendidikan Tinggi dan tidak diserahkan kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia yang menjalankan tugas pentadbiran. Pegawai yang sama juga menyemak surat tawaran berserta surat perjanjian yang dikembalikan oleh peminjam kepada Yayasan;
- iii) Pegawai yang menyemak juga terlibat dalam proses memeterai surat perjanjian dan menandatangani surat perjanjian sebagai saksi. Bagaimanapun, tanggungjawab ini tidak dibuat oleh Seksyen Undang-undang Dan Bayaran Balik; dan
- iv) Setelah penyelia meluluskan permohonan, pengeluaran cek untuk pembayaran pertama kepada peminjam tidak diserahkan kepada Seksyen Kewangan tetapi dilakukan oleh pegawai yang sama.

Pembahagian tugas tidak diwujudkan kerana tiada koordinasi proses kerja antara seksyen yang berkaitan oleh pihak pengurusan. Ketiadaan pembahagian tugas yang jelas mendedahkan risiko kepada penyelewengan.

c) Struktur Pengurusan Unit Teknologi Maklumat

Akauntabiliti Ketua Jabatan adalah terhadap integriti pengurusan wang awam yang diamanahkan, menempatkan penjawat awam mengikut kelayakan, kepakaran dan tanggungjawab jawatannya serta impak daripada aktiviti yang dijalankan.

Semakan Audit mendapati Yayasan telah meletakkan Unit Teknologi Maklumat di bawah tanggungjawab seorang Akauntan Gred W41. Unit ini dianggotai oleh seorang Pengaturcara Gred F29 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N17. Bagaimanapun, prosedur pengendalian komputer secara bertulis dan bimbingan serta latihan yang diperlukan tidak diberikan kepada pegawai berkenaan.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah mengkaji semula kepentingan dan peranan Unit Teknologi Maklumat supaya dapat memainkan peranan dan menempatkan pegawai yang sesuai untuk menganggotai unit ini.

d) Kawalan Pemulihan Dan *Back-up*

Pelan pemulihan bencana dan pelan kesinambungan hendaklah dikemas kini dan diuji secara berkala untuk memastikan sistem dapat kembali beroperasi seperti sedia kala.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2008, pelan tersebut tidak dilaksanakan dan diuji. Pihak Unit Teknologi Maklumat ada melakukan *Sequence Query Language (SQL) back-up* setiap hari. Pita *SQL Database* dihantar setiap minggu ke bangunan Pusat Pendidikan Komuniti di Jalan Masjid, Kuching. Bagaimanapun, *Window NP back-up* tidak dilakukan pada hari terakhir bekerja setiap minggu dengan menghentikan semua perkhidmatan semasa *back-up* dilakukan bagi memastikan setiap pangkalan data dan program di *back-up* sepenuhnya. Kegagalan melakukan kerja pemulihan dengan teratur boleh mengakibatkan data hilang atau tidak lengkap.

e) Pemilik *Source Codes*

Mengikut klausa 14(b) perjanjian kontrak iaitu Hak Milik Perisian *Customised*, semua komponen aplikasi yang di *customised* untuk Yayasan hendaklah kekal menjadi hak milik Yayasan. Mengikut klausa 4(d)(ii) perjanjian kontrak yang sama, semua dokumen sistem, program, manual pengguna dan operasi termasuk *source codes* untuk perisian aplikasi *customised* akan diserah dalam dua salinan oleh vendor kepada Yayasan setelah ujian keseluruhan berjaya.

Semakan Audit mendapati *source codes* tidak diserah kepada pihak Yayasan kerana kurang pemantauan terhadap pematuhan syarat kontrak. Oleh yang demikian penambahbaikan terhadap sistem tidak dapat dilakukan kecuali oleh vendor berkenaan. Kos *customization* Modul Pendidikan Rendah dan Pendidikan Tinggi termasuk dalam jumlah kos perolehan aplikasi perisian yang bernilai RM100,000.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah dari semasa ke semasa menyemak dan mengkaji semula cara kawalan, pembahagian tugas, penyusunan struktur pengurusan dan sistem kerja bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Pihak Yayasan perlu memastikan klausa kontrak dilaksanakan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

9.5.15 Kawalan Aplikasi

a) Kawalan Input Data

Data input untuk prosesan hendaklah dibenarkan dengan teratur, lengkap dan tepat. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

- i) Jumlah pinjaman yang diluluskan untuk empat pemohon telah silap diambil kira. Kesilapan ini telah menyebabkan jumlah yang dibiayai melebihi jumlah pinjaman yang diluluskan sejumlah RM10,600. Kesannya, jumlah pinjaman yang diluluskan tidak dilaporkan dengan tepat. Kemasukan data pemohon yang silap dilakukan adalah seperti di **Jadual 9.11**.

Jadual 9.11
Kesilapan Kemasukan Data Peminjam

Skim Pinjaman Diluluskan	Bilangan Peminjam	Amaun Diluluskan (RM)	Amaun Dibiayai (RM)	Catatan
Pinjaman Pelajaran RM8,250 dan Pinjaman Tambahan RM1,261	1	9,511	11,511	Pinjaman komputer yang diluluskan pada tahun 2006 sejumlah RM2,000 tidak diambil kira dalam sistem
Program Pembangunan Kemahiran RM8,000	1	8,000	12,000	Jumlah pinjaman diambil kira hanya RM8,000 tetapi mengikut lejar peminjam, jumlah pinjaman yang telah dibiayai sejumlah RM12,000
Pinjaman Pelajaran RM5,600 Tabung Pusingan RM1,000	1	1,000	5,600	Pinjaman Pelajaran sejumlah RM5,600 telah diluluskan pada awal Oktober 2007 tetapi status di skrin kemasukan data tidak dikemas kini masih ditunjuk Ditolak
Pinjaman Tambahan RM10,750 Biasiswa Pinjaman RM9,000 Pinjaman Thesis RM500	1	20,250	20,250	Pinjaman Tambahan sejumlah RM10,750 tersilap diambil kira sebagai RM9,000 dan Biasiswa Pinjaman sejumlah RM9,000 diambil kira sebagai RM19,750
Jumlah	4	38,761	49,361	

Sumber: Laporan Jumlah Bilangan Peminjam Diluluskan Tahun 2006 Hingga 2008 Yayasan Sarawak

- ii) Permohonan untuk lapan peminjam telah diluluskan pada tahun 2006 dan 2008 tetapi jumlah pinjaman yang diluluskan tidak didaftar ke dalam sistem. Daripada lapan peminjam, seramai enam peminjam Skim Tabung Pusingan dibiayai sejumlah RM6,500 dan dua peminjam Skim Pinjaman Penuh Luar Negara tidak mendapat pembiayaan. Oleh demikian, adalah sukar untuk menentukan jumlah pinjaman yang diluluskan untuk peminjam berkenaan. Butiran mengenai pemohon yang tidak dinyatakan jumlah pinjaman yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 9.12**.

Jadual 9.12
Kesilapan Kemasukan Data Peminjam

Tahun	Bilangan Peminjam	Skim Pinjaman	Amaun Diluluskan (RM)	Amaun Dibiayai (RM)
2006	1	<i>Full loan overseas</i>	0	0
2008	6	Tabung pusingan	0	6,500
	1	<i>Full loan overseas</i>	0	0
	Jumlah		0	6,500

Sumber: Senarai Permohonan Peminjam Tahun 2006 Dan 2008

- iii) Seramai sembilan daripada 50 peminjam yang disemak mendapati jumlah pinjaman yang diluluskan adalah berbeza antara sistem lejar dan surat tawaran. Jumlah pinjaman yang diluluskan mengikut lejar (*Student Payment/Repayment History*) yang dikeluarkan oleh sistem sejumlah RM1.29 juta berbanding jumlah pinjaman sebenarnya ditawarkan iaitu sejumlah RM667,000. Perbezaan ini adalah disebabkan kesilapan mengambil kira amaun yang dimohon sebagai amaun yang diluluskan dalam lejar peminjam. Amaun yang sebenar diluluskan oleh Jawatankuasa Pendidikan adalah seperti di surat tawaran. Kesannya data adalah tidak tepat. Kesilapan kemasukan jumlah pinjaman yang dimohon adalah seperti di **Jadual 9.13**.

Jadual 9.13
Kesilapan Kemasukan Jumlah Pinjaman Yang Dimohon

Bilangan Peminjam	Jumlah Pinjaman Diluluskan Mengikut		Perbezaan (RM)	Jumlah Dibiayai (RM)
	Sistem Lejar (RM)	Surat Tawaran (RM)		
1	92,400	80,000	12,400	0
1	120,000	90,000	30,000	45,000
1	180,000	100,000	80,000	100,000
1	394,650	90,000	304,650	18,000
1	80,000	20,000	60,000	0
1	90,000	60,000	30,000	60,000
1	90,000	60,000	30,000	20,000
1	90,000	82,000	8,000	10,250
1	150,000	85,000	65,000	0
Jumlah	1,287,050	667,000	620,050	253,250

Sumber: Surat Tawaran Dan ‘Student Payment/Repayment History’ YAYASAN SARAWAK

- iv) Semakan Audit seterusnya mendapati status tiga peminjam tidak ditukar daripada ‘Dilulus’ kepada ‘Ditolak’ dan menyebabkan data pinjaman untuk skim pinjaman yang diluluskan tidak betul. Perkara ini berlaku kerana peminjam berkenaan menukar kursus pengajian dan skim pinjaman yang baru telah ditawar dan diluluskan. Kegagalan meminda status pinjaman menyebabkan amaun pinjaman yang diluluskan terdahulu masih diambil kira dalam lejar peminjam. Jumlah pinjaman peminjam yang tidak diambil kira dengan betul adalah seperti di **Jadual 9.14**.

Jadual 9.14
Jumlah Pinjaman Peminjam Tidak Diambil Kira Dengan Betul

Bilangan Peminjam	Penukaran Skim Pinjaman		Jumlah Pinjaman Diluluskan		Perbezaan (RM)
	Daripada	Kepada	Lejar Peminjam (RM)	Sebenar (RM)	
1	Biasiswa Pinjaman RM12,000	Pinjaman Pelajaran RM100,000	112,000	100,000	12,000
1	Program Pembangunan Kemahiran (PPK) Sijil Persolekan & Kecantikan RM6,200	PPK-Juru kecantikan dan Juru Estetik RM6,200	12,400	6,200	6,200
1	Pinjaman Penuh Luar Negara RM90,000	Pinjaman Pelajaran RM82,000	172,000	82,000	90,000
Jumlah			296,400	188,200	108,200

Sumber: Lejar Peminjam YAYASAN SARAWAK

- v) Pertindihan proses kerja memasukkan data peminjam ke paparan Perisian Excel dan kemudian ke sistem. Nama pemohon yang layak disenaraikan dahulu dalam paparan Perisian Excel mengikut institut pengajian dan pendapatan per kapita ibu bapa atau penjaga dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan. Tindakan ini dilakukan untuk mempercepatkan proses kelulusan kerana data permohonan perlu dimasukkan ke dalam sembilan skrin komputer dan mengambil masa 17 minit memasukkan data untuk satu permohonan. Manakala dengan menggunakan Perisian Excel, operator hanya perlu memasukkan sembilan medan sahaja dan mengambil masa dua minit untuk satu permohonan. Bagaimanapun, data yang dimasukkan melalui Perisian Excel tidak lengkap untuk dikemaskinikan dalam fail induk sebagai permohonan baru kerana medan dirangka khas mengikut kriteria yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Perisian ini juga tidak mempunyai

semakan kewajaran untuk mengelak data bertindih sedangkan sistem mempunyai kawalan ini.

- vi) Medan untuk butiran tanggungan, keputusan akademik, peribadi ibu bapa atau penjaga serta persekolahan dan pengajian yang lalu tidak dilengkapkan. Ini adalah kerana borang permohonan baru telah digunakan sejak tahun 2007 tidak lagi menyediakan ruangan untuk maklumat tersebut sedangkan sistem masih menyediakan medan berkenaan. Ini menyukarkan proses kemasukan data dan maklumat yang diperlukan untuk menyokong permohonan. Medan untuk butiran tanggungan, keputusan akademik, peribadi ibu bapa atau penjaga serta pendidikan yang tidak dilengkapkan seperti ditunjukkan di **Paparan Komputer 9.1** hingga **Paparan Komputer 9.4**.

Paparan Komputer 9.1 Butiran Tanggungan Tidak Dilengkapkan

The screenshot shows a Windows application window titled "Family dependents details - View". At the top, there are menu options: File, Application, Options, Help, and a "Quick Search" field with the placeholder "(Use % for wildcard search in Student name and Session)". Below the search field, there are three input fields: "Student name" containing "ALI B ABU TALIP", "Scheme" containing "0", and "Session" which is empty. To the right of these fields are "Search" and "Next >>" buttons. Below these fields, a table displays student information: Name (ALI B ABU TALIP), New IC (890520-13-6305), Stud No., Loan/Scholarship (EDUCT), Course (DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUATA)), Scheme (PINJAMAN PELAJA), and Institute (POLITEKNIK KUCHING, SARAWAK). A large black oval highlights the header row of the table. An arrow points from the text "Butiran tidak dilengkapkan" to the bottom of the table area. The status bar at the bottom shows "Row details", "Insert", "Append", "Delete", "NYS_DATABASE_4\YAYASAN SARAWAK", "GRACE", "lwe_loar Feb 17, 2009", and a list of icons.

Sumber: Skrin Sistem Pendidikan Tinggi Yayasan Sarawak

Paparan Komputer 9.2 Butiran Keputusan Peperiksaan Tidak Dilengkapkan

The screenshot shows a Windows application window titled "Student Exam result details - View". At the top, there are fields for "Student name" (ALIAM AK DIAU), "File No.", and "Scheme". Below this, a summary table provides details: Name (ALIAM AK DIAU), New IC (831215-13-5007), Stud No. (YS/AP/009318), Scheme (PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN / CERTIFICATE IN MECHATRONIC / KOLEJ A/BANGSA (PPKS)), Course (MECHANICAL ENGINEERING), and Institute (KOLEJ A/BANGSA (PPKS)). A large black oval highlights the "Exam Result Details" section, which is currently empty. An arrow points from the text "Butiran tidak dilengkapkan" to this oval.

Name:	ALIAM AK DIAU	Scheme:	PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
New IC:	831215-13-5007	Course:	CERTIFICATE IN MECHATRONIC
Stud No.:	YS/AP/009318	Institute:	KOLEJ A/BANGSA (PPKS)

Exam Result Details

Subject	Result	Remark

Row details

Insert Append Delete

YS_DATABASE_4YAYASAN SARAWAK GRADE whe_stud/Feb 17, 2009

Sumber: Skrin Sistem Pendidikan Tinggi Yayasan Sarawak

Paparan Komputer 9.3 Butiran Bapa, Penjaga Dan Ibu/Pasangan Penjaga Tidak Dilengkapkan

The screenshot shows a Windows application window titled "Applicant Family details - View". At the top, there are fields for "Student name" (ALI AK AWA), "Scheme", and "Session". Below this, a summary table provides details: Name (ALI AK AWA), New IC (860121-52-6173), Stud No. (YS/AP/010659), Loan/Scholarship (PPK), Course (SIJIL PENGURUSAN PERLADANGAN), and Institute (SAVTI). A large black oval highlights the "Father / Guardian and Mother / Guardian's spouse details" section, which is currently empty. An arrow points from the text "Butiran tidak dilengkapkan" to this oval.

Name:	ALI AK AWA	Loan/Scholarship:	PPK	Scheme:	PROGRAM PEMBAJUAN
New IC:	860121-52-6173	Course:	SIJIL PENGURUSAN PERLADANGAN	Institute:	SAVTI
Stud No.:	YS/AP/010659				

Father / Guardian and Mother / Guardian's spouse details

Row details

Insert Append Delete

YS_DATABASE_4YAYASAN SARAWAK GRADE whe_loar/Feb 17, 2009

Sumber: Skrin Sistem Pendidikan Tinggi Yayasan Sarawak

Paparan Komputer 9.4
Butiran Pendidikan Tidak Dilengkapkan

Name	ALI AK AWA	Loan/Scholarship	PPK	Scheme	PROGRAM PEMBAI
New IC	860121-52-6173	Course	SUJIL PENGURUSAN PERLADANGAN	Institute	SAVTI
Stud No.	YS/AP/010659				

Previous education details					
No.	Institute Name	Date In	Date Out	Sponsor/sponsor?	Bond [mth]

Butiran tidak dilengkapkan

Sumber: Skrin Sistem Pendidikan Tinggi Yayasan Sarawak


Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah mengeluarkan Laporan *Edit* untuk disemak bagi memastikan kemasukan data dilakukan dengan betul dan tepat.

b) Kawalan Prosesan Data

Semua transaksi yang diterima oleh komputer diproses, dikemaskinikan ke fail induk dan ditunjukkan dalam laporan. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- i) **Pada tahun 1973 hingga 2008, seramai 5,746 peminjam telah diluluskan pinjaman sejumlah RM69.27 juta tidak diproses ke dalam sistem dan masih berstatus *Not posted* dalam *Financial Information System-Higher Education Account Receivable (Generate Repayment Schedule)*.** Ini adalah satu angka yang signifikan. Kursus pengajian untuk 4,303 daripada 5,746 peminjam tersebut telah tamat antara tahun 1973 hingga 2007 melibatkan pinjaman sejumlah RM32.91 juta. Jumlah ini tidak termasuk 22 peminjam yang tidak dinyatakan jumlah pinjaman diluluskan. Bagaimanapun, pembayaran balik bagi 4,303 peminjam tidak dilakukan sehingga akhir tahun 2008. Sementara itu, seramai 1,443 peminjam yang melibatkan pinjaman sejumlah RM36.35 juta belum menamatkan pengajian. Ini mengakibatkan, Jadual Bayaran Balik pinjaman yang mengandungi butiran mengenai jumlah pinjaman, jumlah perlu dibayar balik, kadar bayaran ansuran, tarikh kuat kuasa atau tarikh terakhir pembayaran balik, tidak dijanakan bagi membolehkan kedudukan peminjam ditukar daripada status *Approved* kepada *Repay*. Pinjaman yang telah diluluskan tetapi data tidak diproses adalah seperti ditunjukkan di **Paparan Komputer 9.5**.

Paparan Komputer 9.5
Status Approved Tetapi Not Posted



Sumber: Skrin Sistem Pendidikan Tinggi Yayasan Sarawak

Perkara ini berlaku kerana pengguna kurang faham mengenai fungsi prosesan dalam sistem FIS dan kesan daripada tindakannya. Kaedah ringkas digunakan bagi memudahkan kerja kerana apabila data peminjam telah diproses (*Y posted*) sebarang pindaan tidak dapat dilakukan tanpa penyediaan baucar jurnal. Oleh demikian, surat peringatan, Notis Bayaran Balik, Penyata Akaun Peminjam dan laporan tunggakan tidak dapat dijanakan daripada sistem tersebut. Jumlah pinjaman yang diluluskan tetapi tidak diproses adalah seperti di **Jadual 9.15**.

Jadual 9.15
Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan Tetapi Tidak Diproses

Bilangan Peminjam	Skim Pinjaman	Tahun Kursus Tamat
1	Biasiswa Penuh	1975
1	Full Loan Overseas	1997
1	Supplementary Loan	2000
1	Pinjaman Pelajaran	2000
17	Komputer	2006 & 2007
1	Foundation Engineering Biasiswa Pinjaman	2006

Sumber: Senarai Peminjam Yang Tidak Diproses Dengan Status Diluluskan

- ii) Bayaran balik pinjaman untuk 286 peminjam dari tahun 1976 hingga 2002 sejumlah RM4.30 juta telah matang pada tahun 2008 tetapi masih ditunjukkan sebagai tidak diproses di *FIS-HEAR-Generate Repayment Schedule*. Ini menyebabkan Jadual Bayaran Balik Pinjaman tidak dijanakan oleh sistem. Semakan Audit seterusnya terhadap 10 daripada peminjam mendapati proses *Auto Write Off* tidak dilakukan dengan betul. Peminjam berkenaan telah diberi pengecualian daripada bayaran balik pinjaman kerana telah lulus dengan kepujian seperti yang dibenarkan oleh Lembaga Yayasan. Hapus kira secara automatik tidak dilakukan dengan menjana *Auto Write Off* pada skrin *FIS-HEAR-Generate Repayment Schedule*. Ianya dilakukan secara manual menggunakan *HEGL Debts Written Off Voucher* menyebabkan amaunhapus kira ditunjukkan di lejar peminjam sahaja. Perkara ini berlaku kerana pengguna tidak faham mengenai proses aliran kerja untuk hapus kira yang betul.

Adalah didapati juga, kelulusan secara bertulis tidak diperolehi untuk membuat *Auto Write Off*. Butiran mengenai proses *auto write off* yang tidak dibuat adalah seperti di **Jadual 9.16**.

Jadual 9.16
Proses Auto Write Off Tidak Dibuat

Bilangan Peminjam	Nama Skim Pinjaman	Amaun Diluluskan (RM)
5	Pinjaman Pelajaran	94,000
5	Biasiswa Pinjaman	114,850
	Jumlah	208,850

Sumber: Lejar Peminjam Tahun 2006 Hingga 2008

Pada pendapat Audit, fungsi proses data hendaklah diaktifkan selepas Laporan *Edit* disemak dan semua pindaan dan input ke sistem wajib disahkan dan dibenarkan.

- iii) Notis Bayaran Balik Pinjaman dan surat peringatan boleh dikeluarkan melalui *Financial Information System Higher Education Account Receivable*. Bagaimanapun, sistem ini tidak mempunyai program atau fungsi untuk mengesan atau memberi amaran apabila tarikh Notis Bayaran Balik Pinjaman dan surat peringatan telah matang. Keperluan pengguna tidak dikenal pasti bagi memudahkan prosesan bayaran balik dan pemantauan sebelum tindakan seterusnya boleh dilakukan. Ketiadaan fungsi sistem untuk mengesan atau memberi amaran tentang bayaran balik telah mengakibatkan kegagalan mengeluarkan Notis Bayaran Balik dan surat peringatan dalam tempoh yang berkesan.

c) Kawalan Output

Kawalan selepas prosesan hendaklah diwujudkan bagi memastikan laporan yang dikeluarkan oleh komputer adalah lengkap, tepat dan wajar.

i) Laporan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Tidak Tepat

Semakan Audit mendapati laporan tunggakan untuk bayaran balik pinjaman tidak disediakan dengan tepat. Pinjaman untuk seramai 3,782 peminjam dari tahun 1975 hingga 2008 telah diluluskan sejumlah RM49.79 juta tetapi pinjaman berkenaan tidak diambil kira dalam sistem. Daripada jumlah tersebut, pinjaman sejumlah RM5.02 juta yang matang melibatkan seramai 1,963 peminjam tidak diproses dan masih berstatus *Not posted* dalam *Financial Information System-Higher Education Account Receivable (Generate Repayment Schedule)*. Perkara ini berlaku kerana data peminjam tidak diproses dalam sistem untuk tujuan bayaran balik pinjaman. Ini mengakibatkan Notis Bayaran Balik, surat peringatan dan Penyata Akaun Peminjam tidak dapat dijanakan daripada sistem tersebut. Selain itu, laporan tunggakan dan Akaun Terimaan kurang dinyatakan. Keadaan ini juga mengakibatkan penjadualan bayaran balik pinjaman tidak dapat dilakukan dalam tempoh perakaunan yang sepatutnya. Pada pertengahan Julai 2008, Pengarah Yayasan telah memutuskan supaya menjadualkan semula pembayaran balik berdasarkan tarikh 1 Januari 2008. Arahan ini mengakibatkan jumlah penghutang pada Penyata Kewangan Tahunan Yayasan kurang dinyatakan.

Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM1.22 juta daripada jumlah tunggakan RM5.02 juta adalah merupakan tunggakan melebihi enam tahun dari tarikh tamat bayaran seperti dalam Notis Bayaran Balik yang telah dihantarkan kepada 422 peminjam. Yayasan tidak mengambil tindakan tegas untuk mengutip balik tunggakan pinjaman.

ii) Laporan *Ageing* Bayaran Balik Tidak Lengkap

Laporan *Ageing* Bayaran Balik dijanakan oleh sistem bagi memantau jumlah dan baki pinjaman yang masih belum dibayar balik mengikut *ageing* iaitu 31 hingga 60 hari, 61 hingga 90 hari, 91 hingga 120 hari dan melebihi 120 hari.

Semakan Audit mendapati baki tunggakan yang melebihi 120 hari dalam laporan tersebut tidak dikategorikan mengikut bulan atau tahun bagi memudahkan pemantauan dan tindakan undang-undang diambil terhadap peminjam berkenaan. Kegagalan Yayasan untuk mengenal pasti keperluan pengguna menyebabkan sukar untuk menentukan tempoh tunggakan pinjaman yang sebenarnya. Jumlah tunggakan bayaran balik yang melebihi 120 hari setakat Disember 2008 ialah sejumlah RM29.80 juta.

iii) Penyata Akaun Peminjam Tidak Dikeluarkan

Penyata Akaun Peminjam hendaklah disediakan untuk makluman peminjam dan pengesahan baki pinjaman.

Semakan Audit terhadap 4,500 fail peminjam mendapati sebanyak 2,325 atau 52% Penyata Akaun Peminjam tidak dijana dan dihantar kepada peminjam. Sebanyak 1,026 atau 44% daripadanya merupakan peminjam Program Pembangunan Kemahiran (PPK). Penyata Akaun untuk peminjam PPK berkenaan tidak dapat dijanakan kerana data peminjam tidak diproses bagi membolehkan sistem menjana Jadual Bayaran Balik Pinjaman. Langkah ini tidak dilakukan kerana peminjam gagal mengemukakan Sijil Tamat Pengajian dalam masa yang ditetapkan bagi membolehkan pengurangan sebanyak 25%. Sementara itu, Penyata Akaun untuk 1,299 atau 56% lagi peminjam tidak dapat disediakan kerana baki pinjaman yang ditunjukkan dalam akaun 692 lejar individu berbeza dengan Penyata Akaun. Data untuk 607 peminjam bermasalah seperti berbaki negatif, pinjaman Tabung Pusingan tidak diproses ke dalam sistem dan Penyata Akaun Peminjam bertindih.

Semakan Audit seterusnya mendapati semasa pindahan data daripada sistem lama ke sistem baru pada akhir tahun 1996, menunjukkan perbezaan sejumlah RM76,000 antara rekod Sistem Pendidikan Tinggi dan Lejar Am. Verifikasi oleh Yayasan mendapati berlakunya pertindihan rekod pada pangkalan data. Bagaimanapun, pindaan atau pembetulan data pada pangkalan data lama tidak dilakukan untuk menyelaraskan rekod berkenaan. Akibatnya, sehingga tahun berakhir 31 Disember 2007 amaun berkenaan telah meningkat menjadi RM247,599.

iv) Notis Bayaran Balik Pinjaman Tidak Dikeluarkan

Semakan Audit mendapati seramai 1,500 peminjam sebelum tahun 2008 yang telah dikeluarkan notis berserta Jadual Bayaran Balik Pinjaman dan surat peringatan secara manual sedangkan sistem Pendidikan Tinggi boleh menjanakannya. Jadual Bayaran Balik Pinjaman yang mengandungi butiran seperti jumlah pinjaman, jumlah perlu dibayar balik, kadar bayaran ansuran, tarikh kuat kuasa bayaran balik dan tarikh terakhir pembayaran balik berpandukan syarat perjanjian pinjaman dan polisi telah disediakan secara manual. Perkara ini berlaku kerana pegawai tidak peka terhadap kemudahan yang disediakan oleh sistem dan tiada pemantauan oleh pegawai penyelia. Kesannya, pembaziran kos kerana aplikasi untuk Pendidikan Tinggi yang bernilai RM50,000 tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah mempertingkatkan kawalan dari segi kemasukan data, ketepatan data, pemprosesan data dan ketepatan laporan yang dijanakan oleh sistem. Proses kerja hendaklah jelas dan difahami oleh semua pegawai yang terlibat untuk mengelakkan pembaziran.

9.5.16 Penyenggaraan Sistem

Kontrak perjanjian untuk penyenggaraan perisian dan perkakas komputer hendaklah ditandatangani antara Yayasan dengan vendor supaya kepentingan Kerajaan terpelihara.

Semakan Audit terhadap syarat perjanjian kontrak yang ditandatangani antara Lembaga Amanah Yayasan dengan Comserv (Sarawak) Sdn. Bhd. untuk menyenggara perisian dan perkakasan komputer pada awal tahun 1995 mendapati tarikh kuat kuasa dan tamat kontrak untuk penyenggaraan perisian komputer tidak dapat ditentukan. Mengikut klausula 1(a), tempoh kontrak untuk perisian komputer berkuat kuasa setelah tamat tempoh jaminan selama enam bulan dari tarikh ujian penerimaan untuk tempoh minimum lima tahun. Bagaimanapun, tarikh ujian penerimaan untuk setiap lima modul aplikasi perisian adalah berbeza dan tiada rekod mengenai tarikh penerimaan sebenarnya. Oleh demikian, adalah sukar untuk menentukan tarikh sebenar kontrak berkuat kuasa dan tamat kerana tiada had dinyatakan.

Semakan Audit seterusnya mendapati kos penyenggaraan dan kelengkapan komputer dari tahun 1993 hingga 2004 sejumlah RM1.28 juta telah dibayar kepada Comserv (Sarawak) Sdn. Bhd. Bagi tahun 2003 dan 2004, Yayasan juga membayar sejumlah RM61,353 kepada Software Optima Sdn. Bhd. untuk tujuan yang sama walaupun kos penyenggaraan komputer sejumlah RM146,625 telah dibayar kepada Comserv (Sarawak) Sdn. Bhd. dalam tempoh tersebut. Pada tempoh Mac 2003 hingga 2008, Yayasan telah membayar kos penyenggaraan sejumlah RM0.41 juta kepada Software Optima Sdn. Bhd. Namun demikian, tiada perjanjian kontrak baru ditandatangani serta kelulusan bertulis daripada Yayasan atau surat menyurat dikemukakan mengenai perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak untuk penyenggaraan perkakasan dan perisian komputer hendaklah ditandatangani dan tempoh kontrak dinyatakan dengan jelas bagi memelihara kepentingan Kerajaan. Pihak Yayasan perlu menyiasat dan

mengambil tindakan terhadap pegawai yang gagal melaksanakan kontrak penyenggaraan sehingga melibatkan pertindihan pembayaran untuk penyenggaraan kepada dua vendor pada tahun 2003 hingga 2004.

9.5.17 Maklum Balas Kepuasan Peminjam

Pihak Audit telah mengedarkan 50 borang soal selidik kepada peminjam atau bekas peminjam Yayasan bertujuan untuk mendapat maklum balas mengenai tahap perkhidmatan yang diberikan. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit telah menerima 19 maklum balas iaitu 38% daripada responden. Maklum balas Audit daripada borang soal selidik kepuasan peminjam yang diterima adalah seperti di **Jadual 9.17**.

Jadual 9.17
Maklum Balas Kepuasan Peminjam Terhadap Borang Soal Selidik Audit

Bil.	Aspek Perkhidmatan	Bilangan (%)
1.	Mengetahui maklumat mengenai skim pinjaman di laman web Yayasan	26
2.	Borang permohonan pinjaman diperolehi daripada kaunter Yayasan	95
3.	Jumlah pinjaman diluluskan mencukupi untuk membiayai kos pengajian	16
4.	Jumlah dibiayai bersamaan dengan jumlah diluluskan	100
5.	Jadual Bayaran Balik pinjaman disediakan oleh Yayasan	63
6.	Bayaran balik ansuran bulanan berpatutan	68
7.	Tempoh dan kadar bayaran balik pinjaman berpatutan	68
8.	Berpuas hati dengan kaedah bayaran balik	79

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik mendapati secara keseluruhannya peminjam berpuas hati terhadap aspek perkhidmatan pinjaman pelajaran Yayasan kecuali terhadap had pinjaman yang tidak mencukupi untuk membiayai kos pengajian.

9.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya pengurusan Pinjaman Pelajaran Yayasan adalah tidak memuaskan. Walaupun objektif utama Yayasan ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa bagi memajukan bidang pelajaran dan sosial, aspek pengurusan pinjaman kurang diberi perhatian. Kesahihan dan integriti data boleh dipertikaikan menyebabkan laporan dan rekod yang dijanakan oleh sistem tidak lengkap dan tepat. Pemantauan daripada pihak pengurusan yang lemah dan tiada mekanisme pemantauan menyebabkan kawalan sistem menjadi lemah. Masalah pelaksanaan polisi baru yang berbeza daripada yang ditetapkan dalam sistem pada awalnya serta arahan kerja yang tidak jelas menimbulkan masalah kepada pengguna menyebabkan pengguna mencari jalan alternatif. Kekurangan latihan dan kefahaman pengguna terhadap fungsi sistem yang berintegrasi memberi kesan kepada keseluruhan sistem. Masalah yang dikenal pasti dan dikemukakan oleh pengguna tidak diatasi dengan segera. Dengan itu, selepas 11 tahun dilaksanakan, sistem penyampaian yang digunakan tidak dapat menjanakan hasil yang dijangkakan. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan Pinjaman Pelajaran Berkomputer Yayasan Sarawak yang berkesan adalah disyorkan Yayasan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Semua kelulusan berhubung kelulusan pinjaman, bayaran balik, hapus kira dan insentif perlu diluluskan oleh Lembaga;
- b) Pelan pemberian insentif bayaran balik perlu dilaksanakan sepenuhnya;
- c) Pengurusan perlu mempertingkatkan mekanisme pemantauan yang berkesan terhadap bayaran balik pinjaman;
- d) Kawalan pengurusan dan kawalan aplikasi berkaitan kemasukan data, prosesan data dan *output* perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan integriti data dan maklumat pinjaman terjamin;
- e) Menyediakan kemudahan pembayaran secara kad kredit di kaunter pembayaran Yayasan Sarawak;
- f) Membuat perbandingan dengan sistem pengurusan Pinjaman Pelajaran yang diguna pakai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau Majlis Amanah Rakyat;
- g) Melaksanakan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) untuk menilai prestasi perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan; dan
- h) Mempertingkatkan portal web rasmi Yayasan Sarawak iaitu perkhidmatan semakan penyata baki pinjaman pelajaran.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI

BAHAGIAN II **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

10. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada separuh modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Suatu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah diwartakan pada 29 Januari 2004 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2008, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

11. BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SARAWAK) SDN. BHD.

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Borneo Development Corporation ditubuhkan oleh Commonwealth Development Corporation (CDC) pada 28 Ogos 1958. Objektif asal penubuhannya ialah untuk memulakan projek pembangunan dan mempelbagaikan ekonomi di Negeri Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1962, sebanyak 50% saham di Borneo Development Corporation telah diberi kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak oleh CDC dengan 25% bagi setiap negeri. Borneo Development Corporation telah dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1975 dengan masing-masing memiliki 50% saham.

11.1.2 Pada bulan Mei 1992, Syarikat Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. (BDC) telah ditubuhkan untuk mengambil alih aset dan liabiliti Syarikat Borneo Development Corporation bagi meneruskan operasi syarikat di Sarawak manakala Kerajaan Negeri Sabah pula menubuhkan BDC (Sabah) Sdn. Bhd.. BDC memulakan operasi perniagaannya secara rasmi mulai 1 Julai 1992. Setakat 31 Disember 2007, modal saham berbayar BDC ialah sebanyak 25,000,002 saham bernilai RM1 setiap satu yang dimiliki sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Diperbadankan.

11.1.3 Aktiviti utama BDC ialah pembangunan harta tanah kediaman dan industri. Selain itu, BDC ada melabur dalam projek pembuatan dan melaksanakan kerja pembinaan secara *turnkey basis* untuk pihak lain terutamanya Agensi Kerajaan. Sejak tahun 1992 sehingga 2008, BDC telah melaksanakan projek bernilai RM227.89 juta terutamanya dalam kejuruteraan awam dan kerja pembinaan. Syarikat berpengalaman luas dalam pembangunan harta tanah, aktiviti pengurusan pembinaan, pemasaran dan penjualan harta tanah serta perkhidmatan pengurusan projek. BDC mempunyai sebanyak tujuh subsidiari

iaitu BDC In-Situ Sdn. Bhd. (pengurusan projek dan pembangunan harta tanah), BDC Stallion Sdn. Bhd. (pembangunan harta tanah), BDC Realty Sdn. Bhd. (pembangunan harta tanah), BDC Satria Sdn. Bhd. (tidak aktif), BDC Properties Sdn. Bhd. (tidak aktif), Harta Niaga BDC Sdn. Bhd. (tidak aktif) dan Arrowork Development Sdn. Bhd. (tidak aktif).

11.1.4 Visi BDC ialah “*To be the East Malaysia’s first choice in real estate*”. Misi BDC adalah “*To provide people with real estate investments that will enhance their lifestyles and living standards in a sustainable manner, To be a reliable and efficient construction entity noted for quality works, To continually prosper in our business and be regarded as a valuable asset to our shareholders*”. Setakat 31 Disember 2007, BDC memperolehi hasil sejumlah RM5.84 juta dan mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.92 juta.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Syarikat BDC telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya. Di samping itu, pengauditan juga bertujuan untuk menentukan sama ada kepentingan Kerajaan Negeri sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan diuruskan dengan teratur dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

11.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek tadbir urus korporat, perancangan strategik, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan risiko dan pengurusan aktiviti syarikat bagi tahun 2006 hingga 2008 dan prestasi kewangan bagi tahun 2005 hingga 2007. Pengauditan dijalankan di pejabat syarikat yang terletak di Bahagian Kuching.

11.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, dokumen dan rekod serta mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan kakitangan syarikat untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut serta lawatan ke tapak projek juga ada dilakukan.

11.5 PENEMUAN AUDIT

11.5.1 Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat strategik dan objektif operasi.

a) Struktur Organisasi

BDC mempunyai seramai 30 kakitangan yang diketuai oleh seorang Pemangku Pengurus Besar dan pengurusan aktivitinya dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

- Bahagian Perkhidmatan Korporat yang terdiri daripada dua seksyen iaitu seksyen pentadbiran dan sumber manusia serta seksyen teknologi maklumat dan komunikasi.
- Bahagian Kewangan Korporat yang bertanggungjawab terhadap hal berkaitan kesetiausahaan, akaun, pemberi pinjaman kewangan, perundangan dan penjagaan aset.
- Bahagian Pengurusan Fizikal Projek yang terdiri daripada tiga seksyen iaitu seksyen perancangan dan pengurusan projek, seksyen pengurusan kontrak dan seksyen pemasaran dan jualan.

b) Standard Operating Policies And Procedures

Standard Operating Policies And Procedures (SOPP) yang lengkap dan menyeluruh perlu ada bagi mewujudkan keadaan yang kondusif dalam sesbuah syarikat. SOPP tersebut digunakan sebagai panduan dan rujukan ketika menjalankan operasi syarikat. SOPP tersebut meliputi aspek Manual Pengurusan Tenaga Sumber, Manual Operasi, Prosedur Pelaburan, Perakaunan, Kewangan dan Pentadbiran.

Semakan Audit mendapati sewaktu tempoh pengauditan dijalankan, BDC tidak mempunyai SOPP yang lengkap dalam menjalankan operasinya. Hanya SOPP berkaitan pengurusan sumber manusia ada disediakan. Adalah didapati arahan dan peraturan kerja hanya dibuat secara lisan dan melalui minit mesyuarat. Akibatnya tiada peraturan yang seragam dan konsisten dalam menjalankan operasi syarikat. Selain itu, adalah sukar bagi kakitangan membuat rujukan dalam menjalankan aktiviti harian syarikat terutama bagi kakitangan baru.

Sungguhpun begitu BDC mempunyai sijil pengiktirafan MS ISO 9001:2000 yang diwajibkan terhadap kontraktor gred G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), iaitu berkaitan dengan *Provision of Project Management Services for Civil Engineering and Building Services* yang telah diterima daripada *Excel Practice Certification (M) Sdn. Bhd.* pada 18 November 2008 dan akan tamat tempoh pada 21 Oktober 2011.

c) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya. Di samping itu, Jawatankuasa ini akan dapat mengkaji dan mengawasi rancangan korporat dan kawalan dalaman syarikat. Semakan Audit mendapati BDC telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan pada tahun 1994 yang dianggotai oleh seramai empat orang ahli. Bagaimanapun Jawatankuasa tersebut tidak berfungsi dan tidak pernah bermesyuarat semenjak ianya ditubuhkan.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi BDC telah dibentuk dengan jelas dan teratur bagi menunjukkan kedudukan dan peranan setiap bahagian dan kakitangan. Bagaimanapun pengurusan Syarikat BDC adalah tidak memuaskan kerana BDC tidak mempunyai SOPP yang menyeluruh sebagai panduan dan rujukan kepada kakitangan

bagi menjalankan operasinya. Selain itu, kawalan dalaman BDC adalah tidak memuaskan kerana Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan tidak berfungsi dengan cekap dan berkesan.

11.5.2 Perancangan Strategik

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaannya. Polisi Buku Biru yang diperkenalkan dalam Transformasi *Government Linked Company* (GLC) juga menetapkan keperluan mewujudkan Indeks Petunjuk Prestasi bagi menilai prestasi syarikat dalam mencapai objektifnya.

Semakan Audit mendapati BDC hanya mula menyediakan satu rancangan strategik korporat yang formal bagi tempoh lima tahun (2008 hingga 2012) yang mengandungi visi, misi, objektif, anggaran dan indeks petunjuk prestasi bagi tahun 2008 untuk setiap aktiviti seperti pemasaran, penggunaan sumber manusia, kewangan dan pengurusan projek. Semakan Audit seterusnya terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati rancangan strategik korporat tersebut telah disahkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 42 pada bulan April 2008. BDC tidak pernah menyediakan rancangan strategik korporat bagi tempoh sebelumnya. Adalah didapati indeks petunjuk prestasi (KPI) juga baru disediakan bagi menilai pencapaian BDC berbanding sasaran dirancang seperti dari segi kewangan, kepuasan pelanggan, keselamatan serta pematuhan terhadap peraturan alam sekitar.

Pada pendapat Audit, ketiadaan perancangan strategik dalam menjalankan operasi seperti yang dikehendaki dalam Pekeliling Perbendaharaan menyebabkan syarikat BDC tidak mempunyai hala tuju yang jelas bagi memajukan syarikat.

11.5.3 Pengurusan Sumber Manusia

Sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan dan berpengalaman adalah penting untuk menjalankan fungsi syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan membantu syarikat mencapai matlamatnya. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan sumber manusia mendapati perkara berikut:

a) Pemilihan Dan Pengambilan Kakitangan

Mengikut *Terms And Conditions of Service*, kuasa melantik dan mengambil kakitangan eksekutif adalah di bawah tanggungjawab *Board Establishment Committee* dan kakitangan bukan eksekutif adalah di bawah tanggungjawab *Management Establishment Committee* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Adalah didapati pada tahun 2006 hingga 2008, seorang kakitangan telah diambil bekerja pada tahun 2008.

b) Latihan Dan Kursus

Latihan dan kursus yang berterusan adalah penting bagi menambah pengetahuan dan kecekapan kakitangan dan sekali gus dapat mempertingkatkan produktiviti Syarikat. Semakan Audit mendapati sebelum tahun 2008 tidak ada program latihan dan kursus yang dirancang untuk kakitangan. Latihan atau kursus diadakan secara *ad-hoc* atau sekiranya ada keperluan sahaja. Seramai 11 kakitangan, 12 kakitangan dan 21

kakitangan BDC telah menghadiri pelbagai kursus/latihan pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

c) Pelan Sumber Manusia

Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, Syarikat perlu mempunyai tenaga sumber manusia yang mencukupi bagi memastikan operasi syarikat berjalan lancar dan teratur. Kajian yang teliti tentang keperluan kakitangan perlu dibuat oleh syarikat supaya tidak menjelaskan operasi harian syarikat. Kajian tersebut meliputi pengambilan kakitangan baru bagi menggantikan kakitangan yang akan bersara dan juga program latihan untuk kakitangan. Latihan yang berterusan perlu diberi kepada kakitangan bagi memastikan kakitangan Syarikat sentiasa berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Semakan Audit mendapati BDC telah menyediakan pelan penggunaan sumber manusia yang merupakan satu daripada elemen dalam rancangan strategik korporat bagi tempoh 5 tahun (2008 hingga 2012).

d) Pelan Peralihan

Syarikat perlu menyediakan pelan peralihan bagi mengenal pasti kakitangan yang layak untuk menggantikan kakitangan yang akan bersara. Semakan Audit mendapati BDC tidak menyediakan Pelan Peralihan (*Succession Plan*) dan dalam tempoh lima tahun akan datang, iaitu pada tahun 2015 seramai 14 atau sebanyak 47% daripada 30 kakitangan BDC akan bersara pada umur 58 tahun. Akibatnya BDC akan menghadapi kekurangan kakitangan yang terlatih dan berkemahiran untuk menjalankan operasi syarikat di masa hadapan. *Mengikut maklum balas pihak pengurusan BDC ini adalah disebabkan BDC merupakan syarikat kecil yang hanya mempunyai 30 kakitangan sahaja dan jawatan yang kosong tidak diisi semula kerana tenaga kerja sedia sudah memadai bagi menjalankan tugas tersebut.* Senarai kakitangan yang akan bersara pada umur 58 tahun pada tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Kakitangan BDC Yang Akan Bersara Pada Tahun 2015

Bil.	Kategori	Bil. Kakitangan	Bil. Kakitangan Melebihi Umur 50 Tahun	Peratusan (%)
1.	Eksekutif	5	4	80
2.	Bukan Eksekutif	25	10	40
Jumlah		30	14	47

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pengurusan sumber manusia adalah tidak memuaskan kerana BDC tidak mempunyai pelan peralihan sumber manusia bagi meneruskan kesinambungan Syarikat.

11.5.4 Pengurusan Kewangan

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan syarikat dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan BDC dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkenaan. Pengurusan kewangan melibatkan sistem perakaunan, kawalan terhadap bajet, terimaan, pembayaran dan pengurusan aset serta inventori. Semakan Audit mendapati BDC mematuhi kawalan pengurusan kewangan yang ditetapkan kecuali

pengurusan terhadap aset dan inventori. Adalah didapati Daftar Aset Dan Inventori yang disediakan tidak lengkap. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Aset Dan Inventori mendapati sebanyak 186 aset dan inventori yang bernilai RM822,789 daripada 210 aset dan inventori bernilai RM844,308 tidak diberi nombor rujukan. Tanda Hak Milik juga tidak dibuat pada semua aset dan inventori Syarikat. Selain itu, tiada bukti menunjukkan pemeriksaan terhadap aset ada dijalankan. Pemeriksaan tersebut perlu dilakukan bagi memastikan kewujudan aset dan inventori tersebut serta bagi menentukan sama ada ianya masih dalam keadaan baik.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan kewangan BDC adalah memuaskan kecuali pengurusan terhadap aset dan inventori yang perlu dikemas kini terutama dari aspek tanda hak milik, pemeriksaan tahunan dan nombor rujukan aset/inventori.

11.5.5 Prestasi Aktiviti

Aktiviti utama syarikat BDC adalah perniagaan dan projek pembangunan harta tanah serta pembiaya pinjaman kepada pembeli harta tanah. Perniagaan dan pembangunan harta tanah adalah seperti pembinaan bangunan perindustrian, bangunan komersial, kawasan perumahan, bangunan Kerajaan dan projek rekreasi. Pembinaan harta tanah ini adalah berkonsepkan bina dan jual. Syarikat BDC juga berfungsi sebagai Pengurus Projek (*Project Management*) yang mana pulangan diperolehi melalui *Development Agreement* yang dibuat dengan pemaju/kontraktor yang terlibat dengan pembangunan tanah hak milik BDC. Selain itu, BDC juga bertindak sebagai Pembiaya Pinjaman. Melalui aktiviti ini BDC memperolehi keuntungan melalui faedah atas pinjaman.

a) Pembangunan Hartanah

- i) **Projek Pembinaan Yang Dilaksanakan Sendiri** - Aktiviti utama BDC adalah melaksanakan projek pembinaan bangunan industri dan komersial, rumah kediaman dan bangunan Kerajaan/sekolah serta tempat rekreasi. Bagi tahun 1992 hingga 2008, BDC telah melaksanakan sebanyak 23 projek pembinaan bernilai RM227.89 juta. Kesemua projek tersebut telah siap dilaksanakan kecuali Projek Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4 (Infrastruktur) bernilai RM2.54 juta yang sedang dalam pembinaan. Projek pembinaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Projek Pembinaan Yang Telah Siap Dilaksanakan
Dari Tahun 1992 Hingga 2008

Bil.	Projek	Nilai Projek (RM Juta)
1.	Bangunan Industri & Komersial	51.74
2.	Rumah Kediaman	112.00
3.	Bangunan Kerajaan/Sekolah/Tempat Rekreasi	64.15
Jumlah		227.89

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Selain itu, ada sebanyak tiga projek yang telah diluluskan bernilai RM1.03 bilion tetapi belum dilaksana kerana masih di peringkat perancangan atau reka bentuk.

Projek tersebut akan dilaksanakan oleh BDC pada tahun 2008 hingga 2016. Senarai projek yang terlibat adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Senarai Projek Yang Belum Dilaksanakan

Bil.	Projek	Tempoh Pelaksanaan	Unit	Nilai Projek (RM Juta)	Status Projek
1.	Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4 (Bangunan)	2008 - 2010	37	15.40	Dalam Perancangan
2.	Sungai Plan Township, Bintulu	2008 - 2016	3,920	980.00	Dalam Perancangan
3.	Hotel Seri Malaysia, Lawas	2008 - 2012	1	35.00	Reka bentuk
Jumlah				1,030.40	

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Pemeriksaan Audit terhadap Projek Pembinaan Stakan Jaya Industrial Phase 3 & 4 dan Projek Pembinaan Hotel Sri Malaysia di Lawas mendapati perkara berikut:

- **Projek Pembinaan Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4 (Infrastruktur)**
 - **Prestasi Projek** - Mengikut perjanjian kontrak, Projek Pembinaan Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4 (Infrastruktur) yang bernilai RM2.54 juta perlu disiapkan dalam tempoh 10 bulan iaitu mulai bulan Julai 2007 dan siap pada bulan Mei 2008. Kemajuan fizikal yang dicapai pada akhir bulan Disember 2008 bagi projek ini ialah sebanyak 70%. Adalah didapati projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Projek ini telah dilanjutkan tempoh penyiapannya selama 215 hari iaitu sehingga bulan Disember 2008. Ini adalah disebabkan masalah memecahkan batu yang terdapat di kawasan pembinaan dan masalah hujan seperti di **Foto 11.1** dan **Foto 11.2**.

Foto 11.1



Foto 11.2



Sumber: Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Lokasi: Stakan Jaya, Bahagian Kuching

Tarikh: 25 Mei 2008

- **Penyediaan Dokumen Kontrak** - Dokumen kontrak perlu disediakan bagi menjaga kepentingan kedua belah pihak. Antara perkara penting yang dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak tersebut adalah seperti skop kerja,

pelan lukisan, spesifikasi dan Jadual Kadar Harga. Selain itu, kontraktor juga perlu menyediakan Insurans yang secukupnya iaitu Insurans Kerja, Insurans Pekerja, Insurans Tanggungan Awam dan wang jaminan sebanyak 5% daripada harga kontrak. Jika Bon Pelaksanaan tersebut tidak disediakan dalam tempoh sebulan dari tarikh kontrak ditandatangani, maka pihak BDC boleh membuat potongan daripada Bayaran Interim.

Semakan Audit mendapati Dokumen Kontrak telah disediakan dengan lengkap dan teratur. Namun begitu, adalah didapati Kontraktor tidak menyediakan Wang Jaminan (*Surety – Performance Bond*) sebanyak 5% daripada Harga Kontrak iaitu bernilai RM127,185 seperti yang dikehendaki oleh klausma 5 *General Condition of Contract*. Justeru, pihak BDC telah membuat potongan daripada Bayaran Interim sejumlah RM63,592. Adalah didapati jumlah tersebut tidak mencukupi sebagai Wang Jaminan iaitu hanya 2.5% sahaja daripada harga kontrak. Akibatnya kepentingan Syarikat kurang dilindungi dan berisiko menanggung kos kerugian sekiranya projek tersebut ditamatkan kontrak pembinaannya.

- **Projek Pembinaan Hotel Seri Malaysia, Di Daerah Lawas** - Pada bulan Oktober 2007, pihak JKR Malaysia telah mengemukakan Surat Niat kepada Syarikat BDC bagi melaksanakan Projek Pembinaan Hotel Seri Malaysia di Daerah Lawas setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melaksanakan projek secara rundingan terus. Lokasi cadangan Projek Pembinaan Hotel Seri Malaysia di Lawas adalah seperti di **Peta 11.1.**



Sumber: Sarawak Government Official Portal

Skop dan kos kerja perlu dimuktamadkan dalam tempoh enam bulan dari tarikh Surat Tawaran Terima. Manakala projek pembinaan perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh milik tapak iaitu dimulakan pada bulan Mac 2008 dan perlu disiapkan pada bulan Mac 2010. Projek dilaksanakan secara ‘reka dan

bina' di mana Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai Jabatan Pelanggan dan JKR Malaysia sebagai Penyelia Projek. Dalam menyediakan pelan reka bentuk pula, pihak BDC perlu mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh Rangkaian Hotel Seri Malaysia iaitu jumlah bilik yang perlu dibina tidak melebihi 100 bilik dan kosnya pula tidak melebihi RM35 juta. Syarikat BDC dikehendaki mengemukakan skop kerja yang muktamad berserta dengan dokumen 'Pre-Bid' yang lengkap diisi kepada JKR Malaysia dalam tempoh enam bulan dari tarikh Surat Tawaran Projek.

Semakan Audit mendapati BDC gagal mengemukakan skop kerja yang muktamad berserta dengan dokumen 'Pre Bid' dalam tempoh enam bulan dari tarikh Surat Tawaran Projek seperti yang ditetapkan. Ini adalah disebabkan BDC tidak berpuas hati terhadap skop kerja yang ditetapkan. Pihak BDC mencadangkan Hotel Seri Malaysia di Lawas dibina sebanyak tujuh tingkat dan mempunyai 160 bilik (termasuk dua bilik VVIP), kolam renang serta tembok penghadang (*retaining wall*) dengan anggaran kosnya berjumlah RM42.53 juta iaitu tambahan sejumlah RM7.53 juta atau 21.5% dari anggaran kos asal projek. Cadangan BDC ini dibuat selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri. Model Hotel Seri Malaysia yang dicadangkan adalah seperti di **Foto 11.3**.

Foto 11.3
**Model Hotel Seri Malaysia Yang Akan
Dibina Di Daerah Lawas**



Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Akibat kegagalan BDC mengemukakan skop kerja yang muktamad berserta dokumen 'Pre Bid' kepada JKR Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan, BDC telah kehilangan kontrak bernilai RM35 juta kerana kontrak Pembinaan Hotel Seri Malaysia ini telah dibatalkan pada 18 September 2008 oleh JKR Malaysia. Selain itu, Syarikat juga telah mengalami kerugian berjumlah RM1.17 juta terhadap pelbagai perbelanjaan yang telah dibuat semasa upacara peletakan batu asas seperti bayaran perunding, pemasangan papan tanda, tuntutan pengangkutan dan perjalanan serta bayaran runcit. Bagaimanapun pada akhir bulan September 2008, BDC telah mengemukakan surat rayuan kepada JKR Malaysia supaya

menarik balik surat pembatalan kontrak tersebut. Setakat tarikh pengauditan, BDC belum menerima sebarang maklum balas daripada pihak JKR Malaysia.

- ii) **Pelaksanaan Projek Pembinaan Secara *Project Management*** - BDC juga ada melaksanakan projek pembinaan secara *project management* di mana pulangan dalam bentuk wang tunai dan unit hartaanah diperolehi melalui *Development Agreement* yang dibuat dengan pemaju/kontraktor yang terlibat dengan pembangunan tanah hak milik BDC. Bagi tahun 2006 hingga 2008, BDC telah menandatangani *Development Agreement* untuk melaksanakan sebanyak tiga projek pembinaan secara *project management* dan memperolehi pulangan dalam bentuk wang tunai dan unit hartaanah seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Senarai Projek Yang Dilaksanakan Secara *Project Management*
Pada Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Nama Projek	Pemaju	Keluasan Tanah (Hektar)	Pulangan Kepada BDC Wang Tunai (RM Juta)	Hartaanah (Unit)
1.	Desa Sejjak Matang	Pancar Puri Sdn. Bhd.	40.47	1.87	37
2.	Stakan Perdana	Pembinaan Jaya Duta Sdn. Bhd.	16.01	0.50	9
3.	Matang Industrial Estate	Vila Mekar Sdn. Bhd.	25.00	8.43	25
Jumlah			81.48	10.80	71

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

b) **Pembiaya Pinjaman**

BDC boleh berfungsi sebagai Pembiaya Pinjaman (*Development Financial Institution - DFI*) memandangkan syarikat mempunyai lesen dari Bank Negara untuk memberikan pinjaman hartaanah, kereta dan komputer untuk kakitangan BDC manakala pinjaman perumahan untuk pembeli unit hartaanah yang dibangunkan oleh BDC. Kadar pinjaman yang dikenakan untuk perumahan adalah 1.25% di bawah Kadar Asas Bank. Pembayaran pinjaman akan dibuat secara ansuran melalui potongan gaji kakitangan BDC setiap bulan atau dibayar di kaunter bayaran oleh orang awam.

Adalah didapati BDC tidak begitu aktif dalam memberi pinjaman terutama kepada pembeli unit hartaanah disebabkan kekurangan sumber kewangan. Sehingga akhir Disember 2008, hanya seorang pembeli unit hartaanah sahaja yang dibiayai melibatkan pinjaman rumah berjumlah RM250,000. Manakala seramai 14 kakitangan telah membuat pinjaman perumahan berjumlah RM1.42 juta, empat kakitangan membuat pinjaman kenderaan berjumlah RM64,870 dan 10 kakitangan membuat pinjaman komputer berjumlah RM52,918. Akibatnya pendapatan syarikat berkurangan dan tidak dapat meningkatkan sumber pendapatan syarikat.

c) **Rizab Bank Tanah**

Pembangunan hartaanah merupakan aktiviti utama BDC dan dilaksanakan sendiri secara bina dan jual atau sebagai pengurus projek. Justeru, bagi melaksanakan aktiviti tersebut dengan lancar, ia memerlukan simpanan rizab bank tanah. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2008, BDC mempunyai rizab tanah seluas 267.72 hektar di seluruh Negeri Sarawak. Rizab tanah tersebut telah diperolehi daripada Kerajaan Negeri, Agensi dan individu serta sedia untuk dimajukan seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Senarai Rizab Tanah Sehingga Akhir Tahun 2008

Bil.	Projek	Lokasi	Sumber	Keluasan Tanah (Hektar)
1.	Dusun Bayu Phase 4 -10	Kuching	Kerajaan Negeri	12.41
2.	Projek Perumahan Lot 437 Jalan Bako	Kuching	Individu	0.81
3.	Stakan Jaya Industrial Phase 3 - 4	Samarahan	Individu	7.41
4.	Projek Perumahan - Lot 316 Stakan Melayu	Samarahan	Individu	1.19
5.	Lot 427 Kuala Baram Industri	Miri	Individu	17.24
6.	Bandar Baru Sg. Plan	Bintulu	Kerajaan Negeri	200.33
7.	Limbang Light Industries	Limbang	Kementerian Pembangunan Perindustrian	28.33
Jumlah				267.72

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pada tahun 2006 hingga 2008 prestasi aktiviti BDC adalah tidak memuaskan kerana tidak banyak projek atau aktiviti yang dilaksanakan bagi menjana pendapatan Syarikat.

11.5.6 Pengurusan Risiko

Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, pengurusan Syarikat perlu mengetahui keupayaan dan hala tuju syarikat yang diurus. Untuk itu, Syarikat perlu menyediakan polisi pengurusan risiko secara formal dan bertulis bagi mengenal pasti risiko yang dihadapi serta mengatur strategi untuk menanganinya atau meminimumkan kesannya terhadap pelaksanaan aktiviti Syarikat. Antara risiko perniagaan yang dikenal pasti ialah risiko perniagaan berkaitan pertukaran kadar faedah, persaingan perniagaan, pertukaran polisi Kerajaan, risiko operasi dan kekangan pasaran. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan polisi pengurusan risiko kerana pihak pengurusan kurang peka terhadap kepentingannya.

Pada pendapat Audit, ketiadaan polisi pengurusan risiko akan menyebabkan syarikat tidak dapat mengenal pasti dan menilai cabaran serta kaedah sewajarnya bagi mengurangkan risiko yang sedang dan akan dihadapi.

11.5.7 Prestasi Kewangan Syarikat

Analisis dijalankan terhadap Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Lembaran Imbangan BDC bagi menilai prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat. Syarikat perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan stabil bagi membolehkannya terus beroperasi dan mencapai matlamatnya dan seterusnya berupaya membayar dividen kepada pemegang saham serta melaksanakan tanggungjawab sosial dan menjaga kebajikan pekerjaanya.

a) Bajet Mengurus


Bajet adalah merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh sebuah agensi bagi menentukan dan mengenal pasti matlamat yang dicapai, terutama dalam pengagihan dan penggunaan peruntukan bagi melaksanakan program/projek yang dirancang.

Semakan Audit mendapati BDC ada menyediakan belanjawan tahunan dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Belanjawan tahunan dihantar oleh setiap bahagian dalam syarikat kepada Bahagian Kewangan Korporat. Belanjawan tahunan disediakan oleh akauntan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada setiap Ketua Bahagian. Selepas itu, belanjawan tahunan berkenaan dikemukakan untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Adalah didapati perbelanjaan mengurus sebenar BDC bagi tahun 2007 adalah berjumlah RM4.15 juta iaitu melebihi RM0.14 juta atau 3.5% berbanding dengan anggaran bajet yang diluluskan berjumlah RM4.01 juta. Selain itu, semakan semula berkaitan prestasi sebenar berbanding belanjawan ada dibuat setiap suku tahun oleh akauntan syarikat. Belanjawan disemak semula dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan *variance analysis* dan mengenal pasti tindakan yang sewajarnya untuk memantau perbelanjaan syarikat.

b) Kedudukan Pendapatan Dan Perbelanjaan

i) **Analisis Trend Kerugian Syarikat** - BDC telah menyediakan belanjawan tahunan dengan menetapkan anggaran keuntungan bagi tahun 2005 hingga 2007. Kesemua belanjawan tahunan telah dibentangkan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap Penyata Untung Rugi BDC mendapati operasi BDC telah mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM3.09 juta pada tahun 2005, RM2.03 juta pada tahun 2006 dan RM1.92 juta pada tahun 2007. Butiran kerugian sebenar berbanding anggaran adalah seperti di **Carta 11.1**.

Carta 11.1
Perbandingan Anggaran Dan Keuntungan/(Kerugian) Sebenar
Sebelum Cukai Dari Tahun 2005 Hingga 2007



Sumber: Rekod Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Analisis Audit mendapati kerugian berturutan bagi tempoh 3 tahun ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang melebihi pendapatan. Kedudukan pendapatan


dan perbelanjaan sebenar bagi tahun kewangan berakhir 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Pendapatan Dan Perbelanjaan Sebenar
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Butiran Penyata Untung Rugi	Tahun		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	17.06	22.61	5.84
Jumlah Perbelanjaan	20.15	24.64	7.76
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(3.09)	(2.03)	(1.92)

Sumber: Rekod Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

- ii) **Analisis Trend Pendapatan Syarikat** - Semakan Audit mendapati pendapatan BDC telah meningkat sejumlah RM5.55 juta atau 32.5% dari tahun 2005 berbanding tahun 2006. Bagaimanapun, jumlah pendapatan syarikat pada tahun 2007 telah menurun sejumlah RM16.77 juta atau 74.2% berbanding tahun 2006. Butirannya adalah seperti di **Carta 11.2**.



Sumber: Rekod Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Hasil langsung BDC adalah melalui jualan hartanah. Semakan Audit seterusnya mendapati hasil jualan hartanah pada tahun 2007 telah menurun sejumlah RM4.98 juta berbanding sejumlah RM21.88 juta pada tahun sebelumnya. Faktor utama menyebabkan penurunan ini adalah kerana hampir kesemua sembilan projek hartanah telah diiktiraf sebagai pendapatan. Adalah didapati pada tahun 2008, BDC hanya mempunyai satu projek sahaja yang sedang dilaksanakan, iaitu Projek Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4 yang boleh menyumbang kepada pendapatan. Selain itu, saingan dari pemaju perumahan lain dan keadaan pasaran yang tidak menentu juga merupakan faktor penurunan hasil jualan hartanah. Lain-lain hasil secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan dari tahun 2005 hingga 2007. Antara lain-lain hasil termasuklah sewa diterima, faedah diterima daripada kakitangan, faedah diterima daripada pendahuluan syarikat subsidiari, faedah daripada simpanan tetap serta dividen diterima daripada syarikat subsidiari dan bersekutu. Butiran mengenai jualan hartanah adalah seperti di **Jadual 11.7**.

Jadual 11.7
Pendapatan Dari Jualan Hartanah Setakat Bulan Disember 2007

Bil.	Projek	Jualan Hartanah (RM Juta)
1.	Bypass Phase IV	0.32
2.	SRB MIS Sarikei	(0.18)
3.	Sejingga Industrial Estate	0.03
4.	Telaga Air – Pelatihan	2.25
5.	Stakan Jaya Industrial, Phase 3 & 4, Kota Samarahan	1.52
6.	Jalan Bako Taman Lebunda	(0.002)
7.	Pesantren Abdul Taib Mahmud Sadong Jaya, Kota Samarahan	1.06
8.	Majlis Islam Kota Samarahan	(0.11)
9.	Sarikei Industrial Estate	0.09
Jumlah		4.98

Sumber: Rekod Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

iii) **Analisis Trend Perbelanjaan Syarikat** - Adalah didapati pada tahun 2006, perbelanjaan BDC (termasuk kos jualan harta) telah meningkat sejumlah RM4.49 juta atau 22.3% dari sejumlah RM20.15 juta pada tahun 2005 menjadi RM24.64 juta pada tahun 2006. Manakala pada tahun 2007 pula, jumlah perbelanjaan telah menurun sejumlah RM16.88 juta atau 68.5% berbanding tahun 2006. Trend perbelanjaan BDC bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11.8**.

Jadual 11.8
Trend Perbelanjaan BDC Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Butiran Perbelanjaan	Tahun		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Kos Jualan Hartanah	13.96	21.05	3.61
Emolumen	0.88	0.87	0.85
Belanja Pentadbiran & Perkhidmatan Profesional	0.99	0.93	0.98
Lain-Lain Belanja Operasi	4.04	1.29	2.06
Belanja Faedah	0.28	0.50	0.26
Jumlah	20.15	24.64	7.76

Sumber: Penyata Kewangan BDC

Pada tahun 2007, kos jualan harta telah menurun sejumlah RM17.44 juta atau 82.8% berbanding tahun 2006. Analisis Audit juga mendapati perbelanjaan emolumen telah menurun bagi tahun 2005 hingga 2007. Pengurangan pada tahun 2007 disebabkan tiada bayaran bonus diberikan kepada kakitangan BDC. Bagaimanapun, bayaran bonus satu bulan gaji ada dibayar kepada kakitangan BDC sejumlah RM0.07 juta dan RM0.08 juta bagi tahun 2005 dan 2006.

Selain itu, perbelanjaan pentadbiran dan perkhidmatan profesional dan lain-lain belanja operasi pula meningkat dari tahun 2006 ke 2007. Antara sebab peningkatan ialah pertambahan bayaran guaman dan profesional akibat daripada penyelesaian terhadap hutang syarikat dan pertambahan peruntukan hutang rugu dari RM1.17 juta pada tahun 2006 menjadi RM2 juta pada tahun 2007. Belanja faedah telah berkurang dari tahun 2006 ke 2007 sejumlah RM0.26 juta.

c) Nisbah Kecekapan Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai merupakan satu penyata yang memberikan maklumat mengenai bagaimana sesebuah syarikat menjanakan tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaan tunai tersebut. Daripada penyata ini dapat dilihat sekiranya pada tahun semasa berlaku pertambahan atau pengurangan tunai. Nisbah Kecekapan Aliran Tunai mengukur keupayaan syarikat memperoleh sumber kewangan hasil daripada perniagaan bagi membuat pembayaran hutang jangka pendek tanpa bergantung kepada sumber kewangan lain. Semakin tinggi nisbah tersebut, keupayaan syarikat untuk menjelaskan hutang adalah semakin baik.

Analisis Audit mendapati nisbah kecekapan aliran tunai BDC adalah positif pada tahun 2005 tetapi menjadi negatif pada tahun 2006. Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. mencatatkan nisbah kecekapan aliran tunai yang positif pada tahun 2007, namun kedudukan nisbah positif 0.03:1 tersebut adalah rendah dan jika keadaan ini berterusan, adalah dikhawatir BDC mungkin tidak berupaya membuat pembayaran hutang jangka pendek secara tunai daripada operasinya. Butiran nisbah kecekapan aliran tunai BDC bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11.9**.

Jadual 11.9
Nisbah Kecekapan Aliran Tunai
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2005 Hingga 2007

Tahun	Tunai Bersih Daripada Operasi/ (Kekurangan Tunai) (RM) (a)	Pembiutang Jangka Pendek (RM) (b)	Nisbah Kecekapan Aliran Tunai (a:b)
2005	8,569,945	40,855,417	0.21:1
2006	(675,368)	30,607,204	(0.02):1
2007	742,622	25,173,305	0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

d) Nisbah Semasa

Nisbah Semasa merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung tanggungan semasa. Kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan kepada nisbah semasa, BDC mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya di mana kadar nisbah semasanya bagi tahun 2005 hingga 2007 ialah antara 1.60:1 hingga 1.68:1. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.10**.

Jadual 11.10
Nisbah Semasa
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2005 Hingga 2007

Tahun	Aset Semasa (RM Juta) (a)	Tanggungan Semasa (RM Juta) (b)	Nisbah Semasa (a:b)
2005	65.27	40.85	1.60:1
2006	49.68	30.61	1.62:1
2007	42.23	25.17	1.68:1

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

e) Nisbah Keuntungan

Nisbah keuntungan menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjanakan keuntungan.

- i) **Margin Keuntungan** - Margin keuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil jualan yang dipungut. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Mengikut pengiraan Audit, bagi setiap ringgit jualan BDC pada tahun 2005, syarikat mengalami margin kerugian 19 sen dan 9 sen bagi tahun 2006 serta 38 sen bagi tahun 2007. Ini menunjukkan kecekapan syarikat dalam menjalankan perniagaan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah kurang memuaskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.11**.

Jadual 11.11
Kerugian Berbanding Jualan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2005 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Kerugian Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Jualan (RM Juta) (b)	Margin Kerugian Bagi Setiap RM1.00 Jualan (a/b)
2005	(3.09)	16.58	(0.19)
2006	(2.03)	21.88	(0.09)
2007	(1.92)	4.98	(0.38)

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

- ii) **Nisbah Pulangan Atas Aset** - Nisbah ini sering digunakan untuk mengukur pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan akan menunjukkan kecekapan syarikat berkenaan menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan yang terbaik. BDC mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun 2005 hingga 2007 berbanding dengan asetnya. Berdasarkan kepada kiraan nisbah berkenaan, bagi setiap ringgit aset yang digunakan, syarikat mengalami kerugian sejumlah 4 sen pada tahun 2005 dan 3 sen bagi tahun 2006 dan 2007. Nisbah pulangan atas aset bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11.12**.

Jadual 11.12
Kerugian Berbanding Aset Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Kerugian Selepas Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Aset (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Aset (a/b)
2005	(3.42)	77.23	(0.04)
2006	(2.16)	70.23	(0.03)
2007	(2.11)	60.95	(0.03)

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

- iii) **Nisbah Pulangan Atas Ekuiti** - Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengira peratus keuntungan bersih selepas cukai yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi peratusan yang diperolehi adalah lebih baik kepada pemegang saham kerana ia akan mempengaruhi

pelabur bagi melabur di syarikat berkenaan. Analisis menunjukkan syarikat tidak dapat memberi pulangan kepada pemegang saham memandangkan syarikat mengalami kerugian yang berterusan dari tahun 2005 hingga 2007. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.13**.

Jadual 11.13
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Kerugian Selepas Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Ekuiti (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti (a/b)
2005	(3.42)	35.62	(0.10)
2006	(2.16)	33.46	(0.06)
2007	(2.11)	31.35	(0.07)

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

f) Nisbah Kestabilan

Nisbah kestabilan digunakan bagi menilai kestabilan syarikat dan juga mengukur keberkesanan pengurusan modal pinjaman syarikat. Ia juga dikenali sebagai nisbah leveraj.

i) Nisbah Hutang - Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut pengiraan Audit, nisbah hutang BDC bagi tahun kewangan 2005 hingga 2007 adalah antara 0.54:1 hingga 0.48:1. Pengurangan nisbah ini menunjukkan jumlah hutang yang diambil oleh BDC berbanding asetnya semakin berkurangan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.14**.

Jadual 11.14
Jumlah Tanggungan Berbanding Jumlah Aset Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Tanggungan (RM Juta) (a)	Jumlah Aset (RM Juta) (b)	Nisbah Hutang (a/b)
2005	41.61	77.23	0.54:1
2006	36.77	70.23	0.52:1
2007	29.60	60.95	0.48:1

Sumber: Penyata Kewangan BDC

Semakan Audit juga mendapati jumlah hutang jangka panjang BDC adalah rendah iaitu sejumlah RM0.76 juta, RM6.17 juta dan RM4.42 juta bagi tahun 2005, 2006 dan 2007. Pengiraan peratus tanggungan menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang jangka panjang adalah memuaskan kerana jumlah aset BDC bagi tahun 2005 hingga 2007 dapat menampung jumlah liabiliti. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.15**.

Jadual 11.15
Hutang Jangka Panjang Berbanding
Jumlah Tanggungan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Hutang Jangka Panjang (RM Juta)	Jumlah Tanggungan (RM Juta)	Peratusan (%)
2005	0.76	41.61	1.8
2006	6.17	36.77	16.8
2007	4.42	29.60	14.9

Sumber: Penyata Kewangan BDC

Pada pendapat Audit prestasi kewangan Syarikat pada keseluruhannya adalah tidak memuaskan kerana syarikat mengalami kerugian bagi tahun 2005 hingga 2007.

11.5.8 Prestasi Kewangan Kumpulan BDC

Analisis telah dibuat terhadap prestasi kewangan Kumpulan BDC dari tahun 2005 sehingga 2007. Analisis terhadap penyata kewangan Kumpulan BDC mendapati prestasi kewangan Kumpulan BDC menjadi lebih baik selepas tahun 2005. Kumpulan BDC memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.51 juta dan RM4.42 juta pada tahun 2006 dan 2007. Bagaimanapun, analisis mendapati jumlah pendapatan diperolehi daripada jualan hartanah dan lain-lain pendapatan telah berkurangan bagi tahun 2005 hingga 2007. Kumpulan BDC berupaya memperbaiki kedudukan kewangan dengan mencatatkan pendapatan terkumpul sejumlah RM0.60 juta pada tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan BDC adalah memuaskan berdasarkan nisbah kewangan yang dicatatkan. Kumpulan BDC berupaya memperbaiki nisbah kewangan seperti nisbah kecekapan aliran tunai, nisbah semasa, nisbah pulangan atas aset, nisbah hutang dan *Earning Per Share* pada tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya. Butiran mengenai prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan BDC adalah seperti di Jadual 11.16.

Jadual 11.16
Prestasi Kewangan Kumpulan BDC
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun		
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Jumlah Pendapatan	30.61	30.29	18.07
2.	Jumlah Perbelanjaan	30.90	27.78	13.65
3.	Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(0.29)	2.51	4.42
4.	Cukai Dibayar	(0.84)	(1.15)	(1.11)
5.	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	(1.13)	1.36	3.31
6.	Kepentingan Minoriti	(0.48)	(0.47)	(0.58)
7.	Keuntungan/(Kerugian) Tahun Semasa	(1.61)	0.89	2.73
8.	Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul	(3.02)	(2.13)	0.60
9.	Nisbah Kecekapan Aliran Tunai	0.28:1	(0.03):1	0.04:1
10.	Nisbah Semasa	1.48:1	1.47:1	1.63:1
11.	Margin Keuntungan/(Kerugian)	(0.01)	0.10	0.33
12.	Nisbah Pulangan Atas Aset	(0.01)	0.02	0.04
13.	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	(0.03)	0.04	0.08
14.	Nisbah Hutang	0.57:1	0.53:1	0.45:1
15.	<i>Earning Per Share</i>	(0.05)	0.05	0.13

Sumber: Penyata Kewangan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Kumpulan BDC pada keseluruhannya adalah memuaskan berbanding dengan prestasi kewangan Syarikat berdasarkan nisbah kewangan yang dicatatkan bagi tahun 2005 hingga 2007.

11.5.9 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Setiap pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari bertujuan untuk mendapat pulangan yang baik dan dapat menambah sumber pendapatan syarikat. Semakan Audit mendapati BDC telah membuat pelaburan dalam tujuh syarikat subsidiari bernilai RM3.08 juta dan tiada perubahan dibuat terhadap pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi tahun 2005 hingga tahun 2007. Sebanyak empat daripada tujuh syarikat subsidiari BDC adalah tidak aktif tetapi masih dikekalkan bagi tujuan mendapatkan pengurangan cukai (*tax benefit*) di masa hadapan. Maklumat pelaburan dalam syarikat subsidiari dan keuntungan/kerugian terkumpul yang dicatatkan oleh syarikat subsidiari BDC adalah seperti di **Jadual 11.17**.

Jadual 11.17
Analisis Syarikat Subsidiari BDC Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Peratusan Pegangan (%)	Pelaburan (RM)	Jumlah Keuntungan/Kerugian Terkumpul		
					2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	BDC In-Situ Sdn. Bhd.	Pengurusan Projek dan Pembangunan Hartanah	60	1,200,000	(7.64)	(7.82)	(8.22)
2.	BDC Stallion Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah	60	780,000	3.49	3.86	4.96
3.	BDC Realty Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah	55	192,500	0.35	0.57	0.88
4.	BDC Properties Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	500,000	(0.55)	(0.72)	(0.72)
5.	Arrowork Development Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	51	204,000	(0.02)	(0.02)	(0.03)
6.	Harta Niaga BDC Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	200,000	(0.84)	(0.88)	(0.89)
7.	BDC Satria Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	4	(1.30)	(1.30)	(1.30)
Jumlah				3,076,504	6.51	6.31	5.32

Sumber: Rekod Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Semakan Audit mendapati BDC telah menyediakan laporan kewangan bagi semua syarikat subsidiari. Selain itu, BDC juga memantau pengurusan syarikat subsidiari melalui laporan kewangan yang dibentangkan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah.

Analisis Audit mendapati syarikat subsidiari telah berhutang sejumlah RM8.26 juta kepada BDC pada tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM6.12 juta atau 74.1% adalah daripada Syarikat BDC In-Situ Sdn. Bhd. dan baki RM2.14 juta atau 25.9% adalah daripada subsidiari BDC yang lain. Justeru, BDC telah memperuntukkan hutang rugu sejumlah RM2.0 juta terhadap Syarikat BDC In-Situ Sdn. Bhd. pada tahun 2007 kerana syarikat tersebut tidak berupaya membayar hutang. Butiran mengenai jumlah hutang oleh syarikat subsidiari adalah seperti di **Jadual 11.18**.

Jadual 11.18
Jumlah Hutang Oleh Subsidiari Sehingga Tahun 2007

Bil.	Syarikat Subsidiari	Jumlah Hutang (RM Juta)
1.	BDC In-Situ Sdn. Bhd.	6.12
2.	BDC Stallion Sdn. Bhd.	0.01
3.	BDC Realty Sdn. Bhd.	0.73
4.	BDC Properties Sdn. Bhd.	0.22
5.	Arrowork Development Sdn. Bhd.	0.47
6.	Harta Niaga BDC Sdn. Bhd.	0.69
7.	BDC Satria Sdn. Bhd.	0.02
Jumlah		8.26

Sumber: Penyata Kewangan BDC

Semakan Audit seterusnya mendapati Syarikat BDC In-Situ Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian ketika melaksanakan Pembinaan Projek Village Groove yang menelan belanja sejumlah RM49.78 juta berbanding jualan sejumlah RM46.07 juta pada tahun 1997 hingga 1998 di mana kerugian yang dialami adalah berjumlah RM3.71 juta. Projek Bangunan Village Groove tersebut adalah seperti di **Foto 11.4** dan **Foto 11.5**.

Foto 11.4

Foto 11.5

Projek Village Groove Yang Mengalami Kerugian



Sumber: Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Lokasi: Stampin, Bahagian Kuching

Tarikh: 1998

Daripada tujuh syarikat subsidiari, hanya satu syarikat subsidiari yang membayar dividen kepada BDC iaitu BDC Stallion Sdn. Bhd. berjumlah RM234,000 pada tahun 2006. Tiada dividen dibayar oleh syarikat subsidiari ini pada tahun 2007 tetapi BDC telah diperuntukkan empat unit rumah bagi projek Phase II Woodland. Keempat-empat rumah tersebut telah dijual dengan harga RM1.24 juta. Bagi syarikat BDC Realty Sdn. Bhd. pula, adalah didapati syarikat ini tidak membayar dividen kepada BDC bagi tahun 2005 hingga 2007 walaupun syarikat ini memperolehi keuntungan.

Pada pendapat Audit, pelaburan BDC dalam syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan kerana prestasi pulangannya adalah kecil berdasarkan bayaran yang diterima oleh syarikat induk.

11.5.10 Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Dividen perlu dibayar kepada kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan;
- b) Bayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham adalah dijadikan sebagai matlamat. Sekiranya keuntungan lebih (*excess profit*) diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan ke tahap yang tinggi tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat berkenaan; dan
- c) Semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365 (1), Akta Syarikat 1965. Di mana ia tidak bercanggah dengan seksyen tersebut atau seksyen lain, keuntungan itu adalah termasuk keuntungan luar biasa.

Semakan Audit mendapati tidak ada dividen diisyiharkan dan dibayar oleh BDC kepada pemegang saham bagi tahun kewangan 1992 hingga 2007 walaupun syarikat mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tahun 1992 hingga 1998. Ini adalah disebabkan BDC tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar dividen kepada Kerajaan Negeri. Akibatnya Kerajaan Negeri tidak mendapat pulangan yang sepatutnya diterima dari wang pelaburannya.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaburan Kerajaan Negeri dalam BDC adalah tidak memuaskan kerana BDC tidak pernah membayar dividen sejak penubuhannya pada tahun 1992.

11.5.11 Bayaran Bonus Kepada Kakitangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus oleh syarikat Kerajaan. Pekeliling ini telah menetapkan bahawa syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Semakan Audit mendapati pembayaran bonus bagi tahun 2005 dan 2006 telah dibuat walaupun BDC telah mengalami kerugian bagi tempoh berkenaan. Bayaran bonus 1 bulan gaji dibayar kepada kakitangan BDC berjumlah RM0.07 juta pada tahun 2005 dan sejumlah RM0.08 juta pada tahun 2006. Manakala bagi tahun 2007, tiada bayaran bonus dibuat. Bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari ada diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Pembayaran bonus sewaktu BDC mengalami kerugian menyebabkan dana BDC pada tahun tersebut semakin berkurangan.

Pada pendapat Audit, BDC tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam membayar bonus kepada kakitangannya.

11.5.12 Pemantauan

Mekanisme pemantauan perlu diwujudkan untuk menentukan pengurusan operasi dan aktiviti syarikat Kerajaan dijalankan dengan lancar dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pemantauan tersebut melibatkan di peringkat Pengurusan/Eksekutif, Lembaga Pengarah dan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Diperbadankan.

Semakan Audit mendapati pemantauan ada dilakukan di peringkat Pengurusan Syarikat dan Lembaga Pengarah. Mesyuarat di peringkat Pengurusan Syarikat dan Lembaga Pengarah telah diadakan dan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan bagi mendapatkan perkembangan projek dan aktiviti serta masalah yang dihadapi syarikat. Semenjak tahun 1992 sehingga tempoh pengauditan, sebanyak 43 mesyuarat telah diadakan di peringkat Pengurusan Syarikat dan Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah terhadap BDC adalah memuaskan.

11.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan BDC adalah kurang memuaskan. Syarikat telah mengalami kerugian dan tidak berupaya membayar dividen kepada pihak Kerajaan Negeri selaku pemegang saham keseluruhan dan pemilik syarikat. Beberapa aspek dalam urus tadbir syarikat, prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti perlu ditambah baik supaya syarikat lebih berdaya saing, cekap dan berupaya mencapai keuntungan. Justeru, bagi menambah baik pengurusan syarikat, adalah disyorkan:

- a) Syarikat perlu membuat semakan dan ulang kaji berterusan terhadap rancangan strategik yang disediakan supaya strategi perniagaan yang dirancang dapat dilaksanakan. Perancangan strategik yang berkesan dan menyeluruh seperti mempunyai pelan pemasaran yang baik dan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) adalah penting bagi menentukan hala tuju syarikat.
- b) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu aktif bagi memastikan kawalan dalam syarikat berfungsi dengan baik dan seterusnya mewujudkan satu mekanisme *check and balance* terhadap pengurusan syarikat. Selain itu, ia juga dapat membantu syarikat dalam mengawasi dan memastikan sumber kewangan syarikat diuruskan dengan cekap dan efektif dan seterusnya memudahkan syarikat mencapai objektifnya.
- c) Syarikat hendaklah mematuhi peraturan kewangan semasa berkaitan pembayaran bonus tahunan kakitangan dan dividen kepada pemegang saham.
- d) Syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Policies And Procedures* yang didokumenkan dengan lengkap dan teratur bagi menjalankan aktivitinya dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah secepat mungkin bagi memastikan urus tadbir korporat yang baik dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.

- e) Syarikat perlu menyediakan polisi pengurusan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti.
- f) Syarikat hendaklah mempergiatkan lagi aktivitinya bagi menjana lebih banyak pendapatan terutama dalam bidang pembangunan harta tanah supaya ia punya terus dapat bersaing dan seterusnya mencatatkan keuntungan serta memberi pulangan dividen kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham utama.
- g) Syarikat perlu mengkaji semula pelaburannya dalam syarikat subsidiari terutama syarikat subsidiari yang mengalami kerugian, tidak aktif dan tidak mampu membayar hutang supaya pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut mendapat pulangan yang baik.
- h) Syarikat perlu menyediakan *Succession Plan* bagi menggantikan kakitangan yang telah dan akan bersara bagi memastikan kesinambungan syarikat dan aktiviti syarikat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.
- i) Syarikat hendaklah merancang dan mengurus sumber kewangan dan asetnya dengan baik supaya syarikat mampu untuk terus beroperasi dan berkembang pada masa hadapan serta mampu memberi pulangan kepada pemegang saham.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III PERKARA AM

12. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bahagian ini mengandungi perkara berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007.
- b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

13. KEDUDUKAN MASA KINI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007 AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
1.	JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER			
	6.2.8	<p>Pelanggaran Syarat Hak Milik Tanah</p> <p>Pelanggaran Syarat Surat Hak Milik Tanah Di Bahagian Miri Dan Limbang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di Miri, terdapat 11 kes pelanggaran syarat surat hak milik tanah iaitu lima kes dirujuk kepada Pengarah Tanah Dan Survei dan enam kes dirujuk kepada Pengguna Tanah Dan Survei Bahagian Miri untuk nasihat dan arahan lanjut. • Di Limbang terdapat satu kes pelanggaran syarat hak milik tanah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) perluasan kepada stesen minyak yang sedia secara tidak sah. ii) membuka supermarket di stesen minyak yang sedia ada. iii) membina bangunan dua tingkat secara tidak sah serta menjalankan aktiviti perniagaan. 	<p>Susulan terakhir JTS adalah pada 21.2.2003. Sejak itu tiada tindakan susulan oleh JTS</p> <p>Status tidak berubah dan tidak ada keputusan diterima daripada SPA</p>	

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
		<p>Pemilik telah didenda sejumlah RM10,000 pada 10.4.2003 tetapi bangunan yang telah didirikan tidak dirobohkan.</p> <p>Denda Pelanggaran Syarat Tanah Sejumlah RM643,500 Belum Dijelaskan</p> <p>Laporan denda tertunggak sejumlah RM643,500 kepada Pengarah Tanah Dan Survei pada 17.4.2007 belum dijelaskan.</p>		
2.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN URBANISASI SARAWAK PENGURUSAN DEWAN SUARAH SARAWAK			
	12.2.5 (b)i	<p>Kaedah Perolehan:</p> <p>Perolehan Bekalan Dan Kerja Penyelenggaraan Dipecah Kecilkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Perolehan peralatan dan kelengkapan Dewan Suarah Kuching pada tahun 2005 bernilai RM115,581 telah dipecah kecil, manakala Dewan Suarah Sarikei tidak mempelawa sebut harga bagi perolehan bernilai RM22,105 pada tahun 2005. Daripada jumlah perolehan tersebut, sejumlah RM4,921 telah dicaj di bawah Kod Akaun 10 - Peralatan dan Kelengkapan manakala RM17,184 diperolehi di bawah peruntukan Penyenggaraan Khas dan dibayar melalui tiga baucar bayaran atas nama dua pembekal berlainan. Bagi tahun 2005 dan 2006, kerja penyenggaraan di Dewan Suarah Kuching dan Sarikei telah dipecah kecilkan. 	Kementerian akan merujuk kepada JKR bagi perolehan bekalan dan kerja pada masa akan datang.	Semua sebut harga dan tender dilaksanakan oleh JKR mulai tahun 2008
	12.2.7 (a)	<p>Prestasi Kewangan:</p> <p>Hasil</p> <p>Tunggakan Hasil Yang Tinggi Tidak Dikutip</p> <p>Tunggakan hasil sehingga bulan Disember 2007 ialah RM383,022. Dewan Suarah Kuching mempunyai jumlah tunggakan yang tertinggi iaitu RM348,888 termasuk RM253,183 tunggakan sewa restoran daripada Restoran City Tower dari tahun 2001 hingga Mac 2006.</p>	Sejumlah RM53,904 tunggakan telah dipungut pada 8.12.2005	Pada 8.12.2005 KPSU telah mengumukakan maklumat yang diperlukan untuk tindakan Peguam Negeri. Sehingga kini belum ada tindakan diambil oleh Peguam Negeri

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
3.	JABATAN KERJA RAYA PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN DARI MULUKUN KE NANGA GAAT FASA I, BAHAGIAN KAPIT			
	18.2.8(a) (ii)	Lapisan Sub-base <ul style="list-style-type: none"> Batu sungai telah digunakan sebagai sub-base bagi menggantikan batu kuari setelah lulus ujian makmal dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya Sarawak. Bagaimanapun, kelulusan hanya diberi setakat 30% sahaja daripada keseluruhan kuantiti sub-base jalan. 	Berdasarkan Arahan Perubahan Kerja No. 19 (Pengurangan) didapati keseluruhan (100%) lapisan sub-base telah menggunakan batu sungai.	JKR telah meluluskan sub-base digantikan dengan batu sungai melalui Arahan Perubahan Kerja Bil.19 bertarikh 3.10.2007
	18.2.12	Pengalihan Jajaran Jalan <ul style="list-style-type: none"> Pada Disember 2006, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di jalan yang dibina pada tahun 2005 iaitu di kilometer 0+550 dan 0+875. Tanah runtuh berlaku disebabkan hujan lebat luar biasa beberapa hari sebelum kejadian tersebut. Kejadian tanah runtuh tersebut menyebabkan jajaran asal terpaksa diubah yang melibatkan tambahan kos berjumlah RM885,797. 	Setelah kejadian tanah runtuh, pihak Cawangan Keselamatan Cerun, JKR Malaysia telah menjalankan penyiasatan untuk mencari punca berlakunya tanah runtuh. Kejadian tanah runtuh masih berlaku lagi dalam tahun 2009.	Laporan siasatan masih belum dikemukakan
	18.2.14(b)	Pengurusan Alam Sekitar <ul style="list-style-type: none"> Mengikut Pelan Pengurusan Alam Sekitar, pembuangan lebihan tanah di tapak pembinaan hendaklah dilakukan di kawasan tanah yang tinggi dan dibuang sekurang-kurangnya 20 meter dari sungai. Selain itu, dalam spesifikasi juga ada dinyatakan supaya kontraktor mencari tempat yang sesuai bagi membuang lebihan tanah dari tapak binaan. Lawatan Audit ke tapak projek pada awal bulan September 2007 mendapati sebahagian pembuangan lebihan tanah tidak dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan dan lebihan tanah dibuang di tempat yang tidak sesuai seperti di tepi sungai. 	<p>Pembuangan tanah di kawasan berdekatan dengan sungai adalah atas permintaan penduduk tempatan bagi menimbus dan meratakan tapak untuk pembinaan rumah kediaman.</p> <p>Pihak kontraktor telah mendapat persetujuan daripada konsultan dan tuan tanah untuk membuang lebihan tanah di kawasan tersebut.</p>	JKR perlu mengambil perhatian yang serius dan tindakan supaya Pelan Pengurusan Alam Sekitar dipatuhi pada masa depan.
4.	JABATAN PERTANIAN SARAWAK PROGRAM PEMBANGUNAN PERIKANAN DARAT DAN AKUAKULTUR			
	24.2.3	Kajian Kemungkinan Kajian Kemungkinan untuk Zon Industri Akuakultur di sungai Selumit masih belum dijalankan walaupun kawasan Zon Industri Akuakultur tersebut telah diluluskan untuk	Kementerian Kewangan Persekutuan telah meluluskan syarikat Chemisain Consultant Sdn. Bhd. untuk	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
		diwartakan. Dua kawasan baru untuk iaitu kawasan seluas 2,500 hektar di Belawai dan 1,140 hektar di Mesidap, Bahagian Mukah. Kajian kemungkinan untuk kawasan ini termasuk juga kawasan di Sungai Selumit akan dijalankan pada tahun 2008	menjalankan kajian kemungkinan manakala syarikat PS Consultant Sdn. Bhd. diluluskan untuk menjalankan <i>Master Plan Study</i> . Survei sempadan dan topografi di kawasan Rambungan telah siap dibuat pada bulan September 2008 dan Sungai Selumit telah siap dibuat pada bulan Mac 2008 manakala kajian kemungkinan sedang dalam proses di mana laporan interim telah dikemukakan pada bulan Mac 2009 kepada Pengarah Pertanian. Bagaimanapun, pada akhir 2008, kawasan Sungai Selumit di Tanjong Manis telah diserahkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Perkayuan Sarawak untuk dimasukkan dalam Program Pembangunan Tanjong Manis Halal Park.	
	24.2.4(b)ii	Pembangunan Zon Industri Akuakultur Baki peruntukan sejumlah RM441,730 belum dibelanjakan kerana kerja survei dan kajian EIA belum dimulakan.	Setakat ini sejumlah RM2,911,086 atau 97% telah dibelanjakan untuk tahun 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	24.2.4(b)ii	Penyenggaraan Stesen Penyenggaraan yang tidak dijalankan menyebabkan kolam dipenuhi semak dan kerosakan pada kolam tidak dapat dibaiki. Ini menyebabkan stesen perikanan tidak mempunyai kolam yang mencukupi bagi tujuan pembiakan dan pemeliharaan ikan.	Keadaan stesen sekarang sudah bertambah baik di mana peruntukan diterima untuk kontrak menebas rumput. Kolam dibaik pulih dengan adanya peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	24.2.4 (e)i	Perundangan, Penguatkuasaan dan Pemulihan Pelesenan terhadap kolam ikan dibawah Seksyen 28 Ordinan Perikanan Negeri 2003 masih dalam peringkat pemprosesan borang permohonan.	Setakat ini 32% kolam sudah dilesenkan dan Jabatan mensasarkan pencapaian sebanyak 60% pada akhir bulan Jun 2009.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
	24.2.7	<p>Guna Tenaga dan Latihan</p> <p>Bahagian Perikanan Darat menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Seramai 13 kakitangan merupakan pekerja kontrak yang dilantik di bawah Pekeliling Perjawatan Bil. 24 Tahun 1994 dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang akan ditamatkan kontrak pada akhir tahun 2008. Ini menyebabkan Bahagian Perikanan Darat menghadapi masalah kekurangan kakitangan terutamanya untuk kerja penyenggaraan stesen perikanan dan pelaksanaan aktiviti program perikanan.</p>	Semua pekerja kontrak di bawah Pekeliling Perjawatan Bil. 24 Tahun 1994 sudah ditawarkan jawatan tetap.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
5.	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH SARAWAK PROGRAM AKUAKULTUR AIR PAYAU			
	30.2.7	<p>Guna Tenaga dan Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> Lembaga tidak mempunyai pegawai berjawatan tetap bagi menjalankan pengurusan dan pentadbiran Program Akuakultur Air Payau. Urusan operasi aktiviti/projek dijalankan oleh seorang Pengurus Projek yang dilantik secara kontrak. Di pihak PELITA, pegawai yang mengurus projek kerap bertukar, tidak berpengalaman dan menjelaskan kelancaran proses kerja. 	Pihak MMKN telah meluluskan beberapa jawatan untuk Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) seperti Pengurus Projek Kanan Gred 48, Pengurus Projek Gred 41, Project Supervisor Gred 22. Di pihak PELITA, perancangan projek diurus oleh Unit Perancangan Agro dan dibantu oleh Bahagian Perniagaan Tani. Projek dirancang secara kumpulan dan sebarang pertukaran pegawai akan diganti oleh pegawai yang lain yang sama terlibat dan mempunyai pengetahuan terhadap projek tersebut.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	30.2.8	<p>Penyelidikan dan Pembangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyelidikan dan Pembangunan khusus bagi setiap komponen program tidak dijalankan secara menyeluruh. Lembaga dan PELITA hanya menggunakan teknikal yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Sarawak. 	Pihak LKTS dan PELITA tidak mempunyai kakitangan teknikal untuk menjalankan penyelidikan tersebut, adalah dicadangkan <i>Technical Working Group (TWG)</i> memainkan peranan untuk menjalankan penyelidikan tersebut dan juga memainkan peranan lebih aktif dalam perkara tersebut ataupun LKTS melantik agensi yang mempunyai pegawai teknikal untuk melaksanakan projek	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
			tersebut pada masa akan datang supaya penyelidikan dan pembangunan khusus bagi setiap komponen projek dapat dilaksanakan. TWG akan mengadakan lawatan tapak dan mesyuarat secara berkala bagi memastikan projek ini memenuhi piawaian dan standard yang ditetapkan.	
	30.3	<p>Pemantauan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak pengurusan kurang tegas terhadap keberkesanan mekanisme pemantauan. • Laporan yang disediakan kurang lengkap dan kurang jelas dan tidak menunjukkan kemajuan sebenar termasuk pemerhatian, masalah dan cadangan yang diperlukan. • Tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan juga tidak diambil perhatian. 	PELITA telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemantauan projek yang dilaksanakan. Contohnya, PELITA telah memantau dan mengeluarkan surat amaran kepada para peserta yang tidak mematuhi syarat penyertaan projek. Salah seorang peserta telah ditamatkan penyertaan kerana gagal mematuhi syarat penyertaan. PELITA juga mengemukakan laporan kewangan dan fizikal projek setiap bulan kepada LKTS untuk dilaporkan kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Format laporan akan dipertingkatkan supaya laporan berkenaan adalah lebih menyeluruh. LKTS dan PELITA akan mempertingkatkan usaha pemantauan melalui pertambahan jumlah pegawai di LKTS sebagai agen pemantauan dan untuk mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih teratur dan berkesan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
6. MAJLIS PERBANDARAN SIBU PROGRAM PENGINDAHAN DAN LANSKAP BANDAR SIBU				
	30.2.4(a)	<p>Pencapaian Sasaran Program: Pembangunan Lanskap</p> <p>Pencapaian sasaran penanaman pokok adalah tidak memuaskan kerana pada tahun 2006, Majlis hanya menanam sebanyak 656</p>	Pada tahun 2008 setakat akhir bulan April, Majlis telah menanam sebanyak 515 pokok utama atau	Penanaman pokok utama perlu dipertingkatkan

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
		pokok utama atau 22.8% berbanding 2,880 yang disasarkan dan sebanyak 765 pokok bunga raya atau 21.3% berbanding 3,600 yang disasarkan. Manakala pada tahun 2007, Majlis hanya menanam sebanyak 590 pokok utama atau 20.5% berbanding 2,880 yang disasarkan dan 650 pokok bunga raya atau 18.1% berbanding 3,600 yang disasarkan untuk ditanam di bawah Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara.	10.3% berbanding 5,000 yang disasarkan. Manakala bagi pokok bunga raya, sebanyak 2,200 atau 61.1% berbanding 3,600 yang disasarkan telah ditanam.	lagi sasaran dapat dicapai pada akhir tahun 2009.
	30.2.6(d) (i)	<p>Kaedah Pelaksanaan: Kerja Pembangunan dan Penyelenggaraan Lanskap Di Hoover Memorial Park Sungai Merah</p> <p>Kerja penyenggaraan landskap di Hoover Memorial Park, Sungai Merah adalah tidak memuaskan kerana lima daripada enam pokok <i>pine</i> telah menunjukkan tanda kekeringan dan kurang subur dan satu pokok <i>pine</i> telah mati selepas 4 bulan ditanam. Manakala 16 daripada 27 pokok <i>Majestic Palm</i> yang ditanam telah hilang dan 5 pokok telah rosak.</p>	<p>Lawatan ke tapak pada 14 Ogos 2008 mendapat kesemua 5 pokok <i>pine</i> yang menunjukkan tanda kekeringan telah digantikan dengan pokok <i>pine</i> yang subur tetapi yang mati belum diganti. Bagi <i>Majestic Palm</i> pula, kesemua pokok tersebut telah diganti dengan pokok yang baru.</p> <p>Lawatan susulan Audit pada 15 Mei 2009 mendapat pokok <i>pine</i> yang mati juga telah diganti.</p>	Tindakan susulan tidak diperlukan lagi.
	30.2.6(d) (v)	<p>Kerja Penyenggaraan Di Kawasan Central Business District</p> <p>Kerja penyenggaraan di Kawasan <i>Central Business District</i> adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti daun pokok palma yang layu atau kering di Jalan Awang Ramli Amit dan Jalan Tuanku Osman tidak dibuang, pokok renek di Taman Harmoni, Rejang Esplanade dan Jalan Tuanku Osman kurang subur serta sebahagian kecil pokok renek di tepi kawasan tempat letak kereta dan di bahagian tepi tangga ke Menara Dataran Bandar Sibu kurang subur dan ada yang mati.</p>	<p>Semasa lawatan ke tapak pada 15 Mei 2009 mendapat kesemua kelemahan yang tersebut telah diambil tindakan oleh pihak Majlis dengan sewajarnya kecuali sebahagian pokok renek yang mati di bahagian tepi tangga ke Menara Dataran Bandar Sibu masih belum diganti.</p>	Tindakan susulan masih diperlukan.
	30.2.11(a)	<p>Penyelenggaraan Rekod:</p> <p>Daftar Kontrak</p> <p>Daftar Kontrak yang diselenggara oleh Majlis adalah tidak lengkap kerana maklumat seperti Arahan</p>	Daftar Kontrak yang diselenggarakan oleh Majlis masih tidak lengkap	Tindakan susulan belum diambil.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
		Perubahan Kerja serta nilai yang diluluskan, bayaran yang dilulus serta bayaran kemas kini tidak direkod dalam daftar tersebut.	seperti yang telah dibangkitkan.	
	30.2.11(b)	Daftar Untuk Merekod Penerimaan dan Pengeluaran Pokok, Benih dan Penutup Bumi Majlis tidak ada menyelenggara daftar untuk merekod segala penerimaan dan pengeluaran semua jenis pokok, benih dan penutup bumi untuk tujuan kawalan.	Daftar diselenggarakan tetapi ruangan tandatangan penerima berkenaan ditandatangani tidak oleh penerima.	Tindakan susulan belum diambil.
	30.2.11(c)	Daftar Untuk Merekod Penerimaan dan Pengeluaran Bahan dan Peralatan Majlis tidak menyelenggara daftar untuk merekod penerimaan dan pengeluaran bahan dan peralatan di tapak semaihan.	Daftar diselenggarakan tetapi ruangan tandatangan penerima berkenaan ditandatangani tidak oleh penerima.	Tindakan susulan belum diambil.
	30.3.1	Bahagian Lanskap Majlis tidak menyediakan jadual pemantauan berkala terhadap kerja penyenggaraan lanskap yang dikontrakkan kepada pihak swasta.	Jadual pemantauan berkala terhadap kerja penyenggaraan lanskap belum disediakan.	Tindakan susulan belum diambil.
7. MAJLIS BANDARAYA MIRI PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN MAJLIS				
	42.2.3 (c)	Penyenggaraan Kecemasan Tidak ada norma kerja masa terhadap tindakan yang patut diambil.	Tindakan terhadap penyenggaraan kecemasan telah diambil tetapi norma kerja masa tidak dapat ditentukan kerana perlu mengambil kira jenis kecemasan dan peruntukan yang sedia ada.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	45.2. 6	Keperluan Jentera dan Peralatan Enam buah Jentera yang diluluskan untuk pelupusan oleh Lembaga Pelupusan pada tahun 2007 belum dilupuskan setakat Mei tahun 2008.	Tiga dari enam Jentera telah dilupuskan pada akhir tahun 2008 manakala baki tiga lagi telah di tender semula kerana belum ada pembeli.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	45.2.8	Prestasi Perbelanjaan Daftar bil tidak diselenggarakan.	Daftar bil diselenggarakan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 15 Mei 2009	Ulasan Audit
8.	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU PANTAI TRISO/MELULU/PUSA			
	51.1.6(d)	<p>Prestasi Projek</p> <p>Pembinaan Jambatan Sungai Palasan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kemajuan fizikal projek ini ialah 47.1% setakat Mei 2007</p>	<p>Notice Of Determination telah dikeluarkan oleh JKR Sarawak kepada M/S Techrich Sdn. Bhd. nombor rujukan PWD/HO/B072/2005 bertarikh 23.7.2008. Pihak kontraktor M/S Techrich Sdn. Bhd. telah mengemukakan notice of arbitration kepada JKR Sarawak bertarikh 28 Julai 2008. JKR Sarawak telah menulis kepada Jabatan Peguam Negara Malaysia, Putrajaya untuk mendapat nasihat perundangan. Bagaimana pun jawapan belum diperolehi sehingga kini. Pihak JKR Sarawak telah menender semula baki kerja (22.56%) jambatan tersebut dan dalam proses mengeluarkan Surat Setuju Terima Tender kepada penender yang berjaya.</p>	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

14. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian Dan Jabatan Negeri Sarawak bagi tahun 2007 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 3 November 2008.

15. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

15.1 Sehingga bulan Disember 2008, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat satu kali sahaja untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam serta Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak tahun 2006. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti di **Jadual 15.1**.

Jadual 15.1
Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
Ogos 2008	5.2.5 Kaedah Pelaksanaan Skim Bantuan Kewangan	
	5.2.6 Penyelenggaraan Daftar Bantuan Orang Tua	
	5.2.7 Kaedah Kemasukan ke Rumah Seri Kenangan	
	5.2.8 Kemudahan dan Perkhidmatan di Rumah Seri Kenangan	
	30.2.3 Penubuhan Majlis Sukan Negeri Sarawak	Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi
	30.2.4 Pelan 10 Tahun Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi	
	30.2.5 Sasaran Pembangunan Sukan	
	30.2.6 Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Sukan	
	30.2.7 Insentif Sukan	
	30.2.8 Kemudahan Sukan	
	30.2.10 Pengurusan Kewangan Majlis	
	15.2.5 Kaedah Pelaksanaan	Jabatan Pertanian Sarawak
	20.2.4 Prestasi Pencapaian Sasaran Projek	
	20.2.5 Komponen Projek Infrastruktur Saliran	Jabatan Pengairan dan Saliran
	20.2.6 Kaedah Pelaksanaan Projek	
	20.2.7 Penyenggaraan Infrastruktur Saliran	
	25.2.4 Sasaran Pengurusan Waf	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan/Jabatan Kerja Raya/Lembaga Sungai-Sungai
	25.2.5 Pelaksanaan Komponen Pengurusan Waf	
	25.2.6 Penyelenggaraan Rekod dan Fail	
	25.2.7 Pelaksanaan Aktiviti Pengurusan Waf	
	40.2.3 Proses Kerja Penetapan dan Pengenaan Cukai	
	40.2.4 Taksiran	Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam/Majlis Daerah Dalat dan Mukah
	40.2.5 Rekod Mengenai Harta Pegangan Bercukai	
	Taksiran	
	Pelaksanaan Penilaian Semula Perkadaran	

Sumber: Fail Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak

15.2 Sehingga bulan Jun 2009, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam belum bermesyuarat lagi. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa Akaun Awam Negeri diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

15.3 Untuk melengkapkan kitaran akauntabiliti, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara perlu disediakan dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Sehingga bulan Jun 2009, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004 hingga 2007 masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Kementerian/Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah antaranya kurang latihan diberi kepada pegawai terlibat dan tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperolehi keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

24 Julai 2009